www.bankislam.com.my

**Bank Islam Malaysia Berhad** (98127-x)
Level 32, Menara Bank Islam
No. 22, Jalan Perak
50450 Kuala Lumpur

Tel: +603 2088 8000
Fax: +603 2088 8033

**Bank Islam Malaysia Berhad** (98127-x)

LAPORAN TAHUNAN **2013** ANNUAL REPORT



## COVER RATIONALE

Our leadership is a 30-year history, directed by an assurance of sound financial knowledge and expertise for the financial landscape and beyond. Over the years, our experience and resilience have helped us develop and grow from strength to strength.

In our pursuit to be a 'Global Leader in Islamic Banking', we have deployed strategic priorities that will put us on a trajectory of growth. This redefines our focus towards driving innovation in order to deliver excellence.

The cover depicts our journey in reaching new heights and unlocking our potential. By taking strategic steps, we have successfully opened up new doors that have led us to capitalise on bigger and brighter prospects, as well as opportunities that we want to optimise in the marketplace as we pursue new avenues of growth and expansion.

## RASIONAL KULIT MUKA

Kepimpinan kami adalah sejarah selama 30 tahun yang dipandu oleh jaminan pengetahuan kewangan yang mantap serta kepakaran yang melangkaui landskap kewangan. Pengalaman dan daya tahan kami, yang telah dipupuk sejak sekian lama, telah membantu kami untuk berkembang dan menjadi semakin kukuh.

Dalam usaha menjadi 'Pemimpin Global dalam Perbankan Islam', kami telah mengatur keutamaan strategik yang akan meletakkan kami pada trajektori pertumbuhan. Hal ini menetapkan semula tumpuan kami kepada memacu inovasi untuk menyampaikan kecemerlangan perkhidmatan.

Kulit laporan tahunan ini menggambarkan perjalanan Bank Islam untuk mencapai kedudukan yang lebih tinggi dan merungkai potensinya. Dengan mengambil langkah strategik, kami berjaya membuka laluan baharu yang membolehkan kami memanfaatkan peluang yang lebih besar dan cerah, serta mengoptimumkan peluang dalam pasaran sambil kami meneroka saluran lain untuk pertumbuhan dan pengembangan.





# CONTENTS
## KANDUNGAN


### INTRODUCTION
PENGENALAN

4 VISION, MISSION STATEMENT & CORE BRAND VALUES
VISI, PERNYATAAN MISI & NILAI JENAMA TERAS

6 ABOUT US
MENGENAI KAMI

8 ACHIEVEMENTS
PENCAPAIAN

### CORPORATE HIGHLIGHTS
SOROTAN KORPORAT

12 2013 IN REVIEW
2013 DALAM TINJAUAN

14 FINANCIAL HIGHLIGHTS
SOROTAN KEWANGAN

16 FINANCING BY CONTRACT
PEMBIAYAAN MENGIKUT KONTRAK

17 FINANCING BY BUSINESS UNITS
PEMBIAYAAN MENGIKUT UNIT PERNIAGAAN

18 CHAIRMAN'S STATEMENT
PERNYATAAN PENGERUSI

28 MANAGING DIRECTOR'S OPERATIONAL REVIEW
ULASAN OPERASI PENGARAH URUSAN

50 ECONOMIC REVIEW
ULASAN EKONOMI

54 MILESTONE 2011 – 2013
PENCAPAIAN KAMI 2011 – 2013

60 MEDIA HIGHLIGHTS
SOROTAN MEDIA

64 AWARDS & ACCOLADES
ANUGERAH & PENGIKTIRAFAN

### CORPORATE FRAMEWORK
RANGKA KERJA KORPORAT

66 CORPORATE INFORMATION
MAKLUMAT KORPORAT

68 SHAREHOLDING STRUCTURE
STRUKTUR PEMEGANG SAHAM

69 SHAREHOLDER INFORMATION
MAKLUMAT PEMEGANG SAHAM

70 SUBSIDIARIES INFORMATION
MAKLUMAT SUBSIDIARI

72 ORGANISATION CHART
CARTA ORGANISASI

74 BOARD OF DIRECTORS
LEMBAGA PENGARAH

76 PROFILE OF BOARD OF DIRECTORS
PROFIL LEMBAGA PENGARAH

86 SHARIAH SUPERVISORY COUNCIL
MAJLIS PENGAWASAN SYARIAH

88 PROFILE OF SHARIAH SUPERVISORY COUNCIL
PROFIL MAJLIS PENGAWASAN SYARIAH

94 MANAGEMENT TEAM
BARISAN PENGURUSAN

98 PROFILE OF MANAGEMENT TEAM
PROFIL BARISAN PENGURUSAN

108 PROFILE OF REGIONAL MANAGERS
PROFIL KETUA PENGURUS WILAYAH

110 PROFILE OF CHIEF EXECUTIVE OFFICERS OF SUBSIDIARIES
PROFIL KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF SUBSIDIARI

### INITIATIVES
INISIATIF

112 CALENDAR OF SIGNIFICANT EVENTS
KALENDAR PERISTIWA PENTING

124 OPTIMISING CORPORATE RESPONSIBILITY INITIATIVES FOR A SUSTAINABLE FUTURE
MENGOPTIMUMKAN INISIATIF TANGGUNGJAWAB KORPORAT UNTUK MASA DEPAN YANG MAMPAN

134 COMMITTED TO SERVICE EXCELLENCE
KOMITED TERHADAP KECEMERLANGAN PERKHIDMATAN

140 NURTURING AND DEVELOPING TALENT
MEMUPUK DAN MENGEMBANGKAN BAKAT

146 A JOURNEY OF SHARIAH-LED INNOVATION
PERJALANAN SHARIAH BERTERASKAN INOVASI

### ACCOUNTABILITY
AKAUNTABILITI

154 STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE
PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

202 ETHICS, INTEGRITY & TRUST
ETIKA, INTEGRITI & AMANAH

### DIRECTORY
DIREKTORI



# VISION

**TO BE A GLOBAL LEADER IN ISLAMIC BANKING**

"GLOBAL LEADER" IS DEFINED AS BEING THE ULTIMATE GUIDANCE AND SOURCE OF REFERENCE FOR INNOVATIVE SHARIAH-BASED PRODUCTS AND SERVICES

# VISI

**MENJADI PEMIMPIN GLOBAL DALAM PERBANKAN ISLAM**

"PEMIMPIN GLOBAL" DITAKRIFKAN SEBAGAI PANDUAN DAN SUMBER RUJUKAN UTAMA BAGI PRODUK DAN PERKHIDMATAN YANG INOVATIF BERLANDASKAN PRINSIP SYARIAH

# MISSION STATEMENT
# PERNYATAAN MISI

TO CONTINUALLY DEVELOP AND INNOVATE UNIVERSALLY ACCEPTED FINANCIAL SOLUTIONS IN LINE WITH SHARIAH PRINCIPLES

BERILTIZAM UNTUK TERUS MEMBANGUN DAN MEMPERBAHARUI PENYELESAIAN KEWANGAN YANG DITERIMA SEJAGAT SEJAJAR DENGAN PRINSIP SYARIAH

TO PROVIDE A REASONABLE AND SUSTAINABLE RETURN TO SHAREHOLDERS

MENAWARKAN PULANGAN YANG MUNASABAH DAN MAMPAN KEPADA PARA PEMEGANG SAHAM

TO PROVIDE A CONDUCIVE WORKING ENVIRONMENT AND TO BECOME AN EMPLOYER OF CHOICE FOR TOP TALENTS IN THE MARKET

MENYEDIAKAN PERSEKITARAN KERJA YANG KONDUSIF DAN MENJADI MAJIKAN PILIHAN BAGI MEREKA YANG BERBAKAT BESAR

TO DELIVER COMPREHENSIVE FINANCIAL SOLUTIONS OF GLOBAL STANDARDS USING STATE-OF-THE-ART TECHNOLOGY

MENGHASILKAN PENYELESAIAN KEWANGAN YANG LENGKAP BERTARAF GLOBAL MELALUI PENGGUNAAN TEKNOLOGI CANGGIH TERKINI

TO BE A RESPONSIBLE AND PRUDENT CORPORATE CITIZEN

MENJADI WARGA KORPORAT YANG BERTANGGUNGJAWAB DAN BERHEMAT





# CORE BRAND VALUES





**A LEADER**
OUR ISLAMIC PRODUCTS ARE THE BENCHMARK. REPUTED AS THE PIONEER IN ISLAMIC BANKING, WE HELPED BUILD THE ISLAMIC BANKING INDUSTRY.

**DYNAMIC**
PROGRESSIVE AND INNOVATIVE. WE ARE CONSTANTLY MOVING AHEAD AS WE OFFER NEW AND TECHNOLOGICALLY ADVANCED PRODUCTS AND SERVICES.






**PROFESSIONAL**
FAST, EFFICIENT AND RESPONSIVE SERVICE. WE ARE KNOWLEDGEABLE AND EQUIPPED TO HANDLE GLOBAL BUSINESS CHALLENGES.

**CARING**
APPROACHABLE AND SUPPORTIVE PARTNER. WE HELP FULFILL EVERY CUSTOMER'S FINANCIAL NEEDS.

**TRUSTWORTHY**
DEPENDABLE AND RELIABLE. 100% SHARIAH-BASED PRODUCTS, SERVICES AND CORPORATE VALUES.

# NILAI JENAMA TERAS

**PEMIMPIN**
PRODUK ISLAM KAMI MENJADI TANDA ARAS INDUSTRI. TERKENAL SEBAGAI PERINTIS DALAM PERBANKAN ISLAM, KAMI MEMBANTU MEMBANGUNKAN INDUSTRI PERBANKAN ISLAM.







**DINAMIK**
PROGRESIF DAN INOVATIF. KAMI TERUS BERGERAK MAJU DENGAN MENAWARKAN PRODUK DAN PERKHIDMATAN BAHARU DAN TERKINI DARI SEGI TEKNOLOGI.

**PROFESIONAL**
KHIDMAT PANTAS, CEKAP DAN TANGKAS. KAMI BERPENGETAHUAN DAN BERSEDIA MENGHADAPI CABARAN PERNIAGAAN GLOBAL.

**PRIHATIN**
RAKAN KONGSI YANG MUDAH DIDEKATI DAN SEDIA MEMBANTU. KAMI MEMBANTU MEMENUHI KEPERLUAN KEWANGAN SETIAP PELANGGAN.



**AMANAH**
BERWIBAWA DAN DIYAKINI. PRODUK, PERKHIDMATAN DAN NILAI KORPORAT BERASASKAN SYARIAH 100%.

# ABOUT US
# MENGENAI KAMI

**BANK ISLAM, ESTABLISHED IN 1983, IS MALAYSIA'S MAIDEN SHARIAH-BASED INSTITUTION. SINCE ITS INCEPTION, IT HAS EMERGED AS THE SYMBOL OF ISLAMIC BANKING IN MALAYSIA AND ITS VISION TO BE 'A GLOBAL LEADER IN ISLAMIC BANKING' ILLUSTRATES THE BANK'S STATUS AS THE FLAG BEARER OF THE COUNTRY'S FINANCIAL SERVICES INDUSTRY ("THE INDUSTRY").**

**BANK ISLAM YANG DITUBUHKAN PADA 1983 ADALAH INSTITUSI BERASASKAN SYARIAH PERTAMA DI MALAYSIA. SEJAK PENUBUHANNYA, IA MENJADI SIMBOL PERBANKAN ISLAM DI MALAYSIA DAN VISINYA UNTUK MENJADI 'PEMIMPIN GLOBAL DALAM PERBANKAN ISLAM' MENGGAMBARKAN STATUS BANK SEBAGAI PEMIMPIN DALAM INDUSTRI PERKHIDMATAN KEWANGAN NEGARA ("INDUSTRI").**

Bank Islam has been growing from strength to strength as evidenced by its financial performance and paid-up capital, which, in turn, was instrumental in making the growth of its assets. Throughout the year, Bank Islam has been embarking on a number of expansion programmes with its involvement in, among others, notable transaction in Sukuk and Corporate Mandates. Living up to its pioneering spirit, the Bank has continued to provide innovative and enhanced products and services which has resulted in a growing number of customers seeing Islamic banking as a true alternative to conventional banking. This growing list of clienteles in addition to groundbreaking and quality banking solutions have been recognised by the global industry which is reflected by the Bank's position as one of the top banks in the country.

Through a vast expanding network of 133 branches and more than 1200 self-service terminals nationwide, Bank Islam parades a comprehensive list of more than 70 innovative and sophisticated Islamic banking products and services, comparable to those offered by its conventional counterparts.

Bank Islam telah berkembang dengan kukuh seperti yang dapat dilihat melalui prestasi kewangan dan modal berbayarnya, yang amat penting dalam pertumbuhan asetnya. Sepanjang tahun ini, Bank Islam telah memulakan beberapa program perluasan dengan penglibatannya, antara lain, dalam urus niaga penting Sukuk dan Mandat Korporat. Setanding dengan semangat perintisnya, Bank terus menyediakan produk dan perkhidmatan yang inovatif dan lebih menarik hingga berjaya meningkatkan bilangan pelanggan yang memilih perbankan Islam sebagai alternatif sebenar kepada perbankan konvensional. Senarai pelanggan yang semakin bertambah ini serta penyelesaian perbankan yang sangat mengagumkan dan berkualiti, telah diiktiraf oleh industri global yang ditunjukkan melalui posisi Bank Islam yang berada dikalangan bank yang terbaik di Malaysia.

Melalui rangkaian yang berkembang pesat terdiri daripada 133 cawangan dan lebih daripada 1200 terminal layan diri di seluruh negara, Bank Islam menyediakan senarai lengkap bagi lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan Islam yang inovatif dan canggih, setanding dengan khidmat yang ditawarkan oleh bank konvensional lain.








From the traditional financing, savings and investment types of products exclusively for individual customers during the early years of establishment, the range of Bank Islam's Shariah-based financial products, services and business solutions has significantly expanded to cater to the fast-changing financial needs of customers from all categories including those related to micro financing, wealth management, capital market, treasury and structured products.

Being the pioneer in the industry, Bank Islam has played a leading role in promoting the expansion of Malaysia's brand of Islamic finance into other markets, especially in the region. This has helped developed Bank Islam into a well-established and universally recognised brand. As the number of local and global financial services continues to increase, Bank Islam remains keenly aware of the pioneering role it must continue to play.

In recognition of this role, Bank Islam has been awarded the 'Reader's Digest Platinum Award' for being the 'Most Trusted Brand' for five consecutive years. The Bank's growing list of accolades now includes the title 'Islamic Bank of the Year (Malaysia) 2013' by The Banker. With these entrusted beliefs, Bank Islam is on the right path to become 'A Global Leader in Islamic Banking' and continues to remain guided by the excellent pioneering work of its predecessors, Malaysia's ambition to be the international Islamic financial hub, the success of its turnaround effort and the challenge from its competitors.

Bermula dengan pembiayaan, simpanan dan produk pelaburan tradisional khusus untuk pelanggan individu pada beberapa tahun awal penubuhannya, rangkaian produk kewangan, perkhidmatan dan penyelesaian perniagaan Bank Islam yang berasaskan Syariah telah diperluas dengan begitu ketara bagi memenuhi keperluan kewangan pelanggan yang sentiasa berubah daripada semua kategori, termasuk yang berkaitan dengan produk pembiayaan mikro, pengurusan harta, pasaran modal, produk perbendaharaan dan berstruktur.

Sebagai perintis dalam industri ini, Bank Islam telah memainkan peranan utama dalam mempromosikan pengembangan jenama kewangan Islam Malaysia ke pasaran lain, terutamanya di rantau ini. Ini membantu Bank Islam berkembang sebagai jenama yang mantap dan dikenali di seluruh dunia. Selaras dengan bilangan perkhidmatan kewangan tempatan dan global yang semakin meningkat, Bank Islam sentiasa sedar akan keperluan untuk terus memainkan peranannya sebagai perintis.

Menghargai peranannya, Bank Islam telah dianugerahkan 'Anugerah Platinum Reader's Digest' kerana menjadi 'Jenama Paling Dipercayai' selama lima tahun berturut-turut. Senarai anugerah Bank yang semakin bertambah ini turut memasukkan gelaran 'Bank Islam Terbaik 2013 (Malaysia)' yang diberikan oleh The Banker yang berprestij. Dengan kepercayaan yang diamanahkan ini, Bank Islam berada di laluan yang betul untuk menjadi 'Pemimpin Global dalam Perbankan Islam' dan terus berpandukan hasil kerja perintisan oleh pelopornya, cita-cita Malaysia untuk menjadi pusat kewangan Islam antarabangsa, kejayaan dalam usaha pemulihannya dan cabaran daripada pesaingnya.

# ACHIEVEMENTS
# PENCAPAIAN

Bank Islam, the country's pioneer Shariah-compliant financial institutions, commenced operations in 1983 to meet the needs of Muslims with ground breaking financial solutions and continuous innovation in the marketplace.

## Corporate

**July 1983** - Official commencement of Bank Islam's operations, making it the first bank in Malaysia to offer Shariah-based banking services and products. Incorporated with an authorised capital of RM500 million and a paid up capital of RM79.9 million

**1992** - First Islamic financial institution to be listed on the Kuala Lumpur Stock Exchange (now Bursa Malaysia)

**1997** - Launched its corporate website (www.bankislam.com.my)

**1997** - Developed the Islamic banking IT platform, as part of its MIS Upgrade Programme

**1998** - Collaborated with Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia ("YaPeiM") to introduce its first Ar Rahnu business

**2000** - Received the ISO 9001:2000 certification by Sirim for its trade financing and bills operations

**2009** - The sole Islamic bank and the only commercial/non-investment bank to be approved by Securities Commission under its list of Principal Advisers for specific corporate proposals in Malaysia

**2010** - Bank Islam acquired Farihan Corporation Sdn Bhd, a company engaged in Islamic pawn broking business

**2011** - First Islamic bank to advise on a listing exercise. APFT Berhad, Malaysia's leading flight education and training service provider, had appointed Bank Islam as Principal Adviser, Managing Underwriter, Underwriter and Placement Agent for its initial public offering (IPO) in conjunction with its listing on the Main Market of Bursa Malaysia Securities Berhad

**2011** - Established and provide technical assistance to the first Islamic bank in Sri Lanka, Amana Bank Ltd.

Sebagai perintis institusi kewangan berteraskan Syariah negara, Bank Islam memulakan operasinya pada tahun 1983 untuk memenuhi permintaan umat Islam dengan penawaran penyelesaian kewangan yang terkini serta usaha inovatif yang berterusan di pasaran.

## Korporat

**July 1983** - Bank Islam dengan rasminya beroperasi, menjadikan ia bank pertama di Malaysia yang menawarkan produk dan perkhidmatan berbankan yang berteraskan Syariah. Diperbadankan dengan modal dibenarkan sebanyak RM500 juta dan modal berbayar sebanyak RM79.9 juta

**1992** - Institusi kewangan Islam pertama yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (sekarang Bursa Malaysia)

**1997** - Melancarkan laman web korporatnya (www.bankislam.com.my)

**1997** - Membangunkan platform IT perbankan Islam sebagai sebahagian daripada Program Penaikan Taraf MISnya

**1998** - Bekerjasama dengan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia ("YaPeiM) dalam memperkenalkan perniagaan Ar Rahnu pertama

**2000** - Menerima pensijilan ISO 9001:2000 oleh SIRIM bagi operasi pembiayaan perdagangan dan bilnya

**2009** - Satu-satunya bank Islam dan bank komersil/bukan pelaburan yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti dalam senarai Penasihat Utamanya bagi cadangan korporat spesifik di Malaysia

**2010** - Bank Islam memperoleh Farihan Corporation Sdn Bhd, sebuah syarikat yang terlibat dalam perniagaan pajak gadai Islam

**2011** - Menjadi bank Islam yang pertama untuk memberi nasihat tentang latihan senarai. APFT Berhad, penyedia pendidikan dan perkhidmatan latihan penerbangan terkemuka di Malaysia, telah melantik Bank Islam sebagai Penasihat Utama, Pengurus Taja Jamin dan Ejen Penempatan untuk melakukan tawaran umum awal (IPO) dalam penyenaraiannya di Pasar Utama Bursa Malaysia Securities Berhad

**2011** - Menubuh dan member bantuan teknikal kepada bank Islam pertama di Sri Lanka, Amana Bank Ltd.

## Sukuk Marketplace

**1990** - The world's first bai'bithaman ajil Islamic debt securities by Shell MDS Sdn Bhd (RM125 million)

**2001** - The world's first corporate sukuk ijarah by Kumpulan Guthrie Berhad – First Global Sukuk Inc (USD150 million)

**2002** - First sovereign sukuk ijarah by the Government of Malaysia (USD600 million)

**2003** - First tradable sukuk istisna' by SKS Power Sdn Bhd (RM2.5 billion) as one of the Joint Lead Arrangers.

## Retail Marketplace

**1992** - First bank in Malaysia to introduce chip-based ATM card

**1992** - First Islamic credit card in Malaysia

**1992** - First card issuer to implement global clearing management system

**2002** - First bank in the Asia-Pacific region to introduce EMV2000 compliant credit cards with chip-based system following the launch of Bank Islam MasterCard

**2003** - First Islamic VISA Smartchip Credit Card in Asia-Pacific

**2005** - First card issuer and acquirer in Southeast Asia to implement MasterCard SecureCode

**2006** - First bank in Southeast Asia to introduce an Islamic Platinum MasterCard

**2008** - Launched the first Islamic structured and capital protected funds, An Najah NID-i, the first Shariah based structured product with healthcare as the investment theme

**2008** - First to introduce "Payment Holiday" feature in the home financing product

## Pasaran Sukuk

**1990** - Sekuriti hutang Islam bai'bithaman ajil yang pertama di dunia oleh Shell MDS Sdn Bhd (RM125 juta)

**2001** - Sukuk korporat ijarah pertama di dunia oleh Kumpulan Guthrie Berhad – First Global Sukuk Inc (USD150 juta)

**2002** - Sukuk berdaulat ijarah pertama oleh Kerajaan Malaysia (USD600 juta)

**2003** - Sukuk boleh diniagakan istisna' pertama oleh SKS Power Sdn Bhd (RM2.5 bilion).

## Pasaran Runcit

**1992** - Bank pertama di Malaysia yang memperkenalkan kad ATM yang berasaskan cip

**1992** - Kredit kad Islam pertama dia Malaysia

**1992** - Pengeluar kad yang pertama melaksanakan sistem pengurusan penjelasan global (global clearing management system)

**2002** - Bank pertama di rantau Asia-Pasifik yang memperkenalkan kad kredit patuh EMV2000 dengan sistem berasaskan cip berikutan pelancaran MasterCard Bank Islam

**2003** - Kad kredit VISA Smartchip Islam pertama di Asia-Pasifik

**2005** - Pengeluar dan pemeroleh kad pertama di Asia Tenggara yang melaksana MasterCard SecureCode

**2006** - Bank pertama di Asia Tenggara yang memperkenalkan MasterCard Platinum Islam

**2008** - Melancarkan An Najah NID-i, dana berstruktur dengan jaminan perlindungan modal Islam pertama, iaitu produk berstruktur pertama yang berlandaskan Syariah dengan penjagaan kesihatan sebagai tema pelaburan

# ACHIEVEMENTS
# PENCAPAIAN

**2009** - First bank to join effort with Lembaga Tabung Haji ("TH") in launching Uniteller Service which enables TH transactions and Hajj registration to be performed at any Bank Islam branches

**2009** - Launched Al-Awfar, the first of its kind savings-i and investment-i account which offers cash prizes

**2009** - The first Islamic World MasterCard Card-i Issuer

**2010** - Launched the first mobile banking service without Internet access known as TAP Mobile Banking-i, where account owners can perform banking transactions anywhere and anytime

**2010** - Launched Bank Islam-UiTM Platinum MasterCard-i with an element of corporate responsibility

**2012** - Launched the Bank's first 7-Day Banking Services at shopping malls to provide full range of services

**2012** - Unveiled its Uni-Debit Card, University Debit Card-i, an exclusive multipurpose all-in-one card designed for students and staff of university. It functions as a payment tool as well as allows access to various facilities in areas within the university. It is also part of the initiatives to promote cashless society

**2012** - First bank to launch floating rates for personal financing

**2013** - First implementation of electronic payment facility (mPOS) in Malaysia at Pasar Siti Khadijah, Kota Bharu, Kelantan in collaboration with VISA Malaysia

**2014** - Launched its priority banking services to high net worth customers, senior management of corporate clients and senior government officers.

**2008** - Bank pertama yang menawarkan ciri "Payment Holiday" untuk produk pembiayaan rumah

**2009** - Bank pertama yang menjalan usaha sama dengan Lembaga Tabung Haji ("TH") dalam pelancaran Khidmat Uniteller yang membolehkan urus niaga TH dan pendaftaran Haji dilakukan di semua cawangan Bank Islam di seluruh negara

**2009** - Melancarkan Al-Awfar, iaitu kombinasi akaun simpanan-i dan pelaburan-i yang pertama seumpamanya yang menawarkan hadiah wang tunai

**2009** - Pengeluar Kad World MasterCard Islam pertama

**2010** - Melancarkan khidmat perbankan mudah alih pertama tanpa akses Internet yang dikenali sebagai Perbankan Mudah Alih-i TAP di mana pemilik akaun boleh menjalankan urusniaga perbankan di mana-mana pada bila-bila masa

**2010** - Melancarkan Bank Islam-UiTM Platinum MasterCard-i dengan elemen tanggungjawab korporat

**2012** - Melancarkan Khidmatan Perbankan 7 Hari Bank pertama di pusat membeli-belah untuk menawarkan perkhidmatan yang lengkap

**2012** - Melancarkan kad Uni-Debitnya, Kad Debit Universiti-i, kad debit serbaguna khusus untuk pelajar dan kakitangan universiti. Ia berfungsi sebagai alat pembayaran serta membolehkan penggunanya mengakses pelbagai kemudahan di universiti. Ia juga adalah satu initiatif untuk mencapai matlamat masyarakat tanpa tunai

**2012** - Bank pertama yang melancarkan pembiayaan peribadi berasaskan kadar terapung

**2013** - Pelaksanaan kemudahan pembayaran elektronik (mPOS) yang pertama di Malaysia di Pasar Siti Khadijah, Kota Bharu, Kelantan dengan kerjasama VISA Malaysia

**2014** - Melancarkan keutamaan perkhidmatan perbankan kepada pelanggannya yang bernilai tinggi, barisan pengurusan tinggi korporat dan pegawai kerajaan jawatan tinggi.

## Treasury Services Marketplace

**2007** - Entered into its first Islamic cross-currency swap agreement

**2009** - Appointed as a Principal Dealer by Bank Negara Malaysia

**2010** - Launched Waheed-i, a Malaysian Ringgit fixed term deposit product based on the Shariah contract of Wakalah (Agency) that meets local and international Shariah standards, the first of its kind in Malaysia

**2013** - Appointed as the main banker for the Government of Malaysia in the implementation of 'Sistem Perakaunan Luar Negeri', which facilitates payment of foreign telegraphic transfers to countries across the globe.

## Pasaran Perkhidmatan Perbendaharaan

**2007** - Memasuki perjanjian swap bersilang-mata wang Islam pertamanya

**2009** - Dilantik sebagai Peniaga Utama oleh Bank Negara Malaysia

**2010** - Melancarkan Waheed-i, produk deposit terma tetap dalam matawang Ringgit Malaysia yang berasaskan kontrak Syariah Wakalah (Agensi) yang mematuhi piawaian Syariah tempatan dan antarabangsa, produk pertama seumpamanya di Malaysia

**2013** - Dilantik sebagai bank utama untuk Kerajaan Malaysia dalam pelaksanaan Sistem Perakaunan Luar Negeri, yang menyediakan kemudahan Pemindahan Telegrafik untuk pembayaran ke luar negara di serata dunia.

# 2013 IN REVIEW
## 2013 DALAM TINJAUAN

For more than 30 years, Bank Islam has been at the forefront of the country's Islamic financial landscape, leading the way in the development of Malaysia as one of the world's major Islamic financial hub. Bank Islam has grown from a banking organisation providing purely Islamic banking products and services to an institution that provides comprehensive, end-to-end financial solutions and has become the source of reference for Shariah-based financial system.

The record profit posted for the year under review is not just a testament to the Bank's enduring quality but also a vindication to Bank Islam's strategic 'Hijrah 2 Excellence' (H2E) plan that was implemented during early 2013. H2E put emphasis on the Bank's continuing ability to lead the industry through innovative products and services, as well as excelling in meeting the need of its customers through service innovations. Additionally, it is also in the Bank's interest to be the employer of choice in order to attract the top talents in the market that can eventually lead to the Bank's further growth.

Recognition of Bank Islam's growing importance within the industry has been exemplified by the awarding of the 'The Best Islamic Bank 2013' award by The Banker, in addition to being named 'Most Innovative Islamic Bank in Malaysia' by International Finance Magazine. The continuing endurance and excellence of the TAP mobile banking product has also seen it received yet another award for the Trailblazer Awards 2013. Additionally, Bank Islam has also been honoured with recognition as one of the top ten employers in the list of Malaysia's 100 Top Leading Graduate Employers in the Banking & Financial Institutions category.

As Bank Islam aspires to meet the evolving needs of its customers, year 2013 saw further consolidation and enhancements of the Bank's range of product and service offerings. The introduction of Platinum VISA Credit Card-i to its family of VISA cards gives customers another option to use one of the Bank's Shariah-based cards to upgrade their lifestyles. TruRewards, the Bank's card loyalty programme, provides incentives for card users which is comparable to other card loyalty programmes available in the market. The partnership established with the Football Association of Malaysia ("FAM") for the unveiling of 'Bank Islam VISA Debit Card-i Team Harimau' was a showcase of the Bank's awareness of the current market trend and its belief in providing value proposition and unique experience that comes with using the Bank's products or services.

Selama lebih daripada 30 tahun, Bank Islam berada di barisan hadapan dalam landskap kewangan Islam di negara ini, dan menerajui pembangunan Malaysia sebagai salah satu daripada pusat kewangan Islam yang utama di dunia. Bank Islam berkembang daripada organisasi perbankan yang hanya menyediakan produk dan perkhidmatan perbankan Islam kepada sebuah institusi yang menyediakan penyelesaian kewangan hujung-ke-hujung yang menyeluruh serta menjadi sumber rujukan bagi sistem kewangan berdasarkan Syariah.

Keuntungan tertinggi yang diperoleh bagi tahun di bawah tinjauan bukan sahaja membuktikan kualiti Bank yang terus bertahan, tetapi juga menjadi pewajaran bagi pelan strategik Bank Islam, iaitu 'Hijrah 2 Excellence' (H2E) yang dilaksanakan pada awal 2013. H2E memberikan penekanan terhadap keupayaan berterusan Bank untuk menerajui industri melalui produk dan perkhidmatan berinovasi, dan juga kejayaan untuk memenuhi keperluan pelanggannya melalui inovasi perkhidmatan. Selain itu, Bank juga berhasrat menjadi majikan pilihan supaya dapat menarik mereka yang berbakat besar dalam pasaran yang akhirnya dapat menerajui perkembangan Bank selanjutnya.

Pengiktirafan terhadap kepentingan Bank Islam yang semakin meningkat dalam industri dapat dilihat melalui penerimaan anugerah 'Bank Islam Terbaik 2013' oleh The Banker, selain dinamakan sebagai 'Bank Islam Paling Inovatif di Malaysia' oleh International Finance Magazine. Ketahanan dan kecemerlangan berterusan produk perbankan mudah alih TAP juga menyumbangkan satu lagi anugerah dalam Trailblazer Awards 2013. Di samping itu, Bank Islam juga menerima pengiktirafan sebagai salah satu daripada sepuluh majikan teratas dalam senarai 100 Majikan Siswazah Paling Utama di Malaysia dalam kategori Institusi Perbankan & Kewangan.

Dalam usaha Bank Islam memenuhi keperluan pelanggannya yang semakin bertambah, tahun 2013 menyaksikan penggabungan dan penambahbaikan selanjutnya kepada rangkaian produk dan perkhidmatan Bank yang ditawarkan. Pengenalan Kad Kredit-i VISA Platinum dalam kumpulan kad VISA Bank memberikan satu lagi pilihan kepada pelanggan untuk menggunakan kad berasaskan Syariah Bank bagi meningkatkan gaya hidup mereka. Program kesetiaan kad Bank iaitu TruRewards memberikan insentif kepada pengguna kad yang setanding dengan program kesetiaan kad lain yang ada di pasaran. Kerjasama yang diwujudkan dengan Persatuan Bola Sepak Malaysia ("FAM") untuk melancarkan 'Kad Debit-i VISA Bank Islam Team Harimau' menunjukkan kesedaran Bank tentang trend pasaran terkini dan kepercayaannya dalam menyediakan nilai saranan dan pengalaman unik yang diperoleh melalui penggunaan produk atau perkhidmatan Bank.

The Bank's commitment to contribute to the betterment of the society via its businesses is exemplified by the implementation of mPOS electronic payment facility at Pasar Siti Khadijah in Kota Bharu, Kelantan. Implemented in collaboration with VISA, it was the first implementation of such system in the country, and it re-affirms the Bank's commitment to promote a cashless society, especially among petty traders and the students.

The year under review also saw endorsement by the Malaysian government itself on Bank Islam's capability in providing end-to-end financial solutions. The implementation of 'Sistem Perakaunan Luar Negeri' ("SPLN") by the Ministry of Foreign Affairs saw Bank Islam being selected as the Strategic Partner for the project. The system, which eases the financial processes among overseas agencies, makes use of advanced information technology architecture for a more efficient financial and accounting management.

While the implementation of the new strategic plan is expected to lead the Bank to further growth for the number of years to come, Bank Islam will not rest on its laurels in its pursuit for excellence. The Bank will continue to improve in all aspects of its businesses while expand its network in its effort to increase customers' reach and promote the Bank's brand of Islamic banking. The continuing economic turbulence and increasing market competition are a concern but those will only serve to inspire Bank Islam to reach for greater heights in its mission to be 'A Global Leader in Islamic Banking'.

Komitmen Bank untuk menyumbang ke arah pembaikan masyarakat melalui perniagaannya ditunjukkan melalui pelaksanaan kemudahan pembayaran elektronik mPOS di Pasar Siti Khadijah, Kota Bharu, Kelantan. Sistem ini dilaksanakan secara usaha sama dengan VISA dan merupakan sistem pertama seumpamanya yang dilaksanakan di negara ini, dan ini sekali lagi mengesahkan komitmen Bank untuk menggalakkan masyarakat tanpa tunai, terutamanya dalam kalangan peniaga kecil dan pelajar.

Tahun 2013 juga menyaksikan pengendorsan daripada kerajaan Malaysia terhadap keupayaan Bank Islam menyediakan penyelesaian kewangan hujung-ke-hujung. Pelaksanaan 'Sistem Perakaunan Luar Negeri' ("SPLN") oleh Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri menyaksikan Bank Islam dipilih sebagai Rakan Kongsi Strategik bagi projek tersebut. Sistem itu yang mempermudah proses kewangan dalam kalangan agensi luar negeri, menggunakan reka bentuk teknologi maklumat yang maju untuk pengurusan kewangan dan perakaunan yang lebih cekap.

Walaupun pelaksanaan pelan strategik baharu dijangka dapat memimpin Bank untuk terus berkembang pada tahun-tahun yang akan datang, namun Bank Islam tidak akan berpuas hati dengan kejayaannya demi mencapai kecemerlangan. Bank akan terus membuat penambahbaikan dalam semua aspek perniagaannya sambil meluaskan rangkaiannya dalam usaha meningkatkan capaian oleh pelanggan serta mempromosikan jenama perbankan Islam Bank. Pergolakan ekonomi yang berterusan dan persaingan yang semakin meningkat dalam pasaran menimbulkan kebimbangan tetapi ia terus menaikkan lagi semangat Bank Islam untuk mencapai kedudukan yang lebih tinggi dalam misinya untuk menjadi 'Pemimpin Global dalam Perbankan Islam'.

# FINANCIAL HIGHLIGHTS
# SOROTAN KEWANGAN










| | Financial Year Ended 31 December Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember | Financial Year Ended 31 December Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember | Financial Year Ended 31 December Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember | 18 months Financial Period Ended 31 December Tempoh Kewangan 18 Bulan Berakhir 31 Disember | of which:/yang mana: 12 months ended 31 December 12 Bulan Berakhir 31 Disember | 6 months ended 31 December 6 Bulan Berakhir 31 Disember | Financial Year Ended 30 June Tempoh Kewangan Berakhir 30 Jun |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | **2013** | **2012** | **2011 [1]** | **2010 [1]** | **2010 [1]** | **2009** | **2009** |
| **OPERATING RESULTS (RM'000)**<br>**KEPUTUSAN OPERASI (RM'000)** | | | | | | | |
| Total revenue<br>Jumlah Hasil | 2,244,308 | 1,987,431 | 1,656,204 | 2,177,099 | 1,497,548 | 679,551 | 1,267,087 |
| Profit before zakat and tax<br>Keuntungan sebelum Zakat dan Cukai | 683,018 | 600,303 | 492,998 | 501,368 | 342,514 | 158,854 | 233,096 |
| Profit after zakat and tax<br>Keuntungan selepas Zakat dan Cukai | 491,645 | 430,785 | 376,333 | 410,254 | 292,953 | 117,301 | 160,607 |
| **KEY STATEMENTS OF FINANCIAL POSITION ITEMS (RM'000)**<br>**ITEM UTAMA PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN (RM'000)** | | | | | | | |
| Total Assets<br>Jumlah Aset | 42,836,531 | 37,450,798 | 32,226,504 | 30,398,424 | 30,398,424 | 26,717,185 | 27,497,491 |
| Total Financing<br>Jumlah Pembiayaan | 23,740,948 | 19,508,733 | 14,160,337 | 11,857,108 | 11,857,108 | 10,457,998 | 9,661,864 |
| of which:<br>yang mana:<br>Gross Impaired Financing[2] /<br>Gross Non-Performing Financing[3]<br>Pembiayaan Terjejas Kasar[2] /<br>Pembiayaan Tak Berbayar Kasar[3] | 285,302 [2] | 308,709 [2] | 379,790 [2] | 552,221 [2] | 552,221 [2] | 1,349,739 [3] | 1,360,449 [3] |
| Securities<br>Sekuriti | 13,699,154 | 14,706,915 | 12,563,418 | 15,260,422 | 15,260,422 | 11,955,166 | 8,915,821 |
| Deposits from Customers<br>Deposit dari Pelanggan | 37,272,452 | 32,583,175 | 28,304,907 | 26,888,250 | 26,888,250 | 23,319,034 | 25,211,516 |
| of which:<br>yang mana:<br>Current and Savings Deposits (CASA)<br>Deposit Semasa dan Simpanan | 14,565,958 | 13,426,139 | 12,282,776 | 10,663,909 | 10,663,909 | 9,347,416 | 9,060,958 |



| | Financial Year Ended 31 December Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember | Financial Year Ended 31 December Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember | Financial Year Ended 31 December Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember | 18 months Financial Period Ended 31 December Tempoh Kewangan 18 Bulan Berakhir 31 Disember | of which:/yang mana: 12 months ended 31 December 12 Bulan Berakhir 31 Disember | 6 months ended 31 December 6 Bulan Berakhir 31 Disember | Financial Year Ended 30 June Tempoh Kewangan Berakhir 30 Jun |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | **2013** | **2012** | **2011 [1]** | **2010 [1]** | **2010 [1]** | **2009** | **2009** |
| Shareholders' Equity<br>Ekuiti Pemegang Saham | 3,329,374 | 3,099,615 | 2,800,957 | 2,525,444 | 2,525,444 | 2,219,950 | 1,519,553 |
| of which:<br>yang mana:<br>Share Capital<br>Modal Saham | 2,298,165 | 2,265,490 | 2,265,490 | 2,265,490 | 2,265,490 | 2,265,490 | 1,725,490 |
| **RATIO ANALYSIS**<br>**ANALISIS NISBAH** | | | | | | | |
| Return on Assets<br>Pulangan Aset | 1.70% | 1.72% | 1.57% | 1.15% [4] | 1.20% | 1.16% [4] | 0.91% |
| Return on Equity<br>Pulangan Ekuiti | 21.25% | 20.35% | 18.51% | 16.48% [4] | 14.44% | 16.85% [4] | 16.48% |
| Cost Income Ratio<br>Nisbah Kos Kepada Pendapatan | 54.12% | 51.42% | 53.79% | 54.26% | 55.38% | 51.84% | 56.69% |
| Capital Adequacy Ratio<br>Nisbah Kecukupan Modal | 13.97% | 14.09% | 16.83% | 17.26% | 17.26% | 16.32% | 13.61% |
| Gross Impaired Financing Ratio[2] /<br>Gross Non-Performing Financing Ratio[3]<br>Nisbah Pembiayaan Terjejas Kasar[2]/<br>Nisbah Pembiayaan Tak Berbayar Kasar[3]/ | 1.18% [2] | 1.55% [2] | 2.61% [2] | 4.50% [2] | 4.50% [2] | 11.78% [3] | 12.70% [3] |
| Financing to Deposits Ratio<br>Nisbah Pembiayaan Kepada Deposit | 65.04% | 61.23% | 51.45% | 45.68% | 45.68% | 50.06% | 43.52% |
| Earnings per Share<br>Perolehan Sesaham | 22 sen | 19 sen | 17 sen | 22 sen | 15 sen | 7 sen | 9 sen |
| Net Tangible Assets Backing<br>Jaminan Aset Ketara Bersih | 145 sen | 137 sen | 124 sen | 111 sen | 111 sen | 98 sen | 88 sen |

Note:
1 Restated arising from adoption of MFRS. Transition date as at 1 January 2011.
2 As a result of adoption of FRS139 as at 31 December 2010.
3 Based on 6 months non-performing financing classification and net of profit-in-suspense.
4 Annualised.

Nota
1. Dinyatakan semula berikutan guna pakai MFRS. Tarikh peralihan pada 1 Januari 2011.
2. Hasil guna pakai FRS139 pada 31 Disember 2010.
3. Berdasarkan klasifikasi pembiayaan tidak berbayar selama 6 bulan dan pendapatan tertangguh bersih.
4. Disetahunkan.












# FINANCING BY CONTRACT (RM'000)
# PEMBIAYAAN MENGIKUT KONTRAK (RM'000)







- Bai' Bithaman Ajil
- Ijarah
- Ijarah Muntahiah Bit-Tamleek
- Murabahah
- At-Tawarruq
- Bai Al Inah
- Istisna'
- Ar-Rahnu





# FINANCING BY BUSINESS UNITS (RM'000)
# PEMBIAYAAN MENGIKUT UNIT PERNIAGAAN (RM'000)







- **Consumer** Pengguna
- **Commercial** Komersil
- **Corporate** Korporat

# OPTIMISING RETURNS

MENGOPTIMUMKAN PULANGAN







# THROUGH A SEA OF OPPORTUNITIES

DENGAN MEMANFAATKAN PELBAGAI PELUANG

We see the vast potential and opportunities in the marketplace and by capitalising on them, we are able to create solid returns and optimise value for shareholders and stakeholders.

Kami melihat potensi dan peluang yang besar di pasaran dan dengan memanfaatkannya, kami dapat menjana pulangan yang kukuh serta mengoptimumkan nilai untuk pemegang saham dan juga pihak berkepentingan.

# CHAIRMAN'S STATEMENT
# PERNYATAAN PENGERUSI

بسم الله الرحمن الرحيم

IN THE NAME OF ALLAH, THE MOST GRACIOUS, THE MOST MERCIFUL
DENGAN NAMA ALLAH, YANG MAHA PENYAYANG LAGI MAHA MENGASIHANI

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH



IN 2013, ISLAMIC FINANCE SHIFTED INTO A NEW ERA WITH THE INTRODUCTION OF THE ISLAMIC FINANCIAL SERVICES ACT ("IFSA") 2013. TO DATE, MALAYSIA HAS WITNESSED A TREMENDOUS GROWTH IN TERMS OF DEMAND, ACCEPTANCE AND DEVELOPMENT OF ISLAMIC FINANCE SINCE IT WAS INTRODUCED MORE THAN THREE DECADES AGO. THIS COMPREHENSIVE LEGAL FRAMEWORK, PROMOTING SHARIAH COMPLIANCE IN ALL ASPECTS, IS A TRANSITION TOWARDS A MORE SUSTAINABLE FUTURE FOR THE ISLAMIC FINANCE INDUSTRY. THIS ACT, AN ESSENTIAL MILESTONE IN MALAYSIA'S JOURNEY TOWARDS REALISING THE IDEAL ISLAMIC FINANCIAL SYSTEM, SERVES TO FORTIFY MALAYSIA'S DYNAMIC LEADERSHIP IN ISLAMIC FINANCE AND TO ADVANCE THE NATION'S POSITION AS AN ISLAMIC FINANCE HUB AND CENTRE OF REFERENCE. THE ACT TAKES THE LEGISLATIVE FRAMEWORK FOR FINANCIAL STABILITY IN MALAYSIA TO A NEW FRONTIER, REFLECTING A FINANCIAL SYSTEM THAT IS MORE DYNAMIC, MORE INTERCONNECTED AND INCLUSIVE BUT ALSO MORE COMPLEX.

AS ONE OF THE MAIN PILLARS OF THE COUNTRY'S ISLAMIC FINANCIAL SYSTEM, BANK ISLAM HAS GROWN FROM STRENGTH TO STRENGTH AND IS FULLY COMMITTED TO CARRYING OUT THE INITIATIVES UNDER THE NEW LEGAL FRAMEWORK WHICH IS IN LINE WITH OUR HIJRAH TO EXCELLENCE PLAN ("H2E") 2013-2015.

PADA 2013, KEWANGAN ISLAM MEMASUKI ERA BAHARU DENGAN PENGENALAN AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM ("IFSA") 2013. SEHINGGA KINI, MALAYSIA TELAH MENYAKSIKAN PENINGKATAN YANG AMAT KETARA DARI SEGI PERMINTAAN, PENERIMAAN DAN PEMBANGUNAN KEWANGAN ISLAM SEJAK IA DIPERKENALKAN LEBIH DARIPADA TIGA DEKAD YANG LALU. RANGKA KERJA PERUNDANGAN YANG LENGKAP, YANG MENGGALAKKAN PEMATUHAN SYARIAH DALAM SEMUA ASPEK INI MERUPAKAN SATU PERALIHAN KE ARAH MASA DEPAN YANG LEBIH MAMPAN BAGI INDUSTRI KEWANGAN ISLAM. AKTA INI YANG MERUPAKAN PENCAPAIAN PENTING DALAM PERJALANAN MALAYSIA KE ARAH MEREALISASIKAN SISTEM KEWANGAN ISLAM YANG IDEAL, BERFUNGSI MENGUKUHKAN KEPIMPINAN DINAMIK MALAYSIA DALAM KEWANGAN ISLAM DAN MENAIKKAN KEDUDUKAN NEGARA SEBAGAI HAB KEWANGAN DAN PUSAT RUJUKAN ISLAM. AKTA INI MEMBAWA RANGKA KERJA PERUNDANGAN UNTUK KESTABILAN KEWANGAN DI MALAYSIA KE SATU SEMPADAN BAHARU, DAN MENGGAMBARKAN SISTEM KEWANGAN YANG BUKAN SAHAJA LEBIH DINAMIK, LEBIH TERSALING HUBUNG DAN TERANGKUM, TETAPI JUGA LEBIH KOMPLEKS.

SEBAGAI SALAH SATU TUNGGAK UTAMA DALAM SISTEM KEWANGAN ISLAM DI NEGARA INI, BANK ISLAM TELAH BERKEMBANG DENGAN SEMAKIN KUKUH DAN KOMITED DALAM MELAKSANAKAN INISIATIF DI BAWAH RANGKA KERJA PERUNDANGAN YANG BAHARU INI SELARAS DENGAN PELAN HIJRAH KE ARAH KECEMERLANGAN ("H2E") 2013-2015 KAMI.

# CHAIRMAN'S STATEMENT
## PERNYATAAN PENGERUSI

**VALUED SHAREHOLDERS,**

I AM DELIGHTED TO PRESENT THE ANNUAL REPORT FOR FYE 2013. BANK ISLAM DELIVERED PROFIT BEFORE ZAKAT AND TAX ("PBZT") OF RM683 MILLION - OUR HIGHEST ACHIEVEMENT SINCE THE BANK'S ESTABLISHMENT 30 YEARS AGO. THE BANK'S RESPECTABLE PERFORMANCE DEMONSTRATES ITS ABILITY TO DELIVER NOTWITHSTANDING THE CHALLENGING MARKET CONDITIONS AND UNCERTAINTIES IN THE GLOBAL ECONOMY. ALHAMDULILLAH, THE BANK ENDED ITS 30TH ANNIVERSARY ON A HIGH NOTE WITH 2013 REPRESENTING A SIGNIFICANT MILESTONE FOR RECORD ACHIEVEMENTS.

**PEMEGANG SAHAM YANG DIHARGAI,**

SAYA DENGAN SUKACITANYA MEMBENTANGKAN LAPORAN TAHUNAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 2013. BANK ISLAM MEMPEROLEH KEUNTUNGAN SEBELUM ZAKAT DAN CUKAI ("PBZT") SEBANYAK RM683 JUTA - PENCAPAIAN KITA YANG TERTINGGI SEJAK BANK DITUBUHKAN 30 TAHUN YANG LALU. PRESTASI BANK YANG CEMERLANG MENUNJUKKAN KEMAMPUANNYA UNTUK MEMBERIKAN PERKHIDMATAN WALAUPUN DALAM KEADAAN PASARAN YANG MENCABAR DAN KETIDAKTENTUAN EKONOMI GLOBAL. ALHAMDULILLAH, BANK MENGAKHIRI ULANG TAHUN KE-30NYA DENGAN CEMERLANG DAN 2013 MENJADI DETIK PENTING DALAM PENCAPAIAN TERBAIKNYA.



The Bank, entering a new phase, inaugurated the H2E Plan - the third phase of the Bank's three-year corporate blueprint. Bank Islam's record performance within a climate of continual market challenges is testament to the soundness of its business strategy and indicates that the H2E Plan is delivering results. The Bank continues to leverage on its business model - focusing on retail banking, riding on the momentum set in the previous financial year. At the same time the Bank is also aggresively pursuing business financing through its Corporate Investment and Commercial sectors.

Fasa baharu yang dimasuki Bank juga menandakan permulaan Pelan H2E - fasa ketiga dalam rangka kerja korporat tiga tahun Bank Islam. Pencapaian terbaik Bank Islam dalam suasana cabaran pasaran yang berterusan merupakan bukti keberkesanan strategi perniagaannya dan menunjukkan Pelan H2E membuahkan hasil. Bank terus memanfaatkan model perniagaannya - dengan memberikan tumpuan kepada perbankan runcit, bergerak dengan momentum yang ditetapkan pada tahun kewangan sebelumnya. Pada masa yang sama, Bank juga meneruskan pembiayaan perniagaannya melalui sektor Pelaburan Korporat dan Komersil.





Currently, Bank Islam has the widest dedicated Islamic banking network in Malaysia with 133 branches and more than 1,200 self-service terminals across the country. It is primarily a retail bank with consumer banking constituting more than 75% of total financing. As the first Islamic bank in Malaysia, Bank Islam has the advantage of having a strong brand name and franchise that significantly differentiates it from its competitors – creating an appealing image of being the purest Islamic bank which has attracted and continues to attract a growing, loyal customer base. To-date, the Bank is servicing about five million customers nationwide. The Bank has unwaveringly focused on constantly expanding and enhancing its portfolio of Shariah-compliant products and services to provide more choice and value to its customers. Innovative product offerings have been the key competitive advantage for the Bank over the years as it continuously strives to maintain its position as the flag bearer of the Islamic banking industry. The Bank was the first to innovate and market new Islamic offerings such as the award-winning Transact-At-Palm Mobile Banking-i ("TAP-i"), Al-Awfar Investment and Savings-i and unique benefits such as the Payment Holiday Scheme for its house financing customers where they are required to pay only 10-monthly instalments instead of 12 in a year. The Bank also enjoyed the first mover advantage for personal financing based on floating rate launched in 2012.

Bank Islam realises the need to move towards a customer-centric organisation, emphasising excellent service delivery across all customer touch points. Among others, it constantly works towards developing more efficiently designed systems in meeting customer needs in a more straightforward and effective manner with transactions through electronic channels currently constituting around 80% of Bank Islam's total transactions. Similarly, automation has been driven forward by the Bank to improve convenience and access for customers. Meanwhile, the Bank continues to develop human interaction to build long-lasting relationships with customers where electronic measures may not be appropriate or the best choice for the customer. With an aspiration to attain service excellence, Bank Islam recognises the significance of delivering personal, flexible and pro-active services where its employees go out of their way to help resolve issues.

On behalf of the Board members, I am heartened that the Bank is executing its well-defined three-year strategy according to plan.

Kini, Bank Islam memiliki rangkaian perbankan Islam yang khusus dan paling meluas di Malaysia dengan 133 cawangan dan lebih daripada 1,200 terminal layan diri di seluruh negara. Fungsi utamanya adalah sebagai bank runcit dengan perbankan pengguna merangkumi lebih daripada 75% daripada jumlah pembiayaannya. Sebagai bank Islam yang pertama di Malaysia, Bank Islam mempunyai kelebihan kerana memiliki jenama dan francais yang kukuh yang berjaya membezakannya dengan ketara daripada pesaingnya - mewujudkan imej yang menarik sebagai bank Islam yang tulen yang telah berjaya dan terus menarik pangkalan pelanggan yang setia dan sentiasa berkembang. Setakat ini, Bank memberikan perkhidmatan kepada kira-kira lima juta pelanggan di seluruh negara. Bank sentiasa memberikan tumpuan kepada pengembangan dan penambahbaikan portfolio produk dan perkhidmatannya yang patuh Syariah supaya dapat menyediakan lebih banyak pilihan dan nilai kepada pelanggannya. Produk inovatif yang ditawarkan menjadi kelebihan daya saing yang utama bagi Bank sejak sekian lama dalam usahanya mengekalkan kedudukannya sebagai peneraju industri perbankan Islam. Bank Islam ialah bank yang pertama memperkenalkan dan memasarkan tawaran Islam baharu seperti Perbankan Mudah Alih TAP-i ("TAP-i") yang memenangi anugerah, Pelaburan dan Simpanan-i Al-Awfar serta manfaat unik seperti Skim Penangguhan Bayaran kepada pelanggan pembiayaan rumahnya yang menghendaki pelanggan membayar ansuran untuk 10 bulan sahaja setahun dan bukannya 12 bulan. Bank juga menikmati kelebihan sebagai perintis untuk pembiayaan peribadi berasaskan kadar terapung yang dilancarkan pada 2012.

Bank Islam menyedari keperluan untuk menjadi organisasi yang mengutamakan pelanggan, dengan memberikan penekanan terhadap penyampaian perkhidmatan yang cemerlang ke semua titik sentuh pelanggan. Antara lain, Bank sentiasa berusaha membangunkan sistem dengan reka bentuk yang lebih efisien dalam memenuhi keperluan pelanggan dengan cara yang lebih mudah dan efektif dan urus niaga melalui saluran elektronik yang kini merangkumi kira-kira 80% daripada jumlah urus niaga Bank Islam. Automasi juga terus dimajukan oleh Bank untuk menambah baik kemudahan dan akses untuk pelanggan. Dalam pada itu, Bank terus membangunkan interaksi manusia supaya dapat membina hubungan yang berkekalan dengan pelanggan jika langkah elektronik tidak sesuai atau bukan pilihan terbaik untuk pelanggan tersebut. Bank Islam yang menyimpan hasrat untuk mencapai kecemerlangan perkhidmatan, menyedari kepentingan dalam menyampaikan perkhidmatan peribadi, fleksibel dan proaktif yang memerlukan pekerjanya bertindak dengan cara yang agak berbeza untuk membantu menyelesaikan isu.

Bagi pihak ahli Lembaga Pengarah, saya amat berbesar hati dengan kejayaan Bank dalam melaksanakan strategi tiga tahun yang dirangka sebaiknya mengikut perancangan.

# CHAIRMAN'S STATEMENT
# PERNYATAAN PENGERUSI

## COMMENDABLE PERFORMANCE

During the year under review, the Bank recorded PBZT of RM683 million, an increase of 13.8% or RM82.7 million from the previous year. This strong profit performance is attributed to solid financing growth, diversified revenue streams, continued increase in deposits through current and savings accounts ("CASA"), growth in non-fund based income, improvement in asset quality and the successful implementation of the H2E Plan.

The year saw Bank Islam's asset growth at 14% per annum, in line with the government's aspiration of 15% growth for Islamic Banking as underlined under the Economic Transformation Plan ("ETP"). The Bank's gross financing growth was robust at 22% driven by the increase in its personal financing portfolio by 29% and 26% in house financing. Customer deposits grew by 14% while CASA grew by 8.5%. The Bank continues to uphold a strong CASA composition of 39% as at the end of 2013 against the Islamic banking industry average of 25.9%. This success was due to attractive customer deposit products that expanded CASA from RM13.4 billion to RM14.6 billion, an increase of RM1.2 billion in 2013. The more than sufficient liquidity in the Bank is reflected by the financing-to-deposit ratio of about 65%. The Bank's asset quality remain healthy with the Bank's gross impaired ratio improving to 1.18% as at end of 2013 from 1.55% as at end of 2012. This is mainly due to prudential measures implemented by the Bank which include, among others, salary deduction from source and robust underwriting standards.

This improved performance enhanced the Bank's Return on Equity ("ROE") to 21.2% from 20.4% in the previous year compared with an industry average of 15.9%. The Bank's Return on Assets ("ROA") also remained strong at 1.7% which is higher than the industry's 1.5%. In addition, the Bank continues to be well-capitalised with high quality CET1 capital of 13%. This is a testament to the strong oversight and leadership together with an experienced management team with in-depth understanding of the local market dynamics and of the regulatory requirements.

During the year under review, the Bank has paid out dividend of RM195.4 million. I am also pleased to announce that this year marks the Bank becoming a wholly-owned subsidiary of BIMB Holdings Berhad ("BHB").

## PRESTASI MEMBANGGAKAN

Dalam tahun di bawah tinjauan, Bank terus mencatatkan PBZT sebanyak RM683 juta, peningkatan sebanyak 13.8% atau RM82.7 juta berbanding tahun sebelumnya. Prestasi keuntungan yang kukuh ini berpunca daripada pertumbuhan pembiayaan yang teguh, aliran hasil yang pelbagai, pertambahan deposit yang berterusan melalui akaun semasa dan simpanan ("CASA"), pertumbuhan dalam pendapatan berasaskan bukan dana, peningkatan kualiti aset dan kejayaan pelaksanaan Pelan H2E.

Tahun ini menyaksikan pertumbuhan aset Bank Islam pada 14% setahun, sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk 15% pertumbuhan bagi perbankan Islam seperti yang digariskan di bawah Rancangan Transformasi Ekonomi ("ETP"). Pertumbuhan pembiayaan kasar Bank didapati teguh pada 22% yang didorong oleh peningkatan dalam portfolio pembiayaan peribadi sebanyak 29% dan 26% dalam pembiayaan rumah. Deposit pelanggan meningkat sebanyak 14% manakala CASA pula meningkat sebanyak 8.5%. Bank terus mengekalkan komposisi CASA yang kukuh iaitu 39% setakat akhir 2013 berbanding purata industri perbankan Islam pada 25.9%. Kejayaan ini disebabkan oleh produk deposit pelanggan yang menarik yang meningkatkan CASA daripada RM13.4 bilion kepada RM14.6 bilion, iaitu peningkatan sebanyak RM1.2 bilion pada 2013. Nisbah pembiayaan-kepada-deposit kira-kira 65% menggambarkan kecairan yang lebih daripada cukup dalam Bank. Kualiti aset Bank terus kukuh dengan nisbah terjejas kasar bertambah baik kepada 1.18% pada akhir 2013 berbanding 1.55% pada akhir 2012. Hal ini terutamanya disebabkan oleh langkah kehematan yang dilaksanakan oleh Bank, termasuk antara lain, potongan gaji daripada sumber dan piawaian taja jamin yang kukuh.

Prestasi yang semakin baik ini meningkatkan Pulangan Ekuiti ("ROE") Bank kepada 21.2% daripada 20.4% pada tahun sebelumnya berbanding purata ROE industri sebanyak 15.9%. Pulangan Aset ("ROA") Bank juga terus kukuh pada 1.7%, lebih tinggi daripada industri sebanyak 1.5%. Selain itu, Bank terus mempunyai modal yang cukup dengan modal CET1 berkualiti tinggi sebanyak 13%. Hal ini menjadi bukti wujudnya pemantauan dan kepimpinan yang teguh bersama dengan kumpulan pengurusan yang berpengalaman yang mempunyai kefahaman mendalam tentang dinamik pasaran tempatan dan keperluan kawal selia.

Pada tahun di bawah tinjauan, Bank telah membayar dividen sebanyak RM195.4 juta. Saya juga dengan sukacitanya ingin mengumumkan bahawa tahun ini menyaksikan Bank menjadi anak syarikat milik penuh BIMB Holdings Berhad ("BHB").

## STEADFAST IN GOVERNANCE

Within the context of corporate governance the Bank continues to uphold positive business ethics as part of our on-going commitment as a responsible corporate citizen. We subscribe to the regulatory standards and guidelines as prescribed by the Malaysian Code of Corporate Governance and the relevant requirements as outlined by Bank Negara Malaysia's ("BNM") Shariah Governance Framework. The Board continuously strives to ensure that standards of corporate governance, internal control and risk management are practised throughout Bank Islam and its subsidiaries.

During the year under review, Bank Islam adopted and implemented the integrated framework of Committee of Sponsoring Organisations of the Treadway Commission ("COSO") which is a system of internal controls that enables the management to deal with a rapidly changing economic and competitive environment, shifting customer demands and priorities, and restructuring for future growth. The COSO framework promotes efficiency, reduces risk of asset loss and helps ensure the reliability of financial statements and compliance with laws and regulations.

We maintain that adhering to strict ethical behaviours is an essential part of business reality. Our managers continually make decisions that affect a range of stakeholder groups and communities – from our customers and employees to those within the immediate communities. Thus, we strive to ensure that our conducts are in line with the Shariah principles which advocate ethical and responsible banking. Our policy of zero tolerance to Shariah non-compliance is a further testament to our holistic stand where Shariah principles are concerned.

A detailed statement on our corporate governance best practice and Shariah compliance is on page 154 of this report.

## KETEGUHAN DALAM TADBIR URUS

Dalam konteks tadbir urus korporat, Bank terus berpegang pada etika perniagaan yang positif sebagai sebahagian daripada komitmen berterusan kami sebagai warga korporat yang bertanggungjawab. Kami mematuhi piawaian dan garis panduan kawal selia yang ditetapkan oleh Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia dan keperluan berkaitan seperti yang digariskan oleh Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah Bank Negara Malaysia. Lembaga Pengarah sentiasa berusaha memastikan bahawa piawaian tadbir urus korporat, kawalan dalaman dan pengurusan risiko yang boleh dicontohi diamalkan di seluruh Bank Islam dan anak syarikatnya.

Pada tahun di bawah tinjauan, Bank Islam telah menggunakan dan melaksanakan rangka kerja bersepadu Jawatankuasa Organisasi Penajaan Suruhanjaya Treadway ("COSO"), iaitu sistem kawalan dalaman yang membolehkan pihak pengurusan menangani persekitaran ekonomi dan suasana persaingan yang pesat berubah, menangani perubahan dalam permintaan dan keutamaan pelanggan, serta melaksanakan penyusunan semula untuk perkembangan masa depan. Rangka kerja COSO menggalakkan kecekapan, mengurangkan risiko kehilangan aset dan membantu memastikan kebolehpercayaan penyata kewangan serta pematuhan undang-undang dan peraturan.

Kami berpendapat kepatuhan kepada tingkahlaku beretika ialah bahagian penting dalam dunia perniagaan. Pengurus kami berterusan membuat keputusan yang melibatkan pelbagai kumpulan dan komuniti berkepentingan - daripada pelanggan dan pekerja kami sehinggalah kepada mereka dalam komuniti terdekat. Oleh itu, kami berusaha untuk memastikan agar perlakuan kami sejajar dengan prinsip Syariah yang menyokong perbankan yang beretika dan bertanggungjawab. Polisi kami yang tiada toleransi kepada ketidakpatuhan Syariah adalah bukti kepada pendirian holistik kami terhadap prinsip Syariah.

Pernyataan terperinci tentang amalan tadbir urus korporat terbaik dan pematuhan Syariah kami boleh didapati pada halaman 154 laporan ini.





# CHAIRMAN'S STATEMENT
## PERNYATAAN PENGERUSI

### EXCELLENT SCORES

Our journey of transformation continues with plans to preserve the Bank's strength in franchises, leveraging on the expansion of our branch network, together with other electronic delivery channels to expand our business and enhance services to our customers. During the year under review, we opened six new branches with an expansion plan to achieve an optimal size of 150 branches by 2015.

In terms of human resources to power our journey, the Bank now has a capacity of more than 4,200 employees with a relatively low attrition rate of 3.97%. This accomplishment, the result of effective talent management and succession planning across all levels of employees and management, is rendered more significant as there has been no material industrial dispute with the Bank's employees during the year under review.

I am quite confident that given the opportunities optimised from the growth strategies in place and the resultant initiatives that have been implemented, we are poised to take Bank Islam to greater heights in Islamic finance, leveraging our proven capabilities on the regional and global markets.

In recognition of its remarkable performance, the Bank has won numerous awards during the year under review. The most notable are Most Innovative Islamic Bank in Malaysia 2013 by the International Finance Magazine, Islamic Bank of the Year Award 2013 (Malaysia) by The Banker magazine, and the Trailblazer Awards 2013 – Special Commendation in Mobile Banking (Financial Inclusion) by Banking and Payments Asia ("BPA"). Bank Islam was also ranked the fifth strongest bank in Malaysia by The Asian Banker in 2013.

It is also worthy to note that our Managing Director, Dato' Sri Zukri Samat was awarded Islamic Banker of the Year 2013 by Global Islamic Finance Awards ("GIFA") and Trailblazer of the Year 2013 by BPA for leading the Bank's turnaround effort and continued excellence in the industry.

### DELIVERING SOCIETAL VALUE

As an Islamic financial institution that takes responsible corporate citizenship seriously, Bank Islam continues to deliver a wider societal value by giving back to society meaningfully. The Bank's Corporate Responsibility ("CR") initiatives and activities have been designed to fulfil the four pillars of community, marketplace, workplace and the environment. These revolve around creating a thriving community that provides proper education for children within the community, promoting the preservation of the environment for the benefit of future generations and contributing to the development and enhancement of the national agenda.

### PENCAPAIAN CEMERLANG

Perjalanan transformasi kami diteruskan dengan rancangan untuk mengekalkan kekuatan Bank dalam bidang francais, memanfaatkan peluasan rangkaian cawangan, bersama dengan saluran penghantaran elektronik lain untuk memperluaskan perniagaan kami dan meningkatkan mutu perkhidmatan kepada pelanggan kami. Pada tahun di bawah tinjauan, kami telah membuka enam cawangan baharu, dengan rancangan peluasan untuk mencapai bilangan optimum sebanyak 150 cawangan menjelang 2015.

Dari segi sumber manusia untuk memperkasakan perjalanan kami, Bank kini mempunyai kapasiti seramai lebih 4,200 pekerja dengan kadar atrisi yang agak rendah, iaitu 3.97%. Pencapaian ini hasil pengurusan bakat dan pelan penggantian yang berkesan pada setiap peringkat pekerja dan pengurusan, dianggap lebih signifikan memandangkan pertikaian perindustrian secara material dengan pekerja Bank tidak pernah wujud semasa tahun di bawah tinjauan.

Saya benar-benar yakin bahawa dengan peluang yang dioptimumkan daripada strategi pertumbuhan yang dilaksanakan dan hasil inisiatif yang diambil, kami bersedia untuk membawa Bank Islam ke tahap yang lebih tinggi dalam kewangan Islam, dengan memanfaatkan kemampuan kami yang telah terbukti dalam pasaran serantau dan global.

Sebagai pengiktirafan kepada prestasinya yang luar biasa, Bank telah memenangi pelbagai anugerah pada tahun tinjauan. Antara anugerah terpenting ialah anugerah Bank Islam Paling Inovatif di Malaysia 2013 oleh International Finance Magazine, Bank Islam Terbaik 2013 (Malaysia) oleh majalah The Banker dan Trailblazer Awards 2013 - Kepujian Khas dalam Perbankan Mudah Alih (Rangkuman Kewangan) oleh Banking and Payments Asia (BPA). Bank Islam juga telah disenaraikan sebagai bank kelima paling kukuh di Malaysia oleh *The Asian Banker* pada tahun 2013.

Perlu dinyatakan juga bahawa Pengarah Urusan kami, Dato' Sri Zukri Samat telah dianugerahkan Islamic Banker of the Year 2013 oleh Global Islamic Finance Awards ("GIFA") dan Trailblazer of the Year 2013 oleh BPA atas kepimpinannya dalam usaha pemulihan dan kecemerlangan berterusan Bank Islam dalam industri.

### MENYAMPAIKAN NILAI KEMASYARAKATAN

Sebagai institusi kewangan Islam yang mengambil serius akan tanggungjawabnya sebagai warga korporat, Bank Islam terus menyampaikan nilai kemasyarakatan yang lebih luas dengan memberikan bantuan bermakna kepada masyarakat. Inisiatif dan aktiviti Tanggungjawab Korporat ("CR") Bank telah dirangka untuk memenuhi keempat-empat tunggak, iaitu komuniti, pasaran, tempat kerja dan alam sekitar. Usaha ini berkisar tentang mewujudkan komuniti yang berkembang maju yang menyediakan pendidikan sewajarnya kepada kanak-kanak dalam komuniti, menggalakkan pemeliharaan alam sekitar demi manfaat generasi akan datang dan menyumbang kepada perkembangan dan penambahbaikan agenda nasional.





For the year under review, the Bank continues to place emphasis on improving the lives of the underprivileged. Significant contributions focused on poverty-reduction projects, welfare support and unity programmes. It gives me great pleasure to announce that our Zakat contribution for 2013 has increased to RM12.6 million compared with RM9.2 million in 2012. As an ethical financial institution that employs participatory banking methods, this allows us to mindfully give back more to benefit the disadvantaged in society.

Acknowledging the need to close the education gap between students in rural and urban areas, Bank Islam continues participation in the PINTAR Foundation programme – a Government-linked companies' sponsorship initiative, through its adoption of 18 schools throughout Malaysia. The Bank is confident that the implementation of programmes specifically designed for students from low-income families can create a pool of future talents and leaders who can contribute positively to the nation's development.

Detailed information on our CR initiatives for 2013 is reported on page 124 of this report.

Pada tahun di bawah tinjauan, Bank terus memberikan penekanan dalam memperbaik kehidupan golongan kurang bernasib baik. Sumbangan bermakna tertumpu kepada projek pengurangan kemiskinan, bantuan kebajikan dan program perpaduan. Saya sangat gembira untuk mengumumkan bahawa sumbangan zakat kita pada 2013 telah meningkat kepada RM12.6 juta berbanding RM9.2 juta pada 2012. Sebagai institusi kewangan beretika yang menggunakan kaedah perbankan penyertaan, ini memberi peluang untuk kami menyumbang lebih kepada golongan yang kurang bernasib baik dalam masyarakat mendapat manfaat.

Bank Islam yang memperakui keperluan untuk merapatkan jurang pendidikan antara pelajar di kawasan luar bandar dengan di bandar, meneruskan penyertaannya dalam program Yayasan PINTAR, sebuah inisiatif penajaan syarikat berkaitan kerajaan, melalui pengambilan 18 sekolah di seluruh Malaysia sebagai sekolah angkat. Bank yakin bahawa pelaksanaan program yang direka khas untuk pelajar daripada keluarga yang berpendapatan rendah boleh mewujudkan kumpulan bakat dan pemimpin masa depan yang dapat menyumbang secara positif kepada pembangunan negara.

Maklumat terperinci berkenaan inisiatif CR kami bagi tahun 2013 dilaporkan pada halaman 124 laporan ini.



# CHAIRMAN'S STATEMENT
## PERNYATAAN PENGERUSI

### 2013 INDUSTRY REVIEW

The Islamic banking industry has made steady progress since the establishment of Bank Islam as Malaysia's first Islamic bank in 1983. Malaysia continues to be a global leader in the international Sukuk market, accounting for 58.8% or USD159 billion (approximately RM520 billion) of the global outstanding Sukuk. Islamic bank assets have grown to RM556.5 billion in 2013 which represents 25% of total banking assets, from RM494.7 billion in 2012.

However, growth within Malaysia's Islamic banking system is expected to be moderate due to macro-prudential measures initiated by BNM to curb the increase of household debt in relation to GDP that stood at 86% - among the highest in the region. Nevertheless, it is envisaged that projects under the ETP will provide support to overall financing growth, bolstering the effect of weakening consumer demand.

Employing astute strategic planning, the Bank has been formulating and implementing programmes and initiatives to develop sound and ethical banking operations that promote the Islamic financial sector as a viable economic system. Optimising the opportunities presented by this viable system, I am confident that Bank Islam is well-positioned to demonstrate its leadership role within the Malaysian Islamic banking industry when addressing the periodic financial upheavals that have been plaguing the global economy since the 1990s.

### TO THE FORE

With the Bank poised to move into an era of regionalisation and globalisation, we are focused to continue as the source of reference for Islamic finance. We accomplish this through our representation at institutions of higher learning to formulate learning modules and participation in conferences, seminars, workshops and study tours organised by the academia and financial institutions from around the world.

We are proud to be part of the process in furthering the knowledge base of Islamic finance by encouraging international, regional and national scholars to contribute towards its success. At the same time, we envisage that Islamic financing will become a part of the national education curriculum to provide the younger generation with the knowledge of a viable economic system.

We will continue on our journey by optimising opportunities through service excellence, talent development and Shariah-led innovation in our products as well as services, whilst continuing to be sensitive to the sophisticated demands of our customers and the growing needs of our stakeholders.

### ULASAN INDUSTRI 2013

Industri perbankan Islam terus maju sejak penubuhan Bank Islam sebagai bank Islam pertama di Malaysia pada 1983. Malaysia terus menjadi pemimpin global dalam pasaran Sukuk antarabangsa, mencakupi 58.8% atau USD 159 bilion (kira-kira RM520 bilion) daripada Sukuk terkumpul global. Aset bank Islam telah meningkat kepada RM556.5 bilion pada 2013 daripada RM494.7 bilion pada 2012 dan mewakili 25% daripada jumlah aset perbankan.

Namun begitu, pertumbuhan dalam sistem perbankan Islam Malaysia dijangka sederhana disebabkan langkah kehematan makro yang diambil BNM untuk mengawal peningkatan hutang isi rumah berkaitan dengan KDNK, iaitu sebanyak 86% - antara yang tertinggi di rantau ini. Walau bagaimanapun, projek di bawah ETP dijangka memberikan sokongan kepada keseluruhan pertumbuhan pembiayaan, memperkukuh kesan permintaan pengguna yang berkurangan.

Melalui perancangan strategik yang bijak, Bank telah membentuk dan melaksanakan program serta inisiatif untuk membangunkan operasi perbankan yang mantap dan beretika yang mempromosikan sektor kewangan Islam sebagai sistem ekonomi yang berdaya maju. Dengan mengoptimumkan peluang yang disediakan oleh sistem yang berdaya maju ini, saya yakin bahawa Bank Islam berada di landasan yang betul untuk membuktikan daya kepimpinannya dalam industri perbankan Islam di Malaysia apabila berhadapan dengan krisis pergolakan kewangan berkala yang melanda ekonomi global sejak tahun 1990-an.

### MELANGKAH KE HADAPAN

Menerusi kesediaan Bank untuk memasuki era regionalisasi dan globalisasi, kami menumpukan untuk terus menjadi sumber rujukan bagi kewangan Islam. Kami melaksanakan usaha ini melalui perwakilan kami di institusi pengajian tinggi untuk menyediakan modul pembelajaran dan penyertaan dalam persidangan, seminar, bengkel dan lawatan sambil belajar yang dianjurkan oleh institusi akademik dan kewangan di seluruh dunia.

Kami berbangga menjadi sebahagian daripada proses percambahan ilmu pengetahuan yang berteraskan kewangan Islam dengan menggalakkan para cendekiawan antarabangsa, serantau dan tempatan untuk menyumbang ke arah kejayaan ini. Pada masa yang sama, kami turut menjangkakan kewangan Islam akan menjadi sebahagian daripada kurikulum pendidikan kebangsaan untuk menyediakan pengetahuan tentang sistem ekonomi yang berdaya maju kepada generasi muda.

Kami akan meneruskan perjalanan dengan mengoptimumkan peluang melalui kecemerlangan perkhidmatan, pengembangan bakat dan inovasi berteraskan Syariah dalam produk serta perkhidmatan kami, dan pada masa yang sama terus peka dengan permintaan sofistikated daripada pelanggan kami dan keperluan pihak berkepentingan yang semakin bertambah.





### ACKNOWLEDGEMENTS

Bank Islam's three decades of success would not have been realised without the support of our key stakeholders – customers, employees, shareholders, the authorities and BNM as our regulator. It is indeed a great privilege for me to acknowledge the support of our key stakeholders who have been the bedrock of our success during this year under review.

On behalf of my fellow Directors on the Board, I express gratitude to the representatives of Dubai Financial Group ("DFG") LLC – Mr. Abdullah Abdulrahman Abdullah Sharafi and Mr. Mohammed Abdul Ghaffar Hussain, who have resigned from the Board. Their valued contribution is acknowledged and I am privileged to record our deep appreciation. As shareholders, DFG and Lembaga Tabung Haji had substantial involvement in assisting the Bank's turnaround efforts since 2006 and played a significant role in the Bank's 'coming of age', contributing immeasurably to our current success.

Simultaneously, I take this opportunity to welcome our new Board member, Professor Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Haji Husin.

The Bank's notable success during this period under review would not have been possible without the selfless contribution from my fellow Directors, members of the Bank's Shariah Supervisory Council and the Bank's committed employees – all 4,200 of them. These dedicated employees who have grown with Bank Islam have embraced change, optimised the opportunities made available as a result of the H2E Plan growth strategies and implemented innovative initiatives to spur the growth of the Bank in particular and the Islamic banking sector in Malaysia in general. I thank them for their tireless effort and perseverance to ensure the Bank's success, and indirectly the Malaysian Islamic banking industry's success, as well as pay tribute to their valued contribution. Moving forward, the Bank is committed to its values and will continue its efforts to promote Shariah principles as the way of life.

**DATUK ZAMANI ABDUL GHANI**

### PENGHARGAAN

Kejayaan Bank Islam selama tiga dekad ini tidak akan dapat dicapai tanpa sokongan pihak berkepentingan utama kami – pelanggan, pekerja, pemegang saham, pihak berkuasa dan BNM sebagai pengawal selia kami. Sesungguhnya saya dengan rasa bangga menyatakan penghargaan terhadap sokongan pihak berkepentingan utama kami yang menjadi teras kejayaan luar biasa kami pada tahun di bawah tinjauan ini.

Bagi pihak ahli Lembaga Pengarah, saya ingin menyatakan rasa terima kasih kepada wakil Dubai Financial Group (DFG) LLC – Encik Abdullah Abdulrahman Abdullah Sharafi dan Encik Mohammed Abdul Ghaffar Hussain yang telah melepaskan jawatan sebagai ahli Lembaga Pengarah. Sumbangan bernilai mereka dihargai dan saya berbangga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada mereka. Sebagai pemegang saham, DFG dan Lembaga Tabung Haji mempunyai penglibatan yang cukup besar dalam membantu usaha pemulihan Bank sejak 2006 dan memainkan peranan penting untuk menjadikan Bank Islam 'Maju', menyumbang tanpa had terhadap kejayaan kami pada masa kini.

Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk mengalu-alukan kedatangan ahli baharu Lembaga Pengarah kami, Professor Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Haji Husin.

Kejayaan penting Bank pada tempoh di bawah tinjauan ini tidak akan menjadi kenyataan tanpa sumbangan ikhlas daripada rakan pengarah, ahli Majlis Pengawasan Syariah Bank dan pekerja Bank yang komited – kesemuanya seramai 4,200 orang. Pekerja berdedikasi ini yang menjadi lebih matang bersama-sama Bank Islam telah menerima perubahan, mengoptimumkan peluang yang tersedia sebagai hasil strategi pertumbuhan Pelan H2E dan melaksanakan inisiatif berinovatif untuk mendorong pertumbuhan Bank secara khusus dan sektor perbankan Islam secara keseluruhannya. Saya berterima kasih kepada mereka atas usaha gigih dan ketabahan mereka bagi memastikan kejayaan Bank, dan secara tidak langsung kejayaan industri perbankan Islam Malaysia, dan juga penghormatan atas sumbangan mereka yang berharga. Melangkah ke hadapan, Bank komited terhadap nilai-nilai murninya serta usaha galakan penerapan prinsip Syariah dalam kehidupan.

**DATUK ZAMANI ABDUL GHANI**

# MANAGING DIRECTOR'S OPERATIONAL REVIEW

# ULASAN OPERASI PENGARAH URUSAN

## DEAR STAKEHOLDERS,

BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD ("BANK ISLAM"), THE NATION'S PIONEER ISLAMIC BANK, HAS SINCE ITS INCORPORATION IN MARCH 1983, ENTERED ITS THIRD DECADE - WITH A VISION 'TO BE A GLOBAL LEADER IN ISLAMIC BANKING' PRINCIPALLY AS A SOURCE OF REFERENCE FOR SHARIAH-BASED BANKING. THE ACHIEVEMENT OF THIS ASPIRATION IS FACILITATED BY THE BANK'S MISSION STATEMENT WHICH ENCOMPASSES CONTINUOUS DEVELOPMENT AND INNOVATION OF UNIVERSALLY-ACCEPTED FINANCIAL SOLUTIONS THAT COMPLY WITH SHARIAH PRINCIPLES.

## PIHAK BERKEPENTINGAN YANG DIHORMATI,

BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD ("BANK ISLAM"), BANK ISLAM PERINTIS DI MALAYSIA, SEJAK PENUBUHANNYA PADA MAC 1983, TELAH MEMASUKI DEKAD KETIGANYA – DENGAN WAWASAN 'MENJADI PEMIMPIN GLOBAL DALAM PERBANKAN ISLAM', TERUTAMANYA SEBAGAI SUMBER RUJUKAN UNTUK PERBANKAN BERASASKAN SYARIAH. PENCAPAIAN ASPIRASI INI DIMUDAHKAN OLEH PERNYATAAN MISI BANK YANG MERANGKUMI PEMBANGUNAN DAN INOVASI BERTERUSAN DALAM PENYELESAIAN KEWANGAN YANG DITERIMA SEJAGAT DAN MEMATUHI PRINSIP SYARIAH.



# **MANAGING DIRECTOR'S** OPERATIONAL REVIEW
## ULASAN OPERASI **PENGARAH URUSAN**



Bank Islam is primarily a retail bank, with more than 75% of the Bank's financing driven by Consumer Banking, with the balance 25% divided between Commercial Banking and Corporate Banking. The Bank has 133 branches nation-wide with more than 1,200 self-service terminals and a work-force of more than 4,200 employees with the Bank being among Malaysia's most preferred employers.

During the year under review, the Bank was positively rated with re-affirmed A1/P1financial institution rating with long-term stable outlook by RAM Ratings. It is ranked as the fifth strongest bank (balance sheet) in Malaysia by The Asian Banker, a respected global financial publication. The Bank also ranked at 33rd place among the top 100 Malaysian Brands with a brand value of USD162 million by BrandFinance – the world's leading brand valuation consultancy.

Bank Islam's strategic focus and its resultant success has earned it the acknowledgement as 'Best Islamic Bank of the Year' by The Banker magazine and Focus Malaysia. Other numerous awards and accolades include 'Equity Deals of the Year 2013' by Islamic Finance News, 'Most Innovative Islamic Bank in Malaysia 2013' by International Finance Magazine, 'Trailblazer Awards 2013 – Special Commendation in Mobile Banking' by Banking and Payments Asia ("BPA"), 'VISA Malaysia Bank Awards 2013 – Largest Payment Volume for Islamic Debit Card' by VISA and 'Special Recognition Award for Payments Innovation' by Wells Fargo.

Pada dasarnya, Bank Islam merupakan bank runcit, dengan lebih 75% daripada pembiayaan Bank dipacu oleh Perbankan Pengguna dengan baki 25% dibahagikan antara Perbankan Komersil dan Perbankan Korporat. Bank mempunyai 133 cawangan di seluruh negara dengan lebih daripada 1200 terminal layan diri dan kekuatan tenaga kerja seramai lebih daripada 4000 orang yang menjadikan Bank sebagai antara majikan pilihan utama di Malaysia.

Pada tahun tinjauan, Bank menerima penarafan positif dengan penarafan institusi kewangan A1/P1 yang disahkan semula, serta prospek jangka panjang yang stabil daripada RAM Ratings. Bank dipilih sebagai bank ke-5 paling kukuh (kunci kira-kira) di Malaysia oleh The Asian Banker, sebuah terbitan kewangan global yang dihormati. Bank juga diletakkan di tempat ke-33 dalam 100 Jenama Malaysia terbaik dengan nilai jenama AS162 juta oleh BrandFinance – firma perunding penilaian jenama yang terkemuka di dunia.

Tumpuan strategik Bank Islam, dan kejayaan yang dicapai setakat ini menyebabkannya diiktiraf sebagai 'Bank Islam Terbaik 2013' oleh majalah The Banker dan Focus Malaysia. Anugerah dan pengiktirafan lain yang diterima termasuk 'Urus Janji Ekuiti Terbaik 2013' daripada Islamic Finance News, 'Bank Islam Paling Inovatif di Malaysia 2013' daripada International Finance Magazine, 'Anugerah Pelopor/Perintis 2013 – Pujian Khas dalam Perbankan Mudah Alih' daripada Banking and Payments Asia ("BPA"), 'Anugerah VISA Bank Malaysia 2013 – Volum Pembayaran Tertinggi bagi Kad Debit Islam' daripada VISA dan 'Anugerah Pengiktirafan Khas untuk Inovasi Pembayaran' daripada Wells Fargo.

As leader of the management team, it is my privilege to acknowledge the Bank's noteworthy success during this period under review. Bank Islam's current strength rests on the strong foundation built by its capable and dedicated team through meticulously planned strategies and initiative presented in our two previous corporate blueprints spanning from 2006-2009 and 2010-2012 respectively. Capitalising on its revitalised strength, the Bank began its transformation journey to promote excellence through the strategic initiatives under the Hijrah to Excellence ("H2E") Plan, already underway until the end of 2015. The H2E plan, supported by its six pillars comprising robust organic growth; excellence in service delivery; innovation in products and services; optimisation of available resources; being a preferred employer and venturing beyond Malaysia's borders, is formulated to optimise opportunities that can deliver success for Bank Islam as it grows its market share despite operating under demanding market conditions. It is most inspiring that as at 31 December 2013 the Bank's market share in terms of assets ranked third in the local Islamic banking industry.

The execution of the H2E Plan is bearing fruit as exhibited by the Bank's improved Return on Equity ("ROE") to 21.2% during the period under review compared with 20.4% in 2012. Bank Islam's Return on Assets remained resilient at 1.7% while its Risk-Weighted Capital Ratio ("RWCR") continued to be strong at 14% for the period under review against the 13.9% reported at 31 December 2012.

The Bank recorded financing growth of 21.7% and stood at RM23.7 billion as at 31 December 2013.

Sebagai ketua pasukan pengurusan, saya dengan sukacitanya ingin merakamkan penghargaan atas kejayaan cemerlang Bank semasa tempoh tinjauan ini. Kekuatan Bank Islam pada masa ini terletak pada asas yang kukuh yang dibina oleh pasukannya yang berkebolehan dan berdedikasi menerusi strategi dan inisiatif yang dirancang dengan teliti yang dikemukakan dalam dua rangka tindakan korporat kami terdahulu, masing-masing merangkumi dari 2006-2009 dan 2010-2012. Memanfaatkan kekuatannya, Bank memulakan perjalanan transformasinya untuk menggalakkan kecemerlangan menerusi inisiatif strategik di bawah Pelan Hijrah Ke arah Kecemerlangan ("H2E") yang menjangkau tempoh sehingga hujung tahun 2015. Pelan H2E, yang disokong oleh enam tunggaknya, iaitu pertumbuhan organik yang kukuh; kecemerlangan dalam penyampaian perkhidmatan; inovasi produk dan perkhidmatan; pengoptimuman sumber yang ada; menjadi majikan pilihan dan usaha niaga melewati sempadan Malaysia, dirumuskan untuk mengoptimumkan peluang kejayaan Bank Islam semasa Bank memperluaskan bahagian pasarannya, meskipun beroperasi dalam keadaan pasaran yang mencabar. Amatlah memberangsangkan apabila mengetahui bahawa setakat 31 Disember 2013, bahagian pasaran Bank dari segi aset menduduki tempat ketiga dalam industri perbankan Islam tempatan.

Pelaksanaan Pelan H2E membuahkan hasil seperti yang ditunjukkan oleh Pulangan Ekuiti ("ROE") Bank yang meningkat kepada 21.2% semasa tempoh tinjauan berbanding 20.4% pada 2012. Pulangan Aset Bank Islam kekal teguh pada 1.7%, manakala Nisbah Modal Berwajaran Risiko ("RWCR") terus kukuh pada 14% bagi tempoh tinjauan berbanding 13.9% yang dilaporkan pada 31 Disember 2012.

Tahun 2015 telah menyaksikan Bank mengalami pertumbuhan pembiayaan yang disokong terutamanya oleh sektor isi rumah dan pembiayaan komersil.



# MANAGING DIRECTOR'S OPERATIONAL REVIEW
## ULASAN OPERASI PENGARAH URUSAN

Despite the robust financing growth, Bank Islam's asset quality continues to be strong. The Bank's gross impaired financing amount improved to RM285.3 million as at 31 December 2013 compared with RM308.7 million in 2012 – an improvement of 7.6%. Consequently, the gross impaired ratio was lower at 1.18% against 1.55% in the previous year. After taking into account the allowance for impaired financing, net impaired financing ratio (less IA and CA) improved to -0.91% from -0.67%. The Bank's financing loss coverage ratio improved to 175.8%, from 142.6% in the previous year.

As mentioned earlier, we have identified six areas under the H2E Plan where the Bank intends to leverage its resources in order to meet the challenges of increased competition in the Islamic banking industry and the demands of accelerating financial and regulatory developments. They are robust organic growth, service excellence, Shariah-led innovation, resource optimisation, being the employer of choice and regionalisation.

### ROBUST ORGANIC GROWTH

As the first pillar of the H2E Plan, robust organic growth necessitated the achievement of annual targets established for the next three years. The initial indicators included assets growth of 15% per annum, financing growth of 25% per annum, financing-to-deposits growth of 75% by 2015, non-fund based income of 15% by 2015 and gross profit growth of 15% per annum. However, demanding developments during the year under review - domestic and global economic challenges, fierce competition and the implementation of macro-prudential measures by Bank Negara Malaysia to address increasing household debt as well as the new classification of deposits under IFSA 2013, compelled the Bank to be realistic about its targets and revisit some of them as follows: assets growth target was revised to 8% per annum with financing growth estimates between 20% and 25% and gross profit growth to 10% from the previous target of 15%.

For the year under review, total assets grew by 14.4% compared to the initial H2E target of 15%. Growth was driven by the increase in net financing which expanded by 21.7% or RM4.2 billion, raising the financing portfolio to RM23.7 billion from RM19.5 billion previously. The financing growth was primarily supported by the household sector which expanded by 24% as well as commercial financing which registered a vigorous growth of 31% - well within the H2E target, achieved despite challenging market conditions.

Meskipun Bank Islam mengalami pertumbuhan pembiayaan yang kukuh, kualiti asetnya terus berada dalam keadaan baik. Amaun pembiayaan terjejas kasar Bank bertambah baik kepada RM285.3 juta setakat 31 Disember 2013, berbanding RM308.7 juta pada 2012 – peningkatan sebanyak 7.6%. Nisbah terjejas kasar juga menurun kepada 1.18% berbanding 1.55% pada tahun sebelumnya. Selepas mengambil kira elaun untuk pembiayaan terjejas, nisbah pembiayaan terjejas bersih (ditolak IA dan CA) meningkat kepada -0.91% daripada -0.67%. Nisbah perlindungan kerugian pembiayaan Bank meningkat kepada 175.8% daripada 142.6% yang dicapai pada tahun sebelumnya.

Seperti yang disebut sebelum ini, kami telah mengenal pasti enam bidang di bawah Pelan H2E yang membolehkan Bank memanfaatkan sumbernya bagi menghadapi cabaran industri perbankan Islam yang semakin sengit dan memenuhi tuntutan pembangunan kewangan dan pengawalseliaan. Bidang tersebut ialah pertumbuhan organik yang kukuh, kecemerlangan perkhidmatan, inovasi berteraskan Syariah, pengoptimuman sumber, majikan pilihan dan regionalisasi.

### PERTUMBUHAN ORGANIK YANG KUKUH

Sebagai tunggak pertama dalam Rancangan H2E, pertumbuhan organik yang kukuh memerlukan pencapaian sasaran tahunan yang ditetapkan untuk tempoh tiga tahun yang akan datang. Petunjuk awal termasuk pertumbuhan aset sebanyak 15% setahun, pertumbuhan pembiayaan sebanyak 25% setahun, pertumbuhan pembiayaan-kepada-deposit sebanyak 75% menjelang 2015, pendapatan berasaskan bukan dana sebanyak 15% menjelang 2015 dan pertumbuhan keuntungan kasar sebanyak 15% setahun. Walau bagaimanapun, pembangunan yang mencabar pada tahun tinjauan – cabaran ekonomi domestik dan global, persaingan yang sengit, pelaksanaan langkah kehematan makro oleh Bank Negara Malaysia untuk menangani hutang isi rumah yang semakin meningkat, serta klasifikasi deposit baharu di bawah IFSA 2013, memaksa Bank supaya realistik dalam menetapkan sasarannya dan melihat semula sebahagian daripadanya seperti berikut: sasaran pertumbuhan aset dipinda kepada 8% setahun dengan anggaran pertumbuhan pembiayaan antara 20% hingga 25%, serta pertumbuhan keuntungan kasar sebanyak 10% dan bukannya 15% seperti yang disasarkan sebelum ini.

Bagi tahun tinjauan, jumlah aset mengalami pertumbuhan sebanyak 14.4% berbanding sasaran awal H2E, iaitu 15%. Pertumbuhan ini dipacu oleh peningkatan pembiayaan bersih sebanyak 21.7% atau RM4.2 bilion, dengan itu meningkatkan portfolio pembiayaan kepada RM23.7 bilion daripada RM19.5 bilion sebelum ini. Pertumbuhan pembiayaan disokong terutamanya oleh sektor isi rumah, yang meningkat sebanyak 24%, serta pembiayaan komersil, yang mencatatkan pertumbuhan yang sihat sebanyak 31% – menepati sasaran H2E, dan angka ini dicapai meskipun dalam keadaan pasaran yang mencabar.





In FYE2013 growth in net financing outpaced the growth in customer deposits leading to an increase in the financing-to-deposits ratio to 65% compared with 61.2% in 2012. The Bank's total customer deposits expanded by 14.4% or RM4.7 billion to RM37.3 billion for the period under review compared with RM32.6 billion in 2012. Bank Islam plans to leverage its position even further in 2014 with financing-to-deposits ratio target of 70%, and strives to achieve an optimum balance sheet structure by 2015 with 75% financing-to-deposits ratio.

Non-fund based income contributed to 12.6% of total income, amounting to RM283.8 million compared with RM267.5 million of the previous year. This is attributable to higher contribution from Forex income, Ar-Rahnu, Bancatakaful and debit card businesses.

During this first year of the H2E Plan, Bank Islam continued its strong earnings trend despite prevalent global financial instability. Bank Islam's Profit Before Zakat and Tax ("PBZT") for the year under review was RM683 million, rising 13.8% or RM82.7 million compared with 2012 arising from strong financing growth, competitive product offerings and improvement in asset quality.

The Bank's strong performance is attributable to robust organic growth as a result of a well-defined risk-based target market as well as risk-based performance incentives. At this juncture, the Bank wishes to record its appreciation to the Board of Directors whose wise counsel have continually guided us towards our stellar performance and the dedicated Bank Islam employees for their exemplary commitment towards the achievement of the Bank's corporate and business objectives.

The Bank's inspiring growth is the result of innovative products that adhere to stringent Shariah principles and our relentless effort to continually improve on quality of service. Bank Islam takes pride in its innovative offerings and is planning to continuously pursue its quest for excellence. Moreover, intense market competition has led the Bank to recognise the need for service excellence in order to remain ahead of the curve. Bank Islam will overcome its challenges and accomplish success by optimising opportunities within every aspect of the Bank's operations, by the grace of Allah.

Dalam tahun kewangan berakhir 2013, pertumbuhan yang pesat dalam pembiayaan bersih mengatasi kadar pertumbuhan deposit pelanggan yang membawa kepada peningkatan dalam nisbah pembiayaan-kepada-deposit – 65% berbanding 61.2% pada 2012. Jumlah deposit pelanggan Bank meningkat sebanyak 14.4% atau RM4.7 bilion kepada RM37.3 bilion bagi tempoh tinjauan berbanding RM32.6 bilion pada 2012. Bank Islam merancang untuk memanfaatkan lagi kedudukannya pada 2014 dengan menyagarkan nisbah pembiayaan kepada deposit sebanyak 70% dan berusaha mencapai struktur kunci kira-kira yang optimum menjelang 2015 dengan nisbah pembiayaan kepada deposit sebanyak 75%.

Pendapatan berasaskan bukan dana menyumbangkan 12.6% daripada jumlah pendapatan, berjumlah RM283.8 juta berbanding RM267.5 juta pada tahun sebelumnya. Hal ini berpunca daripada sumbangan yang lebih tinggi daripada pendapatan Forex, Ar-Rahnu, Bancatakaful dan perniagaan kad debit.

Pada tahun pertama Pelan H2E ini, Bank Islam meneruskan trend perolehan yang kukuh meskipun wujud ketidakstabilan kewangan global secara meluas. Keuntungan Sebelum Zakat dan Cukai ("PBZT") Bank Islam bagi tahun tinjauan ialah RM683 juta, iaitu peningkatan sebanyak 13.8% atau RM82.7 juta berbanding jumlah pada 2012, yang timbul daripada pertumbuhan pembiayaan yang kukuh, penawaran produk yang kompetitif dan penambahbaikan kualiti aset.

Prestasi kukuh Bank berpunca daripada pertumbuhan organik yang kukuh hasil daripada pasaran sasaran berasaskan risiko yang ditentukan dengan jelas serta insentif prestasi berasaskan risiko. Di sini, Bank ingin merakamkan penghargaannya kepada Lembaga Pengarah atas nasihat dan kebijaksanaan mereka yang terus membimbing kami ke arah mencapai prestasi cemerlang, dan kepada pekerja Bank Islam yang berdedikasi atas komitmen mereka yang dapat dijadikan contoh dalam mencapai objektif korporat dan perniagaan Bank.

Pertumbuhan Bank yang mengagumkan merupakan hasil produk inovatif yang mematuhi prinsip Syariah yang tegas dan usaha kami yang tidak henti-henti untuk terus meningkatkan kualiti perkhidmatan. Bank Islam berasa bangga dengan produk inovatif yang ditawarkannya dan merancang untuk terus berusaha mencapai kecemerlangan. Selain itu, persaingan pasaran yang sengit menyebabkan Bank menyedari perlunya kecemerlangan perkhidmatan untuk terus mendahului pesaingnya dalam trend terkini. Bank Islam akan mengatasi cabaran yang dihadapinya dan mencapai kejayaan dengan mengoptimumkan peluang dalam setiap aspek operasi Bank, dengan limpah kurnia Allah.

# **MANAGING DIRECTOR'S** OPERATIONAL REVIEW
## ULASAN OPERASI **PENGARAH URUSAN**

### SERVICE EXCELLENCE

The Service Excellence initiatives that Bank Islam has embarked upon in 2013 focuses on the importance of delivering personal, flexible and pro-active service where our employees go at length to help resolve issues. It is about meeting and exceeding customer's expectations. It is about raising the standards of the Bank's service quality.

The Bank's method to assess customer satisfaction is through the Customer Satisfaction Index ("CSI") survey that is produced by the Malaysian Productivity Centre ("MPC"). Bank Islam's CSI score during the period under review was 86, where a score above 80 is considered strong according to international benchmark. In fact, Bank Islam attained the highest score among all participating Government-linked Companies ("GLC"). Meanwhile, the Bank's Queue Management System ("QMS") rating, which records customer waiting time, has been continuously improving over the past three years.

For the year under review, 90% of the Bank's branches received a QMS green rating compared with 45% of the branches in 2012 and 21% in the year before that. Records also show that, on average, customers' waiting time was four minutes in 2013 with plans for further improvement. Specific process re-engineering, initiatives such as further enhancing Financing Origination System, have been put in place to improve turnaround time that will benefit customers.

The Bank's commitment to service excellence is given further emphasis with training initiatives for front-liners dealing with customers - the ambassadors of the Bank. Additionally, Bank Islam is making every effort in familiarising its customers with the Bank's range of products and services, ensuring that they gain full benefits of the offerings. Initiatives such as the Commercial Banking division's distribution of its Product Sales Kit, among others, ensure that all of the Bank's branches and ambassadors are equipped with the tools and knowledge to assist the customers in the best way possible. It gives me great pleasure to inform that this initiative has resulted in an increase of satisfaction level of 86% in 2013 compared with 40% in 2011.

### KECEMERLANGAN PERKHIDMATAN

Inisiatif Kecemerlangan Perkhidmatan yang dimulakan oleh Bank Islam pada 2013 adalah tentang pentingnya memberikan perkhidmatan yang bersifat peribadi, fleksibel dan proaktif dengan pekerja kami bersusah payah membantu menyelesaikan isu. Inisiatif ini adalah tentang memenuhi atau melebihi jangkaan pelanggan dan meningkatkan standard kualiti perkhidmatan Bank.

Kaedah yang digunakan oleh Bank untuk menilai kepuasan pelanggan ialah kaji selidik Indeks Kepuasan Pelanggan ("CSI") yang dijalankan oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC). Skor CSI Bank Islam semasa tempoh tinjauan ialah 86, dengan skor melebihi 80 dianggap kukuh menurut tanda aras antarabangsa. Malah, Bank Islam memperoleh skor tertinggi dalam kalangan semua Syarikat Berkaitan Kerajaan ("GLC") yang mengambil bahagian. Sementara itu, penarafan Sistem Pengurusan Giliran ("QMS") Bank, yang merekodkan masa menunggu pelanggan, mencatatkan penambahbaikan yang berterusan sejak tiga tahun yang lepas.

Bagi tahun tinjauan, 90% cawangan Bank menerima penarafan hijau QMS berbanding 45% cawangan pada 2012 dan 21% pada tahun sebelumnya. Rekod juga menunjukkan bahawa, secara purata, masa menunggu pelanggan ialah empat minit pada 2013, dengan rancangan untuk memendekkan lagi tempohnya pada tahun yang akan datang. Rekayasa semula proses tertentu, inisiatif seperti menambah baik lagi Sistem Pengasalan Pembiayaan, telah dilaksanakan untuk memperbaik tempoh tindakan yang akan memberikan manfaat kepada pelanggan.

Komitmen Bank terhadap kecemerlangan perkhidmatan ditekankan lagi dengan mengadakan inisiatif latihan untuk pekerja barisan hadapan – duta Bank – yang berurusan dengan pelanggan. Selain itu, Bank Islam berusaha bersungguh-sungguh untuk menyebarluaskan jenis produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Bank kepada pelanggan bagi memastikan pelanggan mendapat manfaat sepenuhnya daripada tawaran tersebut. Inisiatif seperti pengedaran Kit Jualan Produk oleh bahagian Perbankan Komersil, antara lain, memastikan semua cawangan dan duta Bank dilengkapi alat dan pengetahuan untuk membantu pelanggan sebaik mungkin. Saya dengan sukacitanya ingin memaklumkan bahawa inisiatif ini telah meningkatkan tahap kepuasan sebanyak 86% pada 2013 berbanding 40% pada 2011.

As a way of appreciation to its customers, Bank Islam is currently embarking on the Priority Banking Card to offer them personalised banking service and to improve their experience at branches. At this initial stage, the Card will be issued to 1,500 eligible customers.

During the period under review, the Bank continued to expand its customer touchpoints with the opening of six new branches in Taman Bukit Indah, Johor; Bandar Baru Tunjung, Kelantan; Sungai Buloh, Selangor; KL Sentral 2; Senawang, Selangor and Sungai Petani 2, Kedah, two Ar-Rahnu outlets in Kubang Kerian, Kelantan and Kuantan, Pahang, three Bureau de Change outlets at Penang International Airport; KL Sentral and Setiawalk and 30 Self Service Terminals ("SSTs"). The Bank now has a total of 133 branches, six Ar-Rahnu outlets, seven Bureau de Change and more than 1,200 SSTs throughout Malaysia.

As Bank Islam strives for continuous service excellence, it is exploring innovative ways to enhance customers' experience with the Bank through the optimisation of opportunities, retain its current customers and extend their product holding.

Sebagai tanda penghargaan kepada pelanggannya, Bank Islam kini melancarkan Kad Perbankan Prioriti untuk menawarkan perkhidmatan perbankan peribadi kepada pelanggan dan menambah baik pengalaman mereka di cawangan Bank. Pada peringkat awal ini, Kad tersebut akan diberikan kepada 1500 pelanggan yang layak.

Semasa tempoh tinjauan, Bank terus menambah bilangan titik sentuh pelanggannya dengan membuka enam cawangan baharu di Taman Bukit Indah, Johor; Bandar Baru Tunjung, Kelantan; Sungai Buloh, Selangor; KL Sentral 2; Senawang, Selangor dan Sungai Petani 2, Kedah, dua outlet Ar-Rahnu di Kubang Kerian, Kelantan dan Kuantan, Pahang, tiga kaunter Biro Tukaran Wang Asing di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, KL Sentral dan Setiawalk serta 30 Terminal Layan Diri ("SST"). Bank kini mempunyai sejumlah 133 cawangan, enam outlet Ar-Rahnu, tujuh Biro Tukaran Wang Asing dan lebih daripada 1200 SST di seluruh Malaysia.

Dalam usaha Bank Islam mencapai kecemerlangan perkhidmatan yang berterusan, Bank meneroka cara yang inovatif untuk menambah baik pengalaman pelanggan dengan Bank dengan mengoptimumkan peluang, mengekalkan pelanggan sedia ada dan memanjangkan tempoh pemegangan produk mereka.



# MANAGING DIRECTOR'S OPERATIONAL REVIEW
## ULASAN OPERASI PENGARAH URUSAN

### SHARIAH-LED INNOVATION

The core underpinning of Islamic finance is the principle that requires Islamic financial institutions to generate revenue from real productive economic activities. Bank Islam facilitates its customers' asset acquisition through real economic activities structured on the nominated Shariah contracts. Murabahah (cost plus sale), Ijarah (leasing) and Istisna' (sale of an asset to be manufactured or built) are some examples.

Islamic finance also places emphasis on risk-sharing, thereby strengthening further the link of finance to the real economy. This principle is exemplified by profit and loss-sharing partnerships such as Musharakah and profit-sharing ventures such as Mudharabah.

During the year under review, Bank Islam introduced the Murabahah Purchase Orderer ("MPO") contract for its vehicle financing and 'Parallel Istisna' for project financing. The Bank also refined its Commodity Murabahah contract in its quest to continuously improve its product offerings and to be at par with international standards.

Bank Islam continues to innovate in its financial mechanisms and instruments to promote the development of a financial system which supports the expansion of the nation's economic activities. Opportunities for Shariah-led innovation is optimised through research, promotion, implementation and 'going the extra mile' of doing more than banking. This is accomplished through Bank Islam's Shariah Centre of Excellence – where the Bank continues to be the source of reference for Islamic banking products and services, and a knowledge centre with facilities to address public enquiries and provide world-class Shariah-compliant financial solutions.

The new legal framework for Islamic banking and Takaful - the Islamic Financial Services Act ("IFSA") 2013 that came into force recently is set to pave the way for the development of an end-to-end Shariah-compliant regulatory framework, reinforcing the effective application of Shariah rules and principles in the conduct of Islamic financial institutions. The introduction of this Act is a major stepping stone for Bank Islam as it would facilitate the Bank to be more innovative in product offerings that would benefit the consumers.

### INOVASI BERTERASKAN SYARIAH

Teras yang menyokong kewangan Islam ialah prinsip yang menghendaki institusi kewangan Islam supaya menjana hasil daripada aktiviti ekonomi produktif sebenar. Bank Islam memudahkan pemerolehan aset pelanggannya menerusi aktiviti ekonomi sebenar yang distrukturkan berdasarkan kontrak Syariah yang dinamakan seperti Murabahah (jualan kos tokok), Ijarah (pemajakan) dan Istisna' (penjualan aset yang akan dipasang atau dibina), sekadar menyatakan beberapa contoh.

Kewangan Islam juga memberikan penekanan pada perkongsian risiko, dengan itu mengukuhkan lagi hubungan kewangan dengan ekonomi sebenar. Prinsip ini ditunjukkan menerusi perkongsian untung rugi seperti Musharakah dan usaha niaga perkongsian untung seperti Mudharabah.

Pada tahun tinjauan, Bank Islam memperkenalkan kontrak 'Purchase Orderer' Murabahah ("MPO") untuk pembiayaan kenderaan serta Istisna' Selari untuk pembiayaan projek. Bank juga memperkemas kontrak Komoditi Murabahah dalam usahanya untuk terus menambah baik produk yang ditawarkannya supaya selaras dengan standard antarabangsa.

Bank Islam terus membuat pembaharuan dalam mekanisme dan instrumen kewangannya untuk menggalakkan pembangunan sistem kewangan yang menyokong pengembangan aktiviti ekonomi negara. Peluang untuk inovasi berteraskan Syariah dioptimumkan menerusi penyelidikan, promosi, pelaksanaan dan melakukan lebih daripada aktiviti perbankan. Ini dapat dicapai menerusi Pusat Kecemerlangan Syariah Bank Islam – di mana Bank terus menjadi sumber rujukan bagi produk dan perkhidmatan perbankan Islam serta pusat ilmu dengan kemudahan untuk menangani pertanyaan orang ramai dan menyediakan penyelesaian untuk penyelesaian kewangan patuh Syariah bertaraf dunia.

Rangka kerja perundangan yang baharu untuk perbankan Islam dan Takaful – Akta Perkhidmatan Kewangan Islam ("IFSA") 2013 yang dikuatkuasakan baru-baru ini – akan membuka jalan untuk pembangunan rangka kerja kawal selia patuh Syariah hujung ke hujung, mengukuhkan pemakaian peraturan dan prinsip Syariah yang berkesan dalam pengendalian institusi kewangan Islam. Pengenalan Akta ini merupakan batu loncatan untuk Bank Islam kerana ia akan memudahkan Bank untuk menjadi lebih inovatif dalam menawarkan produk yang akan memberikan manfaat kepada pengguna.





### RESOURCE OPTIMISATION

Resource optimisation is another of the six pillars supporting the H2E plan. The key components within the Bank's strategy to optimise resources include harnessing the 'share of wallet' by cross-selling and up-selling, improving and optimising internal processes, providing shared services, practicing cost efficiency to deliver higher productivity and re-energising the brand equity by delivering on the brand values.

Bank Islam constantly strives to improve processes, such as the application of biometric identification. Formless withdrawals and minimum form-filling for opening new accounts have reduced the Turnaround Time from 30 minutes to 12 minutes. By utilising biometric identification of a customer's thumb print, the Bank demonstrates its commitment towards environmental conservation by going paperless.

In addition, in tandem with the increase in the quantity of its service delivery systems, the Bank is also committed to enhancing the systems' quality through improvements at all touchpoints. Proactive measures have been put in place to ensure maximum availability on uptime of the banking machines for customers' convenience. The ATMs at all of the Bank's branches are now serviced in-house and this has delivered significant cost-savings and improved customer service.

### EMPLOYER OF CHOICE

One of the most challenging tasks for management is to change the mindset and culture of the workforce. However, Bank Islam has been most fortunate as it has attained success with the implementation of new policies that were readily accepted by its people. These dedicated employees have seen the Bank through hard times and have remained loyal, growing with, and focused on developing the Bank.

The Bank acknowledges their commitment, dedication and unwavering contribution towards the sustainable success of its business, and the Bank is similarly committed to providing a holistic working environment for its people.

The Bank's strategies toward becoming an employer of choice encompass inspiring the employees to develop a mindset of excellence; promoting passionate leadership, engaging with people and shared values; creating a high performance and a knowledge-based workplace for a work-life balanced 'community connection'.

### PENGOPTIMUMAN SUMBER

Pengoptimuman sumber ialah satu salah daripada enam tunggak yang menyokong pelan H2E. Komponen utama dalam strategi Bank untuk mengoptimumkan sumber termasuk memanfaatkan 'perkongsian dompet' menerusi jualan silang dan jualan menaik; menambah baik dan mengoptimumkan proses dalaman; menyediakan perkhidmatan bersama; mengamalkan kecekapan kos untuk meningkatkan produktiviti; serta memulihkan ekuiti jenama dengan memberikan perkhidmatan yang selaras dengan nilai jenama.

Bank Islam sentiasa berusaha untuk menambah baik proses, seperti penggunaan pengecaman biometrik. Pengeluaran wang tanpa borang dan pengisian borang yang minimum untuk membuka akaun baharu telah mengurangkan Tempoh Tindakan daripada 30 minit kepada 12 minit. Dengan menggunakan pengecaman biometrik cap ibu jari pelanggan, Bank menunjukkan komitmennya terhadap pemuliharaan alam sekitar dengan tidak menggunakan kertas.

Selain itu, selaras dengan pertambahan jumlah sistem penyampaian perkhidmatannya, Bank juga komited untuk meningkatkan kualiti sistem menerusi penambahbaikan di semua titik sentuh. Langkah proaktif telah diambil bagi memastikan ketersediaan masa berfungsi yang maksimum bagi mesin perbankan untuk kemudahan pelanggan. ATM di semua cawangan Bank kini dikendalikan oleh Bank sendiri dan ini telah menjimatkan kos dengan ketara serta menambah baik perkhidmatan pelanggan.

### MAJIKAN PILIHAN

Salah satu tugas yang paling mencabar bagi pihak pengurusan adalah mengubah cara berfikir dan budaya tenaga kerja. Walau bagaimanapun, Bank Islam sangat bernasib baik kerana ia telah mencapai kejayaan dengan pelaksanaan dasar baharu yang diterima dengan rela hati oleh pekerjanya. Pekerja yang berdedikasi ini telah bersama-sama Bank melalui masa yang sukar dan tetap setia, berkembang seiring dengan Bank dan tertumpu pada usaha memajukan Bank.

Bank menghargai komitmen, dedikasi dan sumbangan mereka yang tidak berbelah bagi ke arah mencapai kejayaan yang mampan dalam perniagaannya, dan begitu juga dengan Bank yang komited untuk menyediakan persekitaran kerja yang holistik untuk pekerjanya.

Strategi Bank untuk menjadi majikan pilihan termasuk menggalakkan pekerja supaya membina set minda yang cemerlang; menunjukkan kepimpinan yang penuh semangat; melibatkan diri dengan pekerja dan berkongsi nilai; serta mewujudkan tempat kerja yang berprestasi tinggi dan berasaskan pengetahuan untuk 'hubungan komuniti' yang disertai keseimbangan antara kerja dengan kehidupan.

# MANAGING DIRECTOR'S OPERATIONAL REVIEW
## ULASAN OPERASI PENGARAH URUSAN

The work-life balance is rendered more meaningful with sporting and community activities between employees and the local communities where it operates. These activities are aimed at inculcating a sense of camaraderie and team spirit. The year under review saw the carnival taking place at UiTM campus in Dungun, Terengganu, where 771 staff participated in various sports activities such as football, badminton, volleyball as well as traditional games such as Congkak. The Bank has also established the Skuad Amal or Charity Squad which focuses on providing community service and assistance during natural disasters such as floods. During the year under review, Bank Islam has mobilised employees to assist flood victims in Kuantan, Pahang and Kubang Kerian, Kelantan.

The Bank's employee engagement strategies have proven successful and during the period under review our staff turnover record is among the lowest in Malaysia - with an attrition rate of about 4%, which is lower than the industry average. The Bank's efforts bore fruit when it made the list of Malaysia's top 100 preferred employers. During the period under review, Bank Islam invested RM8.9 million for staff capacity-building to ensure that the workforce of 4,200 are trained and ready to take Islamic banking to the next level of accomplishment in the coming era.

### REGIONALISATION

The next era for Islamic banking is regionalisation and globalisation. The global Islamic finance industry recorded a compounded annual growth rate of 16% from 2006 to 2012. As the growth rate far exceeds that of the conventional finance industry the potential is immense. Islamic finance asset comprise approximately 1.6% of the world's total financial assets, with as many as 600 financial institutions across 75 countries offering Shariah-compliant products and services.

Cognisant of this potential, Bank Islam aspires to have a footprint in the ASEAN region, particularly in Indonesia. Its focus is on capturing marketshare within this region, a market that is closer to home and one that it is familiar with. One of the key considerations would be a venture that offers synergies to its business and create value for its stakeholders. The Bank is on the lookout for a bank that has a wide branch network and outreach that would render its presence more effective in the local market.

The Bank envisages promoting Malaysia as an Islamic financial hub by sharing its best practices with other foreign central banks and regulators, namely the Central Bank of Nigeria, Central Bank of Oman, Central Bank of Sri Lanka, U.S. Aid for Afghanistan, etc. Additionally, the Bank continuously imparts its Shariah governance framework with interested parties especially in areas related to practical approaches in managing Shariah compliance risk.

Keseimbangan antara kerja dengan kehidupan menjadi lebih bermakna dengan adanya aktiviti sukan dan kemasyarakatan antara pekerja dengan komuniti setempat di tempat bank beroperasi. Aktiviti ini bertujuan untuk menanam semangat keakraban dan semangat berpasukan. Tahun tinjauan menyaksikan karnival berlangsung di kampus UiTM Dungun, Terengganu, di mana 771 kakitangan menyertai pelbagai aktiviti sukan seperti bola sepak, badminton dan bola tampar serta permainan tradisional seperti congkak. Bank juga menubuhkan Skuad Amal yang memberikan tumpuan pada penyediaan perkhidmatan dan bantuan komuniti semasa bencana alam seperti banjir. Pada tahun tinjauan, Bank Islam menggerakkan pekerjanya untuk membantu mangsa banjir di Kuantan, Pahang dan Kubang Kerian, Kelantan.

Strategi pelibatan pekerja Bank terbukti berjaya dan semasa tempoh tinjauan, rekod pusing ganti kakitangan kami adalah antara yang terendah di Malaysia – dengan kadar atrisi kira-kira 4%, iaitu lebih rendah daripada purata industri. Usaha Bank membuahkan hasil apabila ia berjaya memasuki senarai 100 majikan pilihan terbaik Malaysia. Semasa tempoh tinjauan, Bank Islam melaburkan RM8.9 juta untuk membina keupayaan kakitangan bagi memastikan tenaga kerjanya seramai 4200 orang dilatih dan bersedia untuk membawa perbankan Islam ke tahap pencapaian seterusnya dalam era yang akan datang.

### REGIONALISASI

Era berikutnya untuk perbankan Islam ialah regionalisasi dan globalisasi. Industri kewangan Islam global mencatatkan kadar pertumbuhan tahunan terkompaun 16% dari 2006 hingga 2012. Oleh sebab kadar pertumbuhan jauh melebihi kadar pertumbuhan industri kewangan konvensional, potensi industri kewangan Islam adalah sangat besar. Aset kewangan Islam merangkumi kira-kira 1.6% daripada jumlah aset kewangan dunia, dengan 600 institusi kewangan di 75 negara menawarkan produk dan perkhidmatan patuh Syariah.

Menyedari potensi ini, Bank Islam berhasrat untuk bertapak di rantau ASEAN, terutamanya di Indonesia. Tumpuannya adalah penguasaan pasaran di rantau ini, pasaran yang terletak berhampiran dengan Malaysia dan yang sememangnya dikenali. Salah satu pertimbangan utama ialah usaha niaga yang menawarkan sinergi kepada perniagaannya dan mewujudkan nilai untuk pihak berkepentingannya. Bank sedang mencari bank yang mempunyai rangkaian cawangan dan jangkauan yang luas yang akan menjadikan kehadiran Bank di pasaran tempatan lebih kukuh.

Bank berhasrat untuk mempromosikan Malaysia sebagai hab kewangan Islam dengan berkongsi amalan terbaiknya dengan bank pusat dan pengawal selia asing, iaitu Central Bank of Nigeria, Central Bank of Oman, Central Bank of Sri Lanka, U.S. Aid for Afghanistan dan lain-lain. Selain itu, Bank akan terus memberitahu pihak yang berminat tentang rangka kerja tadbir urus Syariahnya, terutamanya dalam bidang yang berkaitan dengan pendekatan yang praktikal dalam menguruskan risiko pematuhan Syariah.

### REVIEW OF BUSINESS OPERATIONS

#### Consumer Banking

**2013 Highlights**
- Financing growth of 24.1%
- Customer deposits growth of 14.8%
- Launched VISA Debit Card-i Team Harimau and Platinum Credit Card-i
- First implementation of mPOS electronic payment facility in the country
- Awarded Largest Islamic VISA Debit Card Payment Volume

Bank Islam is primarily a retail bank with commercial banking and investment banking capabilities. 75% of the Bank's current portfolio is consumer-based assets. During the period under review consumer financing grew by 24.1% to RM18.2 billion from RM14.7 billion recorded in the previous year. The growth was driven mainly by house financing by 27.2% and personal financing by 29.3%, to RM7.1 billion and RM7.9 billion respectively in 2013. Total customer deposits expanded by 14.8% or RM1 billion, to RM8.3 billion compared to RM7.3 billion in the previous year. CASA expanded to RM5.2 billion as at December 2013, an increase of RM0.4 billion from the previous year. CASA to deposits ratio for consumer banking stood at 61.9% as at December 2013.

### ULASAN OPERASI PERNIAGAAN

#### Perbankan Pengguna

**Sorotan 2013**
- Pertumbuhan pembiayaan sebanyak 24.1%
- Pertumbuhan deposit pelanggan sebanyak 14.8%
- Pelancaran Kad Debit-i Visa Team Harimau dan Kad Kredit-i Visa Platinum
- Pelaksanaan kemudahan pembayaran elektronik mPOS yang pertama di Malaysia
- Dianugerahkan Volum Pembayaran Tertinggi bagi Kad Debit Islam VISA

Pada dasarnya, Bank Islam merupakan bank runcit dengan keupayaan perbankan komersil dan perbankan pelaburan. 75% daripada portfolio semasa Bank ialah aset berasaskan pengguna. Semasa tempoh tinjauan, pembiayaan pengguna meningkat sebanyak 24.1% kepada RM18.2 bilion daripada RM14.7 bilion yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan dipacu terutamanya oleh pembiayaan rumah yang meningkat sebanyak 27.2% dan pembiayaan peribadi yang meningkat sebanyak 29.3% masing-masing kepada RM7.1 bilion dan RM7.9 bilion pada 2013. Jumlah deposit pelanggan meningkat sebanyak 14.8% atau RM1 bilion kepada RM8.3 bilion berbanding RM7.3 bilion pada tahun sebelumnya. CASA meningkat kepada RM5.2 bilion setakat Disember 2013, iaitu peningkatan sebanyak RM0.4 bilion dari tahun sebelumnya. Nisbah CASA kepada deposit bagi perbankan konsumer ialah 61.9% setakat Disember 2013.



# MANAGING DIRECTOR'S OPERATIONAL REVIEW
## ULASAN OPERASI PENGARAH URUSAN

Bank Islam continues to drive the take-up of its consumer deposits products, in particular the attractive Al Awfar Savings. This savings account based on the Mudharabah contract of profit-sharing is an innovative deposit product that motivates customers to cultivate the habit of saving on a regular basis. To promote the savings account further, the Bank launched the 'Fast Lane to Become a Millionaire' campaign to increase customers' uptake of the account by providing three grand prizes of RM1 million each.

Additionally, the Bank introduced the Labbaik Account-i, a Mudharabah 2-in-1 savings account that helps customers save to perform the Hajj pilgrimage and at the same time, provide Takaful insurance coverage in the event of death or total and permanent disability of the account owner. Bank Islam customers can perform the transactions at any Bank Islam counters, auto debit from an existing Bank Islam account, standing instruction from other financial institutions, at the Bank's SSTs, Internet banking and Bank Islam's Transact-at-Palm Mobile Banking-i ("TAP-i").

Through strategic smart partnerships to expand Islamic finance products for the younger market segments, the Bank launched the Visa Debit Card-i, a co-branded initiative with the Football Association of Malaysia that is designed to allow Harimau Malaya and Harimau Muda fans to enjoy exciting benefits such as facilitation of online payments of bills, petrol purchases, Lembaga Tabung Haji's transactions, ticket bookings for football matches, points for the newly introduced TruRewards loyalty programme and the opportunity to participate in various promotional campaigns organised by the Bank. As at end December 2013, the card registered 1.2 million subscribers.

Similarly, the Bank continues to promote the application of cashless payment methods especially among students from institutions of higher learning via the introduction of our University Debit Card-i ("UniDebit"). UniDebit is a multi-purpose, all-in-one card designed for university students and staff that can be used as an access card, library card and university identification card with the privileges of a Visa debit card. After its introduction at University Malaysia Kelantan, plans are now underway to extend the facility to all public universities nationwide.

The Bank's continuous effort in promoting financial inclusiveness gave birth to the Mobile Electronic Payment Acceptance ("mPOS") – a low-cost mobile point-of-sales facility for SMEs and micro enterprises. A first for Malaysia, Bank Islam worked with VISA to launch the initiative at Pasar Siti Khadijah in Kota Bahru, Kelantan, with the aim of helping local businesses and SMEs, as well as card-holders, to realise the benefits of electronic payments. This initiative in the state of Kelantan and consequently throughout Malaysia is aligned with Bank Negara Malaysia's goal towards a cashless society.

Bank Islam terus memacu penggunaan produk deposit penggunanya, terutamanya Simpanan Al-Awfar yang menarik. Akaun simpanan ini, yang berasaskan kontrak perkongsian untung Mudharabah, ialah produk deposit inovatif yang menggalakkan pelanggan supaya memupuk tabiat menyimpan secara tetap. Dalam usaha mempromosikan akaun ini selanjutnya, Bank melancarkan kempen 'Jalan Mudah untuk Menjadi Jutawan' bagi meningkatkan penggunaan akaun ini oleh pelanggan dengan menawarkan tiga hadiah utama bernilai RM1 juta setiap satu.

Selain itu, Bank juga memperkenalkan Akaun-i Labbaik, akaun simpanan Mudharabah 2 dalam 1 yang membantu pelanggan menyimpan untuk tujuan menunaikan ibadat haji dan pada masa yang sama, menyediakan perlindungan insurans Takaful jika pemilik akaun meninggal dunia atau mengalami hilang upaya menyeluruh dan kekal. Pelanggan Bank Islam boleh menjalankan urus niaga di mana-mana kaunter Bank Islam dan SST Bank, atau menerusi auto debit daripada akaun Bank Islam sedia ada, arahan tetap daripada institusi kewangan lain, perbankan Internet dan Perbankan Mudah Alih-i *Transact-at-Palm* ("TAP-i").

Menerusi perkongsian pintar strategik untuk memperluaskan produk kewangan Islam untuk segmen pasaran generasi muda, Bank melancarkan Kad Debit-i Visa, inisiatif penjenamaan bersama dengan Persatuan Bola Sepak Malaysia, yang membolehkan peminat Harimau Malaya dan Harimau Muda menikmati manfaat yang menarik seperti kemudahan pembayaran bil dalam talian, pembelian petrol, urus niaga Lembaga Tabung Haji atau tempahan tiket perlawanan bola sepak, mata untuk program kesetiaan TruRewards yang baru diperkenalkan serta peluang menyertai pelbagai kempen promosi yang dianjurkan oleh Bank. Setakat akhir Disember 2013, kad ini mencatatkan 1.2 juta pelanggan.

Begitu juga, Bank terus menggalakkan penggunaan kaedah pembayaran tanpa tunai, terutamanya dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi, melalui pengenalan Kad Debit Universiti-i ("UniDebit"). UniDebit ialah kad serbaguna khas untuk pelajar dan kakitangan universiti yang boleh digunakan sebagai kad akses, kad perpustakaan dan kad pengenalan universiti dengan keistimewaan kad debit Visa. Selepas diperkenalkan di Universiti Malaysia Kelantan, Bank kini merancang untuk meluaskan penggunaan kemudahan ini di semua universiti awam di seluruh negara.

Usaha Bank yang berterusan dalam menggalakkan keterangkuman kewangan melahirkan Penerimaan Pembayaran Elektronik Mudah Alih ("mPOS") – kemudahan titik jualan mudah alih kos rendah untuk PKS dan perusahaan mikro. Yang pertama seumpamanya di Malaysia, Bank Islam bekerjasama dengan VISA untuk melancarkan inisiatif ini di Pasar Siti Khadijah di Kota Bahru, Kelantan, dengan matlamat untuk membantu perniagaan tempatan dan PKS, serta pemegang kad menyedari manfaat pembayaran elektronik. Inisiatif di negeri Kelantan dan seterusnya di seluruh Malaysia ini sejajar dengan matlamat Bank Negara Malaysia untuk mewujudkan masyarakat tanpa tunai.

Bank Islam had earlier introduced the TAP-i service which offers mobile banking services without Internet connections. This 'banking on the move' service launched in 2010 complements the Bank's strategy to promote financial inclusiveness within a cashless society and has currently more than 500,000 subscribers.

The Ar-Rahnu business grew 18.7% and generated fee-based income of RM11.7 million during the period under review. Two Ar-Rahnu outlets were opened in Kubang Kerian, Kelantan and Kuantan, Pahang in 2013. The Bank looks forward to opening three more outlets in Sungai Petani and Alor Setar in Kedah as well as Kuala Terengganu in Terengganu.

Moving forward, the consumer banking market will continue to pose challenges as a result of the highly competitive banking environment and stringent macro-prudential measures introduced by Bank Negara Malaysia to address the high rate of house-hold debt. Notwithstanding the competitive landscape, the Bank will continue to drive its retail business leveraging on its strong brand presence, sizable retail customer base, innovative Shariah-compliant products and multi-touchpoint distribution capability.

Bank Islam will remain vigilant in ensuring effective credit risk management as well as maintaining its focus on more robust assessment of affordability in line with the Responsible Financing Guidelines issued by Bank Negara Malaysia.

### Commercial Banking

**2013 Highlights**
- Financing growth of 31%
- Revenue growth of 17%
- Launched Mudharabah Contract Financing programme to support government projects
- Focus on secured portfolio via Business Premises Financing

Amidst the backdrop of an uncertain economic landscape and an intensely competitive business environment, Bank Islam's Commercial Banking division's overall growth remained positive in 2013. This was achieved by adhering to a sales and marketing strategy concentrated on established businesses with proven track records from the commercial sector and State Government-related entities and the provision of competitive financing and deposit products catering to both the SME and non-SME customers. At the same time, emphasis continues to be placed on secured financing with risk-based floating rate pricing. Due to this, the Commercial Banking's overall year-on-year asset growth during the period under review was RM751.7 million – an increase of 31% to RM3.2 billion.

Sebelum ini, Bank Islam memperkenalkan perkhidmatan TAP-i yang menawarkan perkhidmatan perbankan mudah alih tanpa sambungan Internet. Perkhidmatan 'perbankan bergerak' ini yang dilancarkan pada tahun 2010 melengkapkan strategi Bank untuk menggalakkan keterangkuman kewangan dalam masyarakat tanpa tunai dan kini mempunyai lebih daripada 500,000 pelanggan.

Perniagaan Ar-Rahnu mengalami pertumbuhan 18.7% dan menjana pendapatan berasaskan fi berjumlah RM11.7 juta semasa tempoh tinjauan. Dua outlet Ar-Rahnu dibuka di Kubang Kerian, Kelantan dan Kuantan, Pahang pada 2013. Bank merancang untuk membuka tiga lagi outlet di Sungai Petani dan Alor Setar, Kedah serta Kuala Terengganu, Terengganu.

Seterusnya, pasaran perbankan pengguna akan terus memberikan cabaran akibat persekitaran perbankan yang sangat kompetitif dan langkah kehematan makro yang ketat yang diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia untuk mengurangkan kadar hutang isi rumah yang tinggi. Walau apa pun landskap persaingan, Bank akan terus memacu perniagaan runcitnya dengan memanfaatkan jenamanya yang kukuh, pangkalan pelanggan runcit yang besar, produk patuh Syariah yang inovatif dan kemampuan pengagihan pelbagai titik sentuh.

Bank Islam akan terus berwaspada bagi memastikan pengurusan risiko kredit yang berkesan dan mengekalkan tumpuannya pada penilaian kemampuan yang lebih rapi, selaras dengan Garis Panduan Pembiayaan Bertanggungjawab yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

### Perbankan Komersil

**Sorotan 2013**
- Pertumbuhan pembiayaan sebanyak 31%
- Pertumbuhan hasil sebanyak 17%
- Pelancaran program Pembiayaan Kontrak Mudharabah untuk menyokong projek kerajaan
- Tumpuan pada portfolio bercagar melalui Pembiayaan Premis Perniagaan

Berlatarbelakangkan landskap ekonomi yang tidak menentu dan persekitaran perniagaan yang sangat kompetitif, pertumbuhan keseluruhan bahagian Perbankan Komersil Bank Islam kekal positif pada 2013. Pertumbuhan ini dicapai menerusi pematuhan strategi jualan dan pemasaran yang tertumpu pada perniagaan yang mantap dengan rekod prestasi yang baik dari sektor komersil dan entiti berkaitan Kerajaan Negeri, serta penyediaan produk pembiayaan dan deposit yang kompetitif yang memenuhi keperluan pelanggan PKS dan bukan PKS. Pada masa yang sama, penekanan terus diberikan pada pembiayaan bercagar dengan penentuan harga kadar terapung berasaskan risiko. Oleh yang demikian, pertumbuhan aset tahun ke tahun keseluruhan Perbankan Komersil semasa tempoh tinjauan ialah RM751.7 juta – peningkatan sebanyak 31% kepada RM3.2 bilion.

# MANAGING DIRECTOR'S OPERATIONAL REVIEW
## ULASAN OPERASI PENGARAH URUSAN

For the year under review, total income increased by 17% to RM176.1 million from RM150.4 million in 2012, with fund-based income contributing RM25.9 million. The division's total assets stood at RM3.2 billion for 2013 compared with RM2.45 billion for 2012.

All of Commercial Banking's four business pillars contributed positively towards an asset growth of 31% compared with 2012. Emerging Corporate business ("EC") grew by RM431 million – an increase of 37%, contributing more than 57% to the division's growth. Small and Medium Enterprises ("SME") and Business Premise Financing ("BPF") achieved a RM301 million - 31%, increase compared with 2012 and contributed 40% of the division's growth in line with the business focus on property/asset management in the SME market and Procurement Contract Financing (PCF) which increased by RM 29.4 million – a 13% growth.

2013 also saw a significant improvement in the Division's asset quality with the impaired financing ratio dropping to 2.4% compared with 3.2% in 2012. The improvement of credit under-writing standards and analysis via revised Memorandum of Approval for better deliberation by the Bank's Finance Committees is aimed at expediting decision-making for the customers' benefit. Credit processing improvements (average two weeks upon submission of completed documents) delivered better approval turnaround time. The Bank's establishment of a dedicated financing disbursement unit that functions as a trouble-shooter between the business unit, credit administrator and the solicitor is aimed at improved turnaround time for disbursement, further enhancing customer service.

During the period under review, Bank Islam introduced various measures to improve service delivery to customers. A standard set of correspondence to improve response time to the customer was also implemented during this period. The Bank's Commercial Banking product sales kits were distributed to all branches and the front-line network to achieve better product knowledge that would lead to enhanced customer service.

The on-going implementation of the Economic Transformation Programme ("ETP") by the Malaysian government continued to be a driver for business growth due to the considerable spillover benefits for targeted SME customers. In 2014, the Bank foresees the migration of more conventional financing to Islamic products for business financing given the incentives on duties/taxation, the continuous spillover effects of the ETP on SMEs and a stable property outlook for residential and commercial properties strategically located in major urban centres .

Despite the challenges ahead, Bank Islam will continue to drive excellent performance, greater efficiency and world-class service delivery through optimising the opportunities available. The Bank will also continue to consist its clients in having the right mix of financial solutions and instruments.

Bagi tahun tinjauan, jumlah pendapatan meningkat sebanyak 17% kepada RM176.1 juta daripada RM150.4 juta pada 2012, dengan pendapatan berasaskan dana menyumbangkan RM25.9 juta. Jumlah aset bahagian ialah RM3.2 bilion bagi 2013 berbanding RM2.45 bilion bagi 2012.

Keempat-empat tunggak perniagaan Perbankan Komersil menyumbang secara positif ke arah pertumbuhan aset sebanyak 31% berbanding pada 2012. Perniagaan Korporat Baharu Muncul ("EC") mengalami pertumbuhan sebanyak RM431 juta – peningkatan sebanyak 37%, menyumbangkan lebih daripada 57% kepada pertumbuhan bahagian. Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan Pembiayaan Premis Perniagaan ("BPF") mencapai pertumbuhan sebanyak RM301 juta – peningkatan sebanyak 31% berbanding peningkatan pada 2012 dan menyumbangkan 40% daripada pertumbuhan bahagian, selaras dengan tumpuan perniagaan pada pengurusan harta/aset dalam pasaran PKS dan Pembiayaan Kontrak Pemerolehan (PCF) yang meningkat sebanyak RM29.4 juta – iaitu pertumbuhan sebanyak 13%.

Tahun 2013 juga menyaksikan penambahbaikan yang ketara dalam kualiti aset Bahagian dengan nisbah pembiayaan terjejas menurun kepada 2.4% berbanding 3.2% pada 2012. Penambahbaikan piawaian taja jamin dan analisis kredit melalui Memorandum Kelulusan yang disemak semula untuk pertimbangan yang lebih baik oleh Jawatankuasa Kewangan Bank bertujuan untuk mempercepat proses membuat keputusan untuk manfaat pelanggan. Penambahbaikan pemprosesan kredit (purata dua minggu selepas penyerahan dokumen yang telah dilengkapkan) memendekkan tempoh tindakan untuk kelulusan. Penubuhan unit pembayaran pembiayaan khas oleh Bank, yang berfungsi sebagai penyelesai masalah antara unit perniagaan, pentadbir kredit dengan peguam cara, adalah bertujuan untuk memperbaik tempoh tindakan untuk pembayaran, lantas meningkatkan lagi perkhidmatan pelanggan.

Semasa tempoh tinjauan, Bank Islam memperkenalkan pelbagai langkah untuk menambah baik penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan. Set surat-menyurat standard untuk memperbaik tempoh tindak balas terhadap pelanggan juga dilaksanakan semasa tempoh ini. Kit jualan produk Perbankan Komersil Bank diedarkan kepada semua cawangan dan rangkaian barisan hadapan supaya pengetahuan mereka tentang produk dapat ditingkatkan dan mereka dapat memberikan khidmat pelanggan yang lebih baik.

Program Transformasi Ekonomi ("ETP") yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia terus memacu pertumbuhan perniagaan disebabkan manfaat limpahan yang cukup besar untuk pelanggan PKS yang disasarkan. Pada 2014, Bank menjangka migrasi yang lebih banyak daripada pembiayaan konvensional kepada produk Islam untuk pembiayaan perniagaan dengan adanya insentif duti/cukai, kesan limpahan ETP yang berterusan terhadap PKS. Tambahan, prospek harta tanah yang stabil untuk harta tanah kediaman dan komersil yang terletak di lokasi yang strategik di pusat bandar utama.

Meskipun berhadapan dengan cabaran yang akan datang, Bank Islam akan terus mendorong prestasi cemerlang, kecekapan yang lebih tinggi dan penyampaian perkhidmatan bertaraf dunia dengan mengoptimumkan peluang yang ada. Bank juga akan terus membantu pelanggannya untuk mendapatkan penyelesaian dan instrumen kewangan yang pelbagai dan sesuai.

### Treasury

**2013 Highlights**
- Forex transaction growth of 62%
- No. 1 Islamic Principal Dealer
- Treasury asset growth of 7%
- Appointed main banker to the Government of Malaysia for the implementation of Sistem Perakaunan Luar Negara ("SPLN")
- Nominated Best Fixed Income Sales Person Award

Treasury services continued to deliver a comprehensive and innovative treasury solutions that cater to a wide range of corporate and institutional clients that include Islamic money market, Islamic fixed income, Islamic Forex and hedging instruments. Amongst the Islamic banks in Malaysia, Bank Islam's Treasury ranked first in Treasury income that comprises fund-based securities, Foreign Exchange ("Forex") and Derivatives incomes. During the period under review, Bank Islam's Treasury was ranked number six in Forex income and Treasury income amongst all (including conventional) banks. The Bank was ranked first for foreign exchange income and securities income amongst Islamic banks in Malaysia, for the year under review.

### Perbendaharaan

**Sorotan 2013**
- Pertumbuhan urus niaga Forex sebanyak 62%
- Peniaga Utama Islam No. 1
- Pertumbuhan aset perbendaharaan sebanyak 7%
- Dilantik sebagai jurubank utama kepada Kerajaan Malaysia bagi pelaksanaan Sistem Perakaunan Luar Negara ("SPLN")
- Dicalonkan untuk Anugerah Kakitangan Jualan dengan Pendapatan Tetap Terbaik

Khidmat perbendaharaan terus menawarkan penyelesaian perbendaharaan yang lengkap dan inovatif termasuk pasaran wang Islam, pendapatan tetap Islam, Forex Islam dan instrumen lindung nilai yang memenuhi keperluan pelbagai pelanggan korporat dan institusi. Dalam kalangan bank Islam di Malaysia, Perbendaharaan Bank Islam menduduki tempat pertama dari segi pendapatan Perbendaharaan yang merangkumi pendapatan sekuriti berasaskan dana, pendapatan Pertukaran Asing ("Forex") dan pendapatan terbitan. Semasa tempoh tinjauan, Perbendaharaan Bank Islam menduduki tempat keenam dari segi pendapatan Forex dan pendapatan Perbendaharaan dalam kalangan semua bank (termasuk konvensional). Bank menduduki tempat pertama dari segi pendapatan pertukaran asing dan pendapatan sekuriti dalam kalangan bank Islam di Malaysia bagi tahun di bawah tinjauan.



# MANAGING DIRECTOR'S OPERATIONAL REVIEW
## ULASAN OPERASI PENGARAH URUSAN

The Bank's Forex transaction business (the non-fund based income product for Bank Islam with a contribution of 29.5%), recorded a significant increase of 62% or RM32.2 million, from RM51.6 million in 2012 to RM 83.8 million in 2013. With an asset growth of 7%, from RM15.9 billion to RM17 billion, the Bank's Treasury division contributed 31% of the Bank's total revenue, for 2013.

The success of the Bank's Treasury division can be attributed to the increase in Forex business coupled with competitive strategic pricing initiatives and launching of new products such as Western Union remittance business and innovative Forex hedging as well as yield enhancement instruments.

Additionally, the Bank is constantly improving its front-end capabilities by employing the 'right' skilled people and enhancing dealers' knowledge – especially in core product areas, serving and advising customers based on their needs. For the year under review, one of the Treasury's dealers was nominated for 2013 Best Fixed Income Sales Person Award by 'The Asset Magazine'. Bank Islam has also played an active role as Islamic Principal Dealer. The Bank's success also hinges on the implementation of successful risk management strategies to manage exposures against rising profit rate scenarios.

For the year under review, the launch of Sistem Perakaunan Luar Negara ("SPLN") by the Ministry of Foreign Affairs had witnessed the appointment of Bank Islam as the main banker for Government of Malaysia, for payment of foreign telegraphic transfers ("TTs") in 85 countries and 107 locations. Despite the Bank not having any branches overseas it has been able to make payment in more than 100 global currencies.

The year under review saw the Bank opening its latest Bureau de Change ("BDC") outlet setup at Setiawalk, Puchong during the year under review, in addition to the five outlets currently operating at KL Sentral, Penang International Airport, Kota Kinabalu International Airport, Low-cost Carrier Terminal ("LCCT") Sepang and Bukit Bintang.

The Bank's innovation initiatives include margin management and stock management in currency notes business and the introduction of Western Union services to reach out to foreign workers in prime catchment areas. Bank Islam continues to optimise opportunities for the growth through various initiatives such as carrying out customer profitability analysis and focusing on vibrant as well as strong market-making activities for both Islamic government securities and Islamic private debt securities.

Urus niaga Forex Bank (produk pendapatan berasaskan bukan dana untuk Bank Islam dengan sumbangan sebanyak 29.5%), mencatatkan peningkatan yang ketara sebanyak 62% atau RM32.2 juta daripada RM51.6 juta pada 2012 kepada RM 83.8 juta pada 2013. Dengan pertumbuhan aset sebanyak 7%, daripada RM15.9 bilion kepada RM17 bilion, bahagian Perbendaharaan Bank menyumbangkan 31% daripada jumlah hasil Bank bagi tahun 2013.

Kejayaan bahagian Perbendaharaan Bank berpunca daripada peningkatan dalam perniagaan Forex, ditambah pula dengan inisiatif strategi penentuan harga kompetitif serta pelancaran produk baharu seperti perniagaan kiriman wang Western Union, perlindungan nilai Forex yang inovatif dan instrumen peningkatan hasil.

Selain itu, Bank sentiasa meningkatkan kemampuan barisan hadapannya dengan mengambil pekerja mahir yang sesuai dan meningkatkan pengetahuan peniaga – terutamanya dalam bidang produk teras, melayan dan menasihati pelanggan berdasarkan keperluan mereka. Bagi tahun tinjauan, salah seorang peniaga Perbendaharaan dicalonkan untuk Anugerah Kakitangan Jualan dengan Pendapatan Tetap Terbaik 2013 yang diberikan oleh 'The Asset Magazine'. Bank Islam juga memainkan peranan yang aktif sebagai Peniaga Utama Islam. Kejayaan Bank juga bergantung pada pelaksanaan strategi pengurusan risiko yang berjaya untuk menguruskan pendedahan terhadap senario kadar keuntungan yang semakin meningkat.

Bagi tahun tinjauan, pelancaran Sistem Perakaunan Luar Negara ("SPLN") oleh Kementerian Luar Negeri menyaksikan pelantikan Bank Islam sebagai jurubank utama untuk Kerajaan Malaysia bagi pembayaran pindahan telegrafik ("TT") asing di 85 negara dan 107 lokasi. Meskipun Bank tidak mempunyai cawangan di luar negeri, ia boleh membuat pembayaran dalam lebih daripada 100 mata wang global.

Tahun tinjauan menyaksikan Bank membuka kaunter Biro Tukaran Wang Asing ("BDC") terbaharu di Setiawalk, Puchong, selain lima kaunter yang sedang beroperasi di KL Sentral, Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, Terminal Penerbangan Tambang Murah ("LCCT") Sepang dan Bukit Bintang.

Inisiatif inovasi Bank termasuk pengurusan margin dan pengurusan saham dalam perniagaan mata wang kertas serta pengenalan perkhidmatan Western Union supaya perkhidmatan dapat disampaikan kepada pekerja asing di kawasan tumpuan utama. Bank Islam terus mengoptimumkan peluang untuk pertumbuhan menerusi pelbagai inisiatif seperti menjalankan analisis keberuntungan pelanggan dan memberikan tumpuan pada aktiviti penggerak pasaran yang cergas dan kukuh untuk sekuriti kerajaan Islam dan sekuriti hutang swasta Islam.

### Corporate Investment Banking

**2013 Highlights**
- Total Revenue Growth of 36%
- Awarded Equity Deal of the Year 2013
- Ranked 5th in Malaysian Ringgit Islamic Bonds 2013

During the year under review, the Bank continued to offer competitive corporate investment banking solutions to its corporate clients. Amongst the notable mandates concluded by the Bank for the year 2013 are its role as principal advisor for BIMB Holdings Berhad's (BHB) rights issue with warrants, which raised RM1.81 billion in connection with the acquisition of the remaining 49% equity in Bank Islam held by Dubai Financial Group and Lembaga Tabung Haji. The acquisition was also partly funded by a RM1.66 billion Sukuk Murabahah issuance by BHB which also had Bank Islam acting as the Lead Arranger. The deal was the largest fundraising and merger and acquisition ("M&A") transaction in the domestic Islamic financial services sector for 2013.

Other significant contributors, both in terms of income and assets, to the Bank's performance for 2013 include a RM120 million participation in a syndicated re-financing exercise for a port in Johor and a RM365 million syndicated re-financing exercise for a completed highway in the Klang Valley, where the Bank acted as Lead Arranger and also fully underwrote the deal. These transactions went to further enhance Bank Islam's visibility and position as a key player in the Malaysian equity, debt capital and syndication markets.

On the back of the BHB's RM1.66 billion Sukuk Murabahah transaction, Bank Islam managed to secure a commendable improvement in its position on Bloomberg's 2013 Malaysia Capital Market League Tables. In the category of Malaysian Ringgit Islamic Bonds, the Bank improved its ranking to fifth position in 2013 from seventh position in 2012, while for Malaysia Domestic Bonds, the Bank rose to seventh from eleventh position over the same period.

The Bank also clinched the 'Equity Deal of the Year' award from Islamic Finance News in its 'Deals of the Year Award 2013' in respect of the division's role as Principal Adviser to BHB for its rights issue with warrants exercise. The transaction also received honorary mentions for Corporate Finance, Malaysian and Tawarruq deals of the year, the latter being in respect of the RM1.66 billion Sukuk Murabahah issued by BHB and lead arranged by Bank Islam.

### Perbankan Pelaburan Korporat

**Sorotan 2013**
- Jumlah Pertumbuhan Hasil sebanyak 36%
- Dianugerahkan Urus Janji Ekuiti Terbaik 2013
- Menduduki tempat ke-5 dalam Bon Islam Ringgit Malaysia 2013

Pada tahun tinjauan, Bank terus menawarkan penyelesaian perbankan pelaburan korporat yang kompetitif kepada pelanggan korporatnya. Antara mandat penting yang diterima oleh Bank bagi tahun 2013 termasuk peranannya sebagai penasihat utama untuk terbitan hak BIMB Holdings Berhad (BHB) dengan waran, yang berjaya mengumpul RM1.81 bilion berhubung dengan pemerolehan baki ekuiti sebanyak 49% dalam Bank Islam yang dipegang oleh Dubai Financial Group dan Lembaga Tabung Haji. Pemerolehan itu dibiayai sebahagiannya dengan Sukuk Murabahah bernilai RM1.66 bilion yang diterbitkan oleh BHB, yang juga melantik Bank Islam untuk bertindak sebagai Pengatur Utama. Urus janji itu merupakan urus niaga pengumpulan dana serta penggabungan dan pemerolehan ("M&A") terbesar dalam sektor perkhidmatan kewangan Islam domestik bagi 2013.

Penyumbang penting yang lain, dari segi pendapatan dan aset, kepada prestasi Bank bagi 2013 termasuk penyertaan dalam pembiayaan semula bersindiket bernilai RM120 juta untuk pelabuhan di Johor dan pembiayaan semula bersindiket bernilai RM365 juta untuk lebuh raya yang siap sepenuhnya di Lembah Klang, dengan Bank bertindak sebagai Pengatur Utama dan menaja jamin urus janji tersebut sepenuhnya. Urus niaga ini seterusnya meningkatkan keterserlahan dan kedudukan Bank Islam sebagai peserta penting dalam pasaran ekuiti, modal hutang dan pensindiketan di Malaysia.

Di samping urus niaga Sukuk Murabahah BHB bernilai RM1.66 bilion, Bank Islam berjaya meningkatkan kedudukannya dalam Jadual Liga Pasaran Modal Malaysia 2013 Bloomberg. Dalam kategori Bon Islam Ringgit Malaysia, Bank berjaya menaikkan kedudukannya ke tempat kelima pada 2013 daripada tempat ketujuh pada 2012, manakala bagi Bon Domestik Malaysia pula, Bank melonjak ke tempat ketujuh daripada tempat kesebelas dalam tempoh yang sama.

Bank juga menerima anugerah 'Urus Janji Ekuiti Terbaik' daripada Islamic Finance News dalam 'Anugerah Urus Janji Terbaik 2013' berhubung dengan peranan bahagian sebagai Penasihat Utama BHB untuk terbitan haknya dengan pelaksanaan waran. Urus niaga itu juga menerima sebutan kehormat untuk urus janji Kewangan Korporat, Malaysia dan Tawarruq terbaik, dengan urus janji Tawarruq terbaik diterima berhubung dengan Sukuk Murabahah bernilai RM1.66 bilion yang diterbitkan oleh BHB dan diatur terutamanya oleh Bank Islam.

# MANAGING DIRECTOR'S OPERATIONAL REVIEW
## ULASAN OPERASI PENGARAH URUSAN

The outlook for 2014 is challenging, given that the environment is expected to be one of limited mandates and compressed margins and fees. Under such a scenario, Bank Islam will look to capitalise on improved prospects for investment banking business within the Group arising from the recent shareholder restructuring exercise. At the same time, cognisant of the need to be prudent under present conditions, efforts will be increased to penetrate further into GLCs and top-tier corporate space to optimise opportunities.

In the coming year, the Bank will continue to focus on growth in its three key result areas, namely financing assets, fund based income and non-fund based income, through the provision of total financing solutions to corporate clients, encompassing corporate advisory and fundraising services in both the debt and equity capital markets and extension of financing facilities.

Moving forward, Bank Islam will continue to leverage on its position as the provider of a full suite of corporate and investment banking products delivering optimised financial solutions for corporate clientele to fuel further business growth.

### RISK MANAGEMENT

The Basel III framework was introduced by the Basel Committee on Banking Supervision in December 2010 to further strengthen the capital and liquidity positions of banks after the devastating effects of the 2008 global financial crisis. BNM has fully adopted the Basel III Accord and expects local banks to meet the respective capital and liquidity measures at the globally-agreed timelines – a gradual phase-in beginning in 2013 until 2019.

Bank Islam has evaluated the impact of the Basel III standards on its business and has put measures in place to fully meet the standards at the set timelines. The Bank has put necessary policies, procedures and a management information system in place to adequately measure and monitor capital and liquidity based on the Basel III standards and has been periodically reporting to BNM.

The Risk Appetite framework has been updated and specific management action plans have been formulated in the event that any of the measures reach a critical threshold. Given our strong capital and liquidity position, Bank Islam does not foresee any issues in continuing to meet the standards in the near future.

Tinjauan bagi 2014 adalah mencabar, memandangkan persekitaran dijangka akan dicirikan oleh mandat terhad serta margin dan fi termampat. Dalam senario sedemikian, Bank Islam akan cuba mengambil kesempatan daripada prospek yang bertambah baik untuk perniagaan perbankan pelaburan dalam Kumpulan yang timbul daripada penstrukturan semula pemegang saham yang dilaksanakan baru-baru ini. Pada masa yang sama, menyedari perlunya berhemat dalam keadaan semasa, usaha akan ditingkatkan untuk menembusi GLC dan ruang korporat peringkat atasan dengan lebih mendalam bagi mengoptimumkan peluang.

Pada tahun yang akan datang, Bank akan terus memberikan tumpuan pada pertumbuhan dalam tiga bidang keberhasilan utamanya, iaitu aset pembiayaan, pendapatan berasaskan dana dan pendapatan berasaskan bukan dana. Ini akan dilakukan menerusi penyediaan penyelesaian pembiayaan menyeluruh kepada pelanggan korporat, merangkumi khidmat nasihat korporat dan pengumpulan dana dalam pasaran modal hutang dan pasaran modal ekuiti serta pelanjutan kemudahan pembiayaan.

Pada masa depan, Bank Islam akan terus memanfaatkan kedudukannya sebagai penyedia produk perbankan korporat dan pelaburan yang lengkap, yang memberikan penyelesaian kewangan optimum untuk pelanggan korporat bagi merangsang pertumbuhan perniagaan.

### PENGURUSAN RISIKO

Rangka Kerja Basel III diperkenalkan oleh Jawatankuasa Penyeliaan Perbankan Basel pada Disember 2010 untuk mengukuhkan lagi kedudukan modal dan kecairan bank selepas kesan buruk krisis kewangan global 2008. BNM telah mengguna pakai Permuafakatan Basel III sepenuhnya dan menghendaki bank tempatan supaya mengambil langkah-langkah modal dan kecairan yang berkenaan mengikut garis masa yang dipersetujui dunia – dilaksanakan secara berperingkat dan beransur-ansur mulai 2013 hingga 2019.

Bank Islam telah menilai impak standard Basel III terhadap perniagaannya dan telah mengambil langkah-langkah untuk memenuhi standard itu mengikut garis masa yang ditetapkan. Bank telah mewujudkan dasar, prosedur dan sistem pengurusan maklumat yang diperlukan supaya modal dan kecairan dapat diukur dan dipantau secukupnya berdasarkan standard Basel III. Bank juga menghantar laporan secara berkala kepada BNM.

Rangka Kerja Tanggungan Risiko telah dikemaskinikan dan pelan tindakan pengurusan yang khusus telah dirangka sekiranya mana-mana langkah tersebut mencapai ambang kritikal. Memandangkan kedudukan modal dan kecairan kami kukuh, Bank Islam tidak menjangka apa-apa isu untuk terus memenuhi standard tersebut pada masa depan.

### DEPOSITS TRANSITION PLAN

The Islamic Financial Services Act ("IFSA") 2013, a much-anticipated regulatory and supervisory framework of the Islamic finance industry came into force on 30 June 2013. This comprehensive legal framework that promotes Shariah compliance in all aspects of regulation and supervision – from licensing to the winding-up of a financial institution, is a transition towards a more sustainable future for the Islamic finance industry. This Act, an essential milestone in Malaysia's journey towards realising the ideal Islamic financial system, serves to fortify Malaysia's dynamic leadership in Islamic finance and advance the nation's position as an Islamic finance hub and centre of reference.

One of the provisions of the Act requires all Islamic Banks to reclassify their existing deposit products based on the underlying Shariah contracts to differentiate between deposit and investment accounts. This reclassification is scheduled to take effect on 1 July 2015. Under the IFSA 2013, all existing Islamic deposit products that apply the Shariah contracts of Mudharabah, Musharakah and Wakalah are now classified as investment products. Such a move is an alternative way to mobilise capital to support those who have viable business models but lack resources. This is in line with the Islamic finance concept which emphasises risk-sharing, thereby strengthening further the link of finance to the real economy. Bank Islam intends to fulfil the IFSA requirements and has been taking serious measures to ensure compliance within the stipulated timeframe.

### PELAN PERALIHAN DEPOSIT

Akta Perkhidmatan Kewangan Islam ("IFSA") 2013, rangka kerja pengawalseliaan dan penyeliaan industri kewangan Islam yang amat dinanti-nantikan, dikuatkuasakan pada 30 Jun 2013. Rangka kerja undang-undang yang komprehensif ini yang menggalakkan pematuhan Syariah dalam semua aspek pengawalseliaan dan penyeliaan – daripada pelesenan hinggalah kepada pembubaran institusi kewangan, merupakan peralihan ke arah masa depan yang lebih mampan untuk industri kewangan Islam. Akta ini, yang merupakan pencapaian penting dalam perjalanan ke arah merealisasikan sistem kewangan Islam yang ideal di Malaysia, berfungsi memperkukuh kepimpinan Malaysia yang dinamik dalam kewangan Islam dan meningkatkan kedudukan negara sebagai hab dan pusat rujukan kewangan Islam.

Salah satu peruntukan Akta tersebut menghendaki semua bank Islam supaya mengelaskan semula produk deposit sedia ada berasaskan kontrak Syariah untuk membezakan antara akaun deposit dengan akaun pelaburan. Pengelasan semula ini dijadualkan berkuat kuasa pada 1 Julai 2015. Di bawah IFSA 2013, semua produk deposit Islam sedia ada yang mengguna pakai kontrak Syariah Mudharabah, Musharakah dan Wakalah kini dikelaskan sebagai produk pelaburan. Langkah tersebut merupakan cara alternatif untuk menggerakkan modal bagi menyokong mereka yang mempunyai model perniagaan yang berdaya maju tetapi kekurangan sumber. Hal ini selaras dengan konsep kewangan Islam yang menekankan perkongsian risiko, dan dengan itu mengukuhkan lagi hubungan kewangan dengan ekonomi sebenar. Bank Islam berhasrat untuk memenuhi keperluan IFSA dan telah mengambil langkah-langkah yang serius bagi memastikan pematuhan dalam rangka masa yang ditetapkan.



# MANAGING DIRECTOR'S OPERATIONAL REVIEW
## ULASAN OPERASI PENGARAH URUSAN

### MOVING FORWARD

2013 is a significant milestone for Bank Islam as it marks the beginning of its H2E Plan where the Bank progresses into the next phase of the its transformation journey. With the growing momentum of the H2E Plan, the Bank plans to expand its existing network of 133 branches with eight new branches in 2014 and nine more in 2015 to achieve an optimal size of 150 branches. Preserving its strength in franchises, Bank Islam leverages on its expanding branch network – together with electronic delivery channels, to enlarge its business and enhance service delivery to its customers.

The period under review also commemorates the Bank's 30th anniversary with its revenue surpassing the RM2 billion mark – RM 2.24 billion in FYE13 against RM1.99 billion in FYE12. Bank Islam reported its highest Profit Before Taxation and Zakat ("PBZT") of RM683 million for FYE13. The PBZT increased by 13.8% or RM82.7 million against that of the previous year. The strong performance was driven by solid financing growth which grew 21.7% - higher than the industry average of 10.6%, competitive product offerings and growth in non-fund based income. This demonstrates the underlying strength of Bank Islam - the benefits of diversity in revenue streams, continued increase in deposits through CASA, and impeccable improvement in asset quality.

The year under review also marked the implementation of the IFSA 2013. This new act will bring about a wave of change as the banking landscape shifts towards a more risk-based financial system where risk-sharing takes place. This reduces the over-reliance on debt funding, prevents excessive debt and speculation as well as lessens fragility of the financial system.

Advancing into 2014, the Malaysian economy is set to be on firmer footing as the government remains committed to its economic reforms agenda which envisages greater participation from the private sector led by projects under ETP. While some of the reforms may affect household spending, micro-economic measures such as the Bantuan Rakyat 1 Malaysia ("BR1M") are aimed at offsetting the financial burden of the mid to low-income earners. Combined with better prospects from the external sector and an accommodative monetary policy stance, the Malaysian economy is poised to grow between 4.5% and 5.5% in 2014.

### MELANGKAH KE HADAPAN

Tahun 2013 merupakan tahun penting bagi Bank Islam kerana ia menandakan permulaan Pelan H2Enya apabila Bank melangkah ke fasa seterusnya dalam perjalanan transformasinya. Dengan peningkatan momentum Pelan H2E, Bank merancang untuk meluaskan rangkaian 133 cawangan sedia ada dengan lapan cawangan baharu pada 2014 dan sembilan lagi cawangan pada 2015 bagi mencapai bilangan optimum, iaitu 150 cawangan. Dengan mengekalkan kekuatannya dalam francais, Bank Islam memanfaatkan pengembangan rangkaian cawangannya – bersama dengan saluran penyampaian elektronik – untuk meluaskan perniagaannya dan memperbaik penyampaian perkhidmatan kepada pelanggannya.

Tempoh tinjauan juga meraikan ulang tahun ke-30 Bank dengan hasilnya melepasi sasaran RM2 bilion – RM2.24 bilion pada Tahun Kewangan Berakhir 2013 berbanding RM1.99 bilion pada Tahun Kewangan Berakhir 2012. Bank Islam mencatatkan Keuntungan Sebelum Cukai dan Zakat ("PBZT") yang tertinggi sebanyak RM683 juta bagi Tahun Kewangan Berakhir 2013. PBZT meningkat sebanyak 13.8% atau RM82.7 juta berbanding tahun sebelumnya. Prestasi yang kukuh didorong oleh pertumbuhan pembiayaan yang mantap, yang meningkat sebanyak 21.7% – lebih tinggi daripada purata industri, iaitu 10.6%, penawaran produk yang kompetitif dan pertumbuhan dalam pendapatan berasaskan bukan dana. Ini menunjukkan kekuatan yang menjadi dasar Bank Islam – manfaat kepelbagaian dalam aliran hasil, peningkatan deposit yang berterusan menerusi CASA, dan peningkatan yang sangat baik dalam kualiti aset.

Tahun tinjauan juga menyaksikan pelaksanaan IFSA 2013. Akta ini akan membawa gelombang perubahan apabila landskap perbankan berganjak ke arah sistem kewangan yang lebih berasaskan risiko yang melibatkan perkongsian risiko. Hal ini mengurangkan pergantungan yang berlebihan pada pendanaan hutang, mencegah hutang dan spekulasi berlebihan, serta mengurangkan kerapuhan sistem kewangan.

Melangkah ke tahun 2014, ekonomi Malaysia dijangka berada pada kedudukan yang lebih kukuh dengan kerajaan terus komited terhadap agenda reformasi ekonominya, yang menjangka penyertaan yang lebih daripada sektor swasta, diterajui oleh projek di bawah ETP. Walaupun sesetengah reformasi tersebut boleh menjejaskan perbelanjaan isi rumah, langkah ekonomi mikro seperti Bantuan Rakyat 1 Malaysia ("BR1M") bertujuan untuk mengurangkan beban kewangan yang ditanggung oleh golongan berpendapatan sederhana dan rendah. Ditambah pula dengan prospek sektor luar yang lebih baik dan pendirian dasar monetari yang akomodatif, ekonomi Malaysia dijangka mengalami pertumbuhan antara 4.5% hingga 5.5% pada 2014.

Bank Islam acknowledges that a reduction in consumer demand will pose considerable challenges going forward given the austerity policy and macro-prudential measures taken by the government to rein in budget deficit and control household debt. Business financing via the Commercial Banking and Corporate Investment divisions are expected to elevate some of the slack in financing demand caused by over-leveraged households. The Bank sees this as an opportunity to grow in this area and rebalance our financing portfolio. Simultaneously, it also plans to actively participate in infrastructure projects under ETP and support the initiatives by TERAJU ("Unit Peneraju Agenda Bumiputera").

Before I conclude, I would like to record our deep appreciation to the Dubai Financial Group who came on board in 2006 with their unwavering support during our most trying times. I also take this opportunity to welcome our new Board member, Professor Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Haji Husin who is currently the Chairman of the National Fatwa Council to Bank Islam. To all our valued stakeholders – customers, employees, shareholders, regulators, strategic partners and suppliers, we hold your support in high esteem and our success is also your success.

Given that Bank's H2E Plan strategies are well-positioned to deliver on expected results and the encouraging support from its stakeholders, regulators as well as the Government, Bank Islam anticipates the journey ahead to be an exciting one, by the grace of Allah. The Bank is confident that by optimising the available opportunities, Bank Islam can take on the challenges to deliver on its vision 'To be a Global Leader in Islamic Banking'.

Thank you and May Allah bless all efforts made to bring Islamic finance to greater heights.

**DATO' SRI ZUKRI SAMAT**
Managing Director

Bank Islam mengakui bahawa penurunan permintaan pengguna akan memberikan cabaran yang besar pada masa depan memandangkan dasar jimat cermat dan langkah kehematan makro yang diambil oleh kerajaan untuk mengawal defisit belanjawan dan hutang isi rumah. Pembiayaan perniagaan melalui bahagian Perbankan Komersil dan bahagian Pelaburan Korporat dijangka meningkatkan sedikit permintaan pembiayaan yang berkurang akibat leveraj isi rumah yang berlebihan. Bank melihat hal ini sebagai peluang untuk berkembang dalam bidang ini dan mengimbangkan semula portfolio pembiayaan kami. Pada masa yang sama, Bank juga merancang untuk melibatkan diri secara aktif dalam projek infrastruktur di bawah ETP dan menyokong inisiatif oleh TERAJU.

Sebelum mengakhiri ulasan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dubai Financial Group, yang menyertai Lembaga pada 2006, atas sokongan mereka yang padu sewaktu kami melalui masa-masa yang paling sukar. Saya juga mengambil peluang ini untuk mengucapkan selamat datang kepada ahli Lembaga kami yang baharu, iaitu Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Haji Husin yang kini menjadi Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan. Kepada semua pihak berkepentingan kami yang dihargai – pelanggan, pekerja, pemegang saham, pengawal selia, rakan kongsi strategik dan pembekal, kami amat menghargai sokongan anda dan kejayaan kami merupakan kejayaan anda juga.

Dengan strategi Pelan H2E Bank yang bersedia untuk memberikan hasil yang diharapkan, berserta sokongan yang menggalakkan daripada pihak berkepentingannya, pengawal selia dan Kerajaan, Bank Islam menjangka perjalanan masa depan yang mengujakan, dengan limpah kurnia Allah. Bank yakin bahawa dengan mengoptimumkan peluang yang ada, Bank Islam mampu menyahut cabaran untuk mencapai visinya, iaitu 'Menjadi Pemimpin Global dalam Perbankan Islam'.

Terima kasih dan Semoga Allah memberkati segala usaha untuk membawa kewangan Islam ke kedudukan yang lebih tinggi.

**DATO' SRI ZUKRI SAMAT**
Pengarah Urusan

# ECONOMIC REVIEW
# TINJAUAN EKONOMI

The year 2013 was indeed fascinating. For one, Malaysia's political flavour was at the centre stage as the country prepared for the 13th General Election ("GE") held in May. The election euphoria had brought the uncertainty level to an all-time high, leading to volatility in the financial markets during the first half of the year. At the same time, lower key commodity prices coupled with weak external demand have put a serious dent on Malaysia's export. The other highlight is the fear factor from the unwinding of the quantitative easing ("QE") measures by the US central bank. Remark by the former governor, Ben Bernanke, during his testimony to the US Congress in May sparked concerns that the tapering decision would eventually happen. In the UK, the economy exhibited encouraging signs with increase in property prices finally emerging. These vital signs have led the Bank of England to omit property sector from the Fund for Lending Scheme ("FLS") as further monetary assistance for the industry was deemed unwarranted. In the Euro Zone, the gradual exit of some of the countries such as Ireland and Portugal from the IMF bailout programme signaled a drop in the risk of euro breakup. These factors demonstrated resilience of the advanced economies with ongoing recovery process albeit at varying rate. Monetary stimulus would inevitably need to be withdrawn at some point.

The impact of the impending withdrawal of monetary stimulus was the destabilisation of Asia's financial markets as the region was seen as the main beneficiary of the implementation of Zero Interest Rate Policy ("ZIRP"). Back then, carry trades were quite prevalent among foreign institutions with the objective of investing in higher yielding assets. Nevertheless, the overemphasis of the fear of capital flows arising from the announcement of QE tapering in the US was somewhat misplaced. In fact, concerns over the risk of capital outflows somehow have outweighed the potential benefits from increase in trade volume due to improving prospects in the European economies. The QE tapering in the US, in essence, should also be seen from an improving economic conditions' standpoint, benefitting exporting countries in Asia. Moreover, Malaysia recorded a turnaround in exports, reporting an average of 9 percent growth between July and December after experiencing 3.9 percent contraction in the first half of the year.

Tahun 2013 merupakan tahun yang begitu mencabar. Cabaran ini merangkumi pelbagai aspek termasuklah dari sudut politik apabila Pilihanraya Umum ("PRU") yang ke 13 yang diadakan pada bulan Mei tahun lalu mengundang beberapa spekulasi. Kebimbangan terhadap faktor politik ini akhirnya diterjemahkan melalui suasana yang tidak menentu di dalam prestasi pasaran kewangan. Pada masa yang sama juga, penurunan harga komoditi utama serta kelembapan di dalam pemintaan luaran telah menyebabkan eksport negara berada pada paras yang rendah. Selain itu, kebimbangan terhadap pengurangan program pembelian aset atau QE oleh Rizab Persekutuan Amerika Syarikat ("AS") dilihat sebagai suatu cabaran yang hebat terutamanya apabila ekonomi negara berada diambang pemulihan. Ini berikutan kenyataan oleh Gabenor Rizab Persekutuan AS, Ben Bernanke, yang ada menyebut kemungkinan bahawa perlaksanaan dasar bagi mengurangkan program QE adalah sesuatu yang perlu memandangkan pemulihan ekonomi di negara AS yang semakin rancak. Di United Kingdom ("UK") pula, ekonomi negara tersebut telah menunjukkan prestasi yang memberangsangkan apabila pihak bank pusat negara tersebut mengambil keputusan untuk mengecualikan sektor hartanah di dalam program pinjaman Funding for Lending Scheme ("FLS"). Perkara ini jelas menunjukkan bahawa dasar bagi penyuntikan kecairan oleh pihak bank pusat melalui program FLS telah membuahkan hasil apabila berlakunya peningkatan harga di dalam sektor hartanah. Di samping itu, beberapa negara di dalam rantau euro seperti Ireland dan Portugal telah pun mengumumkan bahawa mereka tidak memerlukan bantuan kewangan daripada Dana Kewangan Antarabangsa (IMF). Oleh itu, ekonomi di negara-negara maju telah memperlihatkan perkembangan yang positif walapun pada skala yang pelbagai. Perkara menyebabkan dasar kewangan yang akomodatif perlu disemak semula bagi memastikan pertumbuhan ekonomi akan kekal mampan.

Justeru, pernyataan sebegini dilihat sebagai suatu ancaman kepada rantau Asia memandangkan risiko aliran keluar modal dijangka akan meningkat. Pengurangan program QE dilihat sebagai suatu isyarat bahawa kadar faedah di negara-negara maju di jangka akan meningkat dan sekaligus menjanjikan prospek pulangan pelaburan yang lebih tinggi berbanding di negara-negara Asia. Walaubagaimanapun, kebimbangan yang sebegini merupakan pendekatan yang terlalu ekstrem kerana para pelabur terlalu memberi penekanan kepada aspek aliran modal sebagai faktor utama di dalam menilai ekonomi bagi sesebuah negara terutamanya bagi negara-negara membangun. Seharusnya, perkembangan terhadap dasar kewangan di AS di ambil secara positif kerana ianya memberi gambaran bahawa eksport bagi negara-negara membangun akan meningkat lantaran pemulihan ekonomi negara-negara maju yang berterusan. Oleh itu, pengurangan program QE sepatutnya dilihat dari sudut yang lebih positif memandangkan negara-negara membangun mempunyai dagangan dua hala yang tinggi dengan negara-negara maju. Berikutan perkembangan tersebut, negara Malaysia telah merekodkan pertumbuhan yang pesat di dalam jumlah eksport iaitu sebanyak 9 peratus bagi tempoh Julai dan Disember. Prestasi ini adalah amat berbeza bagi tempoh yang sebelumnya apabila negara mencatatkan kejatuhan nilai eksport sebanyak 3.9 peratus pada separuh tahun pertama 2013.

In terms of economic growth, Malaysia's Gross Domestic Product ("GDP") grew at sub 5% in the first half of 2013, a level that is deemed to be weak by historical norms. Beyond that, the economy continued to accelerate, driven by strong growth in the private sector investments amidst improved prospects in the external demand. Consequently, Malaysia's GDP grew by an average 5.1% in the second half of the year, giving the full year growth of 4.7% in 2013. Amidst improving economic conditions, the government decided to implement subsidy rationalisation programme by raising the price of RON95 by 20 sen per litre in September. As a result, inflation rate was seen creeping up especially in the later part of the year following upward adjustments in the administered prices. The consumer price index ("CPI") rose to 2.1% in 2013 after recording 1.7% in the previous year. The increase was driven by higher food and non-alcoholic beverages as well as transport with both sub indices recording an increase of 3.6% and 2% respectively.

On the policy front, the monetary stance by the Bank Negara Malaysia ("BNM") continued to support growth with Overnight Policy Rate ("OPR") kept steady at 3% for the rest of the year. However, the central bank policy was directed to promote greater financial stability via the implementation of macro prudential measures. These measures aimed to control the level of higher indebtedness of Malaysian households which included shortening the loan tenure for personal and house financing to 10 and 35 years respectively, while prohibiting the offering of pre-approved personal financing products. In the same vein, the fiscal policy was in a consolidation mode when it registered a deficit of 3.9% of GDP in 2013 compared to 4.5% in the preceding year. The favourable outcome was largely achieved on the back of higher revenue growth of 2.6% while spending programme remained in check with operating expenditure increasing by only 2.8% versus 12.6% in the previous year. Similarly, development expenditure fell by 10.1% as private investment activities assumed greater role in the current investment cycle. In light of the serious commitment by the government to their fiscal austerity plan, Malaysia's sovereign rating outlook was raised from stable to positive in November. The revision also implied the possibility of the current A3 rating to be revised upwards should the economic reform agenda progress as planned.

Dari segi pertumbuhan ekonomi pula, Keluaran Dalam Negara Kasar ("KDNK") telah mencatatkan pertumbuhan yang kurang dari lima peratus untuk tempoh separuh tahun pertama 2013. Angka ini di anggap rendah jika dibandingkan dengan prestasi pada tahun-tahun yang lalu. Walaubagaimanapun, prestasi ekonomi negara terus meningkat berikutan pengukuhan aktiviti pelaburan swasta serta permintaan luaran dan ini sekaligus telah melonjakkan pertumbuhan KDNK kepada paras 5.1% bagi tempoh separuh tahun kedua 2013. Secara keseluruhannya, ekonomi negara mencatatkan pertumbuhan sebanyak 4.7% bagi tahun 2013. Berikutan proses pemulihan ekonomi yang berterusan, pihak kerajaan telah melaksanakan program rasionalisasi subsidi pada bulan September 2013 apabila harga minyak RON95 di naikkan sebanyak 20 sen se liter. Akibat daripada perubahan ini, kadar inflasi di lihat meningkat pada bulan-bulan seterusnya. Indeks Harga Pengguna ("IHP") pada tahun 2013 meningkat sebanyak 2.1% berbanding 1.7% yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini di dorong oleh kenaikan di dalam sub indeks makanan dan minuman bukan beralkohol serta pengangkutan yang mana masing-masing mencatatkan kenaikan sebanyak 3.6% dan 2%.

Dasar kewangan Bank Negara Malaysia ("BNM") pula dilihat terus menyokong pertumbuhan ekonomi apabila Kadar Dasar Semalaman ("OPR") kekal pada paras 3% sepanjang tahun. Walaubagaimanapun, BNM dilihat memberi penumpuan yang lebih dari sudut kestabilan kewangan melalui perlaksanaan dasar bagi mengurangkan kadar hutang isi rumah di kalangan penduduk di negara ini. Langkah-langkah ini termasuklah memendekkan tempoh pinjaman bagi pinjaman peribadi dan perumahan kepada 10 tahun dan 35 tahun manakala penguatkuasaan larangan bagi penawaran pra lulus pinjaman peribadi juga diumumkan.Selain itu, usaha bagi mengurangkan belanjawan defisit telah menampakkan hasil yang baik apabila kerajaan mencatatkan belanjawan defisit sebanyak 3.9% daripada nilai KDNK pada tahun 2013. Ini adalah jauh lebih rendah berbanding belanjawan defisit sebanyak 4.5% yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Pengurangan defisit ini di sokong oleh peningkatan jumlah hasil kerajaan sebanyak 2.6% di samping langkah-langkah berhemah bagi mengurangkan perbelanjaan kerajaan. Bagi tahun 2013, perbelanjaan mengurus telah meningkat sebanyak 2.8% dan angka ini adalah rendah berbanding pertumbuhan sebanyak 12.6% yang dicatatkan pada tahun 2012. Di samping itu juga, perbelanjaan pembangunan telah merosot sebanyak 10.1% berikutan aktiviti pelaburan swasta yang semakin aktif pada tahun 2013. Kesannya, agensi penarafan antarabangsa telah memberikan tinjauan positif terhadap hutang kerajaan pada bulan November daripada tinjauan stabil. Ini bererti, berkemungkinan penarafan hutang kerajaan Malaysia yang sedia ada iaitu pada tahap A3, akan dapat ditingkatkan sekiranya program transformasi ekonomi dapat diteruskan seperti yang dirancang.

# ECONOMIC REVIEW
## TINJAUAN EKONOMI

Given the external uncertainty, Malaysia's banking system has shown resilience during the year under review. Financing activities remained supportive of domestic economic activities as reflected in the 10.6% total loans growth recorded at the end of 2013. The key driver was the household sector which posted 12% growth as opposed to 11.6% in the prior year while loans to businesses remained stable at 8.9%. However, intense competition has resulted in continued margin compression with Average Lending Rate falling 13 basis points to 4.56% while 12-month Fixed Deposit rate remained relatively unchanged at 3.15%. Asset quality strengthened too with net impaired loan ratio improving further to 1.3% at the end of 2013 from 1.37% previously. In general, the banking system continued to be well-capitalised. Common equity tier 1 capital ratio ("CET1"), tier 1 capital ratio and total capital ratio were all well above the prescribed minimum level at 12%, 12.8% and 14.3% respectively. As a result, capital in excess of the minimum requirement stood at more than RM77 billion, suggesting a strong capital buffer for Malaysian banks.

Meanwhile, total financing extended within the Islamic Banking space grew 17.7% to RM370 billion during 2013. This represented 27.5% of total financing in the banking system, rising from 25.8% in the year 2012. Even with strong financing growth, assets quality continued to improve with net impaired ratio falling from 1.2% in 2012 to 1% in 2013. One notable event during the year was the introduction of Islamic Financial Services Act 2013 which particularly draws a clear distinction between a deposit and an investment account. Such regulation will set a new milestone in the Islamic Banking industry as it will promote risk-sharing between the banks and investors.

Against the backdrop of stable interest rate environment, Malaysia's capital market continued to perform favourably with private debt securities issuances totaling RM84 billion in 2013. The bulk of the programme was brought in by higher issuances of medium term notes ("MTN"), mainly originated from independent power producers, financial institutions and construction players. The performance is very much in tandem with the strong growth in private investments as capital expenditure is set to rise. In this regard, Malaysia's Sukuk accounted for 76% of total corporate bond issuance during the year, leading to 7.9% increase in Sukuk outstanding to RM512.1 billion in 2013. In the international scene, Malaysia continued to remain as the market leader in Sukuk market, accounting for 58.8% of global outstanding Sukuk and 69% of total Sukuk issuances. On secondary trades, bond yields were predominantly determined by the external sector as investors focused on the US Fed's decision. This triggered a readjustment of expectations in the global financial markets towards the possibility of tighter global financial conditions. Consequently, the bond markets saw significant portfolio reversals, and the Malaysian Government Securities ("MGS") 10-year yields widened by more than 100 basis points between mid May and July.

Walaupun berhadapan dengan ketidakpastian terhadap sektor luaran, sektor perbankan Malaysia kekal mampan. Jumlah pembiayaan dilihat sentiasa menyokong agenda pertumbuhan negara terutamanya bagi menyokong permintaan domestik. Lantaran dari itu, jumlah pembiayaan telah meningkat sebanyak 10.6% pada tahun 2013. Pertumbuhan ini banyak didorong oleh pinjaman bagi sektor isi rumah iaitu pada kadar 12% berbanding 11.6% pada tahun yang sebelumnya manakala pembiayaan bagi sektor perniagaan kekal stabil pada kadar 8.9%. Namun, pasaran perbankan yang sentiasa kompetitf menyebabkan Purata Kadar Pinjaman menurun sebanyak 13 asas mata kepada 4.56% manakala Kadar Simpanan Tetap dengan tempoh kematangan 12 bulan kekal stabil pada paras 3.15%. Selain itu, kualiti aset juga menunjukkan penambahbaikan apabila nisbah pinjaman jejas nilai kepada jumlah pinjaman bersih (ratio of net impaired financing to net total financing) menyusut kepada 1.3% pada tahun 2013 daripada 1.37% pada tahun sebelumnya. Di samping itu, nisbah permodalan bagi sektor perbankan kekal tinggi yang mana Modal Ekuti Biasa Kumpulan 1 ("CET 1"), Modal Kumpulan 1 dan Jumlah Modal masing-masing berada pada kadar 12%, 12.8% dan 14.3%. Sekaligus, nilai modal yang melebihi keperluan berada pada tahap RM77 billion dan ini menunjukkan jumlah modal di dalam sektor perbankan kekal kukuh.

Sementara itu, jumlah pembiayaan perbankan Islam menunjukkan peningkatan sebanyak 17.7% kepada RM370 billion pada tahun 2013. Pencapaian ini mewakili 27.5% daripada jumlah keseluruhan pembiayaan di dalam sistem perbankan berbanding 25.8% yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Dengan pertumbuhan jumlah pembiayaan yang kian mengukuh, kualiti aset juga terus menunjukkan perkembangan yang baik dengan nisbah pembiayaan jejas nilai kepada jumlah pembiayaan bersih menurun kepada 1% daripada 1.2% berbanding tahun 2012. Selain itu, pengenalan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 adalah merupakan peristiwa yang penting kerana akta ini dengan jelas menerangkan perbezaan yang ketara di antara instrument deposit dan akaun pelaburan. Rangka kerja yang sebegini sememangnya akan menggalakkan amalan perkongsian risiko di antara pihak bank dan juga para pelabur.

Dengan suasana kadar faedah yang stabil, pasaran modal Malaysia terus mencatatkan prestasi yang baik. Ini terbukti apabila jumlah terbitan sekuriti hutang swasta berada pada tahap RM84 billion. Kebanyakan daripada jumlah terbitan ini adalah terdiri daripada Nota Jangka Pertengahan ("MTN") yang di pelopori oleh sektor penjanaan kuasa elektrik, institusi kewangan serta pembinaan. Prestasi ini adalah selari dengan pertumbuhan pelaburan swasta yang mampan berikutan perbelanjaan modal yang dijangka akan meningkat. Dalam hal ini, terbitan Sukuk mewakili 76% daripada jumlah terbitan pasaran bon korporat yang sekaligus membawa kepada pertumbuhan sebanyak 7.9% di dalam Sukuk tertunggak di negara ini. Dari sudut pasaran Sukuk antarabangsa, Malaysia kekal sebagai peneraju di dalam pasaran Sukuk apabila jumlah Sukuk tertunggak serta jumlah terbitan Sukuk mewakili 58.8% dan 69% daripada pasaran Sukuk Global. Dari sudut pasaran sekunder pula, pergerakan kadar pulangan bon banyak dipengaruhi oleh sentiment luaran seperti keputusan dasar kewangan oleh Rizab Persekutuan AS. Ini telah menyebabkan keadaan kecairan global yang makin menyusut berikutan jangkaan terhadap kadar faedah yang akan meningkat. Akibatnya, pasaran bon menyaksikan peningkatan terhadap kadar pulangan bagi Sekuriti Kerajaan Malaysia ("SKM") sebanyak 100 asas mata diantara bulan Mei dan Julai akibat aktiviti jualan oleh para pelabur institusi.




Going forward, Malaysian economy is anticipated to grow on a firmer footing as the country is expected to benefit from better prospects in external demand. According to the International Monetary Fund ("IMF"), global trade volume is expected to increase by 4.5% and 5.2% in 2014 and 2015 respectively, thereby helping to increase Malaysia's exports. The latest unemployment rate in the US at 6.3% in April 2014 also supports such view as the largest economy is poised for further recovery in 2014. In addition, domestic demand is expected to be driven by private investment activities as key industries such as oil and gas, construction and manufacturing will continue to support the country's growth. Within the oil and gas space, higher capital expenditure by Petronas will have a positive effect on upstream players as it will increase the need to support oil and gas production. Meanwhile, infrastructure projects such as Mass Rapid Transit ("MRT") will result in more construction works to be executed, and export-oriented manufacturers especially the electrical and electronics sector should see their order books increase in view of higher chip sales projection.

Despite that, consumer spending is expected to moderate as subsidy rationalisation programme will have direct impact on sentiment. This will lead to a more cautious stance among households, translating into lower actual spending especially when inflation is envisaged to rise between 3% and 4% percent in 2014. The current monetary stance may need to be revisited in order to align the current OPR level with the current economic development and contain the emergence of financial imbalances risks. Apart from that, the government appears to be mindful in their spending programme as the debt level, which currently stands at 54.8% of GDP, is nearing its self-imposed limit of 55%. Combined with sustained private investment activities and improved prospects on global demand, the country is well positioned to achieve a GDP growth of between 4.5% and 5.5% GDP in 2014.

Oleh itu, ekonomi Malaysia dilihat mampu mencapai pertumbuhan yang lebih mampan memandangkan pemulihan ekonomi global yang akan memberi kesan positif terhadap eksport negara. Menurut IMF, jumlah dagangan global di jangka akan meningkat sebanyak 4.5% dan 5.2% pada tahun 2014 dan 2015 dan ini seharusnya memberi impak yang positif terhadap sektor luaran Malaysia. Di samping itu, penurunan kadar pengangguran AS kepada 6.3% setakat April 2014 jelas menunjukkan bahawa ekonomi terbesar di dunia sedang mengalami pemulihan yang berterusan. Selain itu, permintaan domestik akan terus dijana oleh pelaburan swasta yang disokong oleh industri-industri seperti minyak dan gas, pembinaan dan perkilangan. Perbelanjaan modal yang tinggi oleh syarikat seperti Petronas mampu memberi kesan yang positif kepada negara terutamanya kepada industri hiliran. Juga, projek infrastruktur seperti Mass Rapid Transit ("MRT") akan merancakkan sektor pembinaan serta sektor perkilangan yang berasaskan eksport akan mendapat manfaat daripada pemulihan ekonomi global terutamanya industri elektrik dan elektronik.

Walaubagaimanapun, perbelanjaan swasta pada tahun 2014 dijangka akan mengalami sedikit kelembapan berikutan perlaksanaan program rasionalisasi subsidi yang akan memberi impak langsung terhadap sentiment pengguna lantaran kadar inflasi yang dijangka meningkat pada kadar 3% hingga 4%. Justeru, dasar kewangan berkemungkinan perlu di selaraskan dengan keadaan ekonomi semasa bagi menjamin kestabilan kewangan. Selain itu, kerajaan dijangka akan mengamalkan perbelanjaan yang berhemah berikutan hutang semasa kerajaan yang berada pada tahap 54.8% daripada nilai KDNK dan semakin menghampiri had yang ditetapkan iaitu 55%. Dengan ini, pertumbuhan ekonomi Malaysia dilihat dalam jajaran 4.5% dan 5.5% pada tahun 2014 yang disokong oleh faktor ekonomi luaran serta peningkatan di dalam pelaburan swasta.

# MILESTONES 2011 – 2013
# PENCAPAIAN KAMI 2011 – 2013



## 2013

- Appointed as the main banker for the Malaysian Government in conjunction with the implementation of 'Sistem Perakaunan Luar Negeri', which facilitates payment of foreign telegraphic transfers to countries across the globe
  Dilantik sebagai bank utama untuk Kerajaan Malaysia bersempena pelaksanaan 'Sistem Perakaunan Luar Negeri', yang menyediakan kemudahan Pemindahan Telegrafik untuk pembayaran ke luar negara di serata dunia

- Upgraded the award-winning TAP-i functionality with the addition of mIBFT (mobile Internet Banking Funds Transfer) feature which enables money transfer or payment in real-time
  Menambah-baik fungsi TAP-i yang telah memenangi anugerah dengan penambahan ciri Pemindahan Dana Perbankan Internet mudah-alih, yang membenarkan pengguna membuat pembayaran atau pemindahan wang dalam real-time

- Dato' Sri Zukri Samat became the recipient of 'Islamic Banker of the Year 2013' award at the Global Islamic Finance Awards ("GIFA") 2013 event, in recognition of his accomplishments at Bank Islam
  Dato' Sri Zukri Samat menjadi penerima anugerah 'Pengurus Bank Islam Terbaik 2013' di majlis 'Global Islamic Finance Awards ("GIFA") 2013' sebagai pengiktirafan atas pencapaiannya di Bank Islam

- Introduced the electronic payment facility 'mPOS' for the traders at Pasar Siti Khadijah in Kota Bharu, Kelantan, the first such implementation in the country
  Memperkenalkan kemudahan pembayaran elektronik 'mPOS' untuk para peniaga Pasar Siti Khadijah di Kota Bharu, Kelantan, pelaksanaan pertama kemudahan tersebut di negara

- Ranked as the 5th strongest bank in Malaysia by The Asian Banker, a renowned global financial publication
  Diiktiraf sebagai bank ke-5 terkukuh di Malaysia oleh The Asian Banker, penerbitan kewangan global yang terkemuka

- Named 'Most Innovative Islamic Bank in Malaysia' in International Finance Magazine Awards 2013
  Diiktiraf 'Bank Islam Paling Inovatif di Malaysia' di Anugerah International Finance Magazine 2013

- Awarded 'Islamic Bank of the Year (Malaysia)' by The Banker publication
  Dianugerahkan 'Bank Islam Terbaik (Malaysia)' oleh penerbitan The Banker

- Trailblazer Awards 2013 by Banking & Payments Asia ("BPA") saw Dato' Sri Zukri Samat receiving the 'Trailblazer of the Year 2013' award in recognition of his achievements in helming the Bank to record profitability, and Bank Islam receiving 'Special Commendation in Mobile Banking (Financial Inclusion)' for its innovative TAP-I mobile banking solution
  Anugerah Trailblazer 2013 oleh Banking & Payments Asia ("BPA") menyaksikan Dato' Sri Zukri Samat menerima anugerah 'Pelopor/Perintis Terbaik 2013' sebagai pengiktirafan atas pencapaiannya dalam mengendali Bank ke arah keuntungan, manakala Bank Islam menerima anugerah 'Pujian Khas dalam Perbankan Mudah Alih (Kemasukan Kewangan)' untuk produk inovatif TAP-i

- Named winner of the 'Platinum Award' for Islamic Financial Services for five consecutive years in the annual Reader's Digest Trusted Brands Award 2013
  Pemenang anugerah 'Platinum' bagi Perkhidmatan Kewangan Islam untuk lima tahun berturut-turut dalam upacara tahunan 'Anugerah Jenama Paling Berwibawa 2013 Reader's Digest'

- Awarded 'IFN Deal of the Year (Equity) 2013' by Islamic Finance News for the acquisition exercise by BIMB Holdings Berhad of the remaining Bank Islam share from Dubai Financial Group
  Dianugerahkan 'Urus Janji IFN Terbaik (Ekuiti) 2013' oleh Islamic Finance News atas pengambilalihan Bank Islam oleh BIMB Holdings Berhad daripada Dubai Financial Group

- Awarded two awards in the form of 'Special Recognition Award for Payments Innovation' in recognition of the Bank's innovative use of Well Fargo's Cyberpay web-based payment system, and Commerzbank's 'STP Award', the fourth consecutive year Bank Islam has won since 2009
  Penerima dua anugerah 'Special Recognition Award for Payments Innovation' sebagai mengiktiraf inovasi Bank dalam penggunaan sistem pembayaran berasaskan web Cyberpay oleh Wells Fargo, dan 'Anugerah STP' Commerzbank, kali ke-empat berturut-turut Bank memenangi anugerah tersebut sejak 2009

- Expanded Bank Islam's family of card offerings with the launch of VISA Platinum Credit Card-i
  Memperluaskan penawaran kad Bank Islam dengan pelancaran Kad Kredit-i VISA Platinum

- Launched Bank Islam Team Harimau VISA Debit Card-i in collaboration with the Football Association of Malaysia ("FAM")
  Memperkenalkan Kad Debit-i VISA Bank Islam Team Harimau dengan kerjasama Persatuan Bolasepak Malaysia ("FAM")

- Introduced Labbaik Account-i, a 2-in-1 savings account with Takaful coverage tailored for customers who are saving up to perform Hajj
  Memperkenalkan Akaun Labbaik-i, akaun simpanan 2-dalam-1 dengan perlindungan Takaful khusus untuk pelanggan yang berjimat untuk menunaikan ibadah Haji

- Introduced Property Financing-i (Tawarruq), a property financing product that utilises the Shariah concept of Tawarruq
  Memperkenalkan Pembiayaan Hartanah-i (Tawarruq), produk pembiayaan hartanah yang menggunakan konsep Syariah Tawarruq.

# MILESTONES 2009 – 2013
## PENCAPAIAN KAMI 2009 – 2013



# 2012

- Awarded 'Best Project Financing Deal of the Year in Southeast Asia' by Alpha Southeast Asia in its 'Annual Deal and Solutions Awards 2012' for its role as the Joint Lead Manager of the DanaInfra Nasional's Islamic Commercial Papers/Medium Term Notes programme
  Menerima anugerah 'Urus Janji Projek Kewangan Terbaik Asia Tenggara' daripada Alpha Southeast Asia dalam 'Anugerah Tahunan Urus Janji dan Penyelesaian 2012' sebagai Pengurus Utama Bersama program Kertas Komersil Islam/Nota Islam Berjangka Sederhana DanaInfra Nasional

- Awarded 'Best Islamic Bank in Malaysia' by Islamic Finance News in 'Best Banks Poll 2012'
  Menerima anugerah 'Bank Islam Terbaik di Malaysia' daripada Islamic Finance News dalam 'Pengundian Bank-bank Terbaik 2012'

- Awarded 'Anugerah Zakat Kebangsaan 2012 – Kategori Syarikat Awam Berhad' by Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji ("JAWHAR")
  Menerima 'Anugerah Zakat Kebangsaan 2012 – Kategori Syarikat Awam Berhad' daripada Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji ("JAWHAR")

- Launched the BIMB Dana Al-Fakhim, a money market fund
  Melancarkan satu dana pasaran wang iaitu BIMB Dana Al-Fakhim

- Awarded 'Gold' for 'Best Annual Report in Bahasa Malaysia' by National Annual Corporate Report Awards ("NACRA") for the publication of Bank Islam Annual Report 2011
  Menerima anugerah 'Emas' untuk 'Laporan Tahunan Bahasa Malaysia Terbaik' daripada 'National Annual Corporate Report Awards' ("NACRA") untuk penerbitan Laporan Tahunan 2011 Bank Islam

- Launched the University Debit Card-i ("UniDebit"), an exclusive multipurpose, all-in-one card designed just for students and staff of Universiti Malaysia Kelantan ("UMK")
  Melancarkan Kad Debit Universiti-i ("UniDebit") iaitu kad debit serbaguna khusus untuk para pelajar dan kakitangan Universiti Malaysia Kelantan ("UMK")

- Assigned improved Financial Strength rating of BBB and Foreign Currency long-term rating of BBB+ by Capital Intelligence ("CI"), an international credit rating agency
  Menerima taraf BBB bagi Kedudukan Kewangan yang Kukuh serta taraf BBB+ bagi Mata Wang Asing jangka panjang oleh Capital Intelligence ("CI"), agensi penarafan antarabangsa

- Launched Islamic Dual Currency Investment-i ("DCI-i"), a fixed deposit product linked to the performance of a pair of foreign currencies based on the concept of Wakalah-lil-Istithmar (an agency contract for investment)
  Melancarkan produk pelaburan Dwi-Mata Wang Islam ("DCI-i"), produk deposit tetap yang dikaitkan dengan perlaksanaan sepasang mata wang asing yang berdasarkan konsep Wakalah-lil-Istithmar (kontrak agensi untuk pelaburan)

- Named winner of the 'Platinum Award' for Islamic Financial Services for four consecutive years in the annual Reader's Digest Trusted Brands Award 2012
  Menerima anugerah 'Platinum' sebagai 'Jenama Paling Berwibawa bagi Perkhidmatan Kewangan Islam 2012' daripada Reader's Digest untuk empat tahun berturut-turut

- Named the winner of The BrandLaureate Awards 2011-2012 for best brands in Corporate Branding – Best Brands in Banking – Islamic Bank by The Asia Pacific Brands Foundation ("APBF")
  Dianugerahkan 'The BrandLaureate Awards 2011-2012' bagi jenama korporat terbaik - Jenama terbaik dalam Perbankan - Perbankan Islam oleh The Asia Pacific Brands Foundation ("APBF")

- Signed the Malaysian Corporate Integrity Pledge ("CIP"). The signing of the pledge makes Bank Islam the first Islamic financial institution to commit to the Anti-Corruption Principles for Corporations
  Menandatangani Ikrar Integriti Korporat Malaysia ("CIP"). Ini menjadikan Bank Islam institusi kewangan Islam yang pertama menyatakan komitmen terhadap Prinsip Pencegahan Rasuah bagi sebuah badan korporat

- Launched its first full-fledged branch that provides seven-day banking services at AEON Seberang Prai Shopping Centre
  Melancarkan perkhidmatan perbankan tujuh hari pertamanya di Pusat Membeli-belah AEON Seberang Prai

- Awarded the 'Malaysia Service to Care Awards 2012' for Islamic bank category by MarkPlus, Inc.
  Dianugerahkan 'Malaysia Service to Care Awards 2012' bagi kategori perbankan Islam oleh MarkPlus, Inc.

- Punched through the one million barrier with the issuance of a total of 1.21 million Bank Islam Visa Debit Card-i.
  Mencapai satu juta dengan pengeluaran 1.21 juta Kad Visa Debit-i Bank Islam.

# MILESTONES 2009 – 2013
## PENCAPAIAN KAMI 2009 – 2013



# 2011

- Financial magazine, The Asian Banker rated Bank Islam as the 4th strongest bank in Malaysia and 53rd strongest bank in Asia Pacific. Globally, Bank Islam was ranked 24th among Largest Islamic Financial Institutions and 34th among Global Islamic Strongest Banks
  Majalah kewangan, The Asian Banker telah mengiktiraf Bank Islam sebagai bank nombor 4 yang kukuh di Malaysia dan nombor 53 Bank paling kukuh di Asia Pasifik. Secara global, Bank Islam diberi taraf nombor 24 di kalangan Institusi Kewangan Islam Terbesar dan nombor 34 di kalangan Bank-bank Islam Global yang Terkukuh

- Joint Lead Arranger, Joint Lead Manager and Joint Shariah Adviser for the RM5 billion Islamic Securities Programme of TNB Janamanjung Sdn Bhd, which was awarded 'Project Finance International's Asia Pacific Bond Deal of the Year 2011' and Islamic Finance New's 'Ijarah Deal of the Year 2011' awards
  Pengatur Utama Bersama, Pengurus Utama Bersama dan Penasihat Syariah Bersama bagi Program Sekuriti Islam berjumlah RM5 bilion bagi TNB Janamanjung Sdn Bhd, yang telah mendapat anugerah 'Asia Pacific Bond Deal of the Year 2011' oleh Project Finance International dan 'Ijarah Deal of the Year 2011' oleh Islamic Finance News

- Voted as the 'Best Islamic Bank in Malaysia' by Islamic Finance News Awards 2011
  Dianugerah sebagai 'Bank Islam Terbaik di Malaysia' oleh Islamic Finance News Awards 2011

- Bank Islam's Managing Director, Dato' Sri Zukri Samat was awarded 'The BrandLaureate Brand Icons Leadership Awards 2011'
  Pengarah Urusan Bank Islam, Dato' Sri Zukri Samat telah dianugerahkan 'The BrandLaureate Brand Icons Leadership Awards 2011'

- DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin launched Menara Bank Islam that stands tall on a waqf land in Jalan Perak
  DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin telah melancarkan Menara Bank Islam yang berdiri megah di atas tanah wakaf di Jalan Perak

- Launched Al-Awfar Junior for customers below 18 years of age
  Melancarkan Al-Awfar Junior, khas untuk pelanggan yang berumur 18 tahun ke bawah

- Bank Islam's Managing Director, Dato' Sri Zukri Samat was awarded the 'Global Leadership Awards 2011'
  Pengarah Urusan Bank Islam, Dato' Sri Zukri Samat telah dianugerahkan 'Global Leadership Awards 2011'

- Awarded the 'Anugerah Inovasi Islam Peringkat Kebangsaan 2011 bagi Inovasi Kewangan Islam' by MOSTI
  Dianugerahkan 'Anugerah Inovasi Islam Peringkat Kebangsaan 2011 bagi Inovasi Kewangan Islam' oleh MOSTI

- Awarded the 'Malaysia Service to Care Awards 2011' for Islamic bank category by MarkPlus, Inc.
  Dianugerahkan 'Malaysia Service to Care Awards 2011' bagi kategori perbankan Islam oleh MarkPlus, Inc.

- Named winner of the 'Platinum Award' for Islamic Financial Services for three consecutive years in the annual Reader's Digest Trusted Brands Award 2011
  Menerima anugerah 'Platinum' sebagai 'Jenama Paling Berwibawa bagi Perkhidmatan Kewangan Islam 2011' untuk tiga tahun berturut-turut daripada Reader's Digest

- Named the winner of 'The BrandLaureate Awards 2010-2011' for best brands in Corporate Branding – Best Brands in Banking – Islamic Bank by The Asia Pacific Brands Foundation (APBF)
  Dianugerahkan 'The BrandLaureate Awards 2010-2011' bagi jenama korporat terbaik - Jenama terbaik dalam Perbankan - Perbankan Islam oleh The Asia Pacific Brands Foundation (APBF)

- Introduced RM250 million BIMB i Dividend Fund
  Memperkenalkan Dana BIMB i Dividen berjumlah RM250 juta

- Announced the completion of a share subscription exercise which gives Bank Islam a strategic 20% stake in Amana Bank Limited ("Amana Bank") in Sri Lanka. Amana Bank is poised to become Sri Lanka's first Islamic commercial bank
Member of the Shariah Supervisory Council
Ahli Majlis Pengawasan Syariah



**PROFESSOR DR. AHMAD HIDAYAT BUANG**
Member of the Shariah Supervisory Council
Ahli Majlis Pengawasan Syariah

**USTAZ DR. MUHAMMAD SYAFII ANTONIO**
Member of the Shariah Supervisory Council
Ahli Majlis Pengawasan Syariah

**USTAZ MOHD NAZRI CHIK**
Secretary of the Shariah Supervisory Council
Setiausaha Majlis Pengawasan Syariah



# PROFILE OF SHARIAH SUPERVISORY COUNCIL
# PROFIL MAJLIS PENGAWASAN SYARIAH

## USTAZ DR. AHMAD SHAHBARI @ SOBRI SALAMON

**Chairman of the Shariah Supervisory Council**
Executive Chairman, Pusrawi Corporation Sdn Bhd
Doctor of Philosophy (Modern Middle Eastern History), New York University (USA)
Master of Economic, Fairlaigh Dickinson University (USA)
Bachelor of Shariah, Al-Azhar University, Egypt

**Pengerusi Majlis Pengawasan Syariah**
Pengerusi Eksekutif, Pusrawi Corporation Sdn Bhd
Doktor Falsafah (Sejarah Moden Timur Tengah), New York University (AS)
Sarjana Ekonomi, Fairlaigh Dickinson University (AS)
Sarjana Muda Syariah, Universiti Al-Azhar, Mesir



Ustaz Dr. Ahmad Shahbari @ Sobri Salamon was first appointed as a member of the Shariah Supervisory Council in the year 1984. He is currently the Executive Chairman of Pusrawi Corporation Sdn Bhd, a position he has held since 1996. He is also a member of the Shariah Committee of Syarikat Takaful Malaysia Berhad, PT Takaful Indonesia, ASEAN ReTakaful International (L) Ltd, BIMB Investment Management Sdn Bhd and Labuan Financial Services Authority. Ustaz Dr. Ahmad Shahbari was awarded as 'Tokoh Ma'al Hijrah Selangor' in 2001 and 'Tokoh Ulama Bestari Negeri Selangor' in the year 2000. He is an approved Individual Shariah Advisor by the Securities Commissions of Malaysia.

Dr. Ahmad Shahbari had previously served as a Shariah advisor to Abrar Group (1996-1999), Arab Malaysia Merchant Bank (1996-1999) and Arab Malaysian Finance (1996-1999). Ustaz Dr. Ahmad Shahbari was appointed as the Executive Director of Pusat Rawatan Islam (Majlis Agama Islam Selangor), an office he held from 1996 to 1999 after serving as a Lecturer at the Ahmad Ibrahim Kuliyyah of Law, International Islamic University Malaysia ("IIUM") for 10 years since 1986. Prior to these, he had served as a Lecturer in the National University of Malaysia ("UKM") in the Shariah Department in 1985. From 1983 to 1984, he was seconded to IIUM 's Kuliyyah of Economics. He was also the Programme Coordinator for diploma and certificate courses of UKM's Islamic studies until 1983. Whilst with UKM, he also served as the Coordinator for General Teachings from 1981-1982 and subsequently was appointed as Acting Head of the Shariah Department in 1982. Ustaz Dr. Ahmad Shahbari's career began back in 1978 where he served as a Lecturer at the Shariah Department of Faculty of Islamic Studies, UKM. Dr. Ahmad Shahbari has no family relationship with any director and/or major shareholder of Bank Islam. He has no conflict of interest with Bank Islam and neither has he been charged with any offences.

Ustaz Dr. Ahmad Shahbari @ Sobri Salamon dilantik sebagai ahli Majlis Pengawasan Syariah pada 1984. Beliau kini merupakan Pengerusi Eksekutif Pusrawi Corporation Sdn Bhd, jawatan yang dipegangnya sejak 1996. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Syariah di Syarikat Takaful Malaysia Berhad, PT Takaful Indonesia, ASEAN ReTakaful International (L) Ltd, BIMB Investment Management Sdn Bhd dan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan. Beliau dianugerahkan Tokoh Ma'al Hijrah Selangor pada 2001 dan Tokoh Ulama Bestari Negeri Selangor pada 2000. Ustaz Dr. Ahmad Shahbari ialah Penasihat Syariah Individu yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Sebelum ini beliau pernah berkhidmat sebagai penasihat Syariah kepada Abrar Group (1996-1999), Arab Malaysia Merchant Bank (1996-1999) dan Arab Malaysian Finance (1996-1999). Beliau dilantik sebagai Pengarah Eksekutif Pusat Rawatan Islam (Majlis Agama Islam Selangor), jawatan yang dipegangnya dari 1996 hingga 1999 selepas berkhidmat sebagai pensyarah di Kuliyyah Undang- Undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia ("UIAM") selama 10 tahun sejak 1986. Sebelum itu, beliau berkhidmat sebagai pensyarah di Universiti Kebangsaan Malaysia ("UKM") di Jabatan Syariah pada 1985. Dari 1983 hingga 1984, beliau dipinjamkan ke Kuliyyah Ekonomi UIAM. Beliau juga menjadi Penyelaras Program bagi kursus diploma dan sijil pengajian Islam di UKM sehingga 1983. Semasa di UKM, beliau juga pernah berkhidmat sebagai Penyelaras Pengajaran Am dari 1981-1982 dan seterusnya dilantik sebagai Pemangku Ketua Jabatan Syariah pada 1982. Kerjaya Dr. Ahmad Shahbari bermula pada 1978 dengan berkhidmat sebagai pensyarah di Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM. Dr. Ahmad Shahbari tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Bank Islam. Beliau tidak mempunyai konflik kepentingan dengan Bank Islam dan tidak pernah didakwa atas apa-apa kesalahan.

## DATO' USTAZ HAJI MOHD BAKIR HAJI MANSOR

**Member of the Shariah Supervisory Council**
Distinguished Shariah Research Fellow, Centre for Fiqh al-Muamalat, Islamic Banking and Finance Institute of Malaysia
Cambridge Oversea School Certificate Syahadah Ulya (Highest Certificate), Muslim College, Malaysia

**Ahli Majlis Pengawasan Syariah**
Tokoh Felo Penyelidikan Syariah, Pusat Fiqh al-Muamalat, Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia
Cambridge Oversea School Certificate Syahadah Ulya (Sijil Tertinggi), Muslim College, Malaysia

Dato' Ustaz Haji Mohd Bakir Haji Mansor was first appointed as a member of Bank Islam's Shariah Supervisory Council ("SSC") in the year 2001. He is currently the Designated Person for Shariah Advisory on Shariah-based Unit Trust Funds as well as Chairman of the Shariah Committee of IBF IM. He is also the Chairman of the Shariah Committee for Association of Islamic Banking Institution Malaysia ("AIBIM") and Chairman for the Shariah Advisory Committee of BIMB Securities Sdn Bhd. Apart from that, he is rendering his service as a member of the Shariah Advisory Body of Syarikat Takaful Malaysia Berhad, a member of the Shariah Panel Committee of Amanah Ikhtiar Malaysia ("AIM") and a Shariah Advisor for the Employees Provident Fund. Dato' Ustaz Haji Mohd Bakir is an approved Individual Shariah Advisor by the Securities Commissions of Malaysia.

Prior to his appointment as a member of the SSC, Dato' Ustaz Haji Mohd Bakir had already served as the Shariah Coordinator for Bank Islam cum Secretary of the SSC, a post he had held from 1984. Formerly, he was one of the Chief Assistant Directors at the Islamic Research Centre in the Prime Minister's Department for four years since 1980. He had also served at the National Council for Islamic Religious Affairs in the Prime Minister's Department for 10 years from 1971. Throughout the years, Dato' Ustaz Haji Mohd Bakir has published a wide range of writings and presented numerous paperworks relating to the Islamic banking and finance industry. Dato' Ustaz Haji Mohd Bakir has no family relationship with any director and/or major shareholder of Bank Islam. He has no conflict of interest with Bank Islam and neither has he been charged with any offence.

Dato' Ustaz Haji Mohd Bakir Haji Mansor dilantik sebagai ahli Majlis Pengawasan Syariah ("SSC") Bank Islam pada 2001. Beliau kini merupakan Orang yang Dilantik sebagai Penasihat Syariah bagi Dana Amanah Saham berasaskan Syariah dan Pengerusi Jawatankuasa Syariah IBFIM. Beliau juga menjadi Pengerusi Jawatankuasa Syariah, Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia ("AIBIM") dan Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Syariah, BIMB Securities Sdn Bhd. Selain itu, beliau berkhidmat sebagai ahli Badan Penasihat Syariah, Syarikat Takaful Malaysia Berhad, ahli Jawatankuasa Panel Syariah, Amanah Ikhtiar Malaysia ("AIM") dan Penasihat Syariah untuk Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Dato' Ustaz Haji Mohd Bakir ialah Penasihat Syariah Individu yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Sebelum beliau dilantik sebagai ahli SSC, Dato' Ustaz Haji Mohd Bakir telah pun berkhidmat sebagai Penyelaras Syariah untuk Bank Islam merangkap Setiausaha SSC, iaitu jawatan yang dipegangnya sejak 1984. Sebelum itu, beliau merupakan salah seorang Ketua Penolong Pengarah di Pusat Penyelidikan Islam di Jabatan Perdana Menteri selama empat tahun bermula 1980. Beliau juga pernah berkhidmat di Majlis Kebangsaan untuk Hal Ehwal Agama Islam di Jabatan Perdana Menteri selama 10 tahun dari 1971. Sepanjang kerjayanya, beliau telah menerbitkan pelbagai hasil penulisan dan membentangkan banyak kertas kerja yang berkaitan dengan industri perbankan dan kewangan Islam. Dato' Ustaz Haji Mohd Bakir tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Bank Islam. Beliau tidak mempunyai konflik kepentingan dengan Bank Islam dan tidak pernah didakwa atas apa-apa kesalahan.



# PROFILE OF SHARIAH SUPERVISORY COUNCIL
# PROFIL MAJLIS PENGAWASAN SYARIAH

## ASSISTANT PROFESSOR/PENOLONG PROFESOR DR. UZAIMAH IBRAHIM

**Member of the Shariah Supervisory Council**
Assistant Professor, Ahmad Ibrahim Kuliyyah of Laws,
International Islamic University of Malaysia
Doctor of Philosophy, University of Wales, United Kingdom
Master in Comparative Law, International Islamic University of Malaysia
LLB (Shariah), International Islamic University of Malaysia
LLB, International Islamic University of Malaysia.

**Ahli Majlis Pengawasan Syariah**
Penolong Profesor, Kuliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
Doktor Falsafah, University of Wales, United Kingdom
Sarjana Undang-Undang Perbandingan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
Sarjana Muda Undang-undang (Syariah), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
Sarjana Muda Undang-undang, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia



Assistant Professor Dr. Uzaimah Ibrahim was first appointed as a member of the Shariah Supervisory Council in 2009. She is currently an Assistant Professor in the Department of Islamic Law, Ahmad Ibrahim Kuliyyah of Laws, International Islamic University of Malaysia ("IIUM "). She is also serving as a Shariah Advisor at Hong Leong Tokio Marine Takaful Berhad since 2006. Prior to that, she was a Shariah advisor for Hong Leong Islamic Bank Berhad and Hong Leong Bank Berhad and in 2005, had served as the Deputy Director of the Islamic Banking and Finance Institute, IIUM, an international centre for education and research in Islamic finance. Dr. Uzaimah obtained her qualification as a Syar'ie lawyer in 1995. She has conducted various researches on Islamic commercial law, Islamic jurisprudence, Islamic banking law, derivatives and securitisation. She has also given numerous presentations in seminars and workshops and contributed a chapter to the Halsbury's Laws of Malaysia published by the Malaysian Law Journal. Dr. Uzaimah has no family relationship with any director and/or major shareholder of Bank Islam. She has no conflict of interest with Bank Islam and neither has she been charged with any offences.

Penolong Profesor Dr. Uzaimah Ibrahim dilantik sebagai ahli Majlis Pengawasan Syariah pada 2009. Beliau kini menjadi Penolong Profesor di Jabatan Undang-Undang Islam, Kuliyyah Undang-undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia ("UIAM"). Beliau juga berkhidmat sebagai Penasihat Syariah di Hong Leong Tokio Marine Takaful Berhad sejak 2006. Sebelum itu, beliau menjadi penasihat Syariah Hong Leong Islamic Bank Berhad dan Hong Leong Bank Berhad. Pada 2005, beliau berkhidmat sebagai Timbalan Pengarah di Institut Perbankan dan Kewangan Islam UIAM, sebuah pusat antarabangsa bagi pendidikan dan penyelidikan kewangan Islam. Dr. Uzaimah memperoleh kelayakan sebagai peguam Syariah pada 1995. Beliau telah menjalankan pelbagai penyelidikan tentang undang-undang perdagangan Islam, perundangan Islam, undang-undang perbankan, terbitan dan pensekuritian Islam. Beliau juga telah membuat banyak pembentangan di seminar dan bengkel dan menyumbangkan satu bab dalam Halsbury's Laws of Malaysia yang diterbitkan oleh Jurnal Undang-undang Malaysia. Dr. Uzaimah tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Bank Islam. Beliau tidak mempunyai konflik kepentingan dengan Bank Islam dan tidak pernah didakwa atas apa-apa kesalahan.

Professor Dr. Ahmad Hidayat Buang was appointed as a member of the Shariah Supervisory Council in 2011. He is currently a Professor at the Department of Shariah and Law, Academy of Islamic Studies, University of Malaya. He was the director of the academy from October 2006 until January 2011. He was also the Deputy Director for Research and Development of the academy in the year 2006. At present, Dr. Ahmad Hidayat is also serving as a member of Shariah Committee for Syarikat Takaful Ikhlas Sdn Bhd since 2003. Prior to that, he had served as a Shariah advisor in numerous financial institutions and organisations including CIMB Bank Berhad (2005-2006), OCBC Bank (2004-2005), Commerce Tijari Bank (2004-2005), Amanah Raya Unit Trust Management Sdn Bhd (2006-2007), ASM MARA Unit Trust Management Berhad (2004-2006), I-Free Capital Pte Ltd (Singapore) (2003-2005), Bumiputra Commerce Trustee Sdn Bhd (2002-2006) and Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (2002). Additionally, he was formerly a member of the Shariah Working Committee for Islamic Banking and Takaful for Bank Negara Malaysia (2003 2004) and a member of the Islamic Education Coordination Advisory Council for the Council of Rulers Malaysia (2008-2011). Dr. Ahmad Hidayat has no family relationship with any director and/or major shareholder of Bank Islam. He has no conflict of interest with Bank Islam and neither has she been charged with any offences.

Profesor Dr. Ahmad Hidayat Buang dilantik sebagai ahli Majlis Pengawasan Syariah pada 2011. Beliau kini menjadi Profesor di Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Beliau menjadi pengarah akademi tersebut dari Oktober 2006 hingga Januari 2011. Beliau juga merupakan Timbalan Pengarah Penyelidikan dan Pembangunan di akademi tersebut pada 2006. Pada masa ini, Dr. Ahmad Hidayat juga menjadi ahli Jawatankuasa Syariah di Syarikat Takaful Ikhlas Sdn Bhd sejak 2003. Sebelum itu, beliau berkhidmat sebagai penasihat Syariah di pelbagai institusi dan organisasi kewangan termasuk CIMB Bank Berhad (2005-2006), OCBC Bank (2004-2005), Commerce Tijari Bank (2004-2005), Amanah Raya Unit Trust Management Sdn Bhd (2006-2007), ASM MARA Unit Trust Management Berhad (2004-2006), I-Free Capital Pte Ltd (Singapore) (2003-2005), Bumiputra Commerce Trustee Sdn Bhd (2002-2006) dan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (2002). Selain itu, beliau merupakan bekas ahli Jawatankuasa Kerja Syariah untuk Perbankan Islam dan Takaful di Bank Negara Malaysia (2003-2004) dan ahli Majlis Penasihat Penyelarasan Pendidikan Islam bagi Majlis Raja-Raja Malaysia (2008-2011). Dr. Ahmad Hidayat tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Bank Islam. Beliau tidak mempunyai konflik kepentingan dengan Bank Islam dan tidak pernah didakwa atas apa-apa kesalahan.

## PROFESSOR DR. AHMAD HIDAYAT BUANG

**Member of the Shariah Supervisory Council**
Professor, Department of Shariah and Law, Academy of Islamic Studies, University of Malaya
Doctor of Philosophy, School of Oriental and African Studies, University of London
Master of Law, School of Oriental and African Studies, University of London
Bachelor of Shariah, University of Malaya

**Ahli Majlis Pengawasan Syariah**
Profesor, Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
Doktor Falsafah, School of Oriental and African Studies, University of London
Sarjana Undang-Undang, School of Oriental and African Studies, University of London
Sarjana Muda Syariah, Universiti Malaya



# PROFILE OF SHARIAH SUPERVISORY COUNCIL
# PROFIL MAJLIS PENGAWASAN SYARIAH

## USTAZ DR. MUHAMMAD SYAFII ANTONIO

**Member of the Shariah Supervisory Council**
Chairman, Tazkia University College of Islamic Economics, Indonesia
Doctor of Philosophy (Micro Finance), University of Melbourne, Australia
Master of Economics, International Islamic University of Malaysia, Malaysia
Bachelor of Shariah, University of Jordan, Jordan

**Ahli Majlis Pengawasan Syariah**
Pengerusi, Tazkia University College of Islamic Economics, Indonesia
Doktor Falsafah (Mikrokewangan), University of Melbourne, Australia
Sarjana Ekonomi, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
Sarjana Muda Syariah, University of Jordan, Jordan



Ustaz Dr. Muhammad Syafii Antonio was first appointed as a member of the Shariah Supervisory Council in 2011. He is currently the Chairman of Tazkia University College of Islamic Economics ("STEI Tazkia"). At the moment, he also serves as a member of Board of Commissioner and Shariah Advisor in several Islamic financial institutions which include being a member of Shariah Advisory Council of Securities Commission of Malaysia, the Deputy Chairman of Fatwa and Shariah Supervisory Board, Dar al-Takaful, Dubai, UAE since 2008, member of Indonesian Central Bank's Expert Committee on Islamic Banking and National Shariah Council, member of Indonesia National Economic Council, Chairman of Shariah Board, Bank Export Indonesia and Acting Chairman of Shariah Supervisory Board, Takaful Insurance Company. He was also a member of Shariah Advisory Council, Bank Negara Malaysia from 2006 to 2010. In June 2010, he was appointed by the President of Indonesia as a member of the National Economic Council of Indonesia. In 2003, Dr. Muhammad Syafii was awarded the Syariah Award by the Indonesian Central Bank for his contributions towards the development of Islamic banking and finance in Indonesia. Additionally, he was also the recipient for the Anti-corruption & Good Governance Award by Ministry of State Apparatus (2007), Arab Asia Finance Recognition Award by Arab Asia Finance Forum (2008) and won the Australian Alumni Award (in Business Leadership category) from the Government of Australia (2009). He has published 21 books on Islamic banking, economics, zakat and leadership. Dr. Muhammad Syafii has no family relationship with any director and/or major shareholder of Bank Islam. He has no conflict of interest with Bank Islam and neither has he been charged with any offences.

Ustaz Dr. Muhammad Syafii Antonio dilantik sebagai ahli Majlis Pengawasan Syariah pada 2011. Kini, beliau menjadi Pengerusi Tazkia University College of Islamic Economics ("STEI Tazkia"). Pada masa ini, beliau juga berkhidmat sebagai ahli Lembaga Suruhanjaya dan Penasihat Syariah di beberapa institusi kewangan Islam termasuk menjadi ahli Majlis Penasihat Syariah di Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Timbalan Pengerusi, Lembaga Pengawasan Fatwa dan Syariah, Dar al-Takaful, Dubai, UAE sejak 2008, ahli Jawatankuasa Pakar tentang Perbankan Islam dan Majlis Syariah Kebangsaan bagi Indonesian Central Bank, ahli Majlis Ekonomi Kebangsaan Indonesia, Pengerusi Lembaga Syariah, Bank Export Indonesia dan Pemangku Pengerusi Lembaga Pengawasan Syariah, Syarikat Insurans Takaful. Beliau juga merupakan ahli Majlis Penasihat Syariah, Bank Negara Malaysia dari 2006 hingga 2010. Pada Jun 2010, beliau dilantik sebagai ahli Majlis Ekonomi Kebangsaan Indonesia oleh Presiden Indonesia. Pada 2003, Dr. Muhammad Syafii menerima Syariah Award daripada Indonesian Central Bank atas sumbangannya kepada pembangunan perbankan dan kewangan Islam di Indonesia. Selain itu, beliau juga merupakan penerima Anti-corruption & Good Governance Award oleh Kementerian Aparatur Negara (2007), Arab Asia Finance Recognition Award oleh Arab Asia Finance Forum (2008) dan memenangi Australian Alumni Award (dalam kategori Kepimpinan Perniagaan) daripada Kerajaan Australia (2009). Beliau telah menerbitkan 21 buah buku tentang perbankan Islam, ekonomi, zakat dan kepimpinan. Dr. Muhammad Syafii tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Bank Islam. Beliau tidak mempunyai konflik kepentingan dengan Bank Islam dan tidak pernah didakwa atas apa-apa kesalahan.



Ustaz Mohd Nazri Chik was first appointed as secretary of the Shariah Supervisory Council in 2011. He holds a Bachelor of Shariah (Islamic Jurisprudence) and Masters of Shariah from the University of Malaya. He initially joined Bank Islam in June 2004 and served the Bank for five years in various designations including Senior Manager – Head of Shariah Division. He left Bank Islam in 2009 to join Noor Investment Group, Dubai UAE as its Shariah Audit Manager for a brief period. At Noor Investment Group he was responsible for strengthening the Shariah governance framework of the Noor Investment Group, Noor Islamic Bank ("NIB") and Noor Takaful ("NT"). During this time, Ustaz Mohd Nazri has been appointed as a member of the Shariah Supervisory Council until he rejoined Bank Islam in January 2011. Prior to his banking career, Ustaz Mohd Nazri has also lectured at the Ibnu Sina Institute for Islamic and Science & Technology Studies and Academy of Islamic Studies, University of Malaya. He is also an Accredited Trainer for Islamic Banking and Finance Institute of Malaysia and a member of the Shariah Supervisory Council of Amana Bank Limited, Sri Lanka. Ustaz Mohd Nazri has no family relationship with any director and/or major shareholder of Bank Islam. He has no conflict of interest with Bank Islam and neither has he been charged with any offence.

Ustaz Mohd Nazri Chik telah dilantik sebagai setiausaha Majlis Pengawasan Syariah ("SSC") pada 2011. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Syariah (Perundangan Islam) dan Sarjana Syariah daripada Universiti Malaya. Beliau mula menyertai Bank Islam pada Jun 2004 dan berkhidmat dengan Bank selama lima tahun dalam pelbagai jawatan termasuk Pengurus Kanan – Ketua Bahagian Syariah. Beliau meninggalkan Bank Islam pada 2009 untuk menyertai Noor Investment Group, Dubai UAE sebagai Pengurus Audit Syariah untuk tempoh yang singkat. Di Noor Investment Group, beliau bertanggungjawab mengukuhkan rangka kerja tadbir urus Syariah bagi Noor Investment Group, Noor Islamic Bank ("NIB") dan Noor Takaful ("NT"). Pada ketika inilah beliau telah dilantik sebagai ahli SSC sehingga beliau menyertai semula Bank Islam semula pada Januari 2011. Sebelum kerjaya perbankannya, Ustaz Mohd Nazri juga pernah menjadi pensyarah di Institut Ibnu Sina untuk Pengajian Islam dan Sains & Teknologi dan juga Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Beliau juga merupakan Pelatih Bertauliah di Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia dan ahli Majlis Pengawasan Syariah bagi Amana Bank Limited, Sri Lanka. Ustaz Mohd Nazri tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Bank Islam. Beliau tidak mempunyai konflik kepentingan dengan Bank Islam dan tidak pernah didakwa atas apa-apa kesalahan.

## USTAZ MOHD NAZRI CHIK

**Secretary of the Shariah Supervisory Council**
Head of Shariah Division, Bank Islam Malaysia Berhad
Master of Shariah, University of Malaya
Bachelor of Shariah (Islamic Jurisprudence), University of Malaya

**Setiausaha Majlis Pengawasan Syariah**
Ketua Bahagian Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad
Sarjana Syariah, Universiti Malaya
Sarjana Muda Syariah (Perundangan Islam), Universiti Malaya



# MANAGEMENT TEAM
# BARISAN PENGURUSAN

## MANAGING DIRECTOR'S OFFICE
## PEJABAT PENGARAH URUSAN

**MARIA MAT SAID**
Company Secretary, Legal & Secretarial
Setiausaha Syarikat, Perundangan & Kesetiausahaan

**DATO' SRI ZUKRI SAMAT**
Managing Director
Pengarah Urusan

**HIZAMUDDIN JAMALLUDDIN**
Head, Strategic Management & Managing Director's Office
Ketua, Pengurusan Strategik & Pejabat Pengarah Urusan

**AZMIR ABDUL MALEK**
Head, Corporate Communications
Ketua, Komunikasi Korporat

**DATO' WAN ISMAIL WAN YUSOH**
General Manager, Strategic Relations
Pengurus Besar, Hubungan Strategik

## BUSINESS UNITS
## UNIT PERNIAGAAN

**NORASHIKIN MOHD KASSIM**
Director, Treasury
Pengarah, Perbendaharaan

**ABDUL RASHID ABDUL HAMID**
Head, Commercial Banking
Ketua, Perbankan Komersial

**MIZAN MASRAM**
Head, Recovery & Rehabilitation
Ketua, Pemulihan & Rehabilitasi



**MASHITAH HJ OSMAN**
Director, Corporate Investment Banking
Pengarah, Perbankan Pelaburan Korporat

**KHAIRUL KAMARUDIN**
Director, Business Development
Pengarah, Pembangunan Perniagaaan

**MUJIBBURRAHMAN ABD RASHID**
Head, Consumer Banking
Ketua, Perbankan Pengguna

# MANAGEMENT TEAM
# BARISAN PENGURUSAN

## SUPPORT UNITS
## UNIT SOKONGAN

**JAMILAH ABDUL SALLAM**
Head, Human Resources
Ketua, Sumber Manusia

**DATO' NORASNI AYOB**
Chief Operating Officer
Ketua Pegawai Operasi

**MALKIT SINGH MAAN**
Chief Financial Officer
Ketua Pegawai Kewangan

**RYAN LIEW CHOON CHING**
Chief Technology Officer
Ketua Pegawai Teknologi

**WAHID ALI MOHD KHALIL**
Chief Operating Officer,
Business Support
Ketua Pegawai Operasi,
Sokongan Perniagaan

## INDEPENDENT UNITS
## UNIT BEBAS

**NIK AZMIR NIK ANIS**
Head, Compliance
Ketua, Pematuhan

**DAVID LEONG SZE KHIONG**
Chief Internal Auditor
Ketua Audit Dalaman

**JEROEN P.M.M. THIJS**
Chief Risk Officer
Ketua Pegawai Risiko

**USTAZ MOHD NAZRI CHIK**
Head, Shariah
Ketua, Syariah



# PROFILE OF MANAGEMENT TEAM
# PROFIL BARISAN PENGURUSAN

## Managing Director's Office
## Pejabat Pengarah Urusan



### DATO' WAN ISMAIL WAN YUSOH
General Manager, Strategic Relations
Pengurus Besar, Hubungan Strategik

Dato' Wan Ismail Wan Yusoh has 31 years of Islamic banking experience in a number of areas, ranging from IT and operations, Operations & Maintenance ("O&M") and product developments, consultancy and advisory to consumer banking and corporate affairs. He has been with Bank Islam since its inception in 1983, and was appointed to his current post in 2008 with the directive to assist the Managing Director in managing the Bank's strategic marketing and business intelligence. Dato' Wan Ismail holds a Master's Degree in Mathematics from Indiana State University, USA.

Dato' Wan Ismail Wan Yusoh mempunyai 31 tahun pengalaman dalam beberapa bidang perbankan Islam yang meliputi IT dan operasi, Pengendalian & Penyelenggaraan ("O&M") dan pembangunan produk, perundingan dan khidmat nasihat serta perbankan pengguna dan hal ehwal korporat. Beliau menyertai Bank Islam sejak awal penubuhannya pada 1983 dan dilantik ke jawatan sekarang pada 2008 atas arahan untuk membantu Pengarah Urusan menguruskan pemasaran strategik dan perisikan perniagaan Bank. Dato' Wan Ismail memegang Ijazah Sarjana Matematik daripada Indiana State University, AS.



### HIZAMUDDIN JAMALLUDDIN
Head, Strategic Management & Managing Director's Office
Ketua, Pengurusan Strategik & Pejabat Pengarah Urusan

Encik Hizamuddin Jamalluddin has spent most of his professional life in corporate management, particularly in corporate planning, cross border merger and acquisition activities, corporate finance and advisory, corporate and debt restructuring, privatisation, investor relations and strategic communications. He joined Bank Islam in 2007, and is responsible for the formulation of corporate master plan, annual business plan and overall management of key performance indicators of the Bank. His primary roles and responsibilities include setting key corporate and business strategies, driving transformation initiatives and overseeing the Bank's corporate exercises in areas related to strategic investments, composite risk rating and capital raising exercise. He also acts as key liaison officer to the shareholders, regulators and investment community. Encik Hizamuddin holds a Bachelor of Science in Finance from Northern Illinois University, USA.

Encik Hizamuddin Jamalluddin menghabiskan kebanyakan kehidupan profesionalnya dalam pengurusan korporat, terutamanya dalam perancangan korporat, aktiviti penggabungan dan pengambilalihan antara sempadan, kewangan korporat dan khidmat nasihat, penstrukturan semula korporat dan hutang, penswastaan, hubungan pelabur dan komunikasi strategik. Beliau menyertai Bank Islam pada 2007, dan bewrtanggungjawab terhadap penyediaan pelan induk korporat, pelan perniagaan tahunan dan keseluruhan pengurusan penunjuk prestasi utama Bank. Peranan dan tanggungjawab utamanya termasuk menetapkan strategi korporat dan strategi perniagaan yang utama, memacu inisiatif transformasi dan menyelia amalan korporat Bank dalam bidang yang berkaitan dengan pelaburan strategik, penarafan risiko komposit dan pelaksanaan peningkatan modal. Beliau juga bertindak sebagai pegawai perhubungan utama kepada pemegang saham, pengawal selia dan komuniti pelaburan. Encik Hizamuddin memegang Ijazah Sarjana Muda Sains dalam jurusan Kewangan daripada Northern Illinois University, AS.



### MARIA MAT SAID
Head/Company Secretary, Legal & Secretarial
Setiausaha Syarikat, Perundangan & Kesetiausahaan

Puan Maria Mat Said has over 22 years of experience in related field and has been with Bank Islam since 2005. She was appointed to her current position in 2009. Her areas of responsibility include provision of legal and corporate secretarial services for the Bank as well as ensuring proper corporate governance. Puan Maria holds a Bachelor of Law from University of Malaya.

Puan Maria Mat Said mempunyai lebih 22 tahun pengalaman dalam bidang yang berkaitan dan telah berkhidmat dengan Bank Islam sejak 2005. Beliau dilantik ke jawatan sekarang pada 2009. Bidang tugasnya termasuk menyediakan khidmat perundangan dan kesetiausahaan korporat kepada Bank serta memastikan tadbir urus korporat yang sewajarnya dilaksanakan. Puan Maria memegang Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang daripada Universiti Malaya.



### AZMIR ABDUL MALEK
Head, Corporate Communications
Ketua, Komunikasi Korporat

Encik Azmir Abdul Malek has 17 years of experience in strategic brand building exercises which have involved a number of multinational corporations. He joined Bank Islam in 2012, and as a proponent of Integrated Communications Solutions, his main role is to enhance the Bank's presence in the industry. Encik Azmir holds a Bachelor in Business Administration, majoring in Advertising and Promotion from Western Michigan University, USA.

Encik Azmir Abdul Malek mempunyai 17 tahun pengalaman pengalaman dalam melaksanakan pembinaan jenama strategik yang melibatkan beberapa syarikat multinasional. Beliau menyertai Bank Islam pada 2012, dan sebagai penyokong Penyelesaian Komunikasi Bersepadu (Integrated Communications Solutions), peranan utama beliau adalah untuk menyebarluaskan kewujudan Bank dalam industri ini. Encik Azmir memegang Ijazah Pentadbiran Perniagaan dengan pengkhususan dalam Pengiklanan dan Promosi daripada Western Michigan University, AS.

# PROFILE OF MANAGEMENT TEAM
# PROFIL BARISAN PENGURUSAN

## Business Units
## Unit Perniagaan



### NORASHIKIN MOHD KASSIM
Director, Treasury
Pengarah, Perbendaharaan

Puan Norashikin Mohd Kassim has 21 years of working experience, both locally and abroad. She joined Bank Islam in 2006 and is currently heading the Bank's Treasury division. Puan Norashikin has instigated its transformation into a leading treasury entity with the introduction of numerous innovative Islamic treasury instruments. She is also actively involved in the development of Islamic finance industry and has been invited to become speaker at various Islamic finance forums and conferences. Puan Norashikin is a holder of a Master's Degree of Science in Actuarial Science, Master's degree in Islamic Banking & Finance and Master's Degree of Arts in Mathematics from Oxford University as well as a Chartered Financial Analyst ("CFA") charter holder.

Puan Norashikin Mohd Kassim mempunyai 21 tahun pengalaman bekerja di dalam dan luar negara. Beliau menyertai Bank Islam pada 2006 kini mengetuai bahagian Perbendaharaan Bank. Puan Norashikin memulakan transformasi Perbendaharaan Bank menjadi entiti perbendaharaan yang terkemuka dengan pengenalan pelbagai instrumen perbendaharaan Islam yang inovatif. Beliau juga terlibat secara aktif dalam pembangunan industri kewangan Islam telah menerima jemputan untuk menjadi penceramah di pelbagai forum dan persidangan kewangan Islam. Puan Norashikin memegang Ijazah Sarjana Sains dalam jurusan Sains Aktuari, Ijazah Sarjana dalam jurusan Perbankan & Kewangan Islam serta ijazah Sarjana Sastera dalam jurusan Matematik daripada Oxford University dan juga merupakan seorang Penganalisis Kewangan Bertauliah ("CFA").



### MASHITAH HJ OSMAN
Director, Corporate Investment Banking
Pengarah. Perbankan Pelaburan Korporat

Puan Mashitah Hj Osman has over 28 years of experience in investment banking. She joined Bank Islam in November 2006 to establish and head the Corporate Investment Banking division, which now encompasses three distinct departments offering corporate finance, debt capital market and corporate banking products and services. Puan Mashitah has been named as one of the top 15 female movers and shakers in the Shariah finance industry by Islamic Finance Asia. She also chairs the Association of Islamic Banking Institution Malaysia's ("AIBIM") Islamic Capital Markets Committee. Puan Mashitah holds a Master's Degree in Business Administration from University of Wales, UK.

Puan Mashitah Hj Osman mempunyai lebih 28 tahun pengalaman dalam bidang perbankan pelaburan. Beliau menyertai Bank Islam pada November 2006 bagi menubuhkan dan mengetuai Bahagian Perbankan Pelaburan Korporat, yang kini merangkumi tiga jabatan yang menawarkan produk dan perkhidmatan berkaitan kewangan korporat, pasaran modal hutang dan perbankan korporat. Puan Mashitah disenaraikan sebagai salah seorang daripada 15 wanita penggerak dalam industri kewangan Syariah oleh Islamic Finance Asia. Puan Mashitah juga mempengerusikan Jawatankuasa Pasaran Modal Islam bagi Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia ("AIBIM"). Puan Mashitah memegang Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan daripada University of Wales, UK.



### KHAIRUL KAMARUDIN
Director, Business Development
Pengarah, Pembangunan Perniagaan

Encik Khairul Kamarudin has 17 years of experience in the banking industry. He joined Bank Islam in 2005 and has held the role of Director of Business Development since 2012. Encik Khairul is responsible for the overall positioning and strategic formulation of the three major divisions within the Bank, namely Consumer Banking, Commercial Banking and Recovery & Rehabilitation, and has been credited with the development and implementation of the Bank's strategies. He also holds the position of a Non-Independent, Non-Executive Director of BIMB Investment Management Berhad and is a practicing member of the Association of Chartered Islamic Finance Professional. Encik Khairul is a holder of LLB (Hons) from Anglia University, UK.

Encik Khairul Kamarudin mempunyai 17 pengalaman dalam industry perbankan. Beliau menyertai Bank Islam pada 2005 dan telah memegang jawatan Pengarah Pembangunan Perniagaan sejak 2012. Beliau bertanggungjawab terhadap keseluruhan perancangan dan pembentukan strategik tiga bahagian utama dalam Bank, iaitu Perbankan Pengguna, Perbankan Komersil dan Pemulihan & Rehabilitasi, dan bertanggungjawab dalam pembangunan dan pelaksanaan strategi Bank. Beliau juga memegang jawatan Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif bagi BIMB Investment Management Berhad dan merupakan ahli Persatuan Profesional Kewangan Islam Bertauliah yang menjalankan amalan kewangan Islam. Encik Khairul ialah pemegang Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) daripada Anglia University, UK.



### MUJIBBURRAHMAN ABD RASHID
Head, Consumer Banking
Ketua, Perbankan Pengguna

Encik Mujibburrahman Abd Rashid joined Bank Islam in 2007 as Senior Manager, Sales Management, and was promoted to his current position as the Head of the Bank's Consumer Banking division. He was instrumental in introducing Sales Incentive Scheme to the Bank's workforce and has played a major role in improving its overall service and turnaround time. Encik Mujibburrahman holds a Bachelor's Degree in Accountancy from Universiti Utara Malaysia ("UUM").

Encik Mujibburrahman Abd Rashid menyertai Bank Islam pada 2007 sebagai Pengurus Kanan, Pengurusan Jualan, dan dinaikkan pangkat ke jawatannya sekarang sebagai Ketua Bahagian Perbankan Pengguna Bank pada 2012. Beliau memainkan peranan penting dalam memperkenalkan Skim Insentif Jualan kepada tenaga kerja Bank serta bertanggungjawab menambah baik keseluruhan perkhidmatan dan masa penyempurnaannya. Encik Mujibburrahman memegang Ijazah Sarjana Muda Perakaunan daripada Universiti Utara Malaysia ("UUM").

# PROFILE OF MANAGEMENT TEAM
# PROFIL BARISAN PENGURUSAN

## Business Units
## Unit Perniagaan



### ABDUL RASHID ABDUL HAMID

Head, Commercial Banking
Ketua, Perbankan Komersil

Encik Abdul Rashid Abdul Hamid has been in the banking industry for 18 years. He joined Bank Islam in 2005 after holding various posts in corporate banking and credit risk at a number of local and foreign banks. Encik Abdul Rashid was instrumental in the establishment of the Bank's Credit Analyst team. He was appointed to his current post in 2009 with the role of overseeing Bank Islam's Commercial Banking portfolio. Encik Abdul Rashid holds a Bachelor of Science in Business Administration from California State University in Sacramento, USA.

Encik Abdul Rashid Abdul Hamid telah berkecimpung dalam industri perbankan selama 18 tahun. Beliau menyertai Bank Islam pada 2005 setelah memegang pelbagai jawatan dalam perbankan korporat dan risiko kredit di beberapa bank tempatan dan asing. memainkan peranan penting dalam penubuhan pasukan Penganalisis Kredit Bank. Beliau dilantik ke jawatan sekarang pada 2009 dan bertanggungjawab menyelia portfolio Perbankan Komersil Bank. Encik Abdul Rashid memegang Ijazah Sarjana Muda Sains dalam jurusan Pentadbiran Perniagaan daripada California State University di Sacramento, AS.



### MIZAN MASRAM

Head, Recovery & Rehabilitation
Ketua, Pemulihan & Rehabilitasi

Encik Mizan Masram has 17 years of experience in related field and has held various positions with several foreign banks. He currently heads the Recovery & Rehabilitation division where he is responsible for the Bank's crucial credit recovery and collection operations. Encik Mizan holds a Diploma in Business Studies majoring in Business from the Association of Business Executives, UK.

Encik Mizan Masram mempunyai 17 tahun pengalaman dalam bidang berkaitan dan telah memegang beberapa jawatan di beberapa bank asing. Beliau kini mengetuai bahagian Pemulihan & Rehabilitasi dan bertanggungjawab terhadap pemulihan kredit dan operasi pengutipan. Encik Mizan memegang Diploma Pendidikan Perniagaan dengan pengkhususan dalam jurusan Perniagaan daripada Association of Business Executives, UK.

## Support Units
## Unit Sokongan



### DATO' NORASNI AYOB

Chief Operating Officer, Operations
Ketua Pegawai Operasi, Operasi

Dato' Norasni Ayob has over 30 years of experience in banking operations. She joined Bank Islam in 2011 where she currently manages five major operations, which include Cash Management, Operations, Contact Centre, e-Channels and Property Development. Dato' Norasni has also been entrusted to utilise her expertise in growing the Bank's retail deposits. Under her stewardship, various operational and management transformation initiatives have been implemented to strengthen the Bank's operational efficiency. Dato' Norasni holds a Master's Degree in Business Administration from Nottingham Trent University, UK.

Dato' Norasni Ayob mempunyai lebih 30 tahun pengalaman dalam operasi perbankan. She menyertai Bank Islam pada 2011 di mana beliau kini menguruskan lima operasi utama yang termasuk Pengurusan Tunai, Operasi, Pusat Hubungan, e-Saluran dan Pembangunan Hartanah. Dato' Norasni juga telah diamanahkan untuk menggunakan kepakarannya bagi menambahkan deposit runcit Bank. Di bawah kepimpinannya, pelbagai inisiatif operasi dan transformasi pengurusan telah dilaksanakan untuk mengukuhkan kecekapan operasi Bank. Dato' Norasni memegang Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan daripada Nottingham Trent University, UK.



### JAMILAH ABDUL SALLAM

Head, Human Resources
Ketua, Sumber Manusia

Puan Jamilah Abdul Sallam is a HR practitioner with more than 28 years of working experience in financial institutions. Upon joining Bank Islam in 2007, she initiated and implemented a number of strategies and policies designed to rationalise manpower costs, increase productivity levels and enhance performance through Performance Management Development. Key programmes implemented under her tenure include Human Capital Alignment, Talent Management and Succession Planning, Employer Branding, Employee Engagement and Structured Human Capital Development. Puan Jamilah holds a Master's Degree of Arts in Human Resource Management from University of Lincolnshire & Humberside, UK.

Puan Jamilah Abdul Sallam ialah seorang pengamal HR dengan lebih 28 tahun pengalaman kerja di beberapa institusi kewangan. Selepas menyertai Bank Islam pada 2007, beliau memperkenalkan dan melaksanakan beberapa strategi dan dasar yang direka untuk merasionalkan kos tenaga manusia, menaikkan tahap produktiviti dan meningkatkan prestasi melalui Pembangunan Pengurusan Prestasi. Program utama yang dilaksanakan di bawah kepimpinannya termasuk Pelarasan Modal Insan, Pengurusan Bakat dan Perancangan Penggantian, Penjenamaan Majikan, Penglibatan Kakitangan dan Pembangunan Modal Insan Berstruktur. Puan Jamilah memegang Ijazah Sarjana Sastera dalam jurusan Pengurusan Sumber Manusia daripada University of Lincolnshire & Humberside, UK.

# PROFILE OF MANAGEMENT TEAM
# PROFIL BARISAN PENGURUSAN

## Support Units
## Unit Sokongan



### MALKIT SINGH MAAN
Chief Financial Officer
Ketua Pegawai Kewangan

Mr. Malkit Singh Maan has over 23 years of working experience in finance within a banking environment, and has served several foreign and local banks in various capacities. He is responsible for the financial management of Bank Islam, a role which he has assumed since January 2008. Mr. Malkit is a Certified Practicing Accountant ("CPA") member of the Australian Society of CPAs and Chartered Accountant of Malaysian Institute of Accountants.

Encik Malkit Singh Maan mempunyai lebih 23 tahun pengalaman bekerja dalam bidang kewangan dalam persekitaran perbankan, dan pernah berkhidmat dengan beberapa bank asing dan tempatan dengan pelbagai jawatan. Encik Malkit merupakan ahli Certified Practicing Accountant ("CPA") di Australian Society of CPAs dan Akauntan Bertauliah di Institut Akauntan Malaysia.



### RYAN LIEW CHOON CHING
Chief Technology Officer
Ketua Pegawai Teknologi

Mr. Ryan Liew has 28 years of working experience within the banking industry. He joined Bank Islam in 2008 to head up the Bank's Information Technology division. As the Chief Technology Officer, Mr. Ryan oversees the various aspects of the division's departments including Strategic & Planning, IT Application & Infrastructure, Project Management Office and IT Security. He has been nominated as one of Asia's most influential IT leaders. Mr. Ryan holds a Bachelor of Science in Computer Science.

Encik Ryan Liew mempunyai 28 years tahun pengalaman kerja dalam industri perbankan. Beliau menyertai Bank Islam pada 2008 bagi mengetuai bahagian Teknologi Maklumat Bank. Sebagai Ketua Pegawai Teknologi, Encik Ryan menyelia pelbagai aspek jabatan di bawah bahagian termasuk Strategi & Perancangan, Aplikasi & Infrastruktur IT, Pejabat Pengurusan Projek dan Keselamatan IT. Beliau telah dicalonkan sebagai salah seorang peneraju IT paling berpengaruh di Asia. Encik Ryan memegang Ijazah Sarjana Muda Sains dalam jurusan Sains Komputer.



### WAHID ALI MOHD KHALIL
Chief Operating Officer, Business Support
Ketua Pegawai Operasi, Sokongan Perniagaan

Encik Wahid Ali Mohd Khalil carries with him 32 years of banking experience having served various local and foreign banks in different capacities. He joined Bank Islam in 2007 as the Chief Internal Auditor before being appointed to his current post in 2013. Encik Wahid serves as a member of the Board of Directors for BIMB Investment Management Berhad and Amana Bank Limited (Sri Lanka) in addition to being a member of Board Audit Committee for the same institutions. He is also an Associate of the Institute of Internal Auditors Malaysia, a Certified Integrity Officer and a Certified Financial Planner. Encik Wahid holds a Master of Science in Economic Crime Management and a Degree in Business Management.

Encik Wahid Ali Mohd Khalil mempunyai 32 tahun pengalaman dalam bidang perbankan dan pernah berkhidmat dengan beberapa bank tempatan dan asing dengan jawatan yang berbeza. Beliau menyertai Bank Islam pada 2007 sebagai Ketua Audit Dalaman sebelum dilantik ke jawatan sekarang pada 2013. Encik Wahid berkhidmat sebagai ahli Lembaga Pengarah untuk BIMB Investment Management Berhad dan Amana Bank Limited (Sri Lanka) di samping menjadi ahli Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah di institusi yang sama. Beliau juga merupakan Ahli Bersekutu Institut Juruaudit Dalaman Malaysia, Pegawai Integriti Bertauliah dan Perancang Kewangan Bertauliah. Encik Wahid memegang Ijazah Sarjana Sains dalam bidang Pengurusan Jenayah Ekonomi dan Ijazah Sarjana Muda dalam jurusan Pengurusan Perniagaan.

# PROFILE OF MANAGEMENT TEAM
# PROFIL BARISAN PENGURUSAN

## Independent Units
## Unit Bebas



### DAVID LEONG SZE KHIONG
Chief Internal Auditor
Ketua Audit Dalaman

Mr. David Leong has 35 years of banking experience in operations, trade finance, marketing, credit risk and strategic planning. He joined Bank Islam in 2012. A Chartered Accountant of both the Institute of Chartered Accountants and New Zealand and Malaysian Institute of Accountants, Mr. Leong is also an accountancy graduate from Victoria University of Wellington, New Zealand in addition to holding an MBA from the Henley Management College, UK, and a Certified Internal Auditor qualification from the Institute of Internal Auditors.

Encik David Leong mempunyai 35 tahun pengalaman dalam bidang perbankan bagi operasi, pembiayaan perdagangan, pemasaran, risiko kredit dan perancangan strategik. Beliau menyertai Bank Islam pada 2012. Sebagai Akauntan Bertauliah di Institute of Chartered Accountants, New Zealand dan Institut Akauntan Malaysia, Encik Leong juga mempunyai kelulusan dalam bidang perakaunan daripada Victoria University of Wellington, New Zealand di samping memegang Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan daripada Henley Management College, UK serta mempunyai kelulusan Juruaudit Dalaman Bertauliah daripada Institut Juruaudit Dalaman.



### JEROEN P.M.M. THIJS
Chief Risk Officer
Ketua Pegawai Risiko

Mr. Jeroen Thijs has 23 years of international banking experience in both Asia and Europe, and has been with Bank Islam since 2009. He specialises in Enterprise Wide Risk Management with the main role to oversee and manage the Bank's credit, market, liquidity and operational risks. Mr. Jeroen sits on the Professional Risk Managers International Association ("PRMIA") Malaysian Chapter Steering Committee and is a non-independent non-executive Director at Amana Bank Limited (Sri Lanka), where he sits on both the Board Risk Integrated Committee and the Board Committee. Mr. Jeroen is a holder of a Masters Degree in Business Economics from the Erasmus University Rotterdam, Netherlands.

Encik Jeroen Thijs mempunyai 23 tahun pengalaman dalam perbankan antarabangsa di Asia dan Eropah, dan telah berkhidmat dengan Bank Islam sejak 2009. Beliau mempunyai pengkhususan dalam Pengurusan Risiko Seluruh Syarikat dengan peranan utamanya untuk menyelia dan menguruskan risiko berkaitan kredit, pasaran, kecairan dan operasi Bank. Encik Jeroen menjadi ahli Jawatankuasa Pemandu bagi Persatuan Pengurusan Risiko Profesional Antarabangsa ("PRMIA") Siri Malaysia serta merupakan Pengarah bukan bebas bukan eksekutif di Amana Bank Limited (Sri Lanka), di mana beliau menjadi ahli Jawatankuasa Bersepadu Risiko Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah. Encik Jeroen adalah pemegang Ijazah Sarjana dalam jurusan Ekonomi Perniagaan daripada Erasmus University Rotterdam, Netherlands.



### USTAZ MOHD NAZRI CHIK
Head, Shariah
Ketua, Syariah

Ustaz Mohd Nazri Chik initially joined Bank Islam in June 2004 before leaving in 2009 to take up another position at a foreign financial institution. He rejoined Bank Islam in January 2011 and is responsible for strengthening the Bank's Shariah governance framework and facilitating its effort in offering Shariah-compliant products and services. An Accredited Trainer for Islamic Banking and Finance Institute of Malaysia, Ustaz Mohd Nazri is also a member of the Shariah Supervisory Council of Amana Bank Limited (Sri Lanka). Ustaz Mohd Nazri holds a Master's degree and Bachelor Degree in Shariah (Islamic Jurisprudence) from University of Malaya where he continued on as an academician.

Ustaz Mohd Nazri Chik mula menyertai Bank Islam pada Jun 2004 sebelum meninggalkannya pada 2009 untuk memegang jawatan lain di sebuah institusi kewangan asing. Beliau kembali menyertai Bank Islam pada Januari 2011 dan bertanggungjawab mengukuhkan rangka kerja urus tadbir Syariah bagi Bank dan memudahkan usaha Bank menawarkan produk dan perkhidmatan patuh Syariah. Selain menjadi Jurulatih Bertauliah Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia, Ustaz Mohd Nazri juga menjadi ahli Majlis Pengawasan Syariah Amana Bank Limited (Sri Lanka). Ustaz Mohd Nazri memegang Ijazah Sarjana Syariah dan Sarjana Muda Syariah (Perundangan Islam) daripada Universiti Malaya, di mana beliau meneruskan kerjayanya sebagai ahli akademik.



### NIK AZMIR NIK ANIS
Head, Compliance
Ketua, Pematuhan

Encik Nik Azmir Nik Anis joined Bank Islam in 2013, having served in local financial conglomerates, specialising in Branch and Banking Operations, Anti-Money Laundering, Operational Risk and Compliance. His primary roles and responsibilities include ensuring the Bank's compliance risk (regulatory, reputational, AML/CFT, ethical behaviours) are monitored and escalated to the relevant committees while regulatory requirements are internalised. He also acts as key liaison officer to the regulators and is the Bank's Money Laundering Reporting Officer ("MLRO"). Encik Nik Azmir holds a Bachelor of Arts in Economics from University of Pittsburgh, USA and a Master in Business Administration from Nottingham Trent University, UK.

Encik Nik Azmir Nik Anis menyertai Bank Islam pada 2013 setelah berkhidmat di konglomerat kewangan tempatan dan mempunyai kepakaran dalam Operasi Cawangan dan Perbankan, Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Risiko Operasi dan Pematuhan. Peranan dan tanggungjawab utama beliau termasuklah memastikan risiko pematuhan Bank (kawal selia, reputasi, pencegahan pengubahan wang haram/pencegahan pembiayaan keganasan, tingkah laku beretika) dipantau dan dibangkitkan kepada jawatankuasa berkaitan di samping memastikan keperluan kawal selia dilaksanakan pada peringkat dalaman. Beliau juga bertindak sebagai pegawai perhubungan utama kepada pengawal selia dan merupakan Pegawai Pelapor Pencegahan Pengubahan Wang Haram ("MLRO") Bank. Encik Nik Azmir memegang Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam jurusan Ekonomi daripada University of Pittsburgh, AS dan Ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan daripada Nottingham Trent University, UK.

# PROFILE OF REGIONAL MANAGERS
## PROFIL PENGURUS WILAYAH



**AHMAD FAUZI MOHD AKHIR**
Head of Regional Office, Northern Region
Ketua Pejabat Wilayah, Wilayah Utara

Encik Ahmad Fauzi Mohd Akhir has more than 23 years of experience in branch operation and financing department, and has been with Bank Islam since 1991. He now heads the Regional Office of the Northern region overseeing the 26 Bank branches in Perak, Kedah, Pulau Pinang and Perlis. Encik Ahmad Fauzi is a holder of Bachelor of Science in Accounting from Fairleigh Dickinson University, USA.

Encik Ahmad Fauzi Mohd Akhir mempunyai lebih 23 tahun pengalaman dalam operasi cawangan dan jabatan pembiayaan, dan telah bersama dengan Bank Islam sejak 1991. Beliau kini mengetuai Pejabat Wilayah di kawasan Utara yang menyelia 26 cawangan Bank di negeri Perak, Kedah, Pulau Pinang dan Perlis. Encik Ahmad Fauzi ialah pemegang Ijazah Sarjana Muda Sains dalam jurusan Perakaunan daripada Fairleigh Dickinson University, AS.



**BOSTAMAM HASSAN**
Head of Regional Office, Central Region
Ketua Pejabat Wilayah, Wilayah Tengah

Encik Bostamam Hassan has 28 years of experience in banking. He joined Bank Islam in July 1986 where he currently holds the position of Head of Central Region Office, and is responsible for the business development, marketing and management of 44 branches in Kuala Lumpur and Selangor. Encik Bostamam is a holder of Master in Business Administration from University of New Haven, Connecticut, USA.

Encik Bostamam Hassan mempunyai 28 tahun pengalaman dalam perbankan. Beliau menyertai Bank Islam pada Julai 1986 di mana dia kini memegang jawatan Ketua Pejabat Wilayah Tengah yang bertanggungjawab dalam pembangunan perniagaan, pemasaran dan pengurusan bagi 44 buah cawangan di Kuala Lumpur dan Selangor. Encik Bostamam ialah pemegang Ijazah Sarjana dalam jurusan Pentadbiran Perniagaan daripada University of New Haven, Connecticut, AS.



**MOHD NOOR JAB**
Head of Regional Office, Southern Region
Ketua Pejabat Wilayah,Wilayah Selatan

Encik Mohd Noor Jab carries with him 19 years of banking experience. He joined Bank Islam in October 1994 where he now leads the Southern Region team comprising 25 branches in Johor, Melaka and Negeri Sembilan. Encik Mohd Noor is a holder of a Bachelor of Business Administration from Universiti Utara Malaysia.

Encik Mohd Noor Jab membawa bersamanya 19 tahun pengalaman perbankan. Beliau menyertai Bank Islam pada Oktober 1994 di mana beliau kini mengetuai barisan Wilayah Selatan yang merangkumi 25 buah cawangan di negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan. Encik Mohd Noor ialah pemegang Ijazah Sarjana Muda dalam jurusan Pentadbiran Perniagaan daripada Universiti Utara Malaysia.



**WAN ROSITA WAN MOHAMED**
Head of Regional Office, Eastern Region
Ketua Pejabat Wilayah, Wilayah Timur

Puan Wan Rosita Wan Mohamed has over 27 years of experience in the banking Industry, and has been with Bank Islam since January 2005. She now heads the Regional Office of the Eastern region, comprising 27 branches in the states of Terengganu, Kelantan and Pahang. Puan Wan Rosita holds a Bachelor of Science Degree in Finance from Indiana State University, USA.

Puan Wan Rosita Wan Mohamed mempunyai lebih 27 tahun pengalaman dalam industry perbankan, dan telah bersama dengan Bank Islam sejak Januari 2005. Beliau kini mengetuai Pejabat Wilayah di kawasan Timur yang terdiri daripada 27 cawangan di negeri Terengganu, Kelantan dan Pahang. Puan Wan Rosita ialah pemegang Ijazah Sarjana Muda Sains dalam jurusan Kewangan daripada Indiana State University, AS.



**ABDUL MALEK ABDULLAH**
Head of Regional Office, East Malaysia Region
Ketua Pejabat Wilayah, Wilayah Malaysia Timur

Encik Abdul Malek Abdullah has spent over two decades of his working life with several banking institutions before joining Bank Islam in 2006. He was appointed to his current post in 2008 to oversee the East Malaysia Region's 12 branches in the states of Sabah and Sarawak. Encik Abdul Malek is a holder of Executive Master's Degree in Business Administration from Universiti Teknologi MARA.

Encik Abdul Malek Abdullah telah berkhidmat selama lebih dua dekad dengan beberapa buah institusi perbankan sebelum menyertai Bank Islam pada 2006. Beliau dilantik ke jawatan sekarang pada 2008 untuk menyelia 12 cawangan Wilayah Malaysia Timur di negeri Sabah dan Sarawak. Encik Abdul Malek ialah pemegang Ijazah Sarjana Eksekutif dalam jurusan Pentadbiran Pernbiagaan daripada Universiti Teknologi MARA.

# PROFILE OF CHIEF EXECUTIVE OFFICERS OF SUBSIDIARIES
# PROFIL KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF SUBSIDIARI



**NAZARUDDIN OTHMAN**
Chief Executive Officer, BIMB Investment Management Berhad
MBA (Finance), Cardiff University, UK
BAcc. International Islamic University, Malaysia
Ketua Pegawai Eksekutif, BIMB Investment Management Berhad
Ijazah Sarjana Pengurusan Perniagaan (Kewangan), Universiti Cardiff, UK
Ijazah Sarjana Muda Perakaunan, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia

Encik Nazaruddin Othman was appointed as the Chief Executive Officer ("CEO") of BIMB Investment Management Berhad ("BIMB Invest") on 5 September 2011. Prior to his appointment at BIMB Invest, he was a Senior Manager in the Managed Investment Schemes Department of the Securities Commission. Encik Nazaruddin started his career with Price Waterhouse as an auditor before joining the Securities Commission in 1997. He has accumulated more than 16 years experience in the capital market regulation.

Encik Nazaruddin Othman dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif ("CEO") BIMB Investment Management Berhad ("BIMB Invest") pada 5 September 2011. Sebelum perlantikan beliau di BIMB Invest, beliau merupakan Pengurus Kanan di Jabatan Skim Pelaburan Terurus, Suruhanjaya Sekuriti. Encik Nazaruddin memulakan kariernya sebagai juruaudit di Price Waterhouse sebelum menyertai Suruhanjaya Sekuriti dalam tahun 1997. Beliau memiliki pengalaman lebih 16 tahun dalam peraturan pasaran modal.



**RUMAIZI MOHD TEJERI**
Chief Executive Officer/Principal Officer,
Bank Islam Trust Company (Labuan) Ltd
MBA, University Malaysia Sabah
LLB, (Hons), International Islamic University Malaysia
Ketua Pegawai Eksekutif/Pegawai Utama, Bank Islam Trust Company (Labuan) Ltd
Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Universiti Malaysia Sabah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian),
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Encik Rumaizi Mohd Tejeri was appointed as the Chief Executive Officer ("CEO") of Bank Islam Trust Company (Labuan) Ltd ("BTL") on 1 January 2011. Prior to his appointment, he was the Head of Legal & Compliance of BTL. Before joining BTL, Encik Rumaizi was the Assistant Manager of CIMB Trustee Berhad where he gained experience in banking and trusteeship related matter. He also has extensive experience in litigation, Shariah practices, estate planning, administration of estates and trust services. Encik Rumaizi has over eight years of experience in Labuan and offshore trust industries in Labuan IBFC.

Encik Rumaizi Mohd Tejeri dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif ("CEO") Bank Islam Trust Company (Labuan) Ltd ("BTL") pada 1 Januari 2011. Sebelum pelantikan beliau, Encik Rumaizi merupakan Ketua Bahagian Perundangan & Pematuhan BTL. Sebelum menyertai BTL, Encik Rumaizi berkhidmat sebagai Penolong Pengurus di CIMB Trustee Berhad di mana beliau mengumpul pengalaman dalam perkara-perkara berkaitan perbankan dan pengamanahan. Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang litigasi, amalan Syariah, perancangan harta pusaka, pentadbiran harta pusaka dan khidmat amanah. Encik Rumaizi memiliki lebih lapan tahun pengalaman dalam industri amanah di Labuan dan pengamanahan luar pesisir di Labuan IBFC.





**If a donation brings a smile to a person or ease the burden of a family, it is well spent.**

Jika terukir senyuman pada wajah mereka yang menerima, maka setiap pengorbanan yang disampaikan lebih bermakna.

*Projek Bantuan Rumah Bank Islam, Kulim, Kedah*

BANK ISLAM

# OPTIMISING RESOURCES

MENGOPTIMUMKAN SUMBER







## IN ORDER TO SOAR HIGHER AND FURTHER

UNTUK MELONJAK LEBIH TINGGI DAN LEBIH JAUH

By optimising our operating environment with the infusion of a technology-led infrastructure to support existing capabilities, we continue to take flight as an exemplary financial institution.

Kami terus maju sebagai institusi kewangan yang boleh dicontohi dengan mengoptimumkan persekitaran operasi kami melalui penggabungan infrastruktur berteraskan teknologi bagi menyokong keupayaan sedia ada.

# CALENDAR OF SIGNIFICANT EVENTS
# KALENDAR PERISTIWA PENTING

## JANUARY / JANUARI

**29 JANUARY 2013 / 17 RABIULAWAL 1434H**

Bank Islam supported PTPTN in conducting the SSPN-i BONANZA (Second Series) Prize Draw at Menara Bank Islam, Kuala Lumpur.

Bank Islam memberikan sokongan kepada PTPTN dalam mengendalikan Cabutan Hadiah BONANZA SSPN-i (Siri Kedua) di Menara Bank Islam, Kuala Lumpur.



## FEBRUARY / FEBRUARI

**26 FEBRUARY 2013 / 15 RABIULAKHIR 1434H**

Bank Islam organised a special Briefing to delegates from the Financial Access for Investing and Development of Afghanistan ("FAIDA") Project at Menara Bank Islam, Kuala Lumpur.

Bank Islam menganjurkan taklimat khas untuk delegasi dari Financial Access for Investing and Development of Afghanistan (FAIDA) Project di Menara Bank Islam, Kuala Lumpur.






## MARCH / MAC

**5 MARCH 2013 / 22 RABIULAKHIR 1434H**

Bank Islam was announced as "Best Islamic Bank in Malaysia" at the Islamic Finance News Awards 2012 ceremony at Grand Hyatt, Kuala Lumpur.

Bank Islam diumumkan sebagai "Bank Islam Terbaik di Malaysia" di majlis Islamic Finance News Awards 2012 yang diadakan di Grand Hyatt, Kuala Lumpur.

**14 MARCH 2013 / 2 JAMADILAWAL 1434H**

Bank Islam held a "Leadership Outreach" Programme in conjunction with Kursus Kepimpinan Ketua Pelajar dan Penolong Ketua Pelajar Sekolah Berasrama Penuh Peringkat Kebangsaan 2013 at Menara Bank Islam, Kuala Lumpur.

Bank Islam mengadakan Program "Leadership Outreach" bersempena dengan Kursus Kepimpinan Ketua Pelajar dan Penolong Ketua Pelajar Sekolah Berasrama Penuh Peringkat Kebangsaan 2013 di Menara Bank Islam, Kuala Lumpur.

Bank Islam held an Al-Awfar Million Ringgit Prize Presentation Ceremony for the winner, Puan Che Limah Binti Che Cob from Tanah Merah, Kelantan at Menara Bank Islam, Kuala Lumpur.

Bank Islam mengadakan Majlis Penyampaian Hadiah Sejuta Ringgit Al-Awfar untuk pemenang, Puan Che Limah binti Che Cob dari Tanah Merah, Kelantan di Menara Bank Islam, Kuala Lumpur.

**15 MARCH 2013 / 3 JAMADILAWAL 1434H**

Dato' Sri Zukri Samat, Managing Director of Bank Islam Malaysia Berhad was named the Trailblazer of the Year 2013 by Banking and Payments Asia ("BPA"). He received the award at the Trailblazer Awards 2013 ceremony held at Grand Copthorne Waterfront Hotel in Singapore.

Dato' Sri Zukri Samat, Pengarah Urusan Bank Islam Malaysia Berhad, dipilih sebagai Trailblazer of the Year 2013 oleh Banking and Payments Asia. Beliau menerima anugerah tersebut di majlis Trailblazer Awards 2013 yang diadakan di Grand Copthorne Waterfront Hotel, Singapura.










**17 MARCH 2013 / 5 JAMADILAWAL 1434H**

Bank Islam sponsored RM45,000 for the Invention, Innovation, Design Expo 2013 at UiTM Shah Alam to support innovation programmes by UiTM students.

Bank Islam menyumbangkan RM45,000 untuk Invention, Innovation, Design Expo 2013 di UiTM Shah Alam bagi menyokong program inovasi oleh pelajar UiTM.

**21 MARCH 2013 / 9 JAMADILAWAL 1434H**

Bank Islam launched the "Thanks A Million" Visa Debit Card-i Campaign as a token of appreciation to the customers as Bank Islam punched through the one million barrier with the issuance of a total of 1.21 million Bank Islam Visa Debit Card-i at Menara Bank Islam, Kuala Lumpur.

Bank Islam melancarkan Kempen "Thanks A Million" Kad Debit-i Visa di Menara Bank Islam, Kuala Lumpur sebagai tanda penghargaan kepada pelanggan kerana Bank Islam berjaya melepasi tahap satu juta dengan pengeluaran 1.21 juta Kad Debit-i Visa Bank Islam.

## APRIL

**4 APRIL 2013 / 23 JAMADILAWAL 1434H**

Bank Islam received a Study Visit by BNM/IDB Islamic Finance Delegates at Menara Bank Islam, Kuala Lumpur.

Bank Islam menerima kunjungan delegasi BNM/IDB Islamic Finance yang mengadakan lawatan sambil belajar ke Menara Bank Islam, Kuala Lumpur.

**28 APRIL 2013 / 17 JAMADILAKHIR 1434H**

Bank Islam organised GREEN DAY 2013 at Pantai Puteri, Tg. Kling, Melaka and gave out donations of RM41,000 to 9 schools, Persatuan Nelayan Pantai Kundor, JAPERUN Pantai Kundor. Activities held were Senamrobik Hijau, Formation of 30th Anniversary, Beach clean-up activities, Blood Donation Drive, Free Health Screening Programme, Conservation activities with primary students, Donation of Marine Life Books to 9 schools, Conservation Talk to Fishermen, Distribution of Reusable Bags and Absorbent Papers to Hawkers, Sukaneka activities with local people, Ceramah on Conservation (Kebersihan Alam Sekitar, Tanggungjawab Semua).

Bank Islam menganjurkan HARI HIJAU 2013 di Pantai Puteri, Tanjung Kling, Melaka serta menyampaikan sumbangan sebanyak RM41,000 kepada sembilan sekolah, Persatuan Nelayan Pantai Kundor dan JAPERUN Pantai Kundor. Aktiviti yang dijalankan ialah Senamrobik Hijau, Ulang Tahun Penubuhan ke-30, aktiviti membersihkan pantai, Kempen Derma Darah, Program Penyaringan Kesihatan Percuma, aktiviti pemuliharaan dengan pelajar sekolah rendah, sumbangan buku tentang hidupan laut kepada sembilan sekolah, ceramah tentang pemuliharaan untuk nelayan, pengedaran beg boleh guna semula dan kertas penyerap kepada penjaja, aktiviti Sukaneka dengan penduduk setempat, serta ceramah tentang pemuliharaan (Kebersihan Alam Sekitar, Tanggungjawab Semua).





# CALENDAR OF SIGNIFICANT EVENTS
## KALENDAR PERISTIWA PENTING

## MAY / MEI

**9 MAY 2013 / 28 JAMADILAKHIR 1434H**
Dato' Sri Zukri Samat gave a talk on Islamic Banking in Malaysia: Current Trend and Way Forward at Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam, Selangor.
Dato' Sri Zukri Samat memberikan ceramah yang bertajuk "Islamic Banking in Malaysia: Current Trend and Way Forward" di Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam, Selangor.

**16 MAY 2013 / 6 REJAB 1434H**
Bank Islam gave out donation of RM13,976.50 at a Presentation ceremony to the 'Tabung Kebajikan Angkatan Tentera' at Menara Bank Islam.
Bank Islam menyampaikan sumbangan sebanyak RM13,976.50 kepada Tabung Kebajikan Angkatan Tentera di majlis penyampaian yang diadakan di Menara Bank Islam.

**21 MAY 2013 / 11 REJAB 1434H**
Bank Islam in partnership with Football Association Malaysia ("FAM") launched the 'Bank Islam Visa Debit Card-i Team Harimau' unveiled by FAM's Deputy President, KDYTM Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Al-Haj Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah at Wisma FAM.
Bank Islam, dengan kerjasama Persatuan Bola Sepak Malaysia ("FAM"), melancarkan 'Kad Debit-i Visa Bank Islam Team Harimau' dalam upacara yang dirasmikan oleh Timbalan Presiden FAM, KDYTM Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Al-Haj Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah di Wisma FAM.

**28 MAY 2013 / 18 REJAB 1434H**
Bank Islam was awarded The Platinum Trusted Brand Award 2013 (Islamic Financial Services) by Reader's Digest at the Reader's Digest Asia Trusted Brands 2013 Award Ceremony at Mandarin Oriental, Kuala Lumpur.
Bank Islam dianugerahkan The Platinum Trusted Brand Award 2013 (Perkhidmatan Kewangan Islam) oleh Reader's Digest di majlis anugerah Reader's Digest Asia Trusted Brands 2013 yang diadakan di Mandarin Oriental, Kuala Lumpur.








## JUNE / JUN

**5 JUNE 2013 / 26 REJAB 1434H**
Bank Islam signed a Third Party Service Contract Agreement with Brambles Corporation Sdn Bhd (Recall Malaysia) at Shah Alam, Selangor.
Bank Islam menandatangani Perjanjian Kontrak Perkhidmatan Pihak Ketiga dengan Brambles Corporation Sdn Bhd (Recall Malaysia) di Shah Alam, Selangor.

**15 – 16 JUNE 2013 / 6 – 7 SYA'BAN 1434H**
Bank Islam in collaboration with BERNAMA organised a Media Treasure Hunt 2013 from Kuala Lumpur to Cameron Highlands. The flag off that took place in Menara Bank Islam was officiated by Dato' Sri Zukri Samat, Bank Islam's Managing Director. Some of the activities took place at the Perkampungan Orang Asli, Kg. Leryar, Cameron Highlands, Pahang where activities carried out were to encourage media to perform CR activities and strengthen ukhuwah relationships amongst one another.









Bank Islam, dengan kerjasama BERNAMA, menganjurkan Media Treasure Hunt 2013 dari Kuala Lumpur ke Cameron Highlands. Upacara pelepasan yang diadakan di Menara Bank Islam dirasmikan oleh Dato' Sri Zukri Samat, Pengarah Urusan Bank Islam. Sesetengah aktiviti diadakan di Perkampungan Orang Asli, Kampung Leryar, Cameron Highlands, Pahang bagi menggalakkan anggota media menjalankan aktiviti CR dan mengukuhkan ukhuwah antara satu sama lain.

**24 JUNE 2013 / 15 SYA'BAN 1434H**
Bank Islam received a visit from the delegates from International Centre for Development in Islamic Finance - Indonesian Banking Development Institute ("ICDIF-LPPI") Jakarta, Indonesia at Menara Bank Islam, Kuala Lumpur.
Bank Islam menerima kunjungan delegasi dari International Centre for Development in Islamic Finance - Lembaga Pengembangan Perbankan Indonesia ("ICDIF-LPPI"), Jakarta, Indonesia di Menara Bank Islam, Kuala Lumpur.

**26 JUNE 2013 / 17 SYA'BAN 1434H**
Bank Islam gave a Special Presentation to representatives of Bangsamoro at Lembaga Tabung Haji, Kuala Lumpur.
Bank Islam mengadakan pembentangan khas untuk wakil Bangsamoro di Lembaga Tabung Haji, Kuala Lumpur.

## JULY / JULAI

**3 JULY 2013 / 24 SYA'BAN 1434H**
Bank Islam launched its Program Ihya Ramadan 1434H & Ceramah Khas Program Di Ambang Ramadan 1434H to welcome the Ramadan month at Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy, Menara Bank Islam, Kuala Lumpur.
Bank Islam melancarkan Program Ihya Ramadan 1434H dan Ceramah Khas Program Di Ambang Ramadan 1434H di Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy, Menara Bank Islam, Kuala Lumpur bagi menyambut kedatangan bulan Ramadan.

**4 JULY 2013 / 25 SYA'BAN 1434H**
Bank Islam welcomed The International Delegates of Tilawah Al-Quran 2013 to Menara Bank Islam, Kuala Lumpur.
Bank Islam menerima kunjungan delegasi antarabangsa Tilawah Al-Quran 2013 di Menara Bank Islam, Kuala Lumpur.




# CALENDAR OF SIGNIFICANT EVENTS
## KALENDAR PERISTIWA PENTING

**9 JULY 2013 / 30 SYA'BAN 1434H**
Bank Islam launched its Platinum Visa Credit Card-i and TruRewards, Loyalty Programme at Menara Bank Islam, Kuala Lumpur.
Bank Islam melancarkan Kad Kredit-i Visa Platinum dan Program Kesetiaan TruRewards di Menara Bank Islam, Kuala Lumpur.



**15 JULY 2013 / 6 RAMADAN 1434H**
Bank Islam organised an Iftar with media friends of Utusan Malaysia & Kosmo at Jalan Chan Sow Lin, Kuala Lumpur.
Bank Islam menganjurkan majlis berbuka puasa dengan rakan media Utusan Malaysia dan Kosmo di Jalan Chan Sow Lin, Kuala Lumpur.



**15 & 16 JULY 2013 / 6 & 7 RAMADAN 1434H**
Bank Islam received the Special Recognition Award for Payments Innovation from Wells Fargo Bank, in recognition of its innovative use of Well Fargo's web-based payment system called Cyberpay. The Bank has also received the prestigious STP Award from Commerzbank for its outstanding performance in straight through processing (STP) of Euro payments for the year 2012 at Menara Bank Islam, Kuala Lumpur.
Bank Islam menerima Special Recognition Award for Payments Innovation daripada Wells Fargo Bank, sebagai pengiktirafan terhadap daya inovasi Bank dalam menggunakan sistem pembayaran berasaskan web Wells Fargo yang dikenali sebagai Cyberpay. Bank juga menerima Anugerah STP yang berprestij daripada Commerzbank di Menara Bank Islam, Kuala Lumpur untuk prestasi cemerlangnya dalam pemprosesan terus (straight-through processing, STP) bayaran Euro bagi 2012.



**18 JULY 2013 / 9 RAMADAN 1434H**
Bank Islam organised an Iftar with media friends of Berita Harian at Balai Berita Bangsar, Kuala Lumpur.
Bank Islam menganjurkan majlis berbuka puasa dengan rakan media, Berita Harian di Balai Berita Bangsar, Kuala Lumpur.





**19 JULY 2013 / 10 RAMADAN 1434H**
Bank Islam showed its support for the Malaysia Hockey Federation by giving a donation of RM300,000.
Bank Islam menunjukkan sokongannya terhadap Persatuan Hoki Malaysia dengan memberikan sumbangan sebanyak RM300,000.

**20 JULY 2013 / 11 RAMADAN 1434H**
Bank Islam spent RM25,000 for the Program Semarak Ramadan Berita Harian at Kg. Pasir Panjang Laut, Seri Manjung, Perak to enhance ukhuwah with customers and local communities during Ramadan month.
Bank Islam membelanjakan RM25,000 untuk Program Semarak Ramadan Berita Harian di Kampung Pasir Panjang Laut, Seri Manjung, Perak bagi mengukuhkan hubungan dengan pelanggan dan komuniti setempat semasa bulan Ramadan.

**24 JULY 2013 / 15 RAMADAN 1434H**
Bank Islam organised a food distribution for Iftar for media friends of TV Al-Hijrah at Kompleks Pusat Islam, Kuala Lumpur.
Bank Islam menganjurkan pengedaran makanan untuk berbuka puasa bagi rakan media TV Al-Hijrah di Kompleks Pusat Islam, Kuala Lumpur.











**13-25 JULY 2013 / 4-16 RAMADAN 1434H**
Throughout the month of Ramadan, Bank Islam organised a Ceria Iftar programme to celebrate fasting month with the underprivileged and give out donations to the needy at various locations which include Pahang, Kedah, Malacca, Sarawak and Selangor.
Sepanjang bulan Ramadan, Bank Islam menganjurkan program Ceria Iftar untuk meraikan bulan puasa dengan golongan yang kurang bernasib baik serta menyampaikan derma kepada golongan yang memerlukan bantuan di beberapa negeri, termasuk Pahang, Kedah, Melaka, Sarawak dan Selangor.

**26 JULY 2013 / 17 RAMADAN 1434H**
Bank Islam organised an Iftar with media friends of BERNAMA at Wisma BERNAMA, Kuala Lumpur.
Bank Islam menganjurkan majlis berbuka puasa dengan rakan media BERNAMA di Wisma BERNAMA, Kuala Lumpur.

**26-28 JULY 2013 / 17-19 RAMADAN 1434H**
Bank Islam organised a programme called 'Indahnya Ramadan Bank Islam' to celebrate the fasting month with the underprivileged Suluk tribe in Kampung Mumiang, Sandakan and the Murut tribe (Muallaf) at the Kampung Tinanduk, Pagalungan, Sabah.
Bank Islam menganjurkan program yang dinamakan 'Indahnya Ramadan Bank Islam' untuk meraikan bulan puasa dengan suku kaum Suluk yang kurang bernasib baik di Kampung Mumiang, Sandakan dan suku kaum Murut (mualaf) di Kampung Tinanduk, Pagalungan, Sabah.

**29 JULY 2013 / 20 RAMADAN 1434H**
Bank Islam organised an Iftar with media friends of RTM at Angkasapuri, Kuala Lumpur.
Bank Islam menganjurkan majlis berbuka puasa dengan rakan media RTM di Angkasapuri, Kuala Lumpur.

**31 JULY 2013 / 22 RAMADAN 1434H**
Bank Islam organised a food distribution for Iftar for media friends of Media Prima (TV3, NTV7 & TV9) at Sri Pentas, Selangor.
Bank Islam menganjurkan pengedaran makanan untuk berbuka puasa bagi rakan media, Media Prima (TV3, NTV7 dan TV9) di Sri Pentas, Selangor.

## AUGUST / OGOS

**1 AUGUST 2013 / 23 RAMADAN 1434H**
Bank Islam organised an Iftar with media friends of Sinar Harian at Shah Alam, Selangor.
Bank Islam menganjurkan majlis berbuka puasa dengan rakan media Sinar Harian di Shah Alam, Selangor.

**1 AUGUST 2013 / 23 RAMADAN 1434H**
Bank Islam sponsored RM200,000 for the 'Sahabat Korporat Tabung Haji 2013/1434H' to extend contributions, products and services as part of goodwill-building for the Hajj pilgrimage.
Bank Islam menyumbangkan RM200,000 kepada 'Sahabat Korporat Tabung Haji 2013/1434H' untuk memberikan sumbangan, produk dan perkhidmatan kepada bakal jemaah haji sebagai sebahagian daripada usaha memupuk perasaan muhibah.

**19 AUGUST 2013 / 12 SYAWAL 1434H**
Bank Islam organised an Open House to celebrate Aidilfitri together with Bank Islam's valued clients and staff from the Eastern region at Kota Bharu, Kelantan.
Bank Islam menganjurkan Rumah Terbuka di Kota Bharu, Kelantan untuk merayakan Aidilfitri bersama dengan pelanggan dan kakitangan Bank Islam yang dihargai dari Wilayah Timur.





# CALENDAR OF SIGNIFICANT EVENTS
## KALENDAR PERISTIWA PENTING

**20 AUGUST 2013 / 13 SYAWAL 1434H**
Bank Islam organised Kuliah Zohor Perdana with Ustaz Don Danial Don Biyajid - Syawal Diraikan Hiasi Dengan Iman at Surau Ahmad Dawjee Dadabhoy, Menara Bank Islam.
Bank Islam menganjurkan Kuliah Zohor Perdana dengan Ustaz Don Daniyal Don Biyajid - Syawal Diraikan Hiasi dengan Iman di Surau Ahmad Dawjee Dadabhoy, Menara Bank Islam.

**22 AUGUST 2013 / 15 SYAWAL 1434H**
Bank Islam organised an Open House to celebrate Aidilfitri together with Bank Islam's valued clients and staff from the Central region at Sime Darby Convention Centre, Kuala Lumpur.
Bank Islam menganjurkan Rumah Terbuka di Pusat Konvensyen Sime Darby, Kuala Lumpur untuk merayakan Aidilfitri bersama dengan pelanggan dan kakitangan Bank Islam yang dihargai dari Wilayah Tengah.

Bank Islam launched and held a presentation for the Tabung Masjid Bank Islam where the Bank contributed 1000 standardised portable and proper 'Tabung Masjid' nationwide to be used by the mosque to collect donation.
Bank Islam melancarkan dan mengadakan pembentangan untuk Tabung Masjid Bank Islam. Semasa pembentangan tersebut, Bank menyumbangkan 1000 unit 'Tabung Masjid' mudah alih standard ke seluruh negara yang boleh digunakan oleh masjid untuk memungut derma.





**26 AUGUST 2013 / 19 SYAWAL 1434H**
Bank Islam organised an Open House to celebrate Aidilfitri together with Bank Islam's staff from the Headquarters at Menara Bank Islam, Kuala Lumpur.
Bank Islam menganjurkan Rumah Terbuka di Menara Bank Islam, Kuala Lumpur untuk merayakan Aidilfitri bersama dengan kakitangan Ibu Pejabat Bank Islam.

**28 AUGUST 2013 / 21 SYAWAL 1434H**
Bank Islam organised an Open House to celebrate Aidilfitri together with Bank Islam's valued clients and staff from the Southern region at Royale Bintang Resort & Spa Seremban, Negeri Sembilan.
Bank Islam menganjurkan Rumah Terbuka di Royale Bintang Resort & Spa, Seremban, Negeri Sembilan untuk merayakan Aidilfitri bersama dengan pelanggan dan kakitangan Bank Islam yang dihargai dari Wilayah Selatan.

**28-29 AUGUST 2013 / 21-22 SYAWAL 1434H**
Bank Islam gave a sponsorship of RM30,000 to the Asian Institute of Finance (AIF) International Symposium 2013 at Sasana Kijang, Kuala Lumpur to provide meaningful debate on emerging issues in human capital and talent development.
Bank Islam menyampaikan sumbangan sebanyak RM30,000 di Simposium Antarabangsa Institut Kewangan Asia (AIF) 2013 yang diadakan di Sasana Kijang, Kuala Lumpur untuk menggalakkan perbincangan yang bermanfaat tentang isu yang timbul dalam pembangunan bakat dan modal insan.



## SEPTEMBER

**3 SEPTEMBER 2013 / 27 SYAWAL 1434H**
Bank Islam organised an Open House to celebrate Aidilfitri together with Bank Islam's valued clients and staff from the Northern region at Kinta Riverfront Hotel & Suites, Ipoh, Perak.
Bank Islam menganjurkan Rumah Terbuka di Kinta Riverfront Hotel & Suites, Ipoh, Perak untuk merayakan Aidilfitri bersama dengan pelanggan dan kakitangan Bank Islam yang dihargai dari Wilayah Utara.

**5 SEPTEMBER 2013 / 29 SYAWAL 1434H**
Bank Islam organised an Open House to celebrate Aidilfitri together with Bank Islam's valued clients and staff from the Wilayah Malaysia Timur at Le Meridien Hotel, Kota Kinabalu, Sabah
Bank Islam menganjurkan Rumah Terbuka di Le Meridien Hotel, Kota Kinabalu, Sabah untuk merayakan Aidilfitri bersama dengan pelanggan dan kakitangan Bank Islam yang dihargai dari Wilayah Malaysia Timur.

**10 SEPTEMBER 2013 / 4 ZULKAEDAH 1434H**
Bank Islam organised a Hajj talk in conjunction with the departing of Hajj pilgrims amongst the Bank's staff at Surau Ahmad Dawjee Dadabhoy, Menara Bank Islam.
Bank Islam menganjurkan ceramah tentang ibadah haji di Surau Ahmad Dawjee Dadabhoy, Menara Bank Islam bersempena dengan pemergian bakal jemaah haji dalam kalangan kakitangan Bank Islam.

**13 SEPTEMBER 2013 / 7 ZULKAEDAH 1434H**
Bank Islam celebrated the opening of its new KL Sentral 2 Branch and Bureau De Change (BDC) at the Departure Hall, KL City Air Terminal, KL Sentral Station, Kuala Lumpur.
Bank Islam meraikan pembukaan cawangan baharunya di KL Sentral 2 dan Biro Pertukaran Wang (BDC) di Balai Berlepas, Terminal Udara KL City, Stesen KL Sentral, Kuala Lumpur.

**25 SEPTEMBER 2013 / 19 ZULKAEDAH 1434H**
Bank Islam opened an exhibition booth at the 4th OIC World BIZ, Conference & Exhibition 2013 in Putra World Trade Centre (PWTC), Kuala Lumpur.
Bank Islam membuka gerai pameran di 4th OIC World BIZ Exhibition & Conference 2013 yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur.

**30 SEPTEMBER 2013 / 24 ZULKAEDAH 1434H**
Bank Islam welcomed the delegates from Bank of Muscat, Oman at Menara Bank Islam, Kuala Lumpur.
Bank Islam menerima kunjungan delegasi dari Bank of Muscat, Oman di Menara Bank Islam, Kuala Lumpur.



# CALENDAR OF SIGNIFICANT EVENTS
## KALENDAR PERISTIWA PENTING

## OCTOBER / OKTOBER

**15 OCTOBER 2013 / 10 ZULHIJJAH 1434H**
Bank Islam donated RM10,500 to help rehabilitate 3 Surau in Kepala Batas, Pulau Pinang namely Surau Al-Muttaqin, Surau Al-Falah and Surau Al-'Aziziyyah for continuos comfort for its Qariah.
Bank Islam menyumbangkan RM10,500 untuk membantu memulihkan tiga surau di Kepala Batas, Pulau Pinang, iaitu Surau Al-Muttaqin, Surau Al-Falah dan Surau Al-'Aziziyyah untuk keselesaan berterusan Qariahnya.



**15-16 OCTOBER 2013 / 10-11 ZULHIJJAH 1434H**
Bank Islam organised "Program Ibadah Korban 2013/1434H" at Selangor, Negeri Sembilan, Sarawak, Pulau Pinang and Terengganu to foster closer relationships with the existing and potential customers and encourage staff to perform Korban (sacrificed animals) for the benefit of the poor and needy people nationwide.
Bank Islam menganjurkan "Program Ibadah Korban 2013/1434H" di Selangor, Negeri Sembilan, Sarawak, Pulau Pinang dan Terengganu untuk memupuk hubungan yang lebih erat dengan pelanggan sedia ada dan individu yang berpotensi menjadi pelanggan, serta menggalakkan kakitangan menunaikan ibadah Korban (menyembelih haiwan) untuk manfaat golongan yang miskin dan memerlukan bantuan di seluruh negara.







**21 OCTOBER 2013 / 16 ZULHIJJAH 1434H**
Bank Islam organised a Corporate Luncheon Talk - Five Denials of the Human Brain in conjunction with the 30th anniversary of Bank Islam at Hilton Kuala Lumpur.
Bank Islam menganjurkan ceramah makan tengah hari korporat, "Five Denials of the Human Brain" di Hilton Kuala Lumpur bersempena dengan ulang tahun ke-30 Bank Islam.

**22 OCTOBER 2013 / 17 ZULHIJJAH 1434H**
Bank Islam participated as Lead Partner in the IFN 2013 - Issuers & Investors Asia Forum at KL Convention Centre.
Bank Islam mengambil bahagian sebagai Rakan Kongsi Utama dalam IFN 2013 – Issuers & Investors Asia Forum yang diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

**26 OCTOBER 2013 / 21 ZULHIJJAH 1434H**
Bank Islam sponsored the Minggu Matematik 2013 at UiTM Shah Alam to attract students on Mathematic subjects and encourage them to be more innovative and creative in developing products/items by using Maths formula operations.
Bank Islam menaja Minggu Matematik 2013 di UiTM Shah Alam untuk menarik minat pelajar terhadap mata pelajaran Matematik serta menggalakkan mereka supaya lebih inovatif dan kreatif dalam membangunkan produk/item dengan menggunakan operasi formula Matematik.










## NOVEMBER

**7 NOVEMBER 2013 / 3 MUHARAM 1435H**
Bank Islam co-sponsored UUM Pecipta '13 – the International Conference and Expositionon Invention of Institutions of Higher Learning at KL Convention Centre, Kuala Lumpur which was officiated by the Minister of Education II.
Bank Islam, bersama dengan UUM, menaja Pecipta '13 – International Conference and Exposition on Invention of Institutions of Higher Learning yang diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur dan dirasmikan oleh Menteri Pendidikan II.

**11 NOVEMBER 2013 / 7 MUHARAM 1435H**
Bank Islam participated in the Islamic Financial Intelligence Summit 2013 and received an award for "The Best Islamic Bank 2013" by The Banker at Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia.
Bank Islam menyertai Islamic Financial Intelligence Summit 2013 dan menerima anugerah "Bank Islam Terbaik 2013" daripada The Banker di Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia.

**21 NOVEMBER 2013 / 17 MUHARAM 1435H**
Bank Islam officiated the opening of its BDC at Setiawalk in Puchong.
Bank Islam merasmikan pembukaan BDCnya di Setiawalk, Puchong.

**23 NOVEMBER 2013 / 19 MUHARAM 1435H**
Bank Islam staff organised a CR Programme with Rumah Kasih Harmoni Paya Jaras to foster closer relations with the unfortunate people.
Kakitangan Bank Islam menganjurkan program CR bersama Rumah Kasih Harmoni Paya Jaras untuk memupuk hubungan yang lebih erat dengan golongan yang kurang bernasib baik.

**26 NOVEMBER 2013 / 22 MUHARAM 1435H**
Bank Islam's MD was named Islamic Banker of the Year 2013 at the Global Islamic Finance Awards 2013 ("GIFA") ceremony in Dubai, United Arab Emirates.
Pengarah Urusan Bank Islam dipilih sebagai Islamic Banker of the Year 2013 di majlis Global Islamic Finance Awards 2013 ("GIFA") yang diadakan di Dubai, Emiriah Arab Bersatu.





# CALENDAR OF SIGNIFICANT EVENTS
## KALENDAR PERISTIWA PENTING

## DECEMBER / DISEMBER

**4 & 5 DECEMBER 2013 / 1 & 2 SAFAR 1435H**
Bank Islam collaborated with IKaz and UiTM in organising The World Universities' Islamic Philanthropy Conference 2013 ("WUIPCON 2013") which was held at Menara Bank Islam.
Bank Islam bekerjasama dengan IKaz dan UiTM untuk menganjurkan World Universities' Islamic Philanthropy Conference 2013 ("WUIPCON 2013") yang diadakan di Menara Bank Islam.

**6 DECEMBER 2013 / 3 SAFAR 1435H**
Bank Islam celebrated the opening of its new Senawang Branch at Seremban, Negeri Sembilan.
Bank Islam meraikan pembukaan cawangan baharunya di Senawang, Seremban, Negeri Sembilan.

**6-17 DECEMBER 2013 / 3-14 SAFAR 1435H**
Bank Islam organised 'Program Prihatin Bantuan Mangsa Banjir' as an immediate response to the national disaster and provided basic necessities to the affected flood victims in Kemaman, Terengganu, Kuantan, Pahang and Segamat, Johor.
Bank Islam menganjurkan 'Program Prihatin Bantuan Mangsa Banjir' sebagai tindak balas segera terhadap bencana negara dengan menyediakan keperluan asas untuk mangsa banjir yang terlibat di Kemaman, Terengganu; Kuantan, Pahang dan Segamat, Johor.

**13 DECEMBER 2013 / 10 SAFAR 1435H**
Bank Islam celebrated the opening of its new Sungai Petani 2 Branch in Kedah.
Bank Islam meraikan pembukaan cawangan baharunya di Sungai Petani 2, Kedah.









**17 DECEMBER 2013 / 14 SAFAR 1435H**
Bank Islam was selected as Strategic Partner for Sistem Perakaunan Luar Negeri ("SPLN") with Jabatan Akauntan Negara Malaysia and Kementerian Luar Negeri ("KLN") specifically using the Bank's eBanker, an online payment facility. The event was launched on 17 December 2013 by Deputy Finance Minister, YB Datuk Haji Ahmad Bin Haji Maslan.
Bank Islam dipilih sebagai Rakan Kongsi Strategik untuk Sistem Perakaunan Luar Negeri ("SPLN") dengan Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Kementerian Luar Negeri ("KLN"), terutamanya dalam penggunaan eBanker, iaitu kaedah pembayaran dalam talian Bank Islam yang dilancarkan pada 17 Disember 2013 oleh Timbalan Menteri Kewangan, YB Datuk Haji Ahmad Bin Haji Maslan.

**22 DECEMBER 2013 / 19 SAFAR 1435H**
Bank Islam staff organised a CR Programme with Rumah Perlindungan Nur Qaseh at Taman Melawati to foster closer relations to the unfortunate people and inculcate awareness towards *Amal* activities during the weekend.
Kakitangan Bank Islam menganjurkan Program CR bersama Rumah Perlindungan Nur Qaseh di Taman Melawati untuk memupuk hubungan yang lebih erat dengan golongan yang kurang bernasib baik dan memupuk kesedaran tentang aktiviti Amal ini semasa hujung minggu.





**Nothing we do for children is ever wasted, through them we shape the future of humanity.**

Tiada yang sia-sia jika dilakukan demi anak-anak, melalui mereka kita membina masa depan sejagat.

*Media Treasure Hunt, Kampung Leryar, Cameron Highland*

BANK ISLAM

# OPTIMISING CORPORATE RESPONSIBILITY INITIATIVES FOR A SUSTAINABLE FUTURE

## MENGOPTIMUMKAN INISIATIF TANGGUNGJAWAB KORPORAT UNTUK MASA DEPAN YANG MAMPAN

**"Help one another in furthering virtue and God-consciousness, and not in what is wicked and sinful. And remain conscious of Allah, for He is stern in retribution (to those who disobeyed His Order)." – (Surah al-Maaidah 50:2)**

**"Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertakwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya)." - Surah al-Maaidah (50:2)**

**BANK ISLAM BELIEVES IN CORPORATE RESPONSIBILITY ("CR") BEING THE CORNERSTONE OF GOOD BUSINESS. THE BANK'S PHILOSOPHY IS AS MUCH ABOUT LOOKING AFTER THE HEALTH OF THE SOCIETY AS CREATING WEALTH FOR ITSELF. AS A RESPONSIBLE CITIZEN OF TODAY'S RAPIDLY CHANGING GLOBAL COMMUNITY, BANK ISLAM WILL CONTINUE TO STRIVE TO ADAPT TO THE EVOLVING SOCIETY'S NEEDS AND CONTRIBUTE TO THE OVERALL WELLNESS OF THE PLACES IT OPERATES IN.**

Bank Islam's action in Corporate Responsibility ensures commitment to ethical behaviour in all the Bank does and underpins its status as the source reference for Shariah-based banking and financial practices. Its Islamic core values continue to guide the Bank's CR activities and initiatives which include nurturing a workplace of diversity and inclusion, conduct responsible business practices, upholding social justice and lessening its impact on the environment.

**BANK ISLAM PERCAYA BAHAWA TANGGUNGJAWAB KORPORAT ("CR") MENJADI ASAS KEPADA PERNIAGAAN YANG BAIK. FALSAFAH BANK TERMASUK JUGA MENJAGA TARAF KESIHATAN MASYARAKAT, YANG SAMA PENTINGNYA DALAM MEWUJUDKAN KEKAYAAN UNTUKNYA SENDIRI. SEBAGAI WARGA YANG BERTANGGUNGJAWAB BAGI MASYARAKAT GLOBAL YANG PESAT BERUBAH PADA HARI INI, BANK ISLAM AKAN TERUS BERUSAHA MENYESUAIKAN DIRI DENGAN KEPERLUAN MASYARAKAT YANG SENTIASA BERUBAH DAN MENYUMBANG KEPADA KESEJAHTERAAN YANG MENYELURUH DI TEMPAT IA BEROPERASI.**

Tindakan Bank Islam dalam Tanggungjawab Korporat memastikan komitmen terhadap tingkah laku beretika dalam semua usaha yang dilakukannya serta mengukuhkan statusnya sebagai sumber rujukan bagi perbankan dan amalan kewangan berasaskan Syariah. Nilai teras Islamnya terus membimbing aktiviti dan inisiatif CR Bank, termasuk mewujudkan tempat kerja dengan kepelbagaian dan penyertaan pekerja, menjalankan amalan perniagaan yang bertanggungjawab, menegakkan keadilan sosial dan mengurangkan kesan terhadap alam sekitar.







### EDUCATION AS PATHWAY TO SUCCESS

While continuously addressing all the four CR pillars (Marketplace, Workplace, Community & Environment), education has always been deemed important in the Bank's quest to maintain its pioneering status in the industry. Operating with the belief that education is crucial to the nation's growth and poverty alleviation, Bank Islam's approach is to instill knowledge and awareness among children and youths, giving them the necessary platform to succeed. Working with various institutions and organisations as implementation partners, Bank Islam places emphasis on developing students from the deprived community.

### PENDIDIKAN SEBAGAI LALUAN KEPADA KEJAYAAN

Meskipun Bank menangani kesemua empat tunggak CR (Kegiatan Pasaran, Tempat Kerja, Komuniti & Alam Sekitar) secara berterusan, namun pendidikan sentiasa dianggap penting dalam usaha Bank untuk mengekalkan status perintisnya dalam industri. Beroperasi dengan prinsip bahawa pendidikan adalah penting kepada pertumbuhan negara dan pembasmian kemiskinan, Bank Islam menggunakan pendekatan menyemai pengetahuan dan kesedaran dalam kalangan kanak-kanak dan belia serta memberikan platform yang mereka perlukan untuk berjaya. Sebagai rakan pelaksanaan dengan pelbagai institusi dan organisasi, Bank Islam memberikan penekanan terhadap pembangunan pelajar daripada masyarakat yang terpinggir.

# OPTIMISING CORPORATE RESPONSIBILITY INITIATIVES FOR A SUSTAINABLE FUTURE
# MENGOPTIMUMKAN INISIATIF TANGGUNGJAWAB KORPORAT UNTUK MASA DEPAN YANG MAMPAN

### PINTAR Foundation

Bank Islam believes in giving every single chance for a child to get the education he or she deserves, especially those who come from a poor economic background. It is for this very reason that the Bank has associated itself with the PINTAR Foundation, whose stated aim aligns with the Bank's belief in equal opportunity. By creating a collaborative platform with GLCs and private corporations in Malaysia, the Foundation created a School Adoption Programme with the mission to make a meaningful difference to children from impoverished families and underserved communities, and to level the playing field between urban and rural students.

Bank Islam's involvement with the programme started in 2008, and since then it has adopted 18 schools all across the country. Activities have been focused on the following key areas; Motivation and Teambuilding, Educational Support, Capability and Capacity Building, and Reducing Vulnerabilities and Social Issues. The Bank's contributions, which amounted to RM1.7 million to date, have helped the PINTAR Foundation to educate and impart useful skills to more than 15,000 primary school students across all states of Malaysia.

### Motivation and Teambuilding

The activities place emphasis on self development of the participants in addition to developing their interpersonal skills. Bank Islam's efforts include organising educational visits, teambuilding programmes and motivational talks, which aim at nurturing the participants' social skills for effective interaction and communication within the community. The Kem Jati Diri programme organised in collaboration with the army personnel of 25th Battalion Rejimen Askar Melayu DiRaja focused on fostering leadership qualities as well as imparting motivational knowledge and basic survival skills among the youngsters.

### Educational Support

With the PINTAR Foundation as a platform, Bank Islam has overseen a number of knowledge-based programmes with focus on building and enhancing the children's specific knowledge or skill. The Bank's implementation of the Zero-to-Hero programme has helped in improving the literacy level for students afflicted by dyslexia, ADHD and 'slow learning disability'. Bank Islam has also organised workshops designed to improve and increase the students competencies and academic level. The 'I See You' clinic helped the academically-poor students in improving their test scores while the 'Latih Tubi UPSR' workshop gave aid to the primary students in preparing for their UPSR exam. Realising the global proliferation of the English language and its importance as a language for acquiring knowledge, the Bank has also organised the English Communications Workshop for children to learn and gain fluency of the English language at a young age.

### Yayasan PINTAR

Bank Islam percaya setiap peluang yang ada perlu diberikan kepada kanak-kanak untuk mereka mendapatkan pendidikan yang selayaknya, terutamanya mereka yang datang daripada latar belakang ekonomi yang lemah. Atas sebab inilah Bank melibatkan dirinya dengan Yayasan PINTAR, yang matlamat dinyatakannya sejajar dengan prinsip Bank tentang peluang saksama. Dengan mengadakan platform kerjasama dengan GLC dan syarikat swasta di Malaysia, Yayasan telah mewujudkan Program Sekolah Angkat dengan misinya menyediakan satu kelainan yang lebih bermakna kepada kanak-kanak daripada keluarga miskin dan masyarakat yang kurang bernasib baik, dan memberikan peluang sama rata antara pelajar bandar dengan pelajar luar bandar.

Penglibatan Bank Islam dengan program ini bermula pada 2008, dan sejak itu Bank telah mengambil 18 sekolah di seluruh negara sebagai sekolah angkatnya. Aktiviti ditumpukan kepada bidang utama berikut; Motivasi dan Pembinaan Pasukan, Sokongan Pendidikan, Pembinaan Kebolehan dan Kapasiti, dan Mengurangkan Kelemahan dan Isu Sosial. Sumbangan Bank, yang berjumlah RM1.7 juta setakat ini, telah membantu Yayasan PINTAR untuk mendidik dan menyampaikan kemahiran berguna kepada lebih daripada 15,000 pelajar sekolah rendah di semua negeri di Malaysia.

### Motivasi dan Pembinaan Pasukan

Aktiviti ini memberikan penekanan kepada pembangunan diri peserta di samping membangunkan kemahiran interpersonal mereka. Usaha Bank Islam termasuklah menganjurkan lawatan sambil belajar, program pembinaan pasukan dan ceramah motivasi, yang bertujuan memupuk kemahiran sosial para peserta untuk berinteraksi dan berkomunikasi secara berkesan dalam masyarakat. Program Kem Jati Diri yang dianjurkan dengan kerjasama anggota tentera dari Batalion ke-25 Rejimen Askar Melayu DiRaja memberikan tumpuan kepada memupuk kualiti kepimpinan serta menyampaikan pengetahuan motivasi dan kemahiran asas hidup dalam kalangan anak-anak muda.

### Sokongan Pendidikan

Dengan Yayasan PINTAR sebagai platform, Bank Islam telah menyelia beberapa program berasaskan pengetahuan dengan memberikan tumpuan kepada pembinaan dan peningkatan pengetahuan atau kemahiran khas kanak-kanak. Pelaksanaan program 'Zero-to-Hero' Bank telah membantu mengurangkan tahap buta huruf pelajar yang menghidap disleksia, ADHD dan 'ketidakupayaan pembelajaran'. Bank Islam juga menganjurkan bengkel yang dirangka untuk menambah baik dan meningkatkan kecekapan pelajar dan tahap akademik. Klinik 'I See You' membantu pelajar yang lemah dalam bidang akademik untuk meningkatkan markah ujian mereka manakala bengkel 'Latih Tubi UPSR' pula membantu pelajar sekolah rendah membuat persediaan untuk peperiksaan UPSR. Menyedari perkembangan global dalam Bahasa Inggeris dan kepentingannya sebagai bahasa untuk memperoleh ilmu, Bank juga telah menganjurkan Bengkel Komunikasi Bahasa Inggeris untuk membantu kanak-kanak belajar dan fasih dalam Bahasa Inggeris pada usia muda.

### Capability and Capacity Building

These collaborative efforts have also enabled Bank Islam to focus on the primary educators and motivators of the students; their teachers and parents. The English for Teachers workshop allowed school teachers to develop their skills for a more effective teaching method. 'Jaya Waris' was a motivational programme for parents which offered insights in their children's behaviour and how they can be encouraged to take up learning as a means to develop oneself.

### Reducing Vulnerabilities and Social Issues

The partnership with the Foundation has also enabled Bank Islam to impart educational knowledge and create awareness among the young minds on some of the current issues afflicting the society today. 'Our Planet, We Decide!' workshop, in collaboration with the News Straits Times, introduced students to some of the world's environmental concerns and methods to tackle them. Participants were required to use their creativity and knowledge to come up with a recycling project which can be applied into the real world. The Food Workshop Garden programme allowed participants to learn the role of plants in the food supply chain and the effective way of planting them. Collaboration with the Narcotic Division from the Royal Malaysian Police for the Sehari Bersama ADK (Anti-Dadah Kebangsaan) programme raised awareness on the dangers of drugs.

### Pembinaan Kemampuan dan Keupayaan

Usaha kerjasama ini juga telah membolehkan Bank Islam memberikan tumpuan kepada pendidik dan pendorong utama kepada pelajar; guru dan ibu bapa mereka. Bengkel Bahasa Inggeris untuk Guru membolehkan guru sekolah membangunkan kemahiran mereka untuk kaedah pengajaran yang lebih berkesan. 'Jaya Waris' pula ialah program motivasi untuk ibu bapa yang ingin memberikan pandangan tentang tingkah laku anak-anak mereka dan bagaimana menggalakkan mereka supaya menganggap pembelajaran sebagai cara untuk membangunkan diri sendiri.

### Mengurangkan Kelemahan dan Isu Sosial

Perkongsian dengan Yayasan juga telah membolehkan Bank Islam menyampaikan ilmu pendidikan dan mewujudkan kesedaran dalam kalangan anak muda tentang beberapa isu semasa yang melanda masyarakat hari ini. Bengkel 'Our Planet, We Decide!' dengan kerjasama News Straits Times, memperkenalkan pelajar kepada beberapa masalah alam sekitar di dunia dan kaedah untuk menanganinya. Para peserta dikehendaki menggunakan kreativiti dan pengetahuan mereka untuk menghasilkan satu projek kitar semula yang boleh digunakan dalam dunia sebenar. Program 'The Food Workshop Garden' pula membolehkan peserta mempelajari peranan tumbuhan dalam rantaian bekalan makanan dan cara yang berkesan untuk menanamnya. Kerjasama dengan Bahagian Narkotik Polis Diraja Malaysia bagi program Sehari Bersama ADK (Anti-Dadah Kebangsaan) pula telah meningkatkan kesedaran tentang bahayanya dadah.



# OPTIMISING CORPORATE RESPONSIBILITY INITIATIVES FOR A SUSTAINABLE FUTURE
# MENGOPTIMUMKAN INISIATIF TANGGUNGJAWAB KORPORAT UNTUK MASA DEPAN YANG MAMPAN



## ENSURING INNOVATION AND CONTINUITY

Bank Islam values innovation above else, seeing it as the key differentiator in the increasingly competitive banking industry. It is no surprise then that the Bank has chosen to contribute and partner with Universiti Teknologi MARA ("UiTM") for its yearly Innovation, Invention & Design programme since 2006. The programme provides a platform for participants, which include university students and lecturers, to showcase their latest innovative ideas for the benefit of various industries. The programme has been responsible for building the capability and capacity of the country's talents where each year, about 300 – 500 new products or services are being introduced. The partnership does not end there as the Bank has also set an award programme (Anugerah Cemerlang Matematik) rewarding the best students of UiTM's Faculty of Science, Computer and Mathematics in the field for the yearly Minggu Matematik event.

## MEMASTIKAN INOVASI DAN KESINAMBUNGAN

Bank Islam menghargai inovasi melebihi yang lain dan melihatnya sebagai pembeza utama dalam industri perbankan yang semakin kompetitif. Jadi tidak menghairankan apabila Bank memilih untuk menyumbang dan bekerjasama dengan Universiti Teknologi MARA ("UiTM") sejak 2006 bagi program tahunannya, iaitu Inovasi, Rekacipta dan Rekabentuk. Program ini menyediakan platform kepada peserta, yang termasuk penuntut universiti dan pensyarah, untuk mempamerkan idea inovatif terkini mereka bagi manfaat pelbagai industri. Program ini bertanggungjawab membina kemampuan dan keupayaan bakat di negara ini dan setiap tahun, kira-kira 300-500 produk atau perkhidmatan baharu diperkenalkan. Perkongsian ini tidak berakhir setakat itu sahaja kerana Bank juga telah menubuhkan satu program anugerah (Anugerah Cemerlang Matematik) yang memberikan ganjaran kepada penuntut terbaik Fakulti Sains, Komputer dan Matematik UiTM dalam bidang Matematik untuk acara Minggu Matematik tahunan.

Bank Islam's commitment to innovation was further strengthened by its collaboration with Universiti Teknologi Malaysia ("UTM") Skudai for the Bank's nationwide housing project (Projek Rumah Bantuan Bank Islam) for the poor and needy. The upcoming houses for the poor which will be built in Johor will utilise the Fast-Track Wall ("FTW") system, an innovative house-construction method which could be completed faster and at a much lower cost.

The Bank's commitment to unearthing young talents in the industry is reflected by its Young Leaders Programme which seeks to fast-track bright and talented graduates into the banking industry. The programme provides a platform for developing Islamic banking professionals and specialists, aligned with the Bank's mission to identify and groom future talents and leaders for the industry.

### Source of Reference

For more than 30 years, Bank Islam has been the main driver for the development of the nation's Islamic banking industry. The rise of various Islamic banks within the country has largely been based on the model and structure developed by Bank Islam. Year 2013 has seen the Bank extending its knowledge to the various aspects of Islamic finance and banking directly to members of the public through Facebook. Utilising the immensely popular social media platform, Bank Islam has organised events at various locations, namely Kuala Lumpur; Johor Bahru, Johor; Ipoh, Perak and Pasir Putih, Kelantan, where members of the public were invited to get an in-depth knowledge of Islamic financial products and services. Participants in these 'Facebook Get Together' events were also educated on how to manage their finances and get the most out of their investments by the financial experts from Bank Islam. This initiative further reaffirms the Bank's commitment to become the source of reference for Shariah finance and banking industry.

As the Islamic banking pioneer in Malaysia, Bank Islam is always committed to sharing with the public its knowledge and experience of the Islamic banking industry. This sincere intention is articulated in the Bank's Vision Statement, in which it aims to be 'a global leader in Islamic banking' defined as 'the ultimate guidance or source of reference for Islamic banking including innovative Shariah-based products and services. Bank Islam aspires to be a `Knowledge Centre' for Islamic finance. In the past the Bank has shared its practical experience and operational knowledge such as the sharing of key strategic issues, success factors and challenges in the establishment and development of an Islamic bank with several Central Banks namely the Central Bank of Nigeria, the Central Bank of Oman, the Central Bank of Sri Lanka, U.S. Aid for Afghanistan, etc. The Bank also continuously shares its Shariah Governance framework in particular in areas related to the practical approach in managing Shariah-compliance risk.

Komitmen Bank Islam kepada inovasi diperkukuhkan lagi dengan kerjasamanya dengan Universiti Teknologi Malaysia ("UTM") Skudai bagi projek perumahan Bank di seluruh negara (Projek Rumah Bantuan Bank Islam) untuk golongan miskin dan yang memerlukan. Rumah yang akan dibina untuk golongan miskin di Johor akan menggunakan system Fast-Track Wall ("FTW"), iaitu suatu kaedah pembinaan rumah yang berinovatif yang membolehkan rumah disiapkan dengan lebih cepat dan pada kos yang lebih rendah.

Komitmen Bank untuk mencungkil bakat muda dalam industri ini dapat dilihat melalui Program Pemimpin Muda yang bertujuan mempercepatkan kemasukan graduan bijak dan berbakat ke dalam industri perbankan. Program ini menyediakan platform untuk melahirkan tenaga profesional dan pakar perbankan Islam, sejajar dengan matlamat Bank untuk mengenal pasti dan mengasah bakat dan pemimpin masa depan industri.

### Sumber Rujukan

Selama lebih daripada 30 tahun, Bank Islam telah menjadi pemacu utama bagi pembangunan industri perbankan Islam negara. Kebangkitan pelbagai bank Islam di negara ini sebahagian besarnya berasaskan model dan struktur yang dibangunkan oleh Bank Islam. Tahun 2013 menyaksikan Bank meluaskan pengetahuannya dalam pelbagai aspek kewangan dan perbankan Islam secara langsung kepada orang ramai melalui Facebook. Menggunakan platform media sosial yang amat popular ini, Bank Islam telah menganjurkan acara di pelbagai lokasi seperti Kuala Lumpur; Johor Bahru, Johor; Ipoh, Perak dan Pasir Putih, Kelantan. Orang ramai telah dijemput hadir untuk mengetahui secara mendalam tentang produk dan perkhidmatan kewangan Islam. Peserta dalam acara 'Facebook Get Together' juga telah diberikan penerangan tentang cara menguruskan kewangan dan mendapatkan hasil yang terbaik daripada pelaburan mereka oleh pakar kewangan daripada Bank Islam. Inisiatif ini sekali lagi menunjukkan komitmen Bank untuk menjadi sumber rujukan bagi industri kewangan dan perbankan Syariah.

Sebagai perintis perbankan Islam di Malaysia, Bank Islam sentiasa komited untuk berkongsi pengetahuan dan pengalamannya dalam industri perbankan Islam dengan orang ramai. Niat ikhlas ini dinyatakan dengan jelas dalam Pernyataan Visi Bank, dengan matlamatnya menjadi 'pemimpin global dalam perbankan Islam' yang ditakrifkan sebagai 'panduan utama atau sumber rujukan bagi perbankan Islam termasuk produk dan perkhidmatan berinovatif yang berasaskan Syariah'. Bank Islam berhasrat untuk menjadi `Pusat Ilmu' bagi kewangan Islam. Pada masa lalu Bank telah berkongsi pengalaman praktikal dan pengetahuan operasi seperti isu strategi utama, faktor kejayaan dan cabaran dalam penubuhan dan pembangunan bank Islam dengan beberapa Bank Pusat iaitu Central Bank of Nigeria, Central Bank of Oman, Central Bank of Sri Lanka, U.S. Aid for AS Afghanistan, dan lain-lain lagi. Bank juga terus berkongsi rangka kerja Tadbir Urus Syariahnya, khususnya dalam bidang yang berkaitan dengan pendekatan praktikal dalam menguruskan risiko pematuhan Syariah.

# OPTIMISING CORPORATE RESPONSIBILITY INITIATIVES FOR A SUSTAINABLE FUTURE
# MENGOPTIMUMKAN INISIATIF TANGGUNGJAWAB KORPORAT UNTUK MASA DEPAN YANG MAMPAN

## THE YEAR UNDER REVIEW

Year 2013 has seen Bank Islam continuing to touch lives by making every effort to help realise a stable a society and contributing to the health and wealth of the community in which it operates. These commitments are reflected by the Bank's continuous endeavours to bring about financial inclusion to every layer of the society via its quality banking products and services. The launch of the mPOS (mobile Point-of-Sale) system at Pasar Siti Khadijah in Kota Bharu, Kelantan, the country's first implementation of an electronic payment facility specifically for petty traders, is part of the Bank's effort in promoting cashless transactions, and was symbolic in its intention to help promote the latest in electronic payment facilities and develop small businesses.

The Bank's CR initiatives for the year under review have also been extended to include the Orang Asli or the indigenous community of the country. The annual Media Treasure Hunt event, held in collaboration with BERNAMA, saw members of the media getting engaged with the Orang Asli community of Kampung Leryar in Cameron Highlands, Pahang, and help bring about improvements in their everyday lives. Various educational programmes were organised during the event which helped to further foster relationship between the community and members of the media. Bank Islam has contributed several facilities, among others, toilet facilities and a gazebo to the settlement.

The month of Ramadan for the year under review continued to see Bank Islam intensifying its efforts to bring about cheers to the destitute by conducting nationwide programmes for zakat contributions. These community-centric programmes included two Indahnya Ramadan Bank Islam programmes which were held together with the Suluk tribe and Murut tribe at Kg. Mumiang in Sandakan and Kg. Tinanduk in Pagalungan respectively. At both events, prayers and religious ceramah were held; zakat, essential items and clothes were donated to the poor; and a grand breaking of fast was organised with the villagers.

For all the efforts in contributing to the community's development, Bank Islam has not forgotten its responsibility in helping to preserve the environment. The annual Green Day programme, held in conjunction with Earth Day, saw the Bank conducting the 'green awareness' event at Pantai Puteri, Melaka during the year under review. The event saw participation by various local organisations and bodies, including members of the public helping to clean up the beach, the main attraction of the location. Various conservation education programmes were also organised where the local fishermen, schoolchildren and the general public were made aware on the value of environment preservation. The Bank has also made a donation of marine life books to the nine schools in the locality.

## TAHUN DI BAWAH TINJAUAN

Tahun 2013 telah menyaksikan Bank Islam terus mengambil berat tentang kehidupan dengan melakukan pelbagai usaha untuk membantu merealisasikan sebuah masyarakat yang stabil dan menyumbang kepada taraf kesihatan dan kekayaan masyarakat di mana ia beroperasi. Komitmen ini dapat dilihat melalui usaha Bank yang berterusan untuk membawa rangkuman kewangan kepada setiap lapisan masyarakat melalui produk perbankan dan perkhidmatannya yang berkualiti. Pelancaran sistem mPOS (Titik Jualan Bergerak) di Pasar Siti Khadijah di Kota Bharu, Kelantan, iaitu pelaksanaan pertama kemudahan pembayaran elektronik di negara ini yang khusus untuk peniaga kecil, merupakan sebahagian daripada usaha Bank dalam menggalakkan urus niaga tanpa tunai, dan menandakan hasratnya untuk membantu mempromosikan kemudahan pembayaran elektronik terkini dan membangunkan perniagaan kecil.

Inisiatif CR Bank bagi tahun di bawah tinjauan juga telah diperluas dengan melibatkan masyarakat Orang Asli atau masyarakat pribumi di negara ini. Acara tahunan Media Treasure Hunt, yang diadakan dengan kerjasama BERNAMA, menyaksikan ahli kumpulan media melibatkan diri dengan masyarakat Orang Asli di Kampung Leryar, Cameron Highlands, Pahang, dan membantu meningkatkan taraf kehidupan seharian mereka. Pelbagai program pendidikan dianjurkan pada majlis itu yang membantu memupuk hubungan yang lebih rapat antara masyarakat itu dengan ahli kumpulan media. Bank Islam telah menyumbangkan beberapa kemudahan, antara lain, kemudahan tandas dan gazebo untuk penempatan itu.

Bulan Ramadan bagi tahun di bawah tinjauan terus menyaksikan Bank Islam menggiatkan usahanya mengembirakan golongan yang kurang bernasib baik dengan mengadakan program di seluruh negara bagi sumbangan zakat. Program berteraskan masyarakat ini termasuk dua program Indahnya Ramadan Bank Islam yang diadakan bersama-sama dengan suku kaum Suluk dan suku kaum Murut, masing-masing di Kampung Mumiang di Sandakan dan Kampung Tinanduk di Pagalungan. Pada kedua-dua acara itu, solat dan ceramah agama telah diadakan; zakat, barang keperluan dan pakaian didermakan kepada orang miskin; dan majlis berbuka puasa besar-besaran telah dianjurkan dengan penduduk kampung.

Di samping melakukan pelbagai usaha yang menyumbang kepada pembangunan masyarakat, Bank Islam tidak pernah mengabaikan tanggungjawabnya dalam membantu memelihara alam sekitar. Program tahunan Hari Hijau, yang diadakan bersempena dengan Hari Bumi, menyaksikan Bank menjalankan acara 'kesedaran hijau' di Pantai Puteri, Melaka dalam tahun di bawah tinjauan. Acara ini menyaksikan penyertaan pelbagai organisasi dan badan tempatan, termasuk orang ramai yang membantu membersihkan pantai, iaitu tarikan utama di lokasi itu. Pelbagai program pendidikan pemuliharaan turut dianjurkan dan nelayan tempatan, pelajar sekolah dan orang awam telah diberikan kesedaran tentang nilai pemeliharaan alam sekitar. Bank juga telah memberikan sumbangan buku kehidupan marin kepada sembilan sekolah di kawasan terbabit.

Zakat continues to underpin most of the Bank's efforts in disseminating wealth among the community and contributing to the nation's social development. Bank Islam's zakat contributions have and will continue to support its key CR initiatives and activities. By continuing to fulfil its obligation in equal zakat fund distribution for a variety of noble causes, Bank Islam helps promote social justice and foster sense of solidarity among the society.

Bank Islam's zakat contributions have always been concentrated on CR activities that put emphasis on poverty reduction projects, health & welfare support, unity programmes and, not to mention, education initiatives. The Bank's flagship housing project for the poor has seen a large sum of zakat contributions being made for the construction and rehabilitation of houses for the poor families across the states of Malaysia. Initiated in 2008, 'Projek Rumah Bantuan Bank Islam' has seen the Bank spending a total sum of RM4.1 million in providing homes for 151 families in the states of Kelantan, Terengganu, Kedah, Pahang, Perak and Sarawak with proper living conditions. The Bank will complete the rehabilitation and construction of houses for 22 families in Johor in 2014.

Zakat terus menguatkan kebanyakan usaha Bank mengagihkan kekayaan dalam kalangan masyarakat dan menyumbang kepada pembangunan sosial negara. Sumbangan zakat Bank Islam telah dan akan terus menyokong inisiatif dan aktiviti utama CR-nya. Dengan terus menunaikan tanggungjawabnya dalam pengagihan wang zakat yang sama rata atas pelbagai sebab yang mulia, Bank Islam membantu menggalakkan keadilan sosial dan memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat.

Sumbangan zakat Bank Islam sentiasa tertumpu kepada aktiviti CR yang memberikan penekanan kepada projek pengurangan kemiskinan, sokongan kesihatan & kebajikan, program perpaduan dan juga inisiatif pendidikan. Projek perumahan utama Bank untuk golongan miskin telah menyaksikan sejumlah besar sumbangan zakat digunakan bagi pembinaan dan pemulihan rumah untuk keluarga miskin di seluruh negeri di Malaysia. 'Projek Rumah Bantuan Bank Islam' yang dimulakan pada 2008 menyaksikan Bank membelanjakan sejumlah RM4.1 juta dalam menyediakan rumah untuk 151 keluarga di Kelantan, Terengganu, Kedah, Pahang, Perak dan Sarawak supaya mereka dapat menikmati keadaan hidup yang lebih baik. Bank seterusnya akan menyiapkan projek pemulihan dan pembinaan rumah untuk 22 keluarga di Johor pada 2014.



# OPTIMISING CORPORATE RESPONSIBILITY INITIATIVES FOR A SUSTAINABLE FUTURE
# MENGOPTIMUMKAN INISIATIF TANGGUNGJAWAB KORPORAT UNTUK MASA DEPAN YANG MAMPAN



In line with its belief that a prosperous community will lead to a stable nation, the Bank will continue to ensure that its zakat fund will be made readily available to enhance and improve the lives of the destitute and underprivileged nationwide.

Through donations and sponsorships, the Bank will continue to support the hugely valuable contributions made by charity bodies, schools and non-profit organisations, which can help the Bank in building a good relationship with the local communities in addition to contributing to employees' development and job satisfactions. The Bank's commitment to become a responsible and caring corporate body is reflected by its workforce who has been instilled with the same caring attitude.

Selaras dengan prinsipnya bahawa masyarakat makmur akan membawa kepada negara yang stabil, Bank akan terus memastikan wang zakatnya akan sentiasa tersedia untuk meningkatkan dan menambah baik kehidupan golongan melarat dan kurang bernasib baik di seluruh negara.

Melalui derma dan penajaan, Bank akan terus menyokong sumbangan yang amat bernilai yang dibuat oleh badan kebajikan, sekolah dan pertubuhan bukan berasaskan keuntungan, yang boleh membantu Bank dalam membina hubungan yang baik dengan masyarakat tempatan di samping menyumbang kepada pembangunan kakitangan dan kepuasan kerja. Komitmen Bank untuk menjadi badan korporat yang bertanggungjawab dan prihatin dapat dilihat melalui tenaga kerjanya yang juga telah diterapkan dengan sikap prihatin.

Strengthening its belief in providing for others, the year under review saw Bank Islam becoming the host for the 'World Universities Islamic Philanthropy 2013 ("WUIPCON 2013") conference, organised by Institut Kajian Zakat Malaysia("IKaZ") of UiTM. Attended by academics, researchers, scholars and stakeholders from all across the world, WUIPCON 2013 served as a platform for dialogue and discussions among the attendees on the strengthening of Islamic philanthropy for the betterment of a community. Expanding on the society's thinking on the responsibility of the wealthy to look after the deprived, WUIPCON 2013 reflects the Bank's goal of contributing to the health and wealth of the society.

## MOVING FORWARD

For Bank Islam to thrive in today's increasingly competitive economic landscape, the importance of its investment in educational programmes and job training exercises through CR initiative can never be understated. A workforce armed with the necessary skills and knowledge is not only significant to the Bank's success and growth but also to Malaysia's ability to compete in the global marketplace.

Moving forward, Bank Islam will continue to play a role in providing inspiration to the younger generations, especially among the underprivileged, to take up education as a way for them to escape their plights and make a meaningful contribution to society. This can be achieved through collaboration with like-minded institutions, capacity-building initiatives, creative application of various platforms and strategic contributions. Committing to further improve education access thus enhancing the education landscape and increasing economic opportunity, Bank Islam hopes to play a bigger role in creating communities with better places to live and work.

Bank Islam truly believes that the act of lending a helping hand and addressing the various social and environmental challenges will help the Bank as well in plotting a sustainable future growth. By simply doing the right thing the right way, it enhances Bank Islam's value, helps in developing new market opportunities and lays the path for the Bank to be on its way to be 'A Global Leader of the Islamic Industry'.

Dalam usaha mengukuhkan prinsipnya untuk menyediakan kemudahan kepada orang lain, tahun di bawah tinjauan menyaksikan Bank Islam menjadi tuan rumah kepada persidangan 'World Universities Islamic Philanthropy 2013 ("WUIPCON 2013") yang dianjurkan oleh Institut Kajian Zakat Malaysia ("IKaZ") UiTM. WUIPCON 2013 yang dihadiri oleh ahli akademik, penyelidik, cendekiawan dan pihak berkepentingan dari seluruh dunia berfungsi sebagai platform untuk dialog dan perbincangan dalam kalangan hadirin tentang pengukuhan kedermawanan Islam untuk kebaikan masyarakat. Berkembang berdasarkan pemikiran masyarakat tentang tanggungjawab golongan kaya menjaga golongan yang terpinggir, WUIPCON 2013 mencerminkan matlamat Bank ke arah menyumbang kepada taraf kesihatan dan kekayaan masyarakat.

## MELANGKAH KE HADAPAN

Untuk Bank Islam berkembang maju dalam ekonomi yang semakin kompetitif pada hari ini, kepentingan pelaburannya dalam program pendidikan dan pelaksanaan latihan kerja melalui inisiatif CR tidak boleh diperkecilkan. Tenaga kerja yang mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan bukan sahaja penting kepada kejayaan dan pertumbuhan Bank tetapi juga kepada keupayaan Malaysia untuk bersaing di pasaran global.

Pada masa depan, Bank Islam akan terus memainkan peranan dalam menyediakan inspirasi kepada generasi muda, terutamanya dalam kalangan golongan yang kurang bernasib baik, supaya menganggap pendidikan sebagai satu cara untuk mengubah nasib mereka dan memberikan sumbangan yang bernilai kepada masyarakat. Hal ini boleh dicapai melalui kerjasama dengan institusi yang mempunyai hasrat yang serupa, inisiatif pembinaan kapasiti, penggunaan kreatif pelbagai platform dan sumbangan strategik. Bank Islam yang komited untuk menambah baik lagi akses pendidikan sekali gus mengukuhkan landskap pendidikan dan meningkatkan peluang ekonomi, berharap dapat memainkan peranan yang lebih besar dalam mewujudkan masyarakat dengan tempat tinggal dan tempat kerja yang lebih baik.

Bank Islam benar-benar percaya bahawa tindakan memberikan bantuan dan menangani pelbagai cabaran sosial dan alam sekitar turut membantu Bank dalam merancang pertumbuhan masa depan yang mampan. Hanya dengan melakukan perkara yang betul dengan cara yang betul, ia dapat menambah nilai Bank Islam, membantu membangunkan peluang pasaran baharu dan membuka laluan kepada Bank untuk menjadi 'Pemimpin Global bagi Industri Islam'.

# COMMITTED TO SERVICE EXCELLENCE
# KOMITED TERHADAP KECEMERLANGAN PERKHIDMATAN

**The Prophet said, "Allah loves, when one of you is doing something, that he [or she] does it in the most excellent manner." (narrated by al-Baihaqi)**

**Rasulullah s.a.w. bersabda, "Bahawasanya Allah menyayangi seseorang hambanya, yang apabila melakukan sesuatu, dia melakukannya dengan cara yang terbaik." (Riwayat al-Baihaqi)**

SINCE EMBARKING ON ITS TRANSFORMATION JOURNEY POST-2006, CUSTOMERS AND CLIENTS CONTINUE TO BE AT THE CORE OF EVERYTHING BANK ISLAM DOES AND ARE CENTRAL TO ITS BUSINESS SUCCESS. BANK ISLAM'S BUSINESS IS A PEOPLE-DRIVEN ENTERPRISE AND EVERYONE WHO SERVES THE BANK SERVES THE PEOPLE WHO PROVIDE BUSINESSES AND OPPORTUNITIES FOR THE BANK. THE BANK'S RESPONSIBILITY IS TO OPTIMISE THOSE AVAILABLE OPPORTUNITIES TO DELIVER A LEVEL OF SERVICE THAT WILL BE THE ENVY OF OTHER BANKS – ISLAMIC OR CONVENTIONAL.

In its quest to be a 'Global Leader in Islamic Banking', the Bank embraces excellence in its service delivery to customers and clients as the ultimate objective to enhance the quality of the Bank's products and services. The success of the Bank's transformation journey rests on the quality of its service delivery as Service Excellence is one of the six pillars of the H2E Plan. During the year under review, the Bank continues to implement programmes that are directed towards service excellence and continuously drive its strategy at every level.

Given the Bank's focus to make its mark as a customer-centric and client-driven Islamic financial institution, our strategy is to adopt a people-centred service culture delivered through a service mind-set and service-delivery transformation. This strategy is supported by the Bank's resolve for operational excellence that is achieved from within through continuous process re-engineering, resource optimisation and enhanced competency.

SEJAK MEMULAKAN PERJALANAN TRANSFORMASINYA SELEPAS TAHUN 2006, PELANGGAN TERUS MENJADI TERAS BAGI SEMUA AKTIVITI BANK ISLAM DAN SANGAT PENTING DALAM MENCAPAI KEJAYAAN PERNIAGAANNYA. PERNIAGAAN BANK ISLAM IALAH PERNIAGAAN BERTERASKAN PELANGGAN, DAN MEREKA YANG BERKHIDMAT DENGAN BANK JUGA BERKHIDMAT KEPADA MEREKA YANG MENYEDIAKAN PERNIAGAAN DAN PELUANG KEPADA BANK. TANGGUNGJAWAB BANK ADALAH MENGOPTIMUMKAN PELUANG YANG ADA INI SUPAYA DAPAT MENYAMPAIKAN TAHAP PERKHIDMATAN YANG DIIDAM-IDAMKAN OLEH BANK LAIN – ISLAM ATAU KONVENSIONAL.

Dalam usahanya untuk menjadi 'Pemimpin Global dalam Perbankan Islam', Bank mengamalkan kecemerlangan dalam penyampaian perkhidmatannya kepada pelanggan sebagai objektif utama untuk meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan Bank. Kejayaan perjalanan transformasi Bank terletak pada kualiti penyampaian perkhidmatannya kerana Kecemerlangan Perkhidmatan adalah salah satu daripada enam tunggak Pelan H2E. Dalam tahun di bawah tinjauan, Bank terus melaksanakan program yang memberi tumpuan kepada kecemerlangan perkhidmatan dan terus memacu strateginya pada setiap peringkat.

Berikutan fokus Bank untuk mencipta nama sebagai institusi kewangan Islam yang mengutamakan pelanggan dan berteraskan pelanggan, strategi kami adalah mengamalkan budaya perkhidmatan yang mengutamakan pelanggan yang disampaikan melalui transformasi minda dan transformasi penyampaian perkhidmatan. Strategi ini disokong oleh keazaman Bank untuk mencapai kecemerlangan operasi dari dalam melalui proses menyusun semula, mengoptimumkan sumber dan meningkatkan kecekapan.



## CUSTOMER-CENTRIC, CLIENT-DRIVEN MODEL

Bank Islam acknowledges the importance of service excellence as a critical differentiator for its business. At Bank Islam, service excellence is underscored by Shariah principles - encompassing ethics, Islamic values and courtesy. A significant initiative taken by the Bank, so as to accomplish an industry benchmark level for the quality of its service, is by employing a customer-centric, client-driven model.

This model comprises a three-pronged implementation process - a feedback management system or the Footprint System, an enhanced telephony service that includes a call-back element and a Queue Management System ("QMS"). The Footprint System ensures that customer complaints are resolved within 24 hours failing which the case will be escalated to a higher level for timely resolution. A centralised Complaint Management System within the process tracks all complaints and ensures that they are acknowledged and resolved within the established SLA ("Service Level Agreements"). The enhanced telephony service with call-back assistance also ensures that the Bank's agents return all customers' calls and attend to their specific needs. Currently, there are 30 agents handling 600,000 customer calls annually with a monthly reporting system to address issues and challenges. This model has successfully reduced the customer abandonment rate to below 15% and Bank Islam continues to work towards further reducing this figure.

## MODEL MENGUTAMAKAN PELANGGAN DAN BERTERASKAN PELANGGAN

Bank Islam mengiktiraf kepentingan kecemerlangan perkhidmatan sebagai pembeza kritikal bagi perniagaannya. Di Bank Islam, kecemerlangan perkhidmatan diperkukuh oleh prinsip Syariah – yang merangkumi etika, nilai Islam dan ihsan. Inisiatif penting yang diambil oleh Bank untuk mencapai tahap penanda aras industri bagi perkhidmatan berkualiti adalah dengan menggunakan model yang mengutamakan pelanggan serta berteraskan pelanggan.

Model ini terdiri daripada proses pelaksanaan tiga penjuru - sistem pengurusan maklum balas atau Sistem Jejak, perkhidmatan telefoni yang ditingkatkan yang termasuk elemen panggilan balik dan Sistem Pengurusan Giliran ("QMS"). Sistem Jejak memastikan aduan pelanggan diselesaikan dalam tempoh 24 jam dan jika gagal, kes itu akan dibawa ke peringkat yang lebih tinggi untuk keputusan yang tepat pada masanya. Sistem Pengurusan Aduan terpusat yang termasuk dalam proses ini, menjejak semua aduan dan memastikan aduan dimaklumkan dan diselesaikan mengikut SLA ("Perjanjian Tahap Perkhidmatan") yang wujud. Perkhidmatan telefoni yang ditingkatkan dengan bantuan panggilan balik juga memastikan ejen Bank menjawab semua panggilan pelanggan serta melayan keperluan khusus mereka. Pada masa ini, terdapat 30 ejen yang mengendalikan 600,000 panggilan pelanggan tahunan dengan sistem laporan bulanan untuk menangani isu dan cabaran. Model ini berjaya mengurangkan kadar panggilan telefon pelanggan yang tidak dijawab sehingga di bawah 15% dan Bank Islam terus berusaha ke arah mengurangkan lagi angka ini.

# COMMITTED TO SERVICE EXCELLENCE
# KOMITED TERHADAP KECEMERLANGAN PERKHIDMATAN

Bank Islam handles each feedback and public response as an educational opportunity to enhance staff competency as part of its commitment to enhancing customer service. As such, the Bank's audited satisfactory rating among branches stood at 86% during the period under review and it aims to improve this score in the years ahead.

At branch level, the Bank has the QMS monitoring tool to assist branches in monitoring the average waiting time and average serving time. Branches utilising these tools can now mobilise sufficient staff during peak hours to keep the waiting time to below five minutes. This system is proven successful with 90% of our branches receiving a green rating during the year under review, compared to 45% in 2012 and 21% in the previous year.

The continuing nationwide expansion of customer touch-points ensures efficient access to all of Bank Islam's services and during the year under review further investment has been expended towards enhancing its service delivery infrastructure. The Bank's branch network as at December 2013 comprises 133 branches while the number of Self-Service Terminals, which include the addition of Automated Teller Machines ("ATM"), Cash Deposit Machines ("CDM") and Cheque Deposit Machines ("CQM"), has also been increased significantly. The Bank is also embarking on a 'white-label' initiative with the Malaysian Electronic Payment System ("MEPS") member banks in its bid to enhance efficiency and, at the same time, further its reach and facilitate banking solutions for the convenience of our customers.

In tandem with the increase in the numbers, the Bank is also committed to enhancing the systems' quality through improvements at all touchpoints. Proactive measures have been put in place to ensure maximum availability on uptime of the banking machines for customers' convenience. The ATMs at all of the Bank's branches are now sourced in-house and this has delivered significant cost-savings and improved customer service. Additionally, Internet banking has been upgraded with an enhanced IT architecture that began in August 2013. With the focus given to time-out issues, customer complaints have been reduced by 60%.

Continuously striving to improve itself, Bank Islam held a 'Service Excellence Brainstorming' session in December 2013. Organised as a platform for all of the Bank's branch managers to voice their opinions and give feedback, the session provided inputs for the Bank to improve itself. Additionally, new ideas were originated during the session for immediate implementation within the Bank's operations. The session further demonstrates Bank Islam's commitment to achieving service excellence in all aspects of its operations.

Bank Islam mengendalikan setiap maklum balas dan reaksi orang ramai sebagai satu peluang pendidikan untuk meningkatkan kecekapan kakitangan sebagai sebahagian daripada komitmennya untuk meningkatkan perkhidmatan pelanggan. Oleh itu, penarafan memuaskan antara cawangan seperti yang telah diaudit oleh Bank berada pada 86% dalam tempoh di bawah tinjauan dan Bank berhasrat meningkatkan lagi skor ini pada tahun-tahun hadapan.

Di peringkat cawangan, Bank mempunyai alat pemantauan QMS untuk membantu cawangan dalam memantau masa menunggu purata dan masa perkhidmatan purata. Cawangan yang menggunakan alat tersebut kini boleh menggerakkan kakitangan yang cukup pada waktu puncak untuk memastikan masa menunggu di bawah lima minit. Sistem ini terbukti berjaya dengan 90% daripada cawangan kami menerima penarafan hijau dalam tahun di bawah tinjauan, berbanding 45% pada tahun 2012 dan 21% pada tahun sebelumnya.

Perkembangan titik sentuh pelanggan yang berterusan di seluruh negara memastikan akses yang cekap kepada semua perkhidmatan Bank Islam dan dalam tahun di bawah tinjauan, pelaburan selanjutnya telah dilakukan ke arah meningkatkan infrastruktur penyampaian perkhidmatan. Rangkaian cawangan Bank setakat bulan Disember 2013 terdiri daripada 133 cawangan, manakala bilangan Terminal Layan Diri, yang termasuk penambahan Mesin Teler Automatik ("ATM"), Mesin Deposit Tunai ("CDM") dan Mesin Deposit Cek ("CQM"), juga telah meningkat dengan ketara. Bank juga memulakan inisiatif 'label-putih' dengan bank ahli Sistem Pembayaran Elektronik Malaysia ("MEPS") dalam usaha meningkatkan kecekapan dan pada masa yang sama, meluaskan capaiannya serta memudahkan penyelesaian perbankan untuk keselesaan pelanggan kami.

Selaras dengan peningkatan dalam bilangan, Bank juga komited untuk meningkatkan kualiti sistem melalui penambahbaikan pada setiap titik sentuh. Pelbagai langkah proaktif telah diambil untuk memastikan tempoh berfungsi mesin perbankan yang maksimum disediakan untuk kemudahan pelanggan. ATM di semua cawangan Bank kini menggunakan sumber dalaman dan ini telah membawa kepada penjimatan kos yang ketara dan perkhidmatan pelanggan yang lebih baik. Selain itu, perbankan Internet telah dinaik taraf dengan struktur IT yang dipertingkatkan bermula pada bulan Ogos 2013. Melalui tumpuan yang diberikan kepada isu tempoh gangguan mesin, aduan pelanggan telah berkurangan sebanyak 60%.

Dengan usaha berterusan untuk meningkatkan tarafnya, Bank Islam telah mengadakan sesi 'Sumbang Saran Kecemerlangan Perkhidmatan' pada bulan Disember 2013. Dianjurkan sebagai platform untuk semua pengurus cawangan bank untuk menyuarakan pendapat mereka dan memberikan maklum balas, sesi ini memberi input kepada Bank untuk meningkatkan tarafnya. Selain itu, pelbagai idea baharu juga dicetuskan semasa sesi tersebut untuk pelaksanaan segera dalam operasi Bank pada awal tahun 2014. Sesi ini menunjukkan komitmen Bank Islam untuk terus mencapai kecemerlangan perkhidmatan dalam segala aspek operasinya.





## DELIGHTING CUSTOMERS THROUGH SERVICE EXCELLENCE

Bank Islam continues to strive towards service excellence by optimising opportunities of customers' experience at its branches. The growing number of banks capable of offering similarly good products and services, together with the rising expectation of the customers has led to an ever-increasing competitive environment. Therefore, providing an enhanced level of services with a unique brand experience is now of utmost importance to the Bank.

The Bank does this by employing a holistic approach to service excellence. One of the methods it currently employs is visiting its premier customers - heads of states, government agencies and corporate clients - to engage with them face-to-face. This engagement inculcates a service culture that provides better understanding between the Bank and its customers as issues can be immediately addressed and resolved.

Concurrently, information dissemination through alternative media such as Facebook serves to improve engagement with the younger generation of customers and provides relevant feedback on the Bank's products and services. As Bank Islam progresses on its transformation journey towards a culture of service excellence, the Bank is resolved to deliver exceptional service that delights customers.

## MENGEMBIRAKAN PELANGGAN MELALUI KECEMERLANGAN PERKHIDMATAN

Bank Islam terus berusaha ke arah kecemerlangan perkhidmatan dengan mengoptimumkan peluang pengalaman pelanggan di cawangannya. Pertambahan bilangan bank yang mampu menawarkan produk dan perkhidmatan yang sama baik, serta jangkaan yang semakin meningkat daripada pelanggan telah membawa kepada persekitaran persaingan yang semakin sengit. Oleh itu, menyediakan perkhidmatan pada tahap yang kukuh dengan pengalaman jenama yang unik kini menjadi sangat penting kepada Bank.

Bank melakukannya dengan menggunakan pendekatan holistik terhadap kecemerlangan perkhidmatan. Salah satu kaedah yang digunakannya pada masa ini adalah dengan melawat pelanggan terulung - ketua negeri, agensi kerajaan dan pelanggan korporat - untuk melibatkan diri dengan mereka secara bersemuka. Penglibatan ini dapat menyemai budaya perkhidmatan yang memberikan pemahaman yang lebih baik antara Bank dengan pelanggan kerana pelbagai isu boleh ditangani dan diselesaikan dengan segera.

Serentak dengan itu, penyebaran maklumat melalui media alternatif seperti Facebook dapat meningkatkan penglibatan dengan generasi pelanggan yang lebih muda dan menyediakan maklum balas yang berkaitan tentang produk dan perkhidmatan Bank. Sambil Bank Islam terus maju dalam perjalanan transformasinya ke arah budaya kecemerlangan perkhidmatan, Bank berazam menyampaikan perkhidmatan luar biasa yang menggembirakan pelanggan.



# COMMITTED TO SERVICE EXCELLENCE
# KOMITED TERHADAP KECEMERLANGAN PERKHIDMATAN



## SERVICE CULTURE-DRIVEN WORKFORCE

Bank Islam has embarked on a journey to transform into a leading Islamic banking institution that epitomises a culture of excellence. Its objective for an excellent service culture began with the transformation of its people. This encompasses attitude and aptitude change for inner transformation and grooming courses to improve personal appearance.

The Bank's new employees are provided with training within a simulated environment at the mock-branch in Menara Bank Islam. The mock-branch concept was introduced in 2011 to facilitate training of new recruits. As a result, service delivery at all branches has shown marked improvement concurrent with the staff's competency levels.

## TENAGA KERJA BERTERASKAN BUDAYA PERKHIDMATAN

Bank Islam telah memulakan perjalanan untuk berubah menjadi institusi perbankan Islam utama yang melambangkan budaya kecemerlangan. Objektif budaya perkhidmatan cemerlangnya bermula dengan transformasi pekerja. Ini merangkumi perubahan sikap dan kebolehan untuk transformasi dalaman dan kursus gaya diri untuk memperbaik penampilan diri.

Kakitangan baharu Bank diberi latihan dalam simulasi persekitaran di cawangan olok-olok di Menara Bank Islam. Konsep cawangan olok-olok ini telah diperkenalkan pada tahun 2011 untuk memudahkan latihan kakitangan baharu. Hasilnya, penyampaian perkhidmatan di semua cawangan telah menunjukkan peningkatan yang ketara yang setara dengan tahap kecekapan kakitangan.

Formless cash withdrawals and minimum form-filling for opening new accounts have reduced the Turnaround Time from 30 minutes to 12 minutes. By utilising biometric identification of a customer's thumb print, the Bank demonstrates its commitment towards environmental conservation by going paperless. Bank Islam's performance is regularly evaluated through specially formulated 'Reach-Out' sessions with its stakeholders. The Bank conducts quarterly surveys where it quantifies the results with the aim of understanding stakeholders' needs and to gauge stakeholder satisfaction to improve competency.

Taking the improvement initiatives even further, scheduled talent development programmes contribute to enhance capability and capacity-building. 72 man-days of classroom courses were conducted during the period under review. 80% of the Bank's front-line staff at branches completed both classroom and 'mock branch' training programmes. At the same time, these programmes provide avenues for interaction that create a platform for sustained communication. These interactions contribute positively to understanding and employee morale.

The Bank has been embarking on an internal campaign as well in creating awareness among its workforce on the importance of service and customer orientation. Among others, the campaign is aimed at creating a positive atmosphere among the Bank's staff especially at the branches via daily pep talks and implementation of inspirational 'screen savers' on staff's workstation, which serve to motivate the staff to give their best. The Bank's employees are also encouraged to greet their customers personally, which can further contribute to the positive environment within the workplace and contribute to fostering of the customer-oriented culture.

## NEXT STEPS

Since service excellence constitutes a core strategy of its transformation journey, Bank Islam will continue to optimise opportunities to ensure best-in-class customer relationship that delivers results. The adoption of Shariah principles that emphasise ethics, Islamic values and courtesy, has enabled the Bank to revolutionise the banking experience for customers. The enhanced quality of service delivery contributes to the Islamic finance system being acknowledged as a viable economic system that constantly delivers results.

Pengeluaran tunai tanpa borang dan pengisian borang yang minimum untuk membuka akaun baharu telah mengurangkan Tempoh Tindakan daripada 30 minit kepada 12 minit. Dengan menggunakan pengenalan biometrik ibu jari pelanggan, Bank menunjukkan komitmennya ke arah pemuliharaan alam sekitar dengan mengurangkan penggunaan kertas. Prestasi Bank Islam dinilai dengan kerap melalui sesi 'Reach-Out' yang dirangka khas dengan pihak berkepentingan. Bank menjalankan kajian suku tahunan dengan menyatakan kuantiti bagi keputusan yang bertujuan memahami keperluan pihak berkepentingan dan mengukur kepuasan pihak berkepentingan bagi meningkatkan kecekapan.

Dengan terus mengambil inisiatif peningkatan selanjutnya, program pembangunan pekerja berbakat berjadual berjaya menyumbang kepada peningkatan kemampuan dan pembinaan keupayaan. Kursus dalam kelas selama 72 hari kerja telah dijalankan dalam tempoh di bawah tinjauan. Sejumlah 80% daripada kakitangan Bank barisan hadapan di cawangan telah pun menamatkan kedua-dua program latihan dalam kelas dan 'cawangan olok-olok'. Pada masa yang sama, program ini memberi peluang untuk berinteraksi dengan mewujudkan satu platform untuk berkomunikasi secara berterusan. Interaksi ini menyumbang secara positif kepada pemahaman dan moral kakitangan.

Bank telah memulakan kempen dalaman dan juga mewujudkan kesedaran dalam kalangan tenaga kerjanya mengenai kepentingan perkhidmatan dan orientasi pelanggan. Antara lain, kempen ini bertujuan mewujudkan suasana positif dalam kalangan kakitangan Bank terutamanya di cawangan melalui ceramah semangat harian dan pelaksanaan 'screen saver' berinspirasi di stesen kerja kakitangan, yang bertujuan memberikan motivasi kepada kakitangan untuk melaksanakan tugas mereka sebaik mungkin. Kakitangan Bank juga digalakkan supaya menyapa pelanggan mereka secara peribadi, yang terus menyumbang kepada persekitaran yang lebih positif di tempat kerja dan memupuk budaya berorientasikan pelanggan ini.

## LANGKAH SETERUSNYA

Oleh sebab kecemerlangan perkhidmatan membentuk strategi teras bagi perjalanan transformasinya, Bank Islam akan terus mengoptimumkan peluang untuk memastikan hubungan pelanggan yang terbaik dalam industri perbankan yang berjaya menunjukkan hasil. Dengan menerima pakai prinsip Syariah yang memberikan penekanan kepada etika, nilai Islam dan ihsan, membolehkan Bank merevolusikan pengalaman perbankan untuk pelanggannya. Kualiti penyampaian perkhidmatan yang kukuh menyumbang kepada sistem kewangan Islam yang diakui sebagai sistem ekonomi yang berdaya maju yang sentiasa menunjukkan hasil.

# NURTURING AND DEVELOPING TALENT
# MEMUPUK DAN MENGEMBANGKAN BAKAT

**"One of the women said: "O my father, hire him. Indeed, the best one you can hire is the strong and the trustworthy." – Surah al-Qasas (28:26)**

**"Salah seorang daripada kedua wanita itu berkata: "Wahai bapaku! Ambillah dia sebagai pekerja, sesungguhnya lebih baik (jika) yang diambil bekerja itu seorang yang kuat lagi boleh dipercayai." – Surah al-Qasas (28:26)**

**THE CHANGING DYNAMICS OF THE WORKFORCE AND GROWING DEMANDS OF THE FINANCIAL INDUSTRY HAVE NEGATIVELY IMPACTED AVAILABILITY OF CAPABLE TALENT. WITHIN THIS CONTINUALLY CHALLENGING ENVIRONMENT, BANK ISLAM IS ONE OF THE LEADING FINANCIAL INSTITUTIONS TO RECRUIT, RETAIN AND MANAGE ITS HUMAN RESOURCES THROUGH VARIOUS INITIATIVES AS FORMULATED AND IMPLEMENTED TO OPTIMISE OPPORTUNITIES, BOTH FOR THE BANK'S BUSINESSES AND EMPLOYEES.**

As Bank Islam moves towards realising its corporate mission of being 'A leader; dynamic; professional; caring and trustworthy', the Bank invests in its people by creating a conducive work environment and developing its employees' capabilities as well as capacity through structured training programmes to optimise its human capital to its full potential.

Bank Islam currently has a human capital capacity of more than 4,200 employees with an attrition rate of 3.97% which is below the industry average. This impressive achievement is the result of a structured talent management approach and succession planning across all levels of employees including senior management personnel. This accomplishment is rendered more significant as there has been no industrial dispute with the Bank's employees and its rapport with the Union has been positive these past few years.

This positive outlook reflects the success of our commitment to enhancing employment processes to attract the right people, optimising opportunities to realise their potential, retaining our talent through the Upward Mobility Scheme – as prescribed by the government's GLC initiative, and providing them a favourable working environment as well as a holistic work-life balance.

**PERUBAHAN DINAMIK TENAGA KERJA DAN PERMINTAAN YANG TINGGI DARIPADA INDUSTRI KEWANGAN TELAH MEMBERIKAN KESAN NEGATIF KEPADA BAKAT BERKEBOLEHAN YANG SEDIA ADA. DALAM PERSEKITARAN MENCABAR YANG BERTERUSAN, BANK ISLAM MERUPAKAN SALAH SATU PENERAJU INSTITUSI KEWANGAN YANG MELANTIK, MENGEKALKAN DAN MENGURUSKAN SUMBER MANUSIANYA MELALUI PELBAGAI INISIATIF YANG DIRUMUSKAN DAN DILAKSANAKAN UNTUK MENGOPTIMUMKAN PELUANG BAGI PERNIAGAAN DAN PEKERJA BANK.**

Sambil Bank Islam berusaha ke arah merealisasikan misi korporatnya untuk menjadi 'Pemimpin; dinamik; profesional; bertanggungjawab dan amanah', Bank membuat pelaburan untuk pekerjanya dengan mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif dan mengembangkan kemampuan serta keupayaan mereka melalui program latihan berstruktur untuk mengoptimumkan modal insan sehingga dapat mencapai potensi penuh mereka.

Bank Islam kini mempunyai kapasiti modal insan sebanyak lebih daripada 4,200 pekerja dengan kadar susutan sebanyak 3.97%, iaitu di bawah purata industri. Pencapaian yang mengagumkan ini adalah hasil daripada pendekatan pengurusan bakat yang berstruktur dan perancangan penggantian pada semua peringkat pekerja termasuk kakitangan pengurusan kanan. Pencapaian ini didapati lebih ketara memandangkan tiada apa-apa pertikaian industri dalam kalangan pekerja Bank dan hubungan positif Bank dengan Kesatuan sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Pandangan positif ini mencerminkan kejayaan komitmen kami untuk meningkatkan proses pengambilan pekerja bagi menarik orang yang tepat, mengoptimumkan peluang untuk merealisasikan potensi mereka, mengekalkan bakat kami melalui Skim Mobiliti ke Atas - seperti yang ditetapkan oleh inisiatif GLC, dan menyediakan persekitaran kerja yang sesuai serta keseimbangan kerja dan kehidupan yang holistik.



## FOCUS ON OPTIMISING HUMAN RESOURCE

The Bank is focused on its objective to be an Employer of Choice. The Human Resources division is committed to optimising the Bank's resources through a strategy that encompasses all stages of an individual's employment life-cycle with the Bank; through an excellent recruitment process, systematic talent development programme, structured talent management approach, a dynamic performance management structure, excellent working environment and constant engagement with the Bank's employees to understand their needs.

Bank Islam's strategy towards becoming an Employer of Choice focuses on the following tenets:

## TUMPUAN KE ARAH MENGOPTIMUMKAN SUMBER MANUSIA

Bank memberikan tumpuan kepada objektifnya untuk menjadi Majikan Pilihan. Bahagian Sumber Manusia komited untuk mengoptimumkan sumber Bank melalui strategi yang merangkumi semua peringkat kitaran hayat pekerjaan individu dengan Bank; melalui proses pengambilan yang cemerlang, program pembangunan bakat yang sistematik, pendekatan pengurusan bakat berstruktur, struktur pengurusan prestasi dinamik, persekitaran kerja yang cemerlang dan penglibatan berterusan dengan pekerja Bank untuk memahami keperluan mereka.

Strategi Bank Islam untuk menjadi Majikan Pilihan memberikan tumpuan kepada prinsip yang berikut:




The Bank's positioning as Employer of Choice is underscored by the recognition as one of the top 10 employers in the Banking and Financial Institutions category in Malaysia's 100 Leading Graduate Employers list. Overall, the results of the survey ranks the Bank at number 51 on the list that includes international and national respondents.

Kedudukan Bank sebagai Majikan Pilihan lebih terserlah melalui pengiktirafan sebagai salah satu daripada 10 majikan teratas dalam kategori Institusi Perbankan dan Kewangan dalam senarai 100 Majikan Siswazah Utama di Malaysia. Secara keseluruhannya, keputusan kaji selidik ini yang merangkumi responden dari luar negara dan dalam negara meletakkan Bank di kedudukan nombor 51 dalam senarai tersebut.

# NURTURING AND DEVELOPING TALENT
# MEMUPUK DAN MENGEMBANGKAN BAKAT

## TALENT MANAGEMENT & DEVELOPMENT

In focusing on optimising human resource to augment Bank Islam's business performance, the Human Resources division's talent development programmes encompass every employee of the Bank, from clerical to managerial positions. The programmes are structured to enrich every employee's leadership, technical and functional skills as well as competency levels to ensure that they are equipped with appropriate knowledge and skills to support the Bank's strategic goals.

During the period under review, an investment of RM8.9 million has been deployed to develop talents with the aim of inculcating a high performance culture, greater productivity and better customer relationship.

'Growing Our Own Timber' continues to be on the agenda as the Bank focuses on maximising its human capital and creating a self-sustaining resource of leaders that are able to drive the Islamic industry forward. This led to the Succession Planning effort that prioritises the sustainability of Bank Islam's line of leadership thus ensuring the continuity of effective decision-making. Effective service to the customers begins with a Personality Profiling Inventory utilising Cubiks on-line assessment to assess our managers and to narrow the gap between critical leadership positions and shortfall of successors. Identified successors are provided optimum opportunities to enhance their leadership skills through enrolment in leadership developmental programmes by INSEAD and ICLIF, in addition to in-house training programmes such as the Shariah Banking Development Programme ("SBDP"), Banking Service Manager Development Programme ("BSMDP") and AIF Micro-finance Leadership Programme.

To maintain the Bank's reputation as the pioneer and innovator, the Human Resources division has also continued with the fast-tracked Young Leaders Programme ("YLP") and Financial Sector Talent Enrichment Programme ("FSTEP"). As of FYE13, 12 YLP's and 68 FSTEP graduates have been integrated into the Bank's workforce.

The 'Upward Mobility Scheme' is an initiative that develops the potential of clerical and non-clerical staff to optimise their opportunities and develop their potential as a way forward for their career growth with the Bank. The desired result is that they are motivated and can look forward to promotions and career progression.

## PENGURUSAN & PERKEMBANGAN BAKAT

Dalam memberikan tumpuan untuk mengoptimumkan sumber manusia bagi meningkatkan prestasi perniagaan Bank Islam, program pembangunan bakat bahagian Sumber Manusia telah mengambil kira penglibatan setiap pekerja Bank, daripada jawatan perkeranian sehinggalah pengurusan. Program ini distrukturkan untuk meningkatkan kemahiran kepimpinan, teknikal dan fungsi setiap pekerja serta tahap kecekapan untuk memastikan mereka dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran yang sesuai untuk menyokong matlamat strategi Bank.

Dalam tempoh di bawah tinjauan, pelaburan sebanyak RM8.9 juta telah digunakan untuk membangunkan bakat dengan tujuan memupuk budaya prestasi tinggi, produktiviti yang cemerlang dan hubungan pelanggan yang lebih baik.

'Membina Kumpulan Bakat Dalaman' terus menjadi agenda sambil Bank menumpukan kepada usaha memaksimumkan modal insannya dan mewujudkan sumber pemimpin mampan kendiri yang mampu memacu industri Islam ke hadapan. Perkara ini membawa kepada usaha Perancangan Penggantian yang mengutamakan kemampanan barisan kepimpinan Bank Islam bagi memastikan kesinambungan proses membuat keputusan. Perkhidmatan yang berkesan kepada pelanggan bermula dengan Inventori Pemprofilan Personaliti menggunakan penilaian dalam talian Cubiks untuk menilai pengurus kami serta merapatkan jurang antara jawatan pemimpin penting dengan kekurangan pengganti. Pengganti yang dikenal pasti akan diberi peluang yang optimum untuk meningkatkan kemahiran kepimpinan mereka dengan mendaftarkan diri dalam program pembangunan kepimpinan melalui INSEAD dan ICLIF, di samping program latihan dalaman seperti Program Pembangunan Perbankan Syariah ("SBDP"), Program Pembangunan Pengurus Perkhidmatan Perbankan ("BSMDP") dan Program Kepimpinan Mikro-kewangan AIF.

Untuk mengekalkan reputasi Bank sebagai perintis dan inovator, bahagian Sumber Manusia juga telah meneruskan Program Kepimpinan Muda ("YLP") segera dan Program Pengayaan Bakat Sektor Kewangan ("FSTEP"). Setakat tahun berakhir 2013, 12 bakat dan 68 siswazah daripada program berkenaan telah diserap ke dalam tenaga kerja Bank.

'Skim Mobiliti ke Atas' merupakan inisiatif yang membangunkan potensi kakitangan perkeranian dan bukan perkeranian untuk mengoptimumkan peluang mereka serta membangunkan potensi mereka ke arah perkembangan kerjaya dengan Bank. Hasil yang diingini ialah supaya mereka terdorong dan untuk kenaikan pangkat dan kemajuan karier.



The division is continuing to establish strategic partnerships with recognised training providers such as INSEAD, ICLIF, Malaysian Institute of Management ("MIM"), Institute of Bankers Malaysia ("IBBM") & Islamic Banking and Finance Institute Malaysia ("IBFIM"). These partnerships contribute to enhance the standards of talent development programmes to ensure that the Bank optimises opportunities for its people to grow with its business and ensure satisfactory deliverables. During the period under review, a total of 10,865 attendees – comprising Bank Islam's employees and non-employees, had participated in various training programmes organised by the Bank.

## MANAGING PERFORMANCE

Bank Islam encourages its employees to optimise their opportunities by performing at their best through a dynamic, fair and transparent performance management evaluation process that keeps them motivated, productive and positive. Bank Islam's refined Performance Management and Development ("PMD") system is a robust self-sustaining strategy that provides the Bank with a larger resource of leaders. The PMD system aligns the Bank's employees' goals, skills and behaviour to its strategic objectives and core values. This new system discerns an employee's performance and provides them with opportunities to hold regular discussions with their superior on their performance and personal development plans. The Bank continues to reward employees who have 'gone the extra mile' to empower and encourage them to take pride of their output that contributes towards the Bank's strategic direction.

Bahagian Sumber Manusia terus mewujudkan perkongsian strategik dengan penyedia latihan yang diiktiraf seperti INSEAD, ICLIF, Institut Pengurusan Malaysia ("MIM"), Institut Bank-Bank Malaysia ("IBBM") & Perbankan dan Institusi Kewangan Islam Malaysia ("IBFIM"). Perkongsian ini menyumbang kepada peningkatan standard program pembangunan bakat untuk memastikan Bank mengoptimumkan peluang untuk kakitangannya berkembang bersama-sama perniagaan bank dan memastikan penyampaian perkhidmatan yang memuaskan. Dalam tempoh di bawah tinjauan, sebanyak 10,865 peserta - yang terdiri daripada kakitangan Bank Islam dan bukan kakitangan, telah mengambil bahagian dalam pelbagai program latihan yang dianjurkan oleh Bank.

## MENGURUSKAN PRESTASI

Bank Islam menggalakkan pekerjanya mengoptimumkan peluang mereka dengan menunjukkan prestasi terbaik melalui proses penilaian pengurusan prestasi yang dinamik, adil dan telus yang terus menjadikan pekerja bermotivasi, produktif dan positif. Sistem Pengurusan dan Pembangunan Prestasi ("PMD") Bank Islam yang diperhalusi merupakan strategi mampan kendiri yang menyediakan sumber pemimpin yang lebih besar kepada Bank. Sistem PMD menjajarkan matlamat, kemahiran dan kelakuan pekerja Bank dengan objektif dan nilai teras strategik Bank. Sistem baharu ini memperlihatkan prestasi pekerja dan menyediakan peluang kepada mereka untuk mengadakan perbincangan secara tetap bersama pegawai atasan mereka tentang prestasi dan pelan pembangunan diri. Bank terus menganugerahi pekerja yang bekerja keras, memberikan kuasa dan menggalakkan mereka berbangga dengan hasil kerja yang menyumbang kepada hala tuju strategik Bank.





# NURTURING AND DEVELOPING TALENT
# MEMUPUK DAN MENGEMBANGKAN BAKAT



## INDUSTRY RELATIONS

Bank Islam believes in providing employees with optimum resources to strengthen their position in the industry, therefore the Human Resources division has been proactive in maintaining a healthy relationship with various Unions that represent our workforce, including the Sarawak Bank Employees Union ("SBEU-Sarawak") and Sabah Bank Employee Union ("SBEU-Sabah"). This positive relationship provides the Bank's employees with adequate channels to report their grievances for legal action. The division takes pride in the fact that there have been no trade disputes filed against the Bank, mirroring our efforts in providing our people with an excellent working environment and adequate value propositions.

## HUBUNGAN INDUSTRI

Bank Islam percaya bahawa penyediaan sumber yang optimum kepada pekerja dapat mengukuhkan kedudukan mereka dalam industri. Oleh itu bahagian Sumber Manusia mengambil langkah proaktif dalam mengekalkan hubungan yang sihat dengan pelbagai Kesatuan yang mewakili tenaga kerja kami, termasuk Kesatuan Sekerja Bank Sarawak ("SBEU-Sarawak") dan Kesatuan Sekerja Bank Sabah ("SBEU-Sabah"). Hubungan positif ini menyediakan saluran yang cukup kepada pekerja Bank untuk melaporkan kilanan mereka bagi memulakan tindakan guaman. Bahagian ini berbangga dengan kenyataan bahawa pertelingkahan perdagangan tidak pernah difailkan terhadap Bank. Hal ini mencerminkan usaha kami menyediakan persekitaran kerja yang terbaik dan saranan bernilai yang cukup.

## PEOPLE ENGAGEMENT FOR HEALTHY WORK-LIFE BALANCE

Bank Islam recognises the importance for its employees to attain a holistic lifestyle by finding the right balance between work, family and other interests as the Bank believes that having an engaged workforce is one of its competitive advantages. The Bank constantly improves its employees' engagement level through a variety of activities that enhance their sense of belonging towards achieving greater productivity.

The formation of Kelab Kebajikan Bank Islam ("Bank Islam Welfare Club") plays a very important role in creating a working environment conducive to the wellbeing of Bank Islam's workforce. Established with the aim of increasing the level of engagement among the Bank's staff, the club has organised a number of events, with the aim to improve interaction and foster a closer relationship among the Bank's staff from all states of Malaysia. Central to this effort is the annual Sports Carnival where staff from all five regional offices and branches including the Bank's HQ compete among each other in various sporting activities, promoting healthy lifestyle and sportsmanship among the competitors and spectators alike. Year 2013 saw the event taking place at the UiTM campus in Dungun, Terengganu with 771 participants.

## THE WAY FORWARD

Human Resources is an evolving field that has to continually meet the demands for robust growth within Malaysia's financial institutions. At Bank Islam, talents are developed concurrently with cutting-edge developments to ensure that demands of sophisticated customers who are technology-savvy and aware of their consumer rights are being met. The Human Resources division has formulated specific strategies and implemented key initiatives to address these current needs and empower the Bank's employees to deliver optimal results. Bank Islam grooms its employees – in physical appearance and attitude, for them to demonstrate their greater potential so as to provide the Bank with optimum opportunities to realise its vision of developing into 'A Global Leader in Islamic Banking'.

## PENGLIBATAN PEKERJA DEMI KESEIMBANGAN KERJA-KEHIDUPAN YANG SIHAT

Bank Islam menyedari pentingnya pekerjanya mengamalkan gaya hidup yang holistik dengan mencapai keseimbangan yang betul antara kerja, keluarga dan minat lain. Ini kerana Bank percaya bahawa mempunyai tenaga kerja yang komited adalah salah satu daripada kelebihan daya saingnya. Bank sentiasa meningkatkan tahap penglibatan pekerjanya melalui pelbagai aktiviti yang meningkatkan semangat kekitaan mereka ke arah mencapai produktiviti yang lebih tinggi.

Penubuhan Kelab Kebajikan Bank Islam memainkan peranan yang sangat penting dalam mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif kepada kesejahteraan tenaga kerja Bank Islam. Kelab ini yang ditubuhkan dengan tujuan meningkatkan tahap penglibatan kakitangan Bank, telah menganjurkan beberapa acara untuk meningkatkan interaksi dan memupuk hubungan yang lebih erat dalam kalangan kakitangan Bank dari semua negeri di Malaysia. Usaha terpenting yang dilaksanakan ialah Karnival Sukan tahunan yang menyaksikan kakitangan daripada kelima-lima pejabat dan cawangan wilayah Bank Islam termasuk Ibu Pejabat Bank bertanding dalam pelbagai aktiviti sukan, menggalakkan gaya hidup sihat dan semangat kesukanan dalam kalangan pesaing dan penonton. Tahun 2013 menyaksikan acara tersebut dilangsungkan di kampus UiTM di Dungun, Terengganu dengan penglibatan 771 peserta.

## MELANGKAH KE HADAPAN

Sumber Manusia ialah bidang yang sentiasa berkembang yang perlu memenuhi permintaan pada setiap masa demi pertumbuhan kukuh dalam institusi kewangan Malaysia. Di Bank Islam, bakat dikembangkan serentak dengan pembangunan terkini bagi memastikan permintaan pelanggan yang sofistikated dan celik teknologi serta sedar bahawa hak pengguna mereka dipenuhi. Bahagian Sumber Manusia telah merumuskan strategi khusus dan melaksanakan inisiatif penting bagi menangani keperluan semasa ini dan memberikan kuasa kepada pekerja Bank untuk mencapai hasil optimum. Bank Islam mempersiapkan pekerjanya – dari segi penampilan dan sikap, untuk mereka membuktikan potensi mereka yang lebih hebat bagi menyediakan peluang optimum kepada Bank dalam merealisasikan visinya untuk menjadi 'Pemimpin Global dalam Perbankan Islam'.

# A JOURNEY OF SHARIAH-LED INNOVATION
# PERJALANAN INOVASI BERTERASKAN SYARIAH

**"And also the (true servants of Allah are those) who say in their prayer: O Lord, Grant that our wives and children be a joy to our eyes, and make us examples for those who are conscious of You."**
**– Surah al-Furqaan (25:74)**

**"Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah orang-orang) yang berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhan kami, berilah kami beroleh daripada isteri-isteri dan zuriat keturunan kami perkara-perkara yang menyukakan hati melihatnya, dan jadikanlah kami imam ikutan bagi orang-orang yang (mahu) bertaqwa."**
**– Surah al-Furqaan (25:74)**

SINCE OPENING ITS DOOR IN JULY 1983, BANK ISLAM HAS CONTINUED TO PROVIDE EVIDENCE THAT THE SACRED ISLAMIC TEACHING PERSISTS IN ALL ASPECTS OF MODERN LIFE. ITS INNOVATION IN THE BANKING AND FINANCE INDUSTRY HAS ENSURED THE RELEVANCY OF ISLAMIC VALUES IN COMMERCIAL AND FINANCIAL MATTERS. BANK ISLAM IS THE RESULT OF UTMOST NEED OF THE MUSLIM POPULATION IN MALAYSIA TO EMBRACE THE SPIRIT OF THEIR FAITH. THE BANK REMAINS AS A SOURCE OF REFERENCE FOR ISLAMIC BANKING THROUGHOUT THE WORLD, HAVING CHARTED MORE THAN 30 YEARS OF OPERATIONAL EXPERIENCE EMPLOYING SHARIAH PRINCIPLES. THESE PRINCIPLES EMPHASISE THE BANK'S CORE STRATEGIES AND FACILITATE THE PROMOTION OF JUSTICE, EQUITY, FINANCIAL INCLUSION AND CORPORATE RESPONSIBILITY IN THE BANK'S DAILY OPERATIONS.

SEJAK MEMULAKAN OPERASINYA PADA JULAI 1983, BANK ISLAM TERUS MEMBUKTIKAN BAHAWA AJARAN ISLAM YANG SUCI WUJUD DALAM SEMUA ASPEK KEHIDUPAN MODEN. INOVASINYA DALAM INDUSTRI PERBANKAN DAN KEWANGAN MEMASTIKAN NILAI ISLAM TETAP RELEVAN DALAM ASPEK KOMERSIL DAN KEWANGAN. PENUBUHAN BANK ISLAM ADALAH BERDASARKAN KEPERLUAN RAKYAT MALAYSIA YANG BERAGAMA ISLAM UNTUK MENGAMALKAN KEPERCAYAAN AGAMA MEREKA. BANK INI YANG MEMPUNYAI LEBIH DARIPADA 30 TAHUN PENGALAMAN MENGGUNAKAN PRINSIP SYARIAH DALAM OPERASINYA, MASIH MENJADI SUMBER RUJUKAN UNTUK PERBANKAN ISLAM DI SELURUH DUNIA. PRINSIP SYARIAH INI MENEKANKAN STRATEGI TERAS BANK SERTA MEMUDAHKAN USAHA MENGGALAKKAN KEADILAN, KESAKSAMAAN, RANGKUMAN KEWANGAN DAN TANGGUNGJAWAB KORPORAT DALAM OPERASI HARIAN BANK.







### ENRICHING BANKING EXPERIENCE OF CUSTOMERS

The establishment of Bank Islam as the first Islamic bank in Malaysia is undeniably a great innovation in itself in the banking industry. Since the incorporation of Standard Merchantile of London, India and China in Penang back in 1856 by the British colonial, the society including Muslims were left with no choice but to opt for usury-based banking to fulfill their financial needs in getting return on their deposits as well as to obtain financial assistance in acquiring assets and for personal consumption.

### MEMPERKAYA PENGALAMAN PERBANKAN PELANGGAN

Tidak dapat dinafikan bahawa penubuhan Bank Islam sebagai bank Islam pertama di Malaysia merupakan inovasi yang cemerlang dalam industri perbankan. Sejak penubuhan Standard Merchantile of London, India and China di Pulau Pinang pada 1856 oleh penjajah British, masyarakat, termasuk orang Islam, tidak mempunyai pilihan selain menggunakan perbankan berasaskan riba untuk memenuhi keperluan kewangan mereka dalam mendapatkan pulangan deposit serta bantuan kewangan bagi memperoleh aset dan untuk keperluan sendiri.

# A JOURNEY OF SHARIAH-LED INNOVATION
## PERJALANAN SHARIAH BERTERASKAN INOVASI




Guided by the provision of the Islamic Banking Act 1983, which was passed by the parliament pursuant to the report issued by the Steering Committee for Establishment of Islamic Banks that defines Islamic banking business as "banking business whose aims and operations do not involve any element which is contrary to the Religion of Islam," the forerunners of Bank Islam developed various products to offer viable alternatives to conventional banking within the confines of Shariah. Several of the cherished commercial practices based on acceptable contracts derived from the early days of Islamic civilisation were directly translated to suit the banking requirements. These include types of sales arrangements such as murabahah (cost plus) and istisna' (purchase order), leasing arrangement such as ijarah, partnership such as musharakah (profit and loss sharing) and mudharabah (profit sharing) and other supporting contracts including kafalah (guarantee), wakalah (agency) and wadi'ah (safe custody).

Berpandukan peruntukan Akta Perbankan Islam 1983, yang diluluskan oleh parlimen menurut laporan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Pemandu bagi Penubuhan Perbankan Islam mentakrifkan perniagaan perbankan Islam sebagai "perniagaan perbankan yang matlamat dan operasinya tidak melibatkan apa-apa unsur yang bercanggah dengan agama Islam". Bank Islam, sebagai pelopor telah membangunkan pelbagai produk yang berdaya maju menurut batasan Syariah untuk ditawarkan sebagai alternatif kepada perbankan konvensional. Beberapa amalan komersil yang berdasarkan kontrak patuh Syariah yang wujud sejak permulaan tamadun Islam diubah secara langsung supaya sesuai dengan keperluan perbankan. Ini termasuklah jenis aturan jualan seperti murabahah (kos tokok) dan istisna' (pesanan belian), pemajakan contohnya ijarah, perkongsian contohnya musharakah (perkongsian untung rugi) dan mudharabah (perkongsian untung) serta kontrak sokongan lain, termasuk kafalah (jaminan), wakalah (agensi) dan wadi'ah (jagaan selamat).

Additionally, in order to achieve the economic objectives of a banking institution, being an intermediary between surplus units and deficit units in line with the Shariah rules and principles, product engineering was carried out by combining various contracts acceptable to Shariah. As a result, hybrid transactions were created which include ijarah muntahiah bit-tamleek (leasing ended with transfer of ownership), tawarruq (monetisation), istisna' muwazi (parallel istisna') and musharakah mutanaqisah (diminishing partnership).

Selain itu, bagi mencapai objektif ekonomi institusi perbankan, iaitu pengantara bagi unit lebihan dengan unit kurangan selaras dengan peraturan dan prinsip Syariah, rekayasa produk dilaksanakan dengan menggabungkan pelbagai kontrak yang diterima oleh Syariah. Hasilnya, urus niaga hibrid diwujudkan, termasuk ijarah muntahiah bit-tamleek (pemajakan berakhir dengan pindah milik), tawarruq (pengewangan), istisna' muwazi (istisna' selari) dan musharakah mutanaqisah (perkongsian menurun).

### 1983-1990

**Wadiah:**
- Current Account
  Akaun Semasa
- Savings Account
  Akaun Simpanan

**Mudarabah:**
- Financing
  Pembiayaan
- Investment Account
  Akaun Pelaburan

**Ijarah Financing**
**Pembiayaan Ijarah**

**BBA Financing**
**Pembiayaan BBA**

- Letter of Credit (LC)
  Surat Kredit (LC)
- Working Capital
  Modal Kerja

**Musharakah LC**
**LC Musyarakah**

**Wakalah LC**
**LC Wakalah**

**Bai' Dayn Trade Financing**
**Pembiayaan Dagangan Bai' Dayn**

### 1991-2000

**Sarf Forex**
**Forex Sarf**

**Mudarabah:**
- Interbank Investment
- Pelaburan Antara Bank

**Musharakah Financing**
**Pembiayaan Musyarakah**

**Bai' Inah Credit Card**
**Kad Kredit Bai' Inah**

### 2001-2005

**Bai' Dayn**

**Musharakah**
**Musyarakah**

**Mudarabah**

**Bai' Inah:**
- Overdraft
  Overdraf
- Commercial Credit Card
  Kad Kredit Komersil
- Personal Financing
  Pembiayaan Peribadi
- Negotiable Instrument of Deposit ("NID")
  Instrumen Deposit Boleh Niaga ("NID")

### 2006-2008

**Commodity**
**Komoditi**

**Murabahah:**
- Profit Rate Swap
  Swap Kadar Untung
- Forward Rate Agreement
  Perjanjian Kadar Hadapan

**Ijarah:**
- Rental Swaps-i
  Swap Sewaan-i

- Floating Rate
  Kadar Terapung

**BBA Floating Rate**
**Kadar Terapung BBA**

**Istisna Floating Rate**
**Kadar Terapung Istisna**

- Capital Protected
  Jaminan Perlindungan Modal
- Structured Investment
  Pelaburan Berstruktur
- Savings Multiplier Deposit
  Deposit Pengganda Simpanan

**Bai' Inah Floating Rate NID**
**NID Kadar Terapung Bai' Inah**

**Tawarruq Commodity Undertaking**
**Aku Janji Komoditi Tawarruq**

### 2009-2010

**Tawarruq:**
- Business Financing
  Pembiayaan Perniagaan
- Personal Financing
  Kewangan Persendirian
- Cash Line-i
  Barisan Tunai-i

**Istisna' convertible to Ijarah**
**Istisna' boleh tukar kepada Ijarah**

**Sale and Lease Back**
**Jualan dan Pajak Balik**

**Musharakah**
**Musyarakah**

**Mutanaqisah**

**Istisna' - with Parallel Istisna'**
**Istisna' - dengan Istisna' Selari**

### 2011-2012

**Wakalah:**
- Dual Currency Investment-i
  Pelaburan Dwimata Wang-i
- General Investment Account-i
  Akaun Pelaburan Am-i
- Specific Wakalah Investment Account-i
  Akaun Pelaburan-i Wakalah Khusus

**Foreign Currency Option-i**
**Opsyen Mata Wang Asing-i**

**Tawarruq:**
- Revolving Credit-i
  Kredit Pusingan-i
- Al-Waqf Home Financing-i
  Pembiayaan Rumah-i Al-Waqf

**Ar-Rahnu:**
- Islamic Pawn Broking
  Pajak Gadai Islam

Note - The list is not exhaustive and some products despite having been developed and/or approved may have not been implemented at the time of publication of this document.

Nota - Senarai ini tidak lengkap dan sesetengah produk, walaupun telah dibangunkan dan/atau diluluskan, mungkin belum dilaksanakan pada masa dokumen ini diterbitkan.

# A JOURNEY OF SHARIAH-LED INNOVATION
## PERJALANAN SHARIAH BERTERASKAN INOVASI

The Shariah-led innovation in Bank Islam can be divided into three phases:

1. **Phase 1 – "Plain Vanilla" Alternatives Products**

   Initially, under the guidance of eminent Shariah scholars appointed to sit on Bank Islam's Shariah Supervisory Council including Tan Sri Datuk Sheikh Abdul Mohsein Haji Mohammed Salleh (Mufti of Federal Territories), Tan Sri Professor Dr Ahmed Mohamed Ibrahim (Sheikh Kuliyyah, Ahmad Ibrahim's Kuliyyah of Laws, International Islamic University of Malaysia), Datuk Haji Abdul Kadir Hassan (Mufti of Sarawak), Professor Datuk Dr Othman Ishak (Dean, Islamic Academy, University of Malaya), Associate Professor Dr Abdullah Ibrahim (Lecturer, National University of Malaysia) and Associate Professor Dr Ahmad Sobri Salamon (current Chairman of the Bank's Shariah Supervisory), the Bank offered alternatives to conventional banking products to suit the Shariah requirements. Among the first products being offered were current account based on wadi'ah, savings account based on wadi'ah and mudharabah, investment account based on mudharabah, house financing based on bai' bithaman ajil, equipment financing based on ijarah and project financing based on musharakah and mudharabah.

2. **Phase 2 – Hybrid and Value-Added Products**

   With the increasing demand and acceptance of the new way of banking by Muslims and non-Muslims customers, Bank Islam continued to enhance its product offerings. The Bank offered credit card-i based on bai' 'inah, personal financing based on a combination of qard and bay' al-sarf and Islamic pawn-broking for its retail customers. Its commercial customers need were met with the offering of overdraft based on bai' inah, trade finance solutions in financing purchases based on murabahah and sales based on bay' dayn as well as treasury products such as Negotiable Islamic Debt Certificates based on bai' 'inah.

3. **Phase 3 – Structured Products, Derivatives and Risk Management Products**

   With the increasing number of Islamic banks, stiff competition in the industry and evolving demands from savvy customers, Bank Islam has further innovated its financial solutions for the benefit of its customers. In this phase, the Bank pioneered structured products such as An-Najah based on Urbun concept, Waheed-i investment based on wakalah bil-istithmar, Dual Currency Investment based on wakalah and risk management/hedging instruments such as Islamic profit rate swap and Islamic currency rate swap. Its Al-Awfar deposit and investment product, which is the first in the Malaysian market, gives the Bank's customers the platform to gain return on their deposits and, at the same time, get the opportunity to win big prizes.

Inovasi berteraskan Syariah dalam Bank Islam boleh dibahagikan kepada tiga fasa:

1. **Fasa 1 – Produk Alternatif Biasa**

   Pada mulanya, di bawah bimbingan cendekiawan Syariah terkemuka yang dilantik sebagai ahli Majlis Pengawasan Syariah Bank Islam, termasuk Tan Sri Datuk Sheikh Abdul Mohsein Haji Mohammed Salleh (Mufti Wilayah Persekutuan), Tan Sri Profesor Dr Ahmed Mohamed Ibrahim (Sheikh Kuliyyah, Kuliyyah Undang-undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia), Datuk Haji Abdul Kadir Hassan (Mufti Sarawak), Profesor Datuk Dr Othman Ishak (Dekan, Akademi Islam, Universiti Malaya), Profesor Madya Dr Abdullah Ibrahim (Pensyarah, Universiti Kebangsaan Malaysia) dan Profesor Madya Dr Ahmad Sobri Salamon (kini Pengerusi Pengawasan Syariah Bank), Bank menawarkan alternatif kepada produk perbankan konvensional supaya sesuai dengan keperluan Syariah. Antara produk pertama ditawarkan ialah akaun semasa yang berasaskan wadi'ah, akaun simpanan yang berasaskan wadi'ah dan mudharabah, akaun pelaburan yang berasaskan mudharabah, pembiayaan rumah yang berasaskan bai' bithaman ajil, pembiayaan peralatan yang berasaskan ijarah serta pembiayaan projek yang berasaskan musharakah dan mudharabah.

2. **Fasa 2 – Produk Hibrid dan Produk Nilai Tambah**

   Dengan meningkatnya permintaan dan penerimaan terhadap kaedah perbankan baharu oleh pelanggan Islam dan bukan Islam, Bank Islam terus menambah bilangan produk yang ditawarkannya. Bank menawarkan kad kredit-i yang berasaskan bai' 'inah, pembiayaan peribadi yang berasaskan gabungan qard dan bay' al-sarf serta gadaian Islam untuk pelanggan runcitnya. Keperluan pelanggan komersilnya dipenuhi dengan penawaran overdraf yang berasaskan bai' inah, penyelesaian pembiayaan perdagangan dalam pembelian pembiayaan yang berasaskan murabahah dan jualan yang berasaskan bay' dayn, serta produk perbendaharaan seperti Sijil Hutang Islam Boleh Niaga yang berasaskan bai' 'inah.

3. **Fasa 3 – Produk Berstruktur, Terbitan dan Produk Pengurusan Risiko**

   Dengan bertambahnya bilangan institusi perbankan Islam, persaingan yang sengit dalam industri dan permintaan pelanggan yang sentiasa berubah, Bank Islam telah membuat lebih banyak pembaharuan pada penyelesaian kewangannya untuk manfaat semua pelanggan. Pada peringkat ini, Bank merintis produk berstruktur seperti An-Najah yang berasaskan konsep Urbun, pelaburan Waheed-i yang berasaskan wakalah bil-istithmar, Pelaburan Dwimata Wang yang berasaskan wakalah, serta instrumen pengurusan risiko/perlindungan nilai seperti swap kadar untung Islam dan swap kadar mata wang Islam. Produk deposit dan pelaburan Al-Awfarnya, yang pertama seumpamanya di pasaran Malaysia, menyediakan platform kepada pelanggan Bank untuk mendapatkan pulangan deposit mereka dan, pada masa yang sama, mendapat peluang untuk memenangi hadiah lumayan.







As an innovative Islamic bank, the Bank has introduced Shariah-compliant floating rate financing, the first of its kind in the global Islamic finance industry. This product allows the customer to pay their financing obligation in accordance to market pricing movements and to manage their pricing volatility risk by capping the maximum rate at a ceiling whilst enjoying comparable rates under normal economic conditions. Commercially, such a structure should benefit Bank Islam customers during a hypothetically 'tough period' compared to conventional banking customers.

With the intention to become a 'Global Leader in Islamic Banking' that offers globally accepted Islamic financial solutions, Bank Islam has strategically phased out contentious structure such as bai' 'inah from its product offerings. The Bank has instead offered solutions based on tawarruq (monetisation), murabahah for the purchase orderer and is currently in the process of developing products based on other contracts such as parallel istisna', ijarah muntahiah bit-tamleek, musharakah mutanaqisah and ijarah al-khadamaat.

These achievements encapsulate the Shariah-led innovation nature of the Bank and reflect its persistent commitment to advancing for the good of all and optimising opportunities for the Bank and its customers.

Sebagai institusi perbankan Islam yang berinovasi, Bank telah memperkenalkan pembiayaan kadar terapung patuh Syariah, yang pertama seumpamanya dalam industri kewangan Islam global. Produk ini membolehkan pelanggan membayar obligasi pembiayaan mereka mengikut pergerakan harga pasaran serta menguruskan risiko ketidaktentuan harga mereka dengan menetapkan kadar siling maksimum sambil menikmati kadar sebanding dalam keadaan ekonomi biasa. Dari segi komersil, struktur tersebut memberikan manfaat kepada pelanggan Bank Islam sewaktu melalui 'tempoh sukar' berbanding pelanggan perbankan konvensional.

Dengan hasrat menjadi 'Pemimpin Global dalam Perbankan Islam' yang menawarkan penyelesaian kewangan Islam yang diterima secara global, Bank Islam telah mengambil tindakan yang strategik, iaitu menghentikan penggunaan struktur yang dipertikaikan seperti bai' 'inah daripada barisan produk yang ditawarkannya. Bank Islam sebaliknya menawarkan penyelesaian yang berasaskan tawarruq (pengewangan) dan murabahah untuk pemesan belian, dan kini dalam proses membangunkan produk yang berasaskan kontrak patuh Syariah, antaranya istisna' selari, ijarah muntahiah bit-tamleek, musyarakah mutanaqisah, dan ijarah al-khadamaat.

Pencapaian ini merupakan contoh unggul inovasi berteraskan Syariah oleh Bank Islam serta mencerminkan komitmen Bank untuk terus maju demi manfaat bersama dan mengoptimumkan peluang untuk Bank dan pelanggannya.

# A JOURNEY OF SHARIAH-LED INNOVATION
# PERJALANAN SHARIAH BERTERASKAN INOVASI

## PIONEERING THE INDUSTRY THROUGH THOUGHT-LEADERSHIP

As the pioneer Islamic banking institution in Malaysia, Bank Islam's role is not limited to providing high quality and innovative products and services to its customers. The Bank has, through its years of experience and acquired expertise, regularly extended assistance in establishing other Islamic banks, domestically and regionally. The introduction of the "Interest Free Banking Scheme" on 4 March 1993 by Bank Negara Malaysia ("BNM") has resulted in the creation of Islamic banking windows by conventional banks. Bank Islam via its subsidiary BIMB Research and Training Institute ("BIRT") has assisted those conventional banks by sharing its years of precious experience in pioneering Islamic banking in Malaysia. This endeavour was motivated by two factors; the responsibility to provide riba-free transactions as well as to reach the untapped market that cannot be serviced by Bank Islam alone.

Furthermore, at the international level, Bank Islam has been entrusted by the Government of Malaysia to provide guidance in establishing pioneer Islamic bank in several sovereign countries including, among others, Brunei (Bank Islam Brunei Darussalam), Indonesia (Bank Muamalat Indonesia) and Sri Lanka (Amana Bank Limited). The Bank took these proactive roles by sending its experts to work hand-in-hand with its counterparts as well as provide accommodative experiential learning through knowledge-sharing programmes.

Acknowledged as the flag-bearer of Islamic banking in Malaysia, Bank Islam has been tirelessly imparting its experience and expertise to other interested parties from all over the world. The Bank has received visitations from the Central Banks of Nigeria, Oman, Macau and Saudi Arabia as well as authoritative regulatory bodies such as the International Monetary Fund ("IMF") and the World Bank. The organisations, including researchers, have expressed their interest in the application of Shariah principles in the operation of retail, corporate, treasury, trade finance, corporate governance, risk management, Shariah governance and product development among others.

Moreover, Bank Islam takes its responsibility in enhancing public awareness of Islamic banking and finance seriously. The Bank has organised focused programmes on Islamic finance with the community and participated in conferences, seminars, workshops and study tours organised by various parties - nationally, regionally and globally - on a regular basis.

## MERINTIS INDUSTRI MENERUSI KEPIMPINAN YANG BERWAWASAN

Sebagai perintis institusi perbankan Islam di Malaysia, peranan Bank Islam tidak terhad kepada menyediakan produk dan perkhidmatan yang berkualiti tinggi dan inovatif kepada pelanggannya. Menerusi pengalamannya yang bertahun-tahun dan kepakaran yang diperoleh, Bank sering memberikan bantuan dalam penubuhan bank Islam lain di Malaysia dan di rantau ini. "Skim Perbankan Tanpa Faedah" yang diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM") pada 4 Mac 1993 telah membawa kepada penawaran produk dan perkhidmatan perbankan Islam oleh bank konvensional. Bank Islam, melalui anak syarikatnya, iaitu Institut Penyelidikan dan Latihan BIMB ("BIRT"), telah membantu bank konvensional yang berkenaan dengan berkongsi pengalamannya berharga yang dikumpul bertahun-tahun lamanya dalam merintis perbankan Islam di Malaysia. Usaha ini didorong oleh dua faktor: tanggungjawab untuk menyediakan urus niaga bebas riba dan menjangkau pasaran yang belum diterokai di mana keperluannya tidak dapat dipenuhi oleh Bank Islam sahaja.

Selanjutnya, pada peringkat antarabangsa, Bank Islam diamanahkan oleh Kerajaan Malaysia untuk memberi bimbingan dalam penubuhan bank Islam perintis di beberapa negara berdaulat termasuk, antara lain, Brunei (Bank Islam Brunei Darussalam), Indonesia (Bank Muamalat Indonesia) dan Sri Lanka (Amana Bank Limited). Bank memainkan peranan proaktif ini dengan menghantar pakarnya untuk bekerjasama dengan rakan sejawatnya dan menyediakan pembelajaran berasaskan pengalaman yang akomodatif melalui program perkongsian ilmu.

Diikitiraf sebagai peneraju perbankan Islam di Malaysia, Bank Islam tanpa mengenal penat, telah berkongsi pengalaman dan kepakarannya dengan pihak lain yang berminat dari seluruh dunia. Bank telah menerima kunjungan delegasi dari Bank Pusat Nigeria, Oman, Macau dan Arab Saudi serta badan kawal selia seperti Tabung Kewangan Antarabangsa ("IMF") dan Bank Dunia. Organisasi tersebut, termasuk penyelidik, telah menyuarakan minat mereka tentang penggunaan prinsip Syariah dalam operasi runcit, korporat, perbendaharaan, pembiayaan perdagangan, tadbir urus korporat, pengurusan risiko, tadbir urus Syariah dan pembangunan produk.

Bank Islam juga memandang serius tanggungjawabnya untuk meningkatkan kesedaran awam tentang perbankan dan kewangan Islam. Bank telah menganjurkan program yang memberikan tumpuan kepada kewangan Islam bersama komuniti serta menyertai persidangan, seminar, bengkel dan lawatan sambil belajar yang dianjurkan oleh pelbagai pihak – pada peringkat kebangsaan, serantau dan global – secara berkala.



Bank Islam also encourages academic development of Islamic finance by its representation on academic panels at public universities to formulate programmes and modules for accreditation by the Malaysian Qualifications Agency ("MQA"). The Bank has always been ready to open its door to university students for the purpose of enriching the Islamic financial industry and documenting its experience for future generations.

## EXPLORING THE FUTURE

In essence, at Bank Islam, opportunities for Shariah-led innovation are optimised through research, promotion, implementation and 'going the extra mile' to bring greater meaning and legitimacy to Islamic banking. This alternative economic system which places a customer's interest above all else has proven to be the ethical option.

All-encompassing Shariah governance and adequate institutional mechanisms ensure that Bank Islam continues to become the source of reference for Islamic banking and an excellent Shariah Centre. This solid foundation is pivotal for the Bank to continue optimising its opportunities for Shariah-led innovations. The introduction of the Islamic Financial Services Act ("IFSA") 2013 in June 2013 provides a comprehensive legal framework that promotes Shariah compliance in all aspects of regulation and supervision, further facilitating a transition towards a more sustainable future for Islamic banking in Malaysia.

Bank Islam juga menggalakkan pembangunan akademik kewangan Islam melalui perwakilannya dalam panel akademik di universiti awam bagi merangka program dan modul untuk akreditasi oleh Agensi Kelayakan Malaysia ("MQA"). Bank sentiasa bersedia untuk membuka pintunya kepada pelajar universiti bagi tujuan memperkaya industri kewangan Islam dan mendokumenkan pengalamannya untuk generasi akan datang.

## MENEROKA MASA DEPAN

Pada dasarnya, di Bank Islam, peluang untuk inovasi berteraskan Syariah dioptimumkan menerusi penyelidikan, promosi, pelaksanaan dan usaha yang bersungguh-sungguh supaya membawa makna dan kewajaran yang lebih besar kepada perbankan Islam. Sistem ekonomi alternatif ini, yang meletakkan kepentingan pelanggan melebihi segala yang lain, telah terbukti sebagai pilihan beretika.

Tadbir urus Syariah yang menyeluruh dan mekanisme institusi yang mencukupi memastikan agar Bank Islam terus menjadi sumber rujukan untuk perbankan Islam dan Pusat Syariah yang cemerlang. Asas yang kukuh ini penting supaya Bank dapat terus mengoptimumkan peluangnya untuk inovasi berteraskan Syariah. Pengenalan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam ("IFSA") 2013 pada Jun 2013 menyediakan rangka kerja undang-undang yang komprehensif serta menggalakkan pematuhan Syariah dalam semua aspek peraturan dan penyeliaan, memudahkan lagi peralihan ke arah masa depan yang lebih mampan untuk perbankan Islam di Malaysia.



## DELIVERING SUPERIOR BANKING SERVICES

MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN PERBANKAN YANG UNGGUL







## WITH FRESH APPROACHES THAT KEEP US AHEAD

DENGAN PENDEKATAN BAHARU YANG MENGEKALKAN KAMI DI HADAPAN

Our customers have set high expectations and in order for us to surpass them, we are optimising our capabilities in banking services across all customer touchpoints whilst strengthening our different channels nationwide.

Demi melangkaui jangkaan tinggi yang ditetapkan oleh pelanggan, kami sedang mengoptimumkan keupayaan dalam perkhidmatan perbankan ke semua titik sentuh pelanggan di samping mengukuhkan saluran kami yang pelbagai di seluruh negara.

# STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE
# PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

**THE BOARD OF DIRECTORS OF BANK ISLAM ("THE BOARD") RECOGNISES THE IMPORTANCE OF CORPORATE GOVERNANCE AND IS FULLY COMMITTED TO THE RECOMMENDATIONS OF THE MALAYSIAN CODE OF CORPORATE GOVERNANCE. IN THIS RESPECT, THE BOARD CONSTANTLY STRIVES TO ENSURE HIGH STANDARDS OF CORPORATE GOVERNANCE, INTERNAL CONTROL AND RISK MANAGEMENT ARE PRACTISED THROUGHOUT BANK ISLAM AND ITS SUBSIDIARIES.**

**FURTHER TO THIS, THE BOARD ALSO ADOPTS THE RELEVANT REQUIREMENTS AS OUTLINED UNDER THE RESPECTIVE GUIDELINES BY BANK NEGARA MALAYSIA ("BNM").**

**LEMBAGA PENGARAH BANK ISLAM ("LEMBAGA PENGARAH") MENGIKTIRAF KEPENTINGAN TADBIR URUS KORPORAT DAN AMAT KOMITED DENGAN CADANGAN KOD TADBIR URUS KORPORAT MALAYSIA. DALAM HAL INI, LEMBAGA PENGARAH SENTIASA BERUSAHA MEMASTIKAN STANDARD YANG TINGGI DIAMALKAN SECARA MENYELURUH BAGI TADBIR URUS KORPORAT, KAWALAN DALAMAN DAN PENGURUSAN RISIKO OLEH BANK ISLAM DAN SUBSIDIARINYA.**

**LEMBAGA PENGARAH JUGA TURUT MENGGUNA PAKAI PERUNTUKAN YANG BERKAITAN DI BAWAH GARIS PANDUAN BANK NEGARA MALAYSIA ("BNM").**

## 1.0 THE BOARD OF DIRECTORS

### 1.1 Composition of the Board

As at 31 December 2013, the Board has seven (7) members, comprising of one (1) non-executive Chairman, one (1) Managing Director and five (5) non-executive directors. Four (4) of the directors are independent. The current composition of the Board is in compliance with BNM Guidelines on Corporate Governance for Licensed Islamic Banks (BNM/GP1-i). More than one-third of its directors are independent directors that provide an effective check and balance in the function of the Board.

The Board comprises members from diverse professional background and experience such as economic, banking, finance, accounting and law. The Board members have vast experience and bring with them invaluable knowledge, expertise and perspective to achieve Bank Islam's objectives and visions.

### 1.2 Code of Ethics

The Directors adhere to a Code of Ethics based on the Code of Conduct expected of financial institutions' directors as set out in the BNM/GP7 – Guidelines on the Code of Conduct for Directors, Officers and Employees, the Companies Act 1965 and the Company Directors' Code of Ethics issued by the Companies Commission of Malaysia.

The Code of Ethics for Company Directors, amongst others, highlights the following criteria of which a company director should observe in the performance of his/her duties:-

(a) He/she should at all times act with utmost good faith towards the Company in any transaction and to act honestly and responsibly in the exercise of his/her powers in discharging his/her duties;

(b) He/she should be conscious of the interests of shareholder, employees, creditors and customers of the Company; and

(c) He/she should ensure that the activities and the operations of the Company do not harm the interest and well-being of the society at large.

## 1.0 LEMBAGA PENGARAH

### 1.1 Komposisi Lembaga Pengarah

Pada 31 Disember 2013, Bank Islam mempunyai tujuh (7) ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada seorang (1) Pengerusi bebas bukan eksekutif, seorang (1) Pengarah Urusan dan lima (5) pengarah bukan eksekutif. Empat (4) daripadanya merupakan pengarah bebas. Komposisi terkini Lembaga Pengarah ini mematuhi Garis Panduan BNM berkaitan dengan Tadbir Urus Korporat untuk Bank-Bank Islam Berlesen (BNM/GP1-i). Lebih daripada satu per tiga pengarahnya merupakan pengarah bebas yang mewujudkan sekatan dan imbangan yang berkesan dalam fungsi Lembaga Pengarah.

Lembaga Pengarah terdiri daripada individu daripada pelbagai latar belakang dan pengalaman profesional seperti ekonomi, perbankan, kewangan, perakaunan dan undang-undang. Berdasarkan pengalaman mereka yang luas, ahli Lembaga Pengarah membawa bersama mereka pengetahuan, kepakaran dan perspektif yang berharga untuk mencapai objektif dan visi Bank Islam.

### 1.2 Kod Tataetika

Para pengarah Bank mematuhi Kod Tataetika berdasarkan Tatakelakuan yang perlu dipatuhi oleh pengarah institusi kewangan seperti yang ditetapkan dalam Garis Panduan Tatakelakuan Pengarah, Pegawai dan Kakitangan (BNM/GP7), Akta Syarikat 1965 dan Tataetika Pengarah Syarikat yang digariskan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

Tataetika bagi Pengarah Syarikat, antara lain, menekankan kriteria yang perlu dipatuhi oleh pengarah syarikat untuk melaksanakan tugas mereka:-

(a) Pengarah hendaklah pada setiap masa bertindak dengan niat baik terhadap syarikat dalam apa-apa urus niaga serta jujur dan bertanggungjawab dalam menggunakan kuasanya ketika melaksanakan tugas;

(b) Pengarah hendaklah peka terhadap kepentingan pemegang saham, kakitangan, pemiutang dan pelanggan syarikat; dan

(c) Pengarah hendaklah memastikan bahawa aktiviti dan operasi syarikat tidak menjejaskan kepentingan dan kesejahteraan masyarakat secara amnya.

# STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE
## PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

### 1.3 Roles of the Chairman and Managing Director

The roles of the Chairman and Managing Director are clearly defined and differentiated. This distinction is to ensure a balance of power and authority for better understanding and distribution of responsibilities and accountabilities. The Chairman together with the rest of the Board are responsible for setting the policy framework within which the Management is to operate. The role of the Chairman includes the following:-

(a) Provide leadership to achieve the overall performance in meeting the corporate goals and objectives of Bank Islam;

(b) Ensure that the responsibilities of the Board, the Board Committees and the individual directors are well understood by the Board and individual directors and are executed effectively; and

(c) Develop an effective working relationship with the Management.

The Managing Director has the overall executive responsibility for the day-to-day operations of Bank Islam which includes implementing the policies and strategies adopted by the Board, keeping the Board fully informed of all important aspects of the Bank's operations and ensuring sufficient information is distributed to the Board members. The Managing Director also carries the primary responsibilities for ensuring management competency including the placement of an effective succession plan to sustain continuity.

### 1.4 Primary Duties and Responsibilities of the Board

The terms of reference of the Board specify that the Board plays a critical role in ensuring sound and prudent policies and practices in the Bank. It provides effective check and balance mechanism in the overall management of the Bank. The Board carries ultimate responsibility for the proper stewardship of the Bank. It has the responsibility to ensure optimisation of shareholder's value and safeguarding of stakeholder's interest. The Board has a fiduciary responsibility to act in the best interest of the Bank.

### 1.3 Peranan Pengerusi dan Pengarah Urusan

Peranan Pengerusi dan Pengarah Urusan ditetapkan dan dibezakan dengan jelas. Perbezaan ini adalah untuk memastikan keseimbangan kuasa dan autoriti bagi memberikan pemahaman dan pengagihan tanggungjawab dan akauntabiliti yang lebih jelas. Pengerusi bersama dengan seluruh Lembaga Pengarah bertanggungjawab menetapkan rangka kerja dasar untuk operasi Pengurusan. Peranan Pengerusi termasuklah yang berikut:-

(a) Memberi kepimpinan untuk mencapai prestasi keseluruhan bagi memenuhi matlamat dan objektif korporat Bank Islam;

(b) Memastikan tanggungjawab Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan setiap pengarah difahami dengan jelas oleh Lembaga Pengarah dan setiap ahlinya serta dilaksanakan dengan berkesan; dan

(c) Mewujudkan hubungan kerja yang berkesan dengan pihak Pengurusan.

Pengarah Urusan mempunyai tanggungjawab eksekutif yang menyeluruh dalam operasi harian Bank Islam yang merangkumi pelaksanaan dasar dan strategi yang diterima pakai oleh Lembaga Pengarah, memastikan Lembaga Pengarah sentiasa dimaklumkan sepenuhnya tentang semua aspek penting berhubung dengan operasi Bank, dan memastikan maklumat yang mencukupi disampaikan kepada ahli Lembaga Pengarah. Pengarah Urusan juga memikul tanggungjawab utama untuk memastikan kecekapan pengurusan termasuk menyediakan pelan penggantian yang berkesan bagi mengekalkan kesinambungan.

### 1.4 Tugas dan Tanggungjawab Utama Lembaga Pengarah

Terma Rujukan Lembaga Pengarah menyatakan bahawa Lembaga Pengarah memainkan peranan penting untuk memastikan dasar dan amalan yang baik dan berhemat dilaksanakan di Bank. Ia menyediakan mekanisme sekatan dan imbangan yang berkesan dalam keseluruhan pengurusan Bank. Lembaga Pengarah memikul tanggungjawab mutlak bagi menentukan kepimpinan Bank yang wajar. Ia bertanggungjawab memastikan nilai pemegang saham yang optimum dan melindungi kepentingan pihak berkepentingan. Lembaga Pengarah mempunyai tanggungjawab fidusiari untuk bertindak demi kepentingan Bank.

The Board's primary duties and responsibilities are as follows:-

(a) Finance / Operations

(i) Review and approve all strategic and policy matters including the objectives, strategic business plan and significant operating policies of the Bank and monitor the Management's performance in implementing them based on the Key Performance Indicators ("KPIs") approved by the Board;

(ii) Review the adequacy and integrity of the Bank's accounting and financial reporting system and ensure appropriate controls are in place;

(iii) Review and approve the following matters, including but not limited to:-

- Annual Business Plan and Budget of the Bank;
- Management report which includes financial and business performance, update on credit impaired assets, material litigation and important events;
- Any write-off proposal;
- Material Litigation;
- Investment proposal or ventures involving strategic alliances;
- Authority Limits documents including discretionary authority vested to any officer of Bank Islam;
- Distribution of the Company's dividend;
- Any purchase and disposal of goods or fixed assets or any purchase or termination of services within limits stipulated in the Authority Limits document; and
- Acquisition of and prepayment of any loans or indebtedness of the Bank;

(iv) Approve the capital plan as part of the budget exercise and any significant capital raising and repayment activities and review reports on capital adequacy;

Tugas dan tanggungjawab utama Lembaga Pengarah adalah seperti yang berikut:-

(a) Kewangan/Operasi

(i) Menyemak dan meluluskan semua perkara yang berkaitan dengan strategi dan polisi termasuk objektif, pelan perniagaan strategik dan polisi operasi utama Bank, serta memantau prestasi pihak Pengurusan dalam pelaksanaannya berdasarkan Penunjuk Prestasi Utama ("KPI") yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah;

(ii) Menyemak kecukupan dan integriti sistem laporan kewangan dan perakaunan Bank dan memastikan terdapat kawalan yang sewajarnya;

(iii) Menyemak dan meluluskan perkara berikut, termasuk tetapi tidak terhad kepada:-

- Pelan Perniagaan dan Belanjawan Tahunan Bank;
- Laporan pengurusan yang mengandungi prestasi kewangan dan perniagaan, maklumat terkini tentang aset kredit terjejas, litigasi yang material dan peristiwa penting;
- Apa-apa cadangan hapus kira;
- Litigasi yang material;
- Cadangan atau usaha niaga pelaburan yang melibatkan perhubungan strategik;
- Dokumen Had Autoriti termasuk kuasa budi bicara yang diberi kepada mana-mana pegawai Bank Islam;
- Pengagihan dividen Bank;
- Apa-apa pembelian atau pelupusan barang atau aset tetap atau apa-apa pembelian atau penamatan perkhidmatan mengikut had autoriti yang ditetapkan dalam dokumen Had Autoriti; dan
- Perolehan dan pembayaran awal apa-apa pinjaman atau keterhutangan Bank;

(iv) Meluluskan pelan modal sebagai sebahagian daripada amalan belanjawan dan apa-apa peningkatan modal yang ketara dan aktiviti pembayaran balik, dan menyemak laporan tentang kecukupan modal;

# STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE
## PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

(v) Review and approve significant business and operational policies including but not limited to the following:-

- New products or services and review the performance and profitability of such products or services;
- Dividend policy;
- Depreciation policy;
- Procurement policy;
- Outsourcing policy; and
- Information Technology ("IT") security and other IT related policies;

(vi) Review and approve any appointment of such person, consultants or advisors or establishment of committee or task force to undertake any specific assignments in relation to the Bank's business and operations within limits stipulated under the Authority Limits document;

(b) Risk Management

(i) Review and approve risk management policies and ensure that the Bank establishes adequate internal controls and infrastructure;

(ii) Review and approve the Bank's Business Continuity Management Policy in dealing with various extreme internal/external events and disasters;

(iii) Review and approve the entry into, or variation of, any contract, arrangement or commitment with any related party or any transactions involving conflict of interest situation;

(iv) Review and approve any new outsourcing proposals; and

(v) Evaluate the effectiveness of the Management in managing the risks of the Bank;

(v) Menyemak dan meluluskan polisi perniagaan dan operasi yang utama, termasuk tetapi tidak terhad kepada perkara berikut:-

- Produk atau perkhidmatan baharu dan menyemak prestasi dan keuntungan produk atau perkhidmatan tersebut;
- Polisi dividen;
- Polisi susut nilai;
- Polisi pemerolehan;
- Polisi penggunaan khidmat luar; dan
- Polisi sekuriti teknologi maklumat ("IT") dan polisi lain yang berkaitan IT;

(vi) Menyemak dan meluluskan apa-apa pelantikan individu, perunding atau penasihat atau penubuhan jawatankuasa atau pasukan petugas untuk mengendalikan apa-apa tugasan khusus yang berkaitan dengan perniagaan dan operasi Bank mengikut had autoriti yang ditetapkan dalam dokumen Had Autoriti;

(b) Pengurusan Risiko

(i) Menyemak dan meluluskan polisi pengurusan risiko dan memastikan bahawa Bank mewujudkan kawalan dalaman dan infrastruktur yang mencukupi;

(ii) Menyemak dan meluluskan Polisi Pengurusan Kesinambungan Perniagaan Bank untuk menangani pelbagai peristiwa dan bencana dalaman/luaran yang ekstrem;

(iii) Menyemak dan meluluskan termeterinya, atau pengubahan apa-apa kontrak, pengaturan atau komitmen dengan mana-mana pihak yang berkaitan atau apa-apa urus niaga yang melibatkan konflik kepentingan;

(iv) Menyemak dan meluluskan apa-apa cadangan penggunaan khidmat luar yang baharu; dan

(v) Menilai keberkesanan pihak Pengurusan dalam menguruskan risiko Bank;

(c) Human Resource & Governance

(i) Review and approve the appointment and removal of the Board, Shariah Supervisory Council ("SSC") members and key senior management personnel holding the function of Managing Director or Chief Executive Officer, Chief Operating Officer, Chief Financial Officer, Chief Risk Officer, Chief Internal Auditor and such other functions as may be determined by the Board from time to time;

(ii) Review and recommend the remuneration of the SSC members and key senior management personnel holding the function of Managing Director or Chief Executive Officer, Chief Operating Officer, Chief Financial Officer, Chief Risk Officer, Chief Internal Auditor and such other functions as determined by the Board from time to time. Remuneration of the Board is tabled at the Annual General Meeting for approval of the shareholder;

(iii) Review and approve Human Resource policy including but not limited to the succession plan, salary and remuneration schemes, code of conduct, whistle blowing procedures, disciplinary action procedures and grievance procedures;

(iv) Review and approve succession planning for the Board;

(v) Annually review the performance of individual directors, SSC members and key senior management personnel including the Managing Director and evaluate the effectiveness of the Board and the SSC as a whole; and

(vi) Review and approve any policies related to directors including Directors' Remuneration Policy, Tenure of Directorship and Directors' Training.

(d) Shariah Governance

(i) Perform the oversight function over the effective functioning of Bank Islam Shariah governance framework and ensure that the framework is comprehensive covering all aspects of the Bank's operations and business taking into account the size, complexity and nature of business; and

(ii) Review and approve all policies relating to Shariah in relation to the Bank's business and operations upon consultation with the SSC;

(c) Sumber Manusia & Tadbir Urus

(i) Menyemak dan meluluskan pelantikan dan penamatan perkhidmatan ahli Lembaga Pengarah, ahli Majlis Pengawasan Syariah ("SSC") dan kakitangan pengurusan kanan utama yang berperanan sebagai Pengarah Urusan atau Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Operasi, Ketua Pegawai Kewangan, Ketua Pegawai Risiko, Ketua Audit Dalaman dan jawatan lain seumpamanya seperti yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa;

(ii) Menyemak dan menyarankan imbuhan ahli SSC dan kakitangan pengurusan kanan utama yang berperanan sebagai Pengarah Urusan atau Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Operasi, Ketua Pegawai Kewangan, Ketua Pegawai Risiko, Ketua Audit Dalaman dan jawatan lain seumpamanya seperti yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa. Imbuhan Lembaga Pengarah dibentangkan di Mesyuarat Agung Tahunan bagi kelulusan pemegang saham;

(iii) Menyemak dan meluluskan polisi Sumber Manusia, termasuk tetapi tidak terhad kepada, pelan penggantian, skim gaji dan imbuhan, kod tatakelakuan, prosedur pemberian maklumat, prosedur tindakan disiplin dan prosedur kilanan;

(iv) Menyemak dan meluluskan pelan penggantian untuk Lembaga Pengarah;

(v) Menyemak prestasi setiap pengarah, ahli SSC dan kakitangan pengurusan kanan utama termasuk Pengarah Urusan dan menilai keberkesanan Lembaga Pengarah dan SSC secara keseluruhannya setiap tahun; dan

(vi) Menyemak dan meluluskan apa-apa polisi berkaitan pengarah termasuk Polisi Imbuhan Pengarah, Tempoh Pemegangan Jawatan Pengarah dan Latihan untuk Pengarah.

(d) Tadbir Urus Syariah

(i) Melaksanakan fungsi penyemakan terhadap keberkesanan rangka kerja tadbir urus Syariah Bank Islam dan memastikan bahawa rangka kerja tersebut adalah menyeluruh dan merangkumi semua aspek operasi dan perniagaan Bank serta mengambil kira saiz, kerumitan dan jenis perniagaan; dan

(ii) Menyemak dan meluluskan kesemua polisi yang berkaitan dengan Syariah dalam perniagaan dan operasi Bank setelah berunding dengan SSC;

# STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE
## PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

(e) Compliance

(i) Review relevant reports or proposals to ensure operations of the Bank are in compliance with:-

- The relevant framework of laws including but not limited to the Islamic Financial Services Act 2013 ("IFSA 2013"), Anti Money Laundering & Anti Terrorist Financing Act 2001 and Companies Act 1965 and any regulations and guidelines under the relevant laws;
- The relevant Shariah principles;
- Any established policies and procedures of the Bank;

(ii) Perform the oversight function on any regulatory requirements as imposed by BNM and other relevant regulatory authorities; and

(iii) Consider and provide any response, attestation, undertaking or confirmation as required by regulatory authorities in relation to compliance with regulatory requirements; and

(f) Others

(i) Approve any corporate branding exercise affecting the corporate image of Bank Islam including logo, tagline and annual report; and

(ii) Review and approve any appointment of corporate representatives and power of attorneys to act on behalf of the Bank.

The Board shall also have the authority to review and approve such other matters as determined by the Board from time to time.

(e) Pematuhan

(i) Menyemak laporan atau cadangan yang berkaitan untuk memastikan operasi Bank mematuhi:

- Rangka kerja undang-undang yang berkaitan, termasuk tetapi tidak terhad kepada, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 ("IFSA 2013"), Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram & Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001, Akta Syarikat 1965 dan apa-apa peraturan serta garis panduan di bawah undang-undang yang berkaitan;
- Prinsip Syariah yang berkaitan;
- Apa-apa polisi dan prosedur Bank yang diwujudkan;

(ii) Melaksanakan fungsi penyemakan terhadap apa-apa keperluan kawal selia seperti yang dikenakan oleh BNM dan pihak berkuasa kawal selia lain yang berkaitan; dan

(iii) Mempertimbangkan dan memberikan apa-apa maklum balas, pengakuan, aku janji atau pengesahan seperti yang dikehendaki oleh pihak berkuasa kawal selia berkaitan dengan pematuhan keperluan kawal selia; dan

(f) Lain-lain

(i) Meluluskan apa-apa aktiviti penjenamaan korporat yang melibatkan imej korporat Bank Islam termasuk logo, slogan iklan dan laporan tahunan; dan

(ii) Menyemak dan meluluskan apa-apa pelantikan wakil korporat dan surat kuasa wakil untuk bertindak bagi pihak Bank.

Lembaga Pengarah juga mempunyai kuasa untuk menyemak dan meluluskan perkara lain seperti yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa.

### 1.5 Fundamental Principles Applicable to the Board

The directors are expected to demonstrate utmost integrity and conduct themselves with high standards of behavior based on the following fundamental principles:-

(a) Duty of Confidentiality

All directors are required to respect the confidentiality of sensitive information held by the Bank. A director is prohibited from making improper use of information obtained in the course of performing his/her duties for his/her gain or advantage. In addition, a director cannot disclose information relating to the business and affairs of the Bank or that he/she obtains in the course of performance of duties and functions, as well as information about customers of the Bank. All confidential information remains confidential even when they are no longer on the Board and it cannot be exploited or improperly used.

(b) Loyalty to the Bank and the Board

The directors must be loyal to the Bank, the Board and fellow directors on the Board, and be fully committed to all Board-related activities.

A director is prohibited from doing, saying or publishing anything that may be detrimental to the Bank's interest. A director should never publicly criticise the Bank or fellow directors, attempt to undermine the Board's decision or distance himself from the other directors outside of the Boardroom. If a director has specific concerns about the manner in which the Bank is being run, these concerns should be raised with the Chairman and Management or during Board meetings.

(c) Operational Issues

The Board's role is to consider and approve strategies, plans and policies for the Bank and to monitor and review the Management's performance. It is the role of the Management to recommend and implement those plans and strategies. The directors should avoid interfering in the day to day running of the Bank.

The Board is to hold the Management to account more effectively and to make decisions on the Bank's priorities.

### 1.5 Prinsip Asas yang terpakai kepada Ahli Lembaga Pengarah

Pengarah hendaklah mempamerkan integriti yang sepenuhnya dan berkelakuan menurut standard tingkah laku yang tinggi berdasarkan prinsip asas berikut:-

(a) Tanggungjawab Kerahsiaan

Semua pengarah dikehendaki menghormati kerahsiaan maklumat sensitif yang dipegang oleh Bank. Pengarah dilarang menyalahgunakan maklumat yang diperoleh ketika melaksanakan tugasnya untuk kepentingan dirinya. Selain itu, pengarah tidak boleh mendedahkan maklumat berkaitan dengan perniagaan dan hal ehwal Bank atau maklumat yang diperolehnya ketika melaksanakan tugas dan fungsinya, serta maklumat tentang pelanggan Bank. Semua maklumat sulit akan kekal sulit walaupun mereka tidak lagi menjadi ahli Lembaga Pengarah dan maklumat tersebut tidak boleh dieksploitasi atau digunakan dengan cara yang tidak wajar.

(b) Kesetiaan kepada Bank dan Lembaga Pengarah

Semua pengarah hendaklah setia kepada Bank, Lembaga Pengarah dan ahli Lembaga Pengarah yang lain, serta memberikan komitmen sepenuhnya kepada semua aktiviti Lembaga Pengarah.

Pengarah dilarang melakukan, menyatakan atau menerbitkan apa-apa perkara yang boleh menjejaskan kepentingan Bank. Seseorang pengarah tidak boleh sama sekali mengkritik Bank atau ahli Lembaga Pengarah yang lain secara terbuka, mempersoalkan keputusan Lembaga Pengarah atau menjauhkan diri daripada pengarah yang lain di luar bilik Lembaga Pengarah. Jika seseorang pengarah khuatir tentang cara pengurusan Bank, kekhuatirannya itu hendaklah dikemukakan kepada Pengerusi dan pihak Pengurusan atau ketika mesyuarat Lembaga Pengarah.

(c) Isu Operasi

Peranan Lembaga Pengarah adalah untuk mempertimbangkan dan meluluskan strategi, pelan dan polisi Bank serta memantau dan menyemak prestasi pihak Pengurusan. Pihak Pengurusan berperanan untuk mencadangkan dan melaksanakan pelan dan strategi tersebut. Semua pengarah hendaklah mengelakkan campur tangan dalam pengurusan harian Bank.

Lembaga Pengarah berperanan membantu pihak Pengurusan dalam melaksanakan tanggungjawabnya dengan lebih berkesan dan membuat keputusan tentang keutamaan Bank.

# STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE
## PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

(d) Responsibility for Board Decisions

The directors must be capable of providing constructive challenge. They are also expected to share responsibility for decisions taken by the Board as a whole. If any of the directors fundamentally disagree with the decision taken by the Board, they have the option of recording their disagreement in the minutes. However ultimately, they must accept and support the collective decision of the Board.

**1.6 Board Meetings**

Board meetings are scheduled at the beginning of the year where meetings are held at least six (6) times a year with additional meetings convened as and when warranted by situations, to facilitate important decisions that are required between the scheduled meetings.

Seven (7) Board meetings were held during the financial year ended 31 December 2013, as follows:-

| Date of Meetings | Percentage of Directors' Attendance |
|---|---|
| January 2013 | 100% |
| March 2013 | 89% |
| May 2013 | 100% |
| July 2013 | 100% |
| September 2013 | 89% |
| October 2013 | 100% |
| December 2013 | 89% |

**1.7 Access to Information**

The directors have full and unrestricted access to all information pertaining to Bank Islam's business and affairs to enable them to discharge their duties effectively. All directors have access to the Management and to the advice and services of the Company Secretary and they may also seek independent professional advice where necessary.

(d) Tanggungjawab terhadap Keputusan Lembaga Pengarah

Semua Pengarah mestilah berupaya memberikan cabaran yang konstruktif. Mereka juga dikehendaki berkongsi tanggungjawab ke atas keputusan yang dibuat oleh Lembaga Pengarah secara keseluruhannya. Jika mana-mana pengarah secara asasnya tidak bersetuju dengan keputusan yang dibuat oleh Lembaga Pengarah, mereka mempunyai pilihan untuk mencatatkan perkara tersebut dalam minit mesyuarat. Walau bagaimanapun, mereka mestilah menerima dan menyokong keputusan kolektif Lembaga Pengarah tersebut.

**1.6 Mesyuarat Lembaga Pengarah**

Mesyuarat Lembaga Pengarah dijadualkan pada awal tahun di mana sekurang-kurangnya enam (6) mesyuarat diadakan setiap tahun dengan mesyuarat tambahan diadakan apabila perlu mengikut keadaan bagi memudahkan keputusan penting yang perlu dibuat dalam tempoh antara mesyuarat yang telah dijadualkan tersebut.

Tujuh (7) mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, seperti yang berikut:

| Tarikh Mesyuarat | Peratus Kehadiran Pengarah |
|---|---|
| Januarl 2013 | 100% |
| Mac 2013 | 89% |
| Mei 2013 | 100% |
| Julai 2013 | 100% |
| September 2013 | 89% |
| Oktober 2013 | 100% |
| Disember 2013 | 89% |

**1.7 Akses kepada Maklumat**

Semua pengarah mempunyai akses penuh dan tanpa had kepada semua maklumat yang berkaitan dengan perniagaan dan urusan Bank Islam bagi membolehkan mereka melaksanakan tugas mereka secara berkesan. Semua pengarah boleh mendapatkan maklumat daripada pihak Pengurusan serta khidmat nasihat dan perkhidmatan daripada Setiausaha Syarikat dan juga mendapatkan khidmat nasihat profesional bebas jika perlu.

Reports providing updates on operational, financial and corporate developments are circulated prior to Board meetings to enable the directors to seek further clarification or explanation where necessary in order to be adequately apprised before the meeting.

**1.8 Appointment and Reappointment to the Board**

The Board through the Nomination and Assessment Committee's recommendations ensure that the level and make-up of its members are of the necessary credibility, integrity and calibre with the required skills and knowledge.

The re-appointment of a director would be subject to the fit and proper criteria as approved by the Board and based on the peer evaluation on his/her effectiveness, contribution and participation. A non-independent non-executive director is not subject to any maximum tenure. Shareholder may at any time replace its nominee director on the Board.

On the other hand, an independent director is subject to a maximum tenure of nine (9) consecutive years. Such director can continue to be retained as an independent director subject to shareholder's approval or alternatively he/she may elect to resign from the Board.

All appointment and reappointment of directors are subject to the approval of BNM.

**1.9 Re-Election of Directors**

In accordance with Bank Islam's Articles of Association, all directors other than the Managing Director are subject to retirement from office at due intervals by rotation. Being eligible, they may offer themselves for re-election, a process that enables shareholder or proxy holders to vote them back into office.

Directors who are appointed as additional new directors or to fill casual vacancies during the year are subject to re-election by the shareholder at the next Annual General Meeting following their appointment.

The office of the Managing Director is exempted from retirement by rotation so as not to expose his office to vagaries of discontinuity.

Laporan tentang status operasi, kewangan dan korporat yang terkini diedarkan sebelum mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan. Langkah ini membolehkan pengarah mendapatkan penjelasan atau keterangan lanjut, jika perlu, agar mereka mendapat maklumat secukupnya sebelum mesyuarat.

**1.8 Pelantikan dan Pelantikan Semula Lembaga Pengarah**

Melalui cadangan yang dibuat oleh Jawatankuasa Penamaan dan Penilaian, Lembaga Pengarah memastikan bahawa tahap dan komposisi ahli Lembaga Pengarah terdiri daripada ahli-ahli yang mempunyai kredibiliti, integriti dan kewibawaan serta kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan.

Pelantikan semula pengarah tertakluk kepada kriteria kesesuaian dan kewajaran yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan penilaian rakan sekerja berkenaan kecekapan, sumbangan dan penglibatan pengarah tersebut. Pengarah bukan bebas bukan eksekutif tidak tertakluk kepada apa-apa tempoh pelantikan maksimum. Pemegang saham boleh menggantikan pengarah nomininya untuk Lembaga Pengarah pada bila-bila masa.

Sebaliknya, pengarah bebas tertakluk kepada tempoh pelantikan maksimum selama sembilan (9) tahun yang berterusan. Pengarah ini boleh terus memegang jawatan pengarah bebas tertakluk kepada kelulusan pemegang saham atau sebaliknya beliau boleh memilih untuk melepaskan jawatan dalam Lembaga Pengarah.

Semua pelantikan dan pelantikan semula pengarah tertakluk pada kelulusan BNM.

**1.9 Pemilihan Semula Pengarah**

Menurut Tataurusan Persatuan Bank Islam, selain daripada Pengarah Urusan, semua pengarah perlu bersara daripada jawatannya dalam selang masa yang ditetapkan mengikut giliran. Jika layak, mereka boleh menawarkan diri untuk dipilih semula, iaitu suatu proses yang membolehkan pemegang saham atau pemegang proksi melantik semula pengarah tersebut ke jawatannya.

Pengarah yang dilantik sebagai pengarah tambahan baharu atau untuk mengisi kekosongan kasual pada tahun itu adalah tertakluk kepada pemilihan semula oleh pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan berikutnya selepas mereka dilantik.

Pengarah Urusan dikecualikan daripada persaraan mengikut giliran agar jawatannya tidak terdedah kepada ketidaktentuan akibat tiada kesinambungan.

# STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE
## PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

### 1.10 Board Performance

The Board has implemented an annual performance evaluation process, carried out by the Nomination and Assessment Committee, to assess the effectiveness of the Board as a whole, the Board Committees and the contribution of each individual director.

Each director evaluates the performance of the Board as a whole by way of a self-assessment questionnaire. The assessments are made against a pre-established criteria in the following areas:

(a) Board Composition/Structure;
(b) Board Process;
(c) Board Governance;
(d) Major Responsibilities of the Board; and
(e) Board Committee Function.

For individual director's assessment, a Self/Peer Assessment Form is completed by each director individually. The results of the evaluation are reviewed and discussed for improvements at the Board meeting.

### 1.11 Board Training

Continuous training is vital for the directors to gain insight and keep abreast with the development in the banking industry to further enhance their skills and knowledge in discharging their responsibilities effectively. As part of good corporate governance, the Bank had developed a policy on directors' training during the year under review. The policy on directors' training includes the following:

(a) Any director that is newly appointed to the Board would undergo a briefing by the Management on the Bank's governance structure, key management members, business and operations and important regulations and laws. A director's handbook, the latest Annual Report of the Bank and other relevant information would be made available to the director. The said briefing would be organised as soon as practicable upon the appointment of the director;

(b) All directors of the Bank would be required to register for the director's core training program under the Financial Institutions Directors' Education Program ("FIDE");

(c) The directors are encouraged to attend other trainings that are relevant to enable them to discharge their responsibilities effectively. In this regard, focus would be on the elective trainings organised by FIDE as such trainings are structured based on areas that would be relevant to the banking industry and conducted by experienced speakers and trainers;

### 1.10 Prestasi Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah telah mewujudkan proses penilaian prestasi tahunan yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Penamaan dan Penilaian bagi menilai keberkesanan Lembaga Pengarah secara keseluruhan, Jawatankuasa Lembaga Pengarah serta sumbangan setiap pengarah.

Setiap pengarah menilai keseluruhan prestasi Lembaga Pengarah dengan menggunakan soal selidik penilaian diri. Penilaian tersebut dibuat berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan dalam aspek berikut:-

(a) Komposisi/Struktur Lembaga Pengarah;
(b) Proses Lembaga Pengarah;
(c) Tadbir Urus Lembaga Pengarah;
(d) Tanggungjawab Utama Lembaga Pengarah; dan
(e) Fungsi Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Bagi penilaian prestasi pengarah secara individu, setiap pengarah akan melengkapkan Borang Penilaian Diri/Rakan. Keputusan penilaian tersebut disemak dan dibincangkan untuk penambahbaikan ketika mesyuarat Lembaga Pengarah.

### 1.11 Latihan untuk Lembaga Pengarah

Latihan yang berterusan adalah penting agar pengarah memperoleh pengetahuan dan maklumat perkembangan terkini berkaitan dengan industri perbankan bagi mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka untuk melaksanakan tanggungjawab mereka dengan lebih berkesan. Sebagai sebahagian daripada amalan tadbir urus korporat yang baik, Bank telah mewujudkan polisi untuk latihan pengarah semasa tahun di bawah tinjauan. Polisi untuk latihan pengarah termasuk yang berikut:

(a) Mana-mana pengarah yang baru dilantik ke dalam Lembaga Pengarah akan diberikan taklimat oleh pihak Pengurusan tentang struktur tadbir urus Bank, kakitangan pengurusan utama, perniagaan dan operasi serta undang-undang dan peraturan penting. Buku panduan pengarah, Laporan Tahunan Bank yang terkini dan maklumat lain yang berkaitan akan diberikan kepada pengarah tersebut. Taklimat tersebut akan diadakan secepat yang praktikal selepas perlantikan pengarah tersebut;

(b) Semua pengarah Bank dikehendaki mendaftar untuk menyertai program latihan teras pengarah di bawah Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan ("FIDE");

(c) Pengarah digalakkan untuk menyertai latihan lain yang berkaitan bagi membolehkan mereka melaksanakan tanggungjawab dengan lebih berkesan. Sehubungan itu, tumpuan diberikan kepada latihan elektif yang dianjurkan FIDE kerana latihan ini direka berdasarkan bidang yang berkaitan dengan industri perbankan dan dikendalikan oleh penceramah dan jurulatih berpengalaman;

(d) The directors could also attend other trainings organised by local professional bodies and regulatory authorities within Malaysia in areas that are relevant to the Bank; and

(e) The Board may approve any directors to attend trainings overseas if such trainings are viewed to be crucial for the Bank and the trainings are not available within Malaysia.

### 2.0 BOARD COMMITTEES

The Board has delegated certain responsibilities to the Board Committees, which operate within clearly defined terms of reference. These Committees are:

2.1 Nomination and Assessment Committee ("Committee or NAC")

The NAC has five (5) members, comprising of one (1) independent non-executive Chairman, one (1) Managing Director and three (3) non-executive directors. This composition of the Board complies with BNM/GP1-i.

The Board delegates to this Committee the process for the election, appointment and reappointment of directors. The nominated candidate will be assessed based on the Fit and Proper criteria determined by the Board. The Committee also evaluates the performance of the existing directors and thereafter making the necessary recommendation to the Board. This function extends to the appointment of the members of the SSC and key senior management within Bank Islam.

Five (5) NAC meetings were held during the financial year ended 31 December 2013 as follows:

| Date of Meetings | Percentage of Directors' Attendance |
|---|---|
| January 2013 | 83% |
| March 2013 | 83% |
| July 2013 | 100% |
| October 2013 | 100% |
| December 2013 | 83% |

(d) Pengarah juga boleh menyertai latihan lain di dalam Malaysia yang dianjurkan oleh badan profesional tempatan dan pihak berkuasa kawal selia dalam bidang yang berkaitan dengan Bank; dan

(e) Lembaga Pengarah boleh memberikan kelulusan kepada mana-mana pengarah untuk menyertai latihan di luar negara jika latihan tersebut dianggap perlu kepada Bank dan latihan itu tiada di Malaysia.

### 2.0 JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah telah memberi tanggungjawab tertentu kepada Jawatankuasa Lembaga Pengarah yang beroperasi menurut terma rujukan yang telah ditetapkan dengan jelas. Jawatankuasa ini ialah:-

2.1 Jawatankuasa Penamaan dan Penilaian ("Jawatankuasa atau NAC")

NAC mempunyai lima (5) ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada seorang (1) Pengerusi bebas bukan eksekutif, seorang (1) Pengarah Urusan dan tiga (3) pengarah bukan eksekutif. Komposisi ini mematuhi garis panduan BNM/GP1-i.

Lembaga Pengarah telah menugaskan Jawatankuasa ini untuk menjalankan proses pemilihan, pelantikan dan pelantikan semula pengarah. Calon yang dicadangkan akan dinilai berdasarkan kriteria Kesesuaian dan Kewajaran yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah. Jawatankuasa juga menilai prestasi pengarah sedia ada dan seterusnya mengemukakan cadangan yang perlu kepada Lembaga Pengarah. Fungsi ini turut merangkumi pelantikan ahli SSC dan pengurusan kanan utama di Bank Islam.

Lima (5) mesyuarat NAC telah diadakan sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 seperti yang berikut:-

| Tarikh Mesyuarat | Peratus Kehadiran Pengarah |
|---|---|
| Januari 2013 | 83% |
| Mac 2013 | 83% |
| Julai 2013 | 100% |
| Oktober 2013 | 100% |
| Disember 2013 | 83% |

# STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE
## PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

The primary duties and responsibilities of the NAC are as follows:

(a) Review the structure, size and composition of the Board and make recommendations to the Board on any adjustments that are deemed necessary including in terms of the appropriate size and skills, the balance between Executive Directors, Non-executive Directors and Independent Directors regularly or at least once a year;

(b) Establish the minimum requirements on the skills, experience, qualification and other core competencies of a director and SSC member in light of an evaluation of the balance of skills, knowledge and experience;

(c) Assess and recommend to the Board the nominees for directorship, membership in Board committees and SSC and the Managing Director;

(d) Recommend to the Board for the removal of any directors, SSC members and the Managing Director from the Board/Committee/ Management if they are ineffective, errant and negligent in discharging their responsibilities;

(e) In consultation with the Chairman, regularly or at least once a year, review the performance of individual directors, SSC members and the Managing Director and evaluate the effectiveness of the Board and the SSC as a whole and report to the Board as is necessary;

(f) Assess and recommend to the Board the nominees for key senior management holding the function of Managing Director or Chief Executive Officer, Chief Operating Officer, Chief Financial Officer, Chief Risk Officer, Chief Internal Auditor and such other function as may be determined by the Board from time to time;

(g) Make recommendations to the Board on the following :-

(i) Review the organisation structure of the Bank;

(ii) Succession plan for directors, Managing Director, SSC members and key senior management personnel;

(iii) Reappointment of any directors or SSC members at the conclusion of his/her specified term of office as approved by BNM;

(iv) The continuation (or discontinuance) in service of any director who has attained the age of 70 years; and

(v) Any policies related to directors including policies on Tenure of Directorship and Directors' Training;

(h) Approve any request for directors to attend training overseas; and

(i) Undertake such other duties and responsibilities as determined by the Board from time to time.

### 2.2 Remuneration Committee ("Committee or RC")

The RC has four (4) members, comprising of one (1) independent non-executive Chairman and three (3) non-executive directors. This composition complies with BNM/ GP1-i.

The Committee has a broad responsibility of recommending to the Board the remuneration of the directors, SSC members, the Managing Director and key senior management.

Five (5) RC meetings were held during the financial year ended 31 December 2013 as follows:

| Date of Meetings | Percentage of Directors' Attendance |
|---|---|
| January 2013 | 80% |
| March 2013 | 80% |
| July 2013 | 100% |
| October 2013 | 100% |
| December 2013 | 80% |

Tugas dan tanggungjawab utama NAC adalah seperti yang berikut:-

(a) Menyemak struktur, saiz dan komposisi Lembaga Pengarah dan memberikan cadangan kepada Lembaga Pengarah tentang apa-apa pelarasan yang dianggap perlu, termasuk dari segi saiz dan kemahiran yang sesuai dan keseimbangan antara Pengarah Eksekutif, Pengarah bukan Eksekutif dan Pengarah Bebas. Semakan ini dilakukan dari semasa ke semasa atau sekurang-kurangnya setahun sekali;

(b) Menetapkan keperluan minimum bagi kemahiran, pengalaman, kelayakan dan kecekapan teras lain untuk pengarah dan ahli SSC berdasarkan penilaian keseimbangan antara kemahiran, pengetahuan dan pengalaman;

(c) Menilai dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah calon untuk jawatan pengarah, keahlian dalam jawatankuasa Lembaga Pengarah dan SSC serta jawatan Pengarah Urusan;

(d) Mencadangkan kepada Lembaga Pengarah penamatan perkhidmatan mana-mana pengarah, ahli SSC dan Pengarah Urusan daripada Lembaga Pengarah/Jawatankuasa/Pengurusan jika mereka tidak cekap, melakukan penyelewengan dan cuai dalam melaksanakan tanggungjawab mereka;

(e) Menilai prestasi setiap pengarah, ahli SSC dan Pengarah Urusan secara individu menerusi perundingan dengan Pengerusi secara tetap atau sekurang-kurangnya sekali dalam setahun serta menilai keberkesanan Lembaga Pengarah dan SSC secara keseluruhannya dan melaporkannya kepada Lembaga Pengarah apabila perlu;

(f) Menilai dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah calon untuk jawatan pengurusan kanan utama yang memikul tanggungjawab sebagai Pengarah Urusan atau Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Operasi, Ketua Pegawai Kewangan, Ketua Pegawai Risiko, Ketua Audit Dalaman dan jawatan lain seperti yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa;

(g) Membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah tentang perkara yang berikut:-

(i) Semakan terhadap struktur organisasi Bank;

(ii) Pelan penggantian bagi para pengarah, Pengarah Urusan, ahli SSC dan kakitangan pengurusan kanan utama;

(iii) Pelantikan semula mana-mana pengarah atau ahli SSC setelah tamat tempoh jawatan yang ditetapkan seperti yang diluluskan oleh BNM;

(iv) Pelanjutan (atau penamatan) perkhidmatan mana-mana pengarah yang telah mencapai usia 70 tahun; dan

(v) Apa-apa polisi berkaitan dengan pengarah termasuk polisi Tempoh Pelantikan Pengarah dan Latihan untuk Pengarah;

(h) Meluluskan apa-apa permohonan untuk pengarah menyertai latihan di luar negara; dan

(i) Menjalankan tugas dan tanggungjawab lain seumpamanya seperti yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa.

### 2.2 Jawatankuasa Imbuhan ("Jawatankuasa atau RC")

RC mempunyai empat (4) ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada seorang (1) Pengerusi bebas bukan eksekutif dan tiga (3) pengarah bukan eksekutif. Komposisi ini mematuhi garis panduan BNM/GP1-i.

Jawatankuasa ini mempunyai tanggungjawab yang luas untuk mencadangkan kepada Lembaga Pengarah tentang imbuhan pengarah, ahli SSC, Pengarah Urusan dan pengurusan kanan utama.

Lima (5) mesyuarat RC telah diadakan sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 seperti yang berikut:-

| Tarikh Mesyuarat | Peratus Kehadiran Pengarah |
|---|---|
| Januari 2013 | 80% |
| Mac 2013 | 80% |
| Julai 2013 | 100% |
| Oktober 2013 | 100% |
| Disember 2013 | 80% |

# STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE
## PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

The primary duties and responsibilities of the RC are as follows:

(a) Review and recommend to the Board the overall remuneration policy for the directors, the Managing Director and key senior management personnel to ensure appropriate incentives to encourage enhanced performance;

(b) Review and recommend to the Board specific remuneration package for the directors, Managing Director and key senior management personnel holding General Manager position and above including the Chief Executive Officer, Chief Operating Officer, Chief Financial Officer, Chief Risk Officer, Chief Internal Auditor and such other designation as determined by the Board from time to time. The remuneration package should be structured to be competitive and consistent with the Bank's culture, objectives and strategy and to reflect their contribution, level of responsibility and performance;

(c) Within the terms of the agreed remuneration policy and based on the individual performance, determine the total individual remuneration package for the personnel including where appropriate bonuses, incentive payments, etc;

(d) Make recommendation to the Board in relation to any review to employee remuneration and benefit structures including bonuses and performance related schemes to ensure alignment throughout the Bank;

(e) Review and recommend to the Board the remuneration of the SSC members. The remuneration shall commensurate and reflect the roles and responsibilities of the SSC members; and

(f) Undertake such other duties and responsibilities as determined by the Board from time to time.

Tugas dan tanggungjawab utama RC adalah seperti yang berikut:-

(a) Menyemak dan mencadangkan keseluruhan polisi imbuhan untuk pengarah, Pengarah Urusan dan pengurusan kanan utama kepada Lembaga Pengarah bagi memastikan insentif yang sewajarnya diberikan sebagai galakan untuk meningkatkan prestasi;

(b) Menyemak dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah pakej imbuhan khusus untuk pengarah, Pengarah Urusan dan pengurusan kanan utama yang memegang jawatan Pengurus Besar dan jawatan yang lebih tinggi daripada itu termasuk Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Operasi, Ketua Pegawai Kewangan, Ketua Pegawai Risiko, Ketua Audit Dalaman dan jawatan lain seumpamanya seperti yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa. Struktur pakej imbuhan tersebut hendaklah berdaya saing dan selaras dengan budaya, objektif dan strategi Bank, serta mencerminkan sumbangan, tahap tanggungjawab dan prestasi mereka;

(c) Menentukan jumlah pakej imbuhan individu bagi kakitangan termasuk bonus, pembayaran insentif yang bersesuaian dan sebagainya berdasarkan terma polisi imbuhan yang telah diluluskan dan juga prestasi individu;

(d) Memberikan cadangan kepada Lembaga Pengarah berhubung dengan apa-apa semakan terhadap imbuhan kakitangan dan struktur manfaat termasuk bonus dan skim imbuhan berkaitan dengan prestasi bagi memastikan ianya selari dengan polisi Bank;

(e) Menyemak dan mencadangkan imbuhan bagi ahli SSC kepada Lembaga Pengarah. Imbuhan tersebut hendaklah setara dan mencerminkan peranan dan tanggungjawab ahli SSC berkenaan; dan

(f) Menjalankan tugas dan tanggungjawab lain seperti yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa.

### 2.3 Board Financing Review Committee ("Committee or BFRC")

The BFRC has five (5) members, comprising of one (1) independent non-executive Chairman, one (1) Managing Director and three (3) non-executive directors.

This Committee is responsible for the review of financing and/or investment proposals approved by the Financing Committee 'A' ("FCA") and/or Underwriting & Investment Committee ("UIC") of the Management based on the limits determined by the Board. BFRC may if necessary, exercise the right to veto FCA/UIC approvals/decisions.

Eleven (11) BFRC meetings were held during the financial year ended 31 December 2013 as follows:

| Date of Meetings | Percentage of Directors' Attendance |
|---|---|
| January 2013 | 75% |
| February 2013 | 75% |
| March 2013 | 75% |
| May 2013 | 100% |
| Mid June 2013 | 75% |
| End June 2013 | 75% |
| July 2013 | 100% |
| September 2013 | 80% |
| October 2013 | 100% |
| Early December 2013 | 100% |
| End December 2013 | 80% |

The primary duties and responsibilities of the BFRC are as follows:

(a) To deliberate, review and if necessary exercise the right to veto FCA or UIC's approvals/decisions on all investment or financing/credit related proposals including the proposed terms and conditions or any variations thereof whilst ensuring that the Bank's interest is safeguarded; and

(b) To exercise the authority of the Board to approve any investment or financing/credit related proposals for connected party.

### 2.3 Jawatankuasa Lembaga Pengarah Semakan Pembiayaan ("Jawatankuasa atau BFRC")

BFRC mempunyai lima (5) ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada seorang (1) Pengerusi bebas bukan eksekutif, seorang (1) Pengarah Urusan dan tiga (3) pengarah bukan eksekutif.

Jawatankuasa ini bertanggungjawab menyemak cadangan pembiayaan dan/atau pelaburan yang diluluskan oleh pihak Pengurusan melalui Jawatankuasa Pembiayaan A ("FCA") dan/atau Jawatankuasa Penajaan Jamin & Pelaburan ("UIC") berdasarkan had yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah. Jika perlu, BFRC boleh menggunakan hak veto terhadap kelulusan/keputusan UIC atau FCA .

Sebelas (11) mesyuarat BFRC telah diadakan sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 seperti yang berikut:-

| Tarikh Mesyuarat | Peratus Kehadiran Pengarah |
|---|---|
| Januari 2013 | 75% |
| Februari 2013 | 75% |
| Mac 2013 | 75% |
| Mei 2013 | 100% |
| Pertengahan Jun 2013 | 75% |
| Akhir Jun 2013 | 75% |
| Julai 2013 | 100% |
| September 2013 | 80% |
| Oktober 2013 | 100% |
| Awal Disember 2013 | 100% |
| Akhir Disember 2013 | 80% |

Tugas dan tanggungjawab utama BFRC adalah seperti yang berikut:-

(a) Membincangkan, menyemak dan jika perlu, menggunakan hak veto terhadap kelulusan/keputusan FCA atau UIC berhubung dengan semua cadangan berkaitan dengan pelaburan atau pembiayaan/kredit termasuk terma dan syarat yang dicadangkan atau apa-apa perubahannya, di samping memastikan kepentingan Bank terpelihara; dan

(b) Melaksanakan kuasa Lembaga Pengarah untuk meluluskan apa-apa cadangan berhubung dengan pelaburan atau pembiayaan/kredit untuk pihak yang berkaitan.

# STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE
## PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

**2.4 Board Risk Committee ("Committee or BRC")**

The BRC has three (3) members, comprising of one (1) independent non-executive Chairman and two (2) non-executive directors. This composition complies with BNM/ GP1-i.

The Committee is established to assist the Board in discharging its functions by having a focused forum that deliberates on risk management issues to ensure effective management of risks and enforcement of risk tolerance within Bank Islam. In addition, the Committee is responsible to review and assess the adequacy of the existing risk management framework in addressing the various risk factors in Bank Islam.

Six (6) BRC meetings were held during the financial year ended 31 December 2013 as follows:

| Date of Meetings | Percentage of Directors' Attendance |
|---|---|
| January 2013 | 75% |
| March 2013 | 100% |
| June 2013 | 100% |
| July 2013 | 100% |
| September 2013 | 100% |
| December 2013 | 100% |

The primary duties and responsibilities of the BRC are as follows:

(a) Review risk management strategies, risk management process and controls, risk management policies and risk tolerance and where necessary make recommendation to the Board;

(b) Review and assess the adequacy of risk management policies and framework in identifying, measuring, monitoring and controlling risk and the extent to which these are operating effectively;

(c) Review the implementation of capital management in line with the Capital Adequacy Framework for Islamic Banks issued by BNM and approve scenarios for stress testing on capital adequacy;

**2.4 Jawatankuasa Lembaga Pengarah Risiko ("Jawatankuasa atau BRC")**

BRC mempunyai tiga (3) ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada seorang (1) Pengerusi bebas bukan eksekutif dan dua (2) pengarah bukan eksekutif. Komposisi ini mematuhi garis panduan BNM/GP1-i.

Jawatankuasa ini ditubuhkan untuk membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tugasnya melalui suatu forum yang fokusnya tertumpu kepada perbincangan isu pengurusan risiko bagi memastikan keberkesanan dalam pengurusan risiko dan penguatkuasaan toleransi risiko di Bank Islam. Selain itu, Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab menyemak dan menilai kecukupan rangka kerja pengurusan risiko yang sedia ada dalam menangani pelbagai faktor risiko di Bank Islam.

Enam (6) mesyuarat BRC telah diadakan sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 seperti yang berikut:-

| Tarikh Mesyuarat | Peratus Kehadiran Pengarah |
|---|---|
| Januari 2013 | 75% |
| Mac 2013 | 100% |
| Jun 2013 | 100% |
| Julai 2013 | 100% |
| September 2013 | 100% |
| Disember 2013 | 100% |

Tugas dan tanggungjawab utama BRC adalah seperti yang berikut:-

(a) Menyemak strategi pengurusan risiko, proses dan kawalan pengurusan risiko, polisi pengurusan risiko dan toleransi risiko dan membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah jika perlu;

(b) Menyemak dan menilai kecukupan polisi dan rangka kerja pengurusan risiko untuk mengenal pasti, mengukur, memantau dan mengawal risiko serta tahap keberkesanan polisi dan rangka kerja tersebut;

(c) Menyemak pelaksanaan pengurusan modal sejajar dengan Rangka Kerja Kecukupan Modal untuk Bank Islam yang dikeluarkan oleh BNM dan meluluskan senario untuk ujian tekanan berhubung dengan kecukupan modal;

(d) Oversee and control the implementation of Internal Capital Adequacy Assessment Process ("ICAAP") which includes:-

(i) Reviewing the capital plan;

(ii) Reviewing the summary of capital adequacy reports as part of the risk reports; and

(iii) Taking note of mandates of capital management committee, capital management standards and policies;

(e) Determine the risk appetite/ tolerance level of the Bank at enterprise and at strategic business unit levels including but not limited to sectoral limit and counterparty limits;

(f) Review the allocation of risk-adjusted capital and broad-based limits across the Bank covering market, credit and operational risk;

(g) Review and if necessary recommend to the Board the Company's Business Continuity Management framework and policy for dealing with various extreme internal/external events and disasters;

(h) Review the effectiveness of the reporting structure for the overall business activities and risk management functions and the implementation of the appropriate system to manage various types of risks undertaken by the Bank;

(i) Review the risk management processes, systems and internal controls throughout the Bank;

(j) Review regularly the Management's reports on risk exposure including Shariah compliance risk, risk portfolio composition and risk management activities including the adequacy of tools, systems and resources for the successful execution of risk functions within the Bank;

(k) Review and approve risk methodologies for measuring and managing risks arising from the Bank's overall management of all risks covering market, credit and operational through identified tools;

(l) Review and take note of the Shariah non-compliance event and approve rectification plan of such event prior to submission of the same to BNM within the stipulated timeframe;

(d) Menyelia dan mengawal pelaksanaan Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalaman ("ICAAP") yang termasuk:-

(i) Menyemak pelan modal;

(ii) Menyemak ringkasan laporan kecukupan modal sebagai sebahagian daripada laporan risiko; dan

(iii) Mencatatkan mandat jawatankuasa pengurusan modal, standard dan polisi pengurusan modal;

(e) Menentukan tahap tanggungan/toleransi risiko Bank pada peringkat perusahaan dan unit perniagaan strategik termasuk tetapi tidak terhad kepada had sektor dan had pihak yang berurus niaga dengan Bank;

(f) Menyemak pengagihan modal terlaras risiko dan had dasar keseluruhan di Bank, yang meliputi risiko pasaran, kredit dan operasi;

(g) Menyemak dan jika perlu, mencadangkan rangka kerja dan polisi Pengurusan Kesinambungan Perniagaan Syarikat kepada Lembaga Pengarah untuk menangani pelbagai peristiwa dan bencana dalaman/ luaran yang ekstrem;

(h) Menyemak keberkesanan struktur pelaporan bagi keseluruhan aktiviti perniagaan dan fungsi pengurusan risiko dan pelaksanaan sistem yang sesuai untuk menguruskan pelbagai jenis risiko yang diambil oleh Bank;

(i) Menyemak proses, sistem dan kawalan dalaman pengurusan risiko di seluruh Bank;

(j) Sentiasa menyemak laporan pihak Pengurusan berhubung dengan pendedahan risiko termasuk risiko pematuhan Syariah, komposisi portfolio risiko dan aktiviti pengurusan risiko termasuk kecukupan kaedah, sistem dan sumber bagi memastikan kejayaan pelaksanaan fungsi risiko di Bank;

(k) Menyemak dan meluluskan kaedah risiko bagi mengukur dan menguruskan risiko yang timbul daripada keseluruhan pengurusan Bank bagi semua risiko yang meliputi pasaran, kredit dan operasi melalui kaedah yang dikenal pasti;

(l) Menyemak dan memberikan perhatian kepada peristiwa ketidakpatuhan Syariah dan meluluskan langkah pembetulan terhadap peristiwa tersebut sebelum mengemukakannya kepada BNM dalam jangka masa yang ditetapkan;

# STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE
## PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

(m) Review and monitor the Compliance Department initiatives and activities on anti-money laundering/counter financing of terrorism ("AML/CFT") and other regulatory requirements;

(n) Review, monitor and regularly report to the Board on the following:-

(i) credit transactions with connected parties;

(ii) aggregate credit exposure to each connected party and their status; and

(iii) material concentration;

(o) Approve the engagement of external and independent reviewers for the validation of risk measurement methodologies and outputs;

(p) Review and recommend to the Board any business proposals on the following:-

(i) New products and services;

(ii) Discretionary power or authority limits in relation to any product programmes proposals;

(q) Review any business proposals particularly on:-

(i) Product programmes and its performance;

(ii) Target market and risk acceptance criteria of any products or services; and

(iii) Product profitability assessment;

(r) Ensure that a comprehensive risk management structure is in place to manage the risk associated with the Mudharabah and Musharakah contracts, which include regular review on the performance of Mudharabah and Musharakah financing or investment, establishment of exit strategies including extension and redemption, and regular update to the Board on the exposures of Mudharabah and Musharakah financing or investment;

(s) Review and recommend to the Board proposals on single or jointly discretionary authority;

(m) Menyemak dan memantau usaha dan aktiviti Jabatan Pematuhan terhadap pencegahan pengubahan wang haram/pembiayaan keganasan ("AML/CFT") dan keperluan kawal selia yang lain;

(n) Menyemak, memantau dan sentiasa melaporkan kepada Lembaga Pengarah tentang perkara berikut:-

(i) urus niaga kredit dengan pihak yang berkaitan;

(ii) pendedahan kredit agregat kepada setiap pihak berkaitan dan statusnya; dan

(iii) penumpuan material;

(o) Meluluskan pelantikan penyemak luar dan bebas untuk mengesahkan kaedah dan output pengukuran risiko;

(p) Menyemak dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah apa-apa cadangan perniagaan tentang perkara berikut:-

(i) Produk dan perkhidmatan baharu;

(ii) Kuasa budi bicara atau had autoriti berkaitan apa-apa cadangan program produk;

(q) Menyemak apa-apa cadangan perniagaan terutamanya tentang:-

(i) Program produk dan prestasinya;

(ii) Pasaran sasaran dan kriteria penerimaan risiko bagi mana-mana produk atau perkhidmatan; dan

(iii) Penilaian keuntungan produk;

(r) Memastikan struktur pengurusan risiko yang komprehensif telah diwujudkan untuk menguruskan risiko yang berkaitan dengan kontrak Mudharabah dan Musharakah, yang termasuklah semakan secara tetap tentang prestasi pembiayaan atau pelaburan Mudharabah dan Musharakah, pewujudan strategi keluar termasuk pelanjutan dan penebusan, dan pelaporan secara tetap kepada Lembaga Pengarah tentang pendedahan pembiayaan atau pelaburan Mudharabah dan Musharakah;

(s) Menyemak dan mencadangkan kuasa budi bicara tunggal atau bersama kepada Lembaga Pengarah;

(t) Review and recommend to the Board any new outsourcing proposals and approve renewal of the outsourcing services, including the appointment and/or renewal of the outsourcing service provider; and

(u) Undertake such other duties and responsibilities as determined by the Board from time to time.

**2.5 Audit and Examination Committee ("Committee or AEC")**

The AEC has three (3) members, comprising of one (1) independent non-executive Chairman and two (2) non-executive directors. One (1) of the non-executive directors has background in accounting. This composition complies with BNM/ GP1-i.

The Committee is established to provide independent oversight of Bank Islam's financial reporting and internal control system as well as ensuring check and balances within the Bank.

Eight (8) AEC meetings were held during the financial year ended 31 December 2013 as follows:

| Date of Meetings | Percentage of Directors' Attendance |
|---|---|
| January 2013 | 100% |
| March 2013 | 100% |
| April 2013 | 75% |
| June 2013 | 75% |
| July 2013 | 100% |
| September 2013 | 100% |
| October 2013 | 100% |
| December 2013 | 100% |

The primary duties and responsibilities of the AEC are as follows:

(a) Ensure financial statements comply with applicable reporting standards and reflect a fair and transparent reporting and prompt publication of financial accounts;

(b) Establish an internal audit function which reports directly to the AEC;

(t) Menyemak dan mencadangkan penggunaan khidmat luar yang baharu kepada Lembaga Pengarah dan meluluskan pembaharuan kontrak perkhidmatan luar, termasuk pelantikan dan/atau pembaharuan kontrak penyedia perkhidmatan luar tersebut; dan

(u) Menjalankan tugas dan tanggungjawab lain seumpamanya seperti yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa.

**2.5 Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan ("Jawatankuasa atau AEC")**

AEC mempunyai tiga (3) ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada seorang (1) Pengerusi bebas bukan eksekutif dan dua (2) pengarah bukan eksekutif. Seorang (1) daripada pengarah bukan eksekutif mempunyai kelayakan dalam bidang perakaunan. Komposisi ini mematuhi garis panduan BNM/GP1-i.

Jawatankuasa ini ditubuhkan bagi mewujudkan penyeliaan bebas ke atas laporan kewangan dan sistem kawalan dalaman Bank Islam serta memastikan sekatan dan imbangan di dalam Bank.

Lapan (8) mesyuarat AEC telah diadakan sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 seperti yang berikut:-

| Tarikh Mesyuarat | Peratus Kehadiran Pengarah |
|---|---|
| Januari 2013 | 100% |
| Mac 2013 | 100% |
| April 2013 | 75% |
| Jun 2013 | 75% |
| Julai 2013 | 100% |
| September 2013 | 100% |
| Oktober 2013 | 100% |
| Disember 2013 | 100% |

Tugas dan tanggungjawab utama AEC adalah seperti yang berikut:-

(a) Memastikan penyata kewangan mematuhi standard laporan yang berkaitan dan mencerminkan laporan yang saksama dan telus serta menerbitkan akaun kewangan tepat pada masanya;

(b) Mewujudkan fungsi audit dalaman yang melapor terus kepada AEC;

# STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE
## PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

(c) Oversee that the internal audit function has an appropriate standing within the organisation, have access to the AEC at all times, as well as to approve the appointment and remuneration of the internal auditors;

(d) Oversee the effectiveness of the internal audit function and ensure compliance with BNM's Revised New Guidelines on Internal Audit Function of Licensed Institution requirements such as :-

(i) Review the scope of audit plan, audit programme and processes;

(ii) Ensure adequate and technically competent resources for effective discharge of responsibilities;

(iii) Review the effectiveness of infrastructure for ensuring Shariah compliance;

(iv) Ensure appropriate actions have been taken by the Management on the recommendations made by the internal auditors;

(v) Appoint and evaluate the performance of, and decide on the transfer or dismissal of the Chief Internal Auditor; and

(vi) Determine the remuneration package of the Chief Internal Auditor and other internal auditors;

(e) Ensure that all frauds and non-fraud related irregularities are deliberated at the AEC meeting;

(f) Review the effectiveness of internal controls and risk management processes;

(g) External Auditor

(i) Recommend to the Board the appointment of external auditor and audit fee payable including any decision on removal;

(ii) Review the external auditor's management letter and management's response on weaknesses of internal accounting procedures and controls;

(c) Membuat pengawasan bagi memastikan fungsi audit dalaman mempunyai kedudukan yang wajar dalam organisasi, mempunyai akses kepada AEC pada setiap masa, serta meluluskan pelantikan dan imbuhan juruaudit dalaman;

(d) Mengawasi keberkesanan fungsi audit dalaman dan memastikan pematuhan terhadap keperluan Garis Panduan Baharu Semakan BNM berkaitan dengan Fungsi Audit Dalaman bagi Institusi Berlesen seperti:-

(i) Menyemak skop pelan, program dan proses audit;

(ii) Menentukan sumber yang mencukupi dan cekap dari segi teknikal bagi memastikan tanggungjawab dilaksanakan dengan berkesan;

(iii) Menyemak keberkesanan infrastruktur bagi memastikan pematuhan Syariah;

(iv) Memastikan tindakan sewajarnya telah diambil oleh pihak Pengurusan berdasarkan cadangan yang dibuat oleh juruaudit dalaman;

(v) Melantik dan menilai prestasi dan membuat keputusan tentang pemindahan atau penamatan perkhidmatan Ketua Juruaudit Dalaman; dan

(vi) Menetapkan pakej imbuhan bagi Ketua Audit Dalaman dan juruaudit dalaman lain;

(e) Memastikan semua perkara yang di luar aturan berkaitan dengan penipuan dan bukan penipuan dibincangkan dalam mesyuarat AEC;

(f) Menyemak keberkesanan kawalan dalaman dan proses pengurusan risiko;

(g) Juruaudit Luar

(i) Mencadangkan kepada Lembaga Pengarah tentang pelantikan juruaudit luar dan fi audit yang perlu dibayar termasuk apa-apa keputusan untuk menamatkan perkhidmatan mereka;

(ii) Menyemak surat pengurusan juruaudit luar; dan maklum balas pihak Pengurusan terhadap kelemahan prosedur dan kawalan perakaunan dalaman;

(iii) Establish policies and procedures to assess the suitability and independence of external auditor;

(iv) Approve provision of non-audit services by external auditor and ensure adequacy of proper checks and balances such that the provision of non-audit services does not interfere with the external auditor's exercise of independent judgment; and

(v) The Committee shall meet with the external auditor without the presence of management, at least once a year;

(h) On the implementation of ICAAP:-

(i) Taking note and monitoring internal audit reports on capital adequacy; and

(ii) Reviewing internal audit reports on capital management;

(i) The Management is responsible for reviewing all related party transactions to ensure that they have been established on an arm's length basis.

The Committee shall review any significant transactions that are not within the normal course of business and where potential conflict of interest may arise between related parties; and

(j) External Experts

(i) Where the internal audit function lacks the expertise needed to perform the audit of specialised areas, external experts may be engaged. The Committee is responsible to ensure that the audit of specialised areas is adequate; and

(ii) The Committee shall ensure that the terms and scope of engagement, the working arrangement between External Experts and the internal auditors and the reporting requirements of the engagement are clearly established.

(iii) Mewujudkan polisi dan prosedur untuk menilai kesesuaian dan kebebasan juruaudit luar;

(iv) Meluluskan peruntukan bagi perkhidmatan bukan audit oleh juruaudit luar dan menentukan sekatan dan imbangan yang wajar agar perkhidmatan bukan audit tersebut tidak mengganggu pertimbangan bebas mereka sebagai juruaudit luar; dan

(v) Jawatankuasa hendaklah mengadakan mesyuarat dengan juruaudit luar sekurang-kurangnya setahun sekali tanpa kehadiran pihak Pengurusan;

(h) Berkenaan pelaksanaan ICAAP:-

(i) Mengambil perhatian dan memantau laporan audit dalaman tentang kecukupan modal; dan

(ii) Menyemak laporan audit dalaman tentang pengurusan modal;

(i) Pihak Pengurusan bertanggungjawab menyemak semua urus niaga dengan pihak yang berkaitan bagi memastikan ia dijalankan secara tulus dan adil.

Jawatankuasa hendaklah menyemak apa-apa urus niaga penting yang dijalankan tanpa mengikut peraturan perniagaan yang lazim dan jika terdapat kemungkinan adanya konflik kepentingan dengan pihak yang berkaitan; dan

(j) Pakar Luar

(i) Jika fungsi audit dalaman tidak memiliki kepakaran yang mencukupi untuk melaksanakan pengauditan bagi bidang khusus, maka pakar luar boleh dilantik. Jawatankuasa bertanggungjawab memastikan pengauditan bagi bidang khusus adalah mencukupi; dan

(ii) Jawatankuasa hendaklah memastikan syarat dan skop pelantikan, aturan kerja antara Pakar Luar dengan juruaudit dalaman dan keperluan pelaporan tentang penglibatan ditetapkan dengan jelas.

# STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE
# PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

## 3.0 SHARIAH SUPERVISORY COUNCIL ("SSC")

As an Islamic bank, a Shariah governance framework is put in place as a distinct feature in the organisational structure of the Bank, which includes establishment of the SSC in line with the requirement of Section 30 (1) of the IFSA 2013 and the Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions ("SGF") issued by BNM.

Functionally, the SSC reports to the Board and in ensuring Shariah compliance the Bank establishes four (4) internal Shariah compliance functions namely Research and Advisory, Shariah Risk Management, Shariah Review and Shariah Audit.

The diagram below describes the Shariah governance framework of the Bank:-

## 3.0 MAJLIS PENGAWASAN SYARIAH ("SSC")

Sebagai sebuah bank Islam, satu rangka kerja tadbir urus Syariah telah diwujudkan sebagai ciri khas dalam struktur organisasi Bank, yang merangkumi penubuhan SSC selari dengan keperluan Seksyen 30 (1) IFSA 2013 dan Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah bagi Institusi Kewangan Islam ("SGF") yang dikeluarkan oleh BNM.

Dari segi fungsinya, SSC melapor kepada Lembaga Pengarah Bank dan dalam memastikan pematuhan Syariah, Bank mewujudkan empat (4) fungsi pematuhan Syariah dalaman iaitu Penyelidikan dan Khidmat Nasihat, Pengurusan Risiko Syariah, Semakan Syariah serta Audit Syariah.

Gambar rajah berikut menunjukkan rangka kerja tadbir urus Syariah Bank:-




Diagram 1
Rajah 1

### 3.1 Composition of the SSC

As at 31 December 2013, the SSC consists of five (5) members of diverse backgrounds in terms of qualification, experience and knowledge, including law and economics, so as to support the depth and breadth of the Shariah deliberations. The members are scholars who have the qualification, expertise and experience in the areas of Shariah especially Islamic jurisprudence (*usul al-fiqh*) and Islamic commercial laws (*fiqh al-mu'amalat*).

### 3.2 Primary Duties and Responsibilities of the SSC

The terms of reference of the SSC specify that the primary duties and responsibilities of the SSC are principally based on the SGF, as follows:-

(a) Advising the Board and Management on Shariah-related matters in order for the Bank to comply with Shariah rules and principles at all times;

(b) Endorsing Shariah-related policies and guidelines;

(c) Approving products and services to ensure compliance with Shariah rules and principles which include:-

  (i) validating the terms and conditions contained in the forms, contracts, agreements or other legal documentations used in executing the transactions; and

  (ii) validating the product manual, marketing advertisements, sales illustrations and brochures used to describe the product and services;

(d) Assessing work carried out by Shariah Review and Shariah Audit in order to ensure compliance with Shariah which forms part of SSC duties for the purpose of the inclusion of the assurance of Shariah compliance in the annual report of the Bank;

(e) Assisting and advising related parties such as the Bank's legal counsel, auditor or consultant on Shariah matters upon request;

(f) Advising the Bank on any matters that require consultation with the Shariah Advisory Council ("SAC") of BNM on Shariah matters that cannot be resolved by the SSC;

### 3.1 Komposisi SSC

Pada 31 Disember 2013, SSC terdiri daripada lima (5) ahli daripada pelbagai latar belakang dari segi kelayakan, pengalaman dan pengetahuan, termasuk undang-undang dan ekonomi, bagi memastikan perbincangan Syariah yang mendalam dan luas. Ahli SSC terdiri daripada golongan cendekiawan yang mempunyai kelayakan, kepakaran dan pengalaman dalam bidang Syariah terutamanya perundangan Islam (usul al-fiqh) dan undang-undang perdagangan Islam (fiqh al-mua'malat).

### 3.2 Tugas dan Tanggungjawab Utama SSC

Terma rujukan SSC menyatakan bahawa tugas dan tanggungjawab utama SSC secara amnya adalah berdasarkan SGF, seperti yang berikut:-

(a) Menasihati Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan tentang perkara berkaitan Syariah agar Bank mematuhi peraturan dan prinsip Syariah pada setiap masa;

(b) Meluluskan polisi dan garis panduan berkaitan Syariah;

(c) Meluluskan produk dan perkhidmatan yang mematuhi peraturan dan prinsip Syariah, termasuklah:-

  (i) mengesahkan terma dan syarat yang terkandung dalam borang, kontrak, perjanjian atau dokumen undang-undang lain yang digunakan untuk melaksanakan urus niaga; dan

  (ii) mengesahkan manual produk, iklan pemasaran, ilustrasi jualan dan brosur yang digunakan untuk menerangkan produk dan perkhidmatan;

(d) Menilai kerja yang dijalankan mengikut semakan dan audit Syariah bagi memastikan prinsip Syariah dipatuhi. Hal ini merupakan sebahagian daripada tugas SSC supaya jaminan pematuhan Syariah dimasukkan ke dalam laporan tahunan Bank;

(e) Membantu dan menasihati pihak berkaitan seperti peguam, juruaudit dan perunding Bank tentang perkara berkaitan dengan Syariah apabila diminta;

(f) Menasihati Bank tentang apa-apa perkara yang memerlukan perundingan dengan Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia ("SAC") tentang apa-apa perkara yang berkaitan dengan Syariah yang tidak dapat diputuskan oleh SSC;

# STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE
## PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

(g) Providing written Shariah opinions in circumstances where the Bank makes reference to the SAC for further deliberation, or where the Bank submits any application to BNM for new product approval; and

(h) Advising and approving the Bank's computation, payment and distribution of zakat.

### 3.3 SSC Meetings

SSC meetings are scheduled at the beginning of the year where meetings are held at least six (6) times a year with additional meetings convened as and when warranted by situations, to facilitate important decisions that are required between the scheduled meetings.

Thirteen (13) SSC meetings were held during the financial year ended 31 December 2013, as follows:-

| Date of Meetings | Percentage of Directors' Attendance |
|---|---|
| January 2013 | 66% |
| Early February 2013 | 83% |
| End February 2013 | 83% |
| March 2013 | 83% |
| Mid April 2013 | 80% |
| End April 2013 | 100% |
| June 2013 | 100% |
| July 2013 | 100% |
| August 2013 | 100% |
| Early October 2013 | 80% |
| Mid October 2013 | 60% |
| November 2013 | 80% |
| December 2013 | 100% |

### 3.4 Code of Conduct of SSC Members

In performing duties, the SSC member is expected to possess good character and competence, diligence and should be capable of making sound judgment. The salient requirements of the Code of Conduct include the following:-

(g) Menyediakan pendapat Syariah secara bertulis apabila Bank merujuk kepada SAC untuk nasihat lanjut, atau apabila Bank menyerahkan apa-apa permohonan kepada BNM untuk mendapatkan kelulusan produk baharu; dan

(h) Memberikan nasihat dan kelulusan kepada Bank berhubung dengan pengiraan, pembayaran dan pengagihan zakat.

### 3.3 Mesyuarat SSC

Mesyuarat SSC dijadualkan pada awal tahun, dan sekurang-kurangnya enam (6) mesyuarat diadakan setiap tahun dengan mesyuarat tambahan diadakan apabila perlu mengikut keadaan bagi memudahkan keputusan penting yang perlu dibuat dalam tempoh antara mesyuarat yang telah dijadualkan tersebut.

Tiga belas (13) mesyuarat SSC telah diadakan sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, seperti yang berikut:-

| Tarikh Mesyuarat | Peratus Kehadiran Pengarah |
|---|---|
| Januari 2013 | 66% |
| Awal Februari 2013 | 83% |
| Akhir Februari 2013 | 83% |
| Mac 2013 | 83% |
| Pertengahan April 2013 | 80% |
| Akhir April 2013 | 100% |
| Jun 2013 | 100% |
| Julai 2013 | 100% |
| Ogos 2013 | 100% |
| Awal Oktober 2013 | 80% |
| Pertengahan Oktober 2013 | 60% |
| November 2013 | 80% |
| Disember 2013 | 100% |

### 3.4 Tatakelakuan Ahli SSC

Dalam menjalankan tugas mereka, ahli SSC diharapkan dapat menunjukkan ciri sahsiah yang baik serta kecekapan, ketekunan dan mampu membuat keputusan yang bijak. Keperluan penting dalam Kod Tatakelakuan termasuklah yang berikut:-





(a) He/She should at all times maintain good character, which means that he/she should demonstrate honesty, integrity, fairness and reputation over time in dealing with the Bank as well as personal relationship with the public;

(b) He/She should sustain independence and professionalism while carrying out his/her duties. A SSC member should always have complete moral, intellectual and professional independence. A SSC member in carrying out their obligations should:-

(i) Uphold fairness and equity for all the stakeholders;

(ii) Act in a manner that preserves his/her honesty and integrity;

(iii) Exercise appropriate discretion in decision-making by taking into consideration not only the technical aspects of Shariah compliance; and

(iv) Appreciate the diversity of opinions among various *mazhabs* and differences in expertise among his/her fellow members of the SSC;

(c) He/She has the duty to observe the confidentiality of all information with which the SSC member is entrusted by the Bank or which is brought to his/her attention during or at any time after carrying out his/her assignment. Confidential information here refers to information received by members of the SSC in the course of their duties that is not public and is not authorised to be made public; and

(d) The interpretation of the Shariah rules and principles based on the discipline of *fiqh al-mu'amalat* is a matter of the professional judgment of the SSC members. He/She should ensure consistency, which in this respect is related to the level of competency and independence as mentioned above, as well as professional ethics.

In order to ensure the quality and consistency of the decisions, the SSC has developed and adopted the Shariah Supervisory Council Decision Making Document. This document describes the methodology and the means for the SSC members to make decision on a given issue including the application of *usul fiqh* discipline and reference to established Shariah standards, *fatwa* and resolutions of Shariah authority councils and *fiqh* academies. The document also provides the process of the SSC and the Bank in dealing with decisions that have been proven to be a mistake and reviews of previous decisions.

(a) Ahli SSC hendaklah pada setiap masa mengekalkan ciri sahsiah yang baik, iaitu mereka hendaklah menunjukkan kejujuran, integriti, keadilan dan reputasi yang baik sepanjang berurusan dengan Bank, termasuklah mempunyai hubungan yang baik dengan orang awam;

(b) Mereka hendaklah mengekalkan kebebasan dan profesionalisme semasa menjalankan tugas; ahli SSC hendaklah sentiasa mempunyai kebebasan moral, intelektual dan profesional yang sepenuhnya. Dalam menjalankan obligasi mereka, ahli SSC hendaklah:-

(i) menegakkan keadilan dan kesaksamaan untuk semua pihak berkepentingan;

(ii) bertindak dalam cara yang mengekalkan kejujuran dan integriti mereka;

(iii) menggunakan budi bicara yang sewajarnya semasa membuat keputusan dengan mengambil kira bukan sahaja aspek teknikal pematuhan Syariah; dan

(iv) menghormati kepelbagaian pendapat antara mazhab dan perbezaan kepakaran di kalangan ahli SSC;

(c) Ahli SSC berkewajipan untuk mematuhi kerahsiaan semua maklumat yang diamanahkan oleh Bank kepada mereka atau yang dibawa kepada perhatian mereka semasa atau pada bila-bila masa selepas menjalankan tugasan. Maklumat sulit di sini merujuk maklumat yang diterima oleh ahli SSC semasa menjalankan tugas mereka yang bukan maklumat untuk orang awam dan tidak dibenarkan untuk didedahkan kepada orang awam; dan

(d) Tafsiran peraturan dan prinsip Syariah berdasarkan bidang fiqh al-mua'malat adalah berkenaan dengan keputusan profesional ahli SSC. Mereka hendaklah memastikan keselarasan, yang dalam hal ini adalah berkaitan dengan tahap kecekapan dan kebebasan, seperti yang dinyatakan di atas, dan juga berkaitan dengan etika profesional.

Bagi memastikan kualiti dan keselarasan keputusan yang dibuat, SSC telah mewujudkan dan menggunakan Dokumen Keputusan Majlis Pengawasan Syariah. Dokumen ini menerangkan kaedah dan cara ahli SSC membuat keputusan berkenaan isu tertentu termasuk penggunaan prinsip usul fiqh dan rujukan kepada standard Syariah yang telah diterimapakai, fatwa dan ketetapan majlis pihak berkuasa serta akademi fiqh. Dokumen tersebut juga mengandungi proses SSC dan Bank dalam menangani keputusan yang terbukti khilaf dan penyemakan semula keputusan terdahulu.

# STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE
# PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

### 3.5 Responsibilities of the Bank towards Shariah Compliance

It is crucial that the Bank works hand-in-hand with the SSC to ensure that all business activities, products, services and operations of the Bank are in compliance with Shariah rules and principles. Therefore, it is the responsibility of the Bank towards the SSC to perform the following:-

(a) To refer all Shariah issues in its business operations to the SSC for decision;

(b) To adopt and take necessary measures for implementation of the SSC's decisions;

(c) To provide sufficient resources to the SSC including budget allocation, independent expert consultation, reference materials and training;

(d) To ensure that the SSC is familiar with the operations and business of the Bank;

(e) To provide the SSC access to all relevant records, transactions, manuals and relevant information, as required by its members in performing their duties; and

(f) To recommend the appropriate remuneration to the SSC members which commensurate with and reflect the duties and responsibilities of the SSC.

In furtherance of that, it is the responsibility of the Bank to perform the following with regards to Shariah Compliance:-

(a) To comply with all the SSC decisions and establish Shariah requirements in its entire products, services, legal documentations and activities;

(b) The Bank shall not change its allegiance and obedience to the SSC decisions to suit its convenience. Such a practice could impair the independence of the SSC members and have a damaging impact on the integrity and credibility of the Bank, in particular, and on the Islamic banking industry as a whole; and

(c) While the SSC is responsible for forming and expressing decisions on the extent of the Bank's compliance with the Shariah, the responsibility for compliance therewith rests with the Management of the Bank.

### 3.5 Tanggungjawab Bank terhadap Pematuhan Syariah

Kerjasama antara Bank dengan SSC adalah penting bagi memastikan semua aktiviti perniagaan, produk, perkhidmatan dan operasi Bank mematuhi peraturan dan prinsip Syariah. Oleh yang demikian, Bank bertanggungjawab terhadap SSC untuk melaksanakan perkara berikut:-

(a) Merujuk kepada SSC untuk mendapatkan keputusan berkaitan semua isu Syariah dalam operasi perniagaannya;

(b) Mengguna pakai dan mengambil langkah yang perlu untuk melaksanakan keputusan SSC;

(c) Menyediakan sumber yang mencukupi untuk SSC termasuklah peruntukan belanjawan, khidmat runding pakar bebas, bahan rujukan dan latihan;

(d) Memastikan SSC memahami operasi dan perniagaan Bank;

(e) Membenarkan SSC mengakses semua rekod, urus niaga, manual dan maklumat yang berkaitan seperti yang diperlukan oleh ahli SSC untuk menjalankan tugas mereka; dan

(f) Menyarankan imbuhan yang sewajarnya kepada ahli SSC setara dengan dan mencerminkan tugas dan tanggungjawab SSC.

Selain itu, Bank bertanggungjawab untuk melaksanakan perkara berikut berhubung dengan Pematuhan Syariah:-

(a) Mematuhi semua keputusan SSC dan menetapkan keperluan Syariah bagi semua produk, perkhidmatan, dokumentasi perundangan dan aktivitinya;

(b) Bank hendaklah akur dan patuh kepada keputusan SSC dan tidak mengambil mudah pelaksanaan keputusan. Amalan mengambil mudah pelaksanaan keputusan boleh menjejaskan kebebasan ahli SSC dan merosakkan integriti dan kredibiliti Bank khususnya, serta industri perbankan Islam secara amnya; dan

(c) Meskipun SSC bertanggungjawab membuat dan menyuarakan keputusan tentang tahap pematuhan Syariah Bank, namun tanggungjawab pematuhan terletak pada pihak Pengurusan Bank.

### 3.6 Appointment and Reappointment to the SSC

The Board, based on the recommendation of the NAC may appoint and reappoint members of the SSC. The appointment or reappointment of the SSC members shall be subject to BNM's written approval. The SSC members shall be persons of recognised reputation, character and integrity.

### 3.7 SSC Performance

The SSC members are subject to an evaluation of their performance as to whether they deliver and support a sound Shariah governance system within the Bank. The terms of appointment of the SSC members provides that this evaluation shall be completed 90 days prior to the expiry of their term of service. The evaluation includes the SSC peer evaluation and evaluation by internal resources.

## 4.0 RISK MANAGEMENT

The Bank's mission with respect to risk management is to ensure that the Bank can continue to operate as a going concern, even in adverse circumstances, by allowing the Bank to capture relevant business opportunities with a set Risk Appetite Framework.

In that regard, the objectives of managing risk are to advance its risk management capabilities, culture and practices so as to be in line with internationally accepted standards and practices. Specific objectives are:

(i) Inculcate a risk-awareness culture throughout the Bank;

(ii) Establish a standard approach and methodology in managing credit, market, liquidity, operational and business risks across the Bank;

(iii) Balance risk appetite and return;

(iv) Establish clear functional structures including objectives, roles and responsibilities;

(v) Develop and use tools, such as economic capital, value at risk, and application scoring models to support the measurement of risks and enhance risk-based decisions;

### 3.6 Pelantikan dan Pelantikan Semula ke dalam SSC

Lembaga Pengarah boleh melantik dan melantik semula ahli SSC berdasarkan cadangan yang dibuat oleh NAC. Pelantikan dan pelantikan semula ahli SSC tertakluk kepada kelulusan bertulis BNM. Ahli SSC hendaklah merupakan individu yang mempunyai reputasi, sahsiah dan integriti yang tinggi.

### 3.7 Prestasi Ahli SSC

Ahli SSC adalah tertakluk pada penilaian prestasi mereka, iaitu sama ada mereka melaksanakan dan menyokong sistem tadbir urus Syariah yang utuh di Bank. Syarat pelantikan ahli SSC memperuntukkan bahawa penilaian ini hendaklah disempurnakan 90 hari sebelum tamat tempoh perkhidmatan seseorang ahli. Penilaian tersebut termasuklah penilaian oleh rakan ahli dalam SSC dan penilaian oleh sumber dalaman.

## 4.0 PENGURUSAN RISIKO

Misi Bank berhubung pengurusan risiko adalah untuk memastikan Bank dapat menjalankan operasi perniagaan yang berterusan walaupun dalam keadaan yang sukar, dengan membolehkan Bank merebut peluang perniagaan yang berkaitan menggunakan Rangka Kerja Tanggungan Risiko yang ditetapkan.

Sehubungan itu, objektif pengurusan risiko adalah untuk memajukan keupayaan, budaya dan amalan pengurusan risikonya agar sejajar dengan standard dan amalan yang diterima pada peringkat antarabangsa. Objektif khusus adalah seperti yang berikut:

(i) Memupuk budaya kesedaran risiko di seluruh Bank;

(ii) Mewujudkan pendekatan dan kaedah standard dalam risiko pengurusan kredit, pasaran, kecairan, operasi dan perniagaan di seluruh Bank;

(iii) Mengimbangi tanggungan risiko dan pulangan;

(iv) Menetapkan struktur yang berfungsi secara jelas termasuk objektif, peranan dan tanggungjawab;

(v) Membangunkan dan menggunakan kaedah seperti modal ekonomi, nilai berisiko, model markah permohonan bagi menyokong pengukuran risiko dan menambah baik keputusan berdasarkan risiko;

# STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE
## PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

(vi) Ensure that business strategy and targets are in line with risk policies and overall risk appetite; and

(vii) Ensure that the Bank's capital can support current and planned business needs in terms of risk exposures, even during periods of stress, by deploying a variety of stress test scenario's.

The Bank recognises the fact that the essence of banking and financial services is centered on risk taking. The Bank therefore:

(i) Recognises that it has to manage risks to effectively do its business;

(ii) Endeavours to reach an optimum level of risk-return in order to maximise stakeholder's value; and

(iii) Ensures effective and integrated risk management processes that are in tandem with the size and complexity of the current and future operations of the Bank within its risk appetite and tolerance.

The Bank has established a Risk Appetite Framework that forms an integral part of the Bank's strategy and business plans. Risk appetite is an expression of the maximum level of risk that the Bank is prepared to accept in support of a stated strategy, impacting all business from a credit, market and operational risk viewpoint.

**4.1. Risk Culture**

Risk culture is the most important determinant of risk management effectiveness. Culture, as defined by the Institute of International Finance, is "the norms and traditions of individuals and of groups within an organisation that determine the way in which they identify, understand, discuss and act upon the risks the organisation confronts and the risk it takes."

(vi) Memastikan strategi dan sasaran perniagaan sejajar dengan polisi risiko dan keseluruhan tanggungan risiko; dan

(vii) Memastikan modal Bank mampu menyokong keperluan perniagaan semasa dan yang dirancang dari segi pendedahan risiko, walaupun semasa dihimpit tekanan dengan menggunakan pelbagai senario ujian tekanan.

Bank mengiktiraf bahawa inti pati perkhidmatan perbankan dan kewangan bertumpu kepada pengambilan risiko. Oleh itu, Bank:

(i) Mengiktiraf bahawa Bank perlu menguruskan risiko bagi menjalankan perniagaannya dengan berkesan;

(ii) Berusaha mencapai tahap pulangan risiko yang optimum bagi memaksimumkan nilai pihak berkepentingan; dan

(iii) Memastikan proses pengurusan risiko yang berkesan dan disepadukan seiring dengan saiz dan kerumitan operasi semasa dan masa depan Bank di bawah tanggungan dan toleransi risikonya.

Bank telah mewujudkan Rangka Kerja Tanggungan Risiko yang membentuk sebahagian penting pelan strategi dan perniagaan Bank. Tanggungan risiko ialah ungkapan bagi tahap risiko maksimum yang boleh diterima oleh Bank sebagai sokongan kepada strategi yang dinyatakan, dan memberi kesan kepada semua perniagaan dari aspek risiko kredit, pasaran dan operasi.

**4.1. Budaya Risiko**

Budaya risiko merupakan penentu terpenting bagi keberkesanan pengurusan risiko. Seperti yang ditakrifkan oleh Institut Kewangan Antarabangsa, budaya ialah "norma dan tradisi setiap individu dan kumpulan dalam sesebuah organisasi yang menentukan cara mereka mengenal pasti, memahami, membincangkan dan mengambil tindakan ke atas risiko yang dihadapi oleh organisasi tersebut serta risiko yang diambilnya."

As it is impossible for the Management to know everything it needs to know, the establishment of effective formal and informal channels for information sharing is essential. Hence, the Bank is continuously striving to deliberately create an environment that encourages frank and open dialogues about risks at every level of the organisation. In particular, the Bank encourages its employees to question, challenge and/or escalate any issue that needs senior management's attention and if the issue is deemed too sensitive for whatever reason, the Bank's effective whistle blowing procedures provide an additional route for escalating concerns.

A strong risk culture can only be nurtured through appropriate leadership, communication, processes and infrastructure. As such, the culture at Bank Islam is driven by the top through committed leadership by setting the right tone and ensuring that appropriate behaviour is rewarded. The appropriate infrastructure of processes and controls as well as strong enforcement methods further ensure that the risk culture is increasingly inculcated into the Bank's DNA.

Specific initiatives undertaken to reinforce a risk aware culture include amongst others:

- Educational programmes, starting from the Bank's induction course for all new staff to regular training conducted by Risk Management, Legal, Compliance and Internal Audit staff;
- Financing origination to specific target customers/groups only and by applying strict risk based underwriting standards; and
- Implementation of risk based KPIs and remuneration systems.

Memandangkan pihak Pengurusan tidak mungkin mengetahui semua perkara yang perlu diketahui, pembentukan saluran perkongsian maklumat rasmi dan tidak rasmi yang berkesan adalah penting. Justeru itu, Bank terus berusaha membina suatu persekitaran yang menggalakkan dialog secara telus dan terbuka tentang risiko pada setiap peringkat organisasi. Secara khususnya, Bank menggalakkan kakitangannya untuk mempersoalkan, mencabar dan/atau membangkitkan apa-apa isu yang memerlukan perhatian daripada pihak pengurusan kanan. Jika isu tersebut dianggap terlalu sensitif bagi apa jua sebab, prosedur pemberian maklumat Bank yang berkesan menyediakan satu saluran tambahan untuk menyuarakan isu tersebut.

Budaya risiko yang mantap hanya boleh dipupuk melalui kepimpinan, komunikasi, proses dan infrastruktur yang sewajarnya. Oleh itu, budaya di Bank Islam didorong oleh pihak atasan menerusi kepimpinan padu dengan menentukan rentak yang betul serta memastikan bahawa tingkah laku yang wajar diberikan ganjaran. Infrastruktur yang sewajarnya bagi proses dan kawalan serta kaedah penguatkuasaan yang kukuh memastikan bahawa budaya risiko terus diterapkan sehingga ke akar umbi Bank.

Antara inisiatif khusus yang dilaksanakan bagi menerapkan budaya kesedaran risiko adalah:-

- Program pendidikan, bermula daripada kursus induksi bagi semua kakitangan baharu dan latihan berkala yang dijalankan oleh kakitangan pengurusan risiko, perundangan, pematuhan dan audit dalaman;
- Pembiayaan disasarkan kepada pelanggan/kumpulan tertentu sahaja dan mengguna pakai standard penajaan jamin berasaskan risiko yang ketat; dan
- Pelaksanaan sistem Penunjuk Prestasi Utama berasaskan risiko dan sistem imbuhan.

# STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE
## PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

### 4.2. Risk Management Governance Structure

The Bank has realigned its risk organisational responsibilities with the objective of ensuring a common view of risks across the Bank. As a matter of good business practice and prudence, the Bank's core risk management functions, which report to the BRC, are independent and clearly segregated from the business divisions and centralized at head office.

The following illustrates the Bank's governance structure:

### 4.2. Struktur Tadbir Urus Pengurusan Risiko

Bank telah menjajarkan semula tanggungjawab organisasinya yang berkaitan risiko dengan matlamat memastikan terdapat pandangan yang sama terhadap risiko di seluruh Bank. Sebagai amalan perniagaan yang baik dan cermat, fungsi pengurusan risiko utama Bank yang melapor kepada Jawatankuasa Lembaga Pengarah Risiko ("BRC") adalah bebas dan diasingkan dengan jelas daripada bahagian perniagaan dan berpusat di ibu pejabat.

Ilustrasi berikut menggambarkan struktur tadbir urus Bank:




* Capital Management Committee is part of the Management Committee
Jawatankuasa Pengurusan Modal merupakan sebahagian daripada Jawatankuasa Pengurusan

The ultimate responsibility for understanding all risks taken by the Bank and ensuring that they are properly managed lies with the Board. The Board approves all risk policies and the Bank's overall risk appetite. Assisting the Board in discharging its role is the BRC which is responsible for the effective oversight of the Bank's risk management function. BRC is chaired by a non-executive independent director.

At senior management level, the Bank has established the Management Risk Control Committee ("MRCC") chaired by the Chief Risk Officer, which focuses on the execution and implementation of directives by the Board and the BRC and the effective management of the risk issues. The MRCC is further assisted by two (2) sub-committees as follows :

(a) Operational Risk Control Committee ("ORCC"), which focuses on the deliberation of key operational risk issues; and

(b) Recovery Management Committee ("RMC"), focusing on financings turned impaired and the appropriate recovery strategies.

The Bank has instituted several financing approval committees, FCA, Financing Committee B ("FCB"), Regional Financing Committee ("RFC") and UIC, which assess and approve credits or investment proposals within their respective approval authority levels. Financings or investments that are above the specified limit are reviewed by the BFRC.

### 4.3 Credit Risk

Credit risk arises from all transactions that could lead to actual, contingent or potential claims against any party, borrower or obligor. The types of credit risks that the Bank considers to be material include: Default Risk, Settlement Risk, Credit Concentration Risk, Residual/Credit Mitigation Risk, and Migration Risk.

**Credit Risk Governance**

The management of credit risk is principally carried out by using sets of policies and guidelines approved by the BRC and guided by the Risk Appetite Statement approved by the Board.

The MRCC is responsible under the authority delegated by the BRC for managing credit risk at strategic level. The MRCC reviews the Bank's credit risk frameworks and guidelines, aligns credit risk management with business strategies and planning, reviews credit profile of the credit portfolios and recommends necessary actions to ensure that the credit risk remains within established risk tolerance levels.

Lembaga Pengarah mempunyai tanggungjawab mutlak untuk memahami kesemua risiko yang diambil oleh Bank dan memastikan risiko berkenaan diuruskan dengan betul. Lembaga Pengarah meluluskan semua polisi risiko dan keseluruhan penanggungan risiko Bank. BRC membantu Lembaga Pengarah melaksanakan peranannya dan bertanggungjawab membuat pemantauan yang berkesan terhadap fungsi pengurusan risiko Bank. BRC dipengerusikan oleh pengarah bebas bukan eksekutif.

Pada peringkat pengurusan kanan, Bank telah menubuhkan Jawatankuasa Kawalan Risiko Pengurusan ("MRCC") yang dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Risiko dan memberikan tumpuan kepada pelaksanaan arahan oleh Lembaga Pengarah dan BRC serta pengurusan isu-isu risiko yang berkesan. MRCC dibantu oleh dua (2) jawatankuasa kecil seperti yang berikut:

(a) Jawatankuasa Kawalan Risiko Operasi ("ORCC"), memberikan tumpuan kepada pertimbangan isu utama risiko operasi; dan

(b) Jawatankuasa Pengurusan Pemulihan ("RMC"), memberikan tumpuan kepada pembiayaan yang bertukar menjadi terjejas dan strategi pemulihan yang sesuai.

Bank telah menubuhkan beberapa jawatankuasa pelulusan pembiayaan, Jawatankuasa Pembiayaan A ("FCA"), Jawatankuasa Pembiayaan B ("FCB"), Jawatankuasa Pembiayaan Wilayah ("RFC") dan Jawatankuasa Penajaan Jamin & Pelaburan ("UIC") yang menilai dan meluluskan cadangan kredit atau pelaburan dalam lingkungan had kuasa kelulusan mereka. Pembiayaan atau pelaburan yang melebihi had yang ditetapkan harus disemak oleh BFRC.

### 4.3 Risiko Kredit

Risiko kredit berpunca daripada semua urus niaga yang boleh membawa kepada tuntutan sebenar, luar jangka atau berpotensi terhadap mana-mana pihak, peminjam atau penanggung obligasi. Jenis risiko kredit yang dianggap penting oleh Bank termasuk: Risiko Mungkir, Risiko Penyelesaian, Risiko Penumpuan Kredit, Risiko Pengurangan Baki/Kredit dan Risiko Migrasi.

**Tadbir Urus Risiko Kredit**

Pengurusan risiko kredit pada dasarnya dilaksanakan menggunakan polisi dan garis panduan yang diluluskan oleh BRC dan berpandukan Penyata Tanggungan Risiko yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

MRCC bertanggungjawab di bawah bidang kuasa yang diberikan oleh BRC untuk menguruskan risiko kredit pada peringkat strategik. MRCC menyemak rangka kerja dan garis panduan risiko kredit Bank, menjajarkan pengurusan risiko kredit dengan strategi dan pelan perniagaan, menyemak profil kredit bagi portfolio kredit serta mencadangkan tindakan yang perlu diambil bagi memastikan risiko kredit kekal pada tahap toleransi risiko yang ditetapkan.

# STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE
## PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

The Bank's credit risk management governance includes the establishment of comprehensive credit risk policies, guidelines and procedures which documents the Bank's financing standards, discretionary powers for financing approval, credit risk ratings methodologies and models, acceptable collaterals and valuation, and the review, rehabilitation and restructuring of problematic and delinquent financings.

**Management of Credit Risk**

The management of credit risk is being performed by two (2) distinct departments within the Risk Management Division ("RMD"), i.e. Credit Analysis and Credit Risk Management and three (3) departments outside of the RMD domain, namely, Credit Administration, Credit Recovery and Credit Monitoring Unit of Internal Audit. The combined objectives include amongst others:

- To build a high quality credit portfolio in line with the Bank's overall strategy and risk appetite;
- To ensure that the Bank is compensated for the risk taken; balancing/ optimising the risk /return relationship;
- To develop an increasing ability to recognise, measure and avoid or mitigate potential credit risk problem areas; and
- To conform with statutory, regulatory and internal credit requirements.

The Bank monitors its credit exposures either on a portfolio basis or individual basis through annual reviews. Credit risk is proactively monitored through a set of early warning signals that could trigger immediate reviews of (a certain part of) the portfolio. The affected portfolio or financing is placed on a watch list to enforce close monitoring and prevent financing from turning impaired and to increase chances of full recovery.

A comprehensive limit structure is in place to ensure that risks taken are within the risk appetite as set by the Board and to avoid credit risk contagion to a single customer, sector, product, Shariah contract, etc.

Credit risk arising from dealing and investing activities are managed by the establishment of limits which includes counter parties limits and permissible acquisition of private entities' instruments, subject to a specified minimum rating threshold. Furthermore, the dealing and investing activities are monitored by an independent middle office unit.

Tadbir urus pengurusan risiko kredit Bank termasuk pewujudan polisi, garis panduan dan prosedur risiko kredit yang menyeluruh dan mendokumenkan standard pembiayaan, hak budi bicara untuk meluluskan pembiayaan, kaedah dan model penarafan risiko kredit, cagaran dan penilaian yang dapat diterima, serta semakan, pemulihan dan penstrukturan semula pembiayaan yang bermasalah dan perlu dibayar bagi Bank.

**Pengurusan Risiko Kredit**

Pengurusan risiko kredit dilaksanakan oleh dua (2) jabatan berlainan dalam Bahagian Pengurusan Risiko ("RMD"), iaitu Analisis Kredit dan Pengurusan Risiko Kredit serta tiga (3) jabatan di luar domain RMD iaitu Pentadbiran Kredit, Pemulihan Kredit dan Unit Pemantauan Kredit Audit Dalaman. Gabungan objektifnya, antara lain termasuklah:

- Mewujudkan portfolio kredit yang berkualiti tinggi selaras dengan keseluruhan strategi dan tanggungan risiko Bank;
- Memastikan Bank diberi pampasan bagi risiko yang diambil, pengimbangan/pengoptimuman hubungan risiko/pulangan;
- Membangunkan keupayaan yang semakin meningkat untuk mengenal pasti, mengukur dan mengelakkan atau mengurangkan bahagian risiko kredit yang berpotensi; dan
- Mematuhi keperluan undang-undang, kawal selia dan kredit dalaman.

Bank memantau pendedahan kreditnya sama ada berdasarkan portfolio atau berdasarkan individu melalui semakan tahunan. Risiko kredit dipantau secara proaktif melalui beberapa amaran awal yang mendorong semakan segera (bagi bahagian tertentu) portfolio. Portfolio atau pembiayaan yang terjejas diletakkan di bawah senarai pengawasan bagi pemantauan rapi dan mencegah pembiayaan tersebut daripada terjejas atau untuk meningkatkan peluang pemulihan sepenuhnya.

Struktur had yang komprehensif telah diwujudkan bagi memastikan risiko yang diambil adalah dalam had tanggungan risiko yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dan bagi membendung penumpuan risiko kredit kepada hanya satu pengguna, sektor, produk, kontrak Syariah dan sebagainya.

Risiko kredit yang timbul akibat aktiviti urus niaga dan pelaburan diuruskan melalui penetapan had yang termasuk had pihak yang berurus niaga dengan Bank dan pemerolehan instrumen entiti swasta yang dibenarkan, tertakluk pada tahap penarafan minimum yang dikhususkan. Tambahan lagi, aktiviti urus niaga dan pelaburan dipantau oleh unit yang bebas ("middle office").

**Capital Treatment for Credit Risk**

The Bank adopts the Standardised Approach to compute the credit risk capital requirement under BNM's Capital Adequacy Framework for Islamic Banks ("CAFIB").

**4.4 Market Risk**

All the Bank's businesses are subject to the risk that market prices and rates will move, resulting in profit or losses to the Bank. Furthermore, significant or sudden movements in rates could affect the Bank's liquidity /funding position. The Bank is exposed to the following main market/ liquidity risk factors:

- **Rate of Return or Profit Rate Risk** - the potential impact on the Bank's profitability caused by changes in the market rate of return, either due to general market movements or due to issuer/borrower specific causes;
- **Foreign Exchange Risk** - the impact of exchange rate movements on the Bank's foreign currency positions;
- **Equity Investment Risk** - the profitability impact on the Bank's equity positions or investments caused by changes in equity prices or values;
- **Commodity Inventory Risk** - the risk of loss due to movements in commodity prices;
- **Liquidity Risk** - the potential inability of the Bank to meet its funding requirements at a reasonable cost (funding liquidity risk) or its inability to liquidate positions quickly at a reasonable price (market liquidity risk); and
- **Displaced Commercial Risk** - the risk arising from assets managed by the Bank on behalf of depositors/investors as the Bank follows the practice of potentially foregoing part or all of its Mudarib share of profit on these assets.

The objective of the Bank's market risk management is to manage and control market risk exposures in order to optimise return on risk while maintaining a market risk profile consistent with the Bank's approved risk appetite.

**Pengolahan Modal bagi Risiko Kredit**

Bank mengguna pakai Pendekatan Standard untuk mengira keperluan modal risiko kredit sejajar dengan Rangka Kerja Kecukupan Modal BNM bagi Bank-bank Islam ("CAFIB").

**4.4 Risiko Pasaran**

Semua perniagaan Bank tertakluk kepada risiko pergerakan harga dan kadar pasaran yang menyebabkan keuntungan atau kerugian kepada Bank. Lebih-lebih lagi, perubahan kadar yang ketara atau secara tiba-tiba boleh menjejaskan kedudukan kecairan/dana Bank. Bank terdedah kepada faktor utama risiko pasaran/kecairan seperti yang berikut:

- **Kadar Pulangan atau Risiko Kadar Keuntungan** - perubahan kadar pulangan pasaran, sama ada disebabkan pergerakan am pasaran atau atas sebab khusus pengeluar/peminjam berpotensi memberi kesan ke atas keuntungan Bank;
- **Risiko Pertukaran Mata Wang Asing** - kesan pergerakan kadar tukaran ke atas kedudukan mata wang asing Bank;
- **Risiko Pelaburan Ekuiti** - kesan keuntungan ke atas kedudukan ekuiti atau pelaburan Bank yang disebabkan oleh perubahan harga atau nilai ekuiti;.
- **Risiko Inventori Komoditi** - risiko kerugian yang disebabkan pergerakan harga komoditi;
- **Risiko Kecairan** - potensi ketidakupayaan Bank untuk memenuhi keperluan pembiayaannya pada kos yang munasabah (risiko kecairan pembiayaan) atau ketidakupayaan membubarkan kedudukannya dengan segera pada harga yang munasabah (risiko kecairan pasaran); dan
- **Risiko Komersil Teranjak** - risiko yang timbul daripada aset yang diuruskan oleh Bank bagi pihak pendeposit/pelabur kerana Bank mematuhi amalan kemungkinan mengetepikan sebahagian atau semua bahagian keuntungan Mudarib ke atas aset tersebut.

Objektif pengurusan risiko pasaran Bank adalah untuk menguruskan dan mengawal pendedahan risiko pasaran bagi mengoptimumkan pulangan atas dan pada masa yang sama mengekalkan profil risiko pasaran yang konsisten dengan tanggungan risiko Bank yang diluluskan.

# STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE
## PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

The Bank separates exposures to market risk into either trading or non-trading portfolios. Trading portfolios include those positions arising from market making, proprietary position taking and other marked-to-market positions so designated as per the approved Trading Book Policy Statement. Non-trading portfolios primarily arise from the repricing mismatches of the Bank's customer driven assets and liabilities and from the Bank's investment of its surplus funds.

**Market Risk Governance**

The management of market risk is principally carried out by using risk limits approved by the BRC, guided by the Risk Appetite Statement approved by the Board.

The BRC delegates to the Asset and Liability Management Committee ("ALCO") the responsibility to manage the market risk at the strategic level.

**The Management of Market Risk**

All market risk exposures are managed by Treasury which has the resources equipped with the necessary skills, tools, management and governance to manage such risks professionally. Limits are set for portfolios, products and risk types, with market liquidity and credit quality being the principal factors in determining the level of the limits set.

The Market Risk Management Department ("MRMD") is the independent risk control function and is responsible for ensuring efficient implementation of market risk management policies. The MRMD is also responsible for developing the Bank's market risk management guidelines, measurement techniques, behavioral assumptions and limit setting methodologies. Any excesses against the prescribed limits are reported immediately to the senior management. Strict escalation procedures are well documented and approved by the BRC. In addition, the market risk exposures and limits are regularly reported to the ALCO and BRC.

Bank membahagikan pendedahan kepada risiko pasaran kepada portfolio urus niaga atau portfolio bukan niaga. Portfolio urus niaga termasuk kedudukan yang wujud akibat pewujudan pasaran, pengambilan kedudukan proprietari dan kedudukan pasaran-ke-pasaran lain yang direka mengikut Penyata Dasar Buku Urus Niaga yang diluluskan. Portfolio bukan niaga pada dasarnya wujud akibat ketidaksesuaian antara harga aset dan liabiliti yang dipacu oleh pelanggan Bank dan daripada pelaburan lebihan dana Bank.

**Tadbir Urus Risiko Pasaran**

Pengurusan risiko pasaran pada dasarnya dilaksanakan menggunakan had risiko yang diluluskan oleh BRC, berpandukan Penyata Tanggungan Risiko yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

BRC menugaskan Jawatankuasa Pengurusan Aset dan Liabiliti ("ALCO") untuk menguruskan risiko pasaran pada peringkat strategik.

**Pengurusan Risiko Pasaran**

Semua pendedahan risiko pasaran diuruskan oleh Perbendaharaan yang mempunyai sumber yang lengkap dengan kemahiran, kaedah, pengurusan dan tadbir urus yang diperlukan untuk menguruskan risiko tersebut secara profesional. Had ditetapkan bagi portfolio, produk dan jenis risiko dengan kecairan pasaran dan kualiti kredit menjadi faktor utama dalam menentukan had yang ditetapkan.

Jabatan Pengurusan Risiko Pasaran ("MRMD") ialah fungsi kawalan risiko bebas dan bertanggungjawab memastikan pelaksanaan dasar pengurusan risiko pasaran yang cekap. MRMD juga bertanggungjawab mewujudkan garis panduan pengurusan risiko pasaran, teknik penilaian, andaian kelakuan dan kaedah penetapan had Bank. Apa-apa perbelanjaan melebihi had yang ditetapkan dilaporkan dengan segera kepada pengurusan kanan. Prosedur laporan didokumenkan dengan sempurna dan diluluskan oleh BRC. Sebagai tambahan, pendedahan dan had risiko pasaran dilaporkan kepada ALCO dan BRC secara berkala.

Other controls to ensure that market risk exposures remain within the tolerable levels include stress testing, rigorous new product approval procedures and a list of permissible instruments that can be traded. Stress test results are produced monthly to determine the impact of changes in profit rates, foreign exchange rates and other risk factors on the Bank's profitability, capital adequacy and liquidity. The stress test provides the Management and the BRC with an assessment of the financial impact of identified extreme events on the market risk exposures of the Bank.

**Capital Treatment for Market Risk**

The Bank adopts the Standardised Approach to compute the market risk capital requirement under BNM's CAFIB.

**4.5 Operational Risk**

Operational Risk ("OR") is defined as the "risk of loss arising from inadequate or failed internal processes, people and systems and external events, which includes legal risk and Shariah compliance risk but excludes strategic and reputational risk".

**Management of Operational Risk**

Bank Islam recognises the utmost importance of operational risk management ("ORM") and manages this risk through a control-based environment where processes are documented, authorisation is independent, transactions are reconciled and monitored and business activities are carried out within the established OR policies, guidelines, procedures and limits.

The Bank's overall governance approach in managing OR is premised on the **Three Lines of Defence** approach:

a) **1st Line of Defence** – the risk owner or risk taking unit i.e. Business or Support Unit is accountable for putting in place a robust control environment within their respective units. They are responsible for day to day management of OR. To reinforce accountability and ownership of risk and control, a Designated Operational Risk Coordinator for each risk taking unit is appointed to assist in driving the risk and control program for the Bank.

Kawalan lain bagi memastikan pendedahan risiko pasaran kekal di bawah tahap toleransi termasuk ujian tekanan, prosedur kelulusan produk baharu yang ketat serta senarai instrumen yang dibenarkan untuk diperdagangkan. Keputusan ujian tekanan dikeluarkan setiap bulan bagi menentukan kesan perubahan kadar keuntungan, kadar pertukaran mata wang asing dan faktor risiko lain kepada keuntungan, kecukupan modal dan kecairan Bank. Ujian tekanan menyediakan penilaian kesan kewangan bagi peristiwa ekstrem yang dikenal pasti terhadap pendedahan risiko pasaran Bank.

**Pengolahan Modal bagi Risiko Pasaran**

Bank mengguna pakai Pendekatan Standard untuk mengira keperluan modal risiko pasaran sejajar dengan Rangka Kerja Kecukupan Modal BNM untuk Bank-bank Islam ("CAFIB").

**4.5 Risiko Operasi**

Risiko Operasi ("OR") ditakrikan sebagai "risiko kerugian yang timbul daripada ketidakcukupan atau kegagalan proses, pekerja dan sistem dalaman serta peristiwa luaran, yang merangkumi risiko perundangan dan risiko pematuhan Syariah tetapi tidak termasuk risiko strategi dan reputasi".

**Pengurusan Risiko Operasi**

Bank Islam mengiktiraf kepentingan pengurusan risiko operasi ("ORM") dan menguruskan risiko ini melalui persekitaran yang berasaskan kawalan di mana proses tersebut didokumentasikan, pemberian kuasa adalah bebas, urus niaga diselaraskan dan dipantau serta aktiviti perniagaan dijalankan mengikut polisi, garis panduan, prosedur dan had OR yang ditetapkan.

Pendekatan tadbir urus keseluruhan Bank dalam menguruskan OR adalah berdasarkan pendekatan **Tiga Peringkat Pertahanan:**

a) **Peringkat Pertahanan Pertama** – pemilik risiko atau unit pengambilan risiko iaitu Unit Perniagaan atau Sokongan bertanggungjawab untuk meletakkan kawalan persekitaran yang mantap dalam unit masing-masing. Mereka bertanggungjawab ke atas pengurusan harian OR. Bagi mengukuhkan akauntabiliti serta pemilikan risiko dan kawalan, Penyelaras Risiko Operasi yang ditetapkan bagi setiap unit pengambilan risiko dilantik untuk membantu memacu program risiko dan kawalan bagi Bank.

# STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE
## PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

b) **2nd Line of Defence** – The Operational Risk Management Department ("ORMD") is responsible for establishing and maintaining the ORM framework, developing various ORM tools to facilitate the management of OR, monitoring the effectiveness of ORM, assessing OR issues from the risk owner and escalating OR issues to the relevant governance level with recommendations on the appropriate risk mitigation strategies. In creating a strong risk culture, ORMD is also responsible to promote risk awareness across the Bank.

The Bank's Compliance Department complements the role of ORM as the second line of defence by ensuring effective oversight on compliance-related risks such as regulatory compliance risk, compliance risk as well as money laundering and terrorism financing risks through proper classification of risks and developing, reviewing and enhancing compliance-related training programs as well as conducting training through ongoing awareness creation.

c) **3rd Line of Defence** – The Internal Audit Division ("IAD") provides independent assurance to the Board and senior management on the effectiveness of the ORM process.

**Operational Risk Management Framework**

The Bank's ORM is guided by the ORM framework designed to provide a sound and well-controlled operational environment within the Bank. The framework sets out the Bank's approach to identifying, assessing, monitoring and mitigating OR and it focuses on the four (4) causal factors of OR i.e. internal processes, people, systems and external events. While external events are not necessarily controllable, Bank Islam will at its best mitigate the impact from such events through various mitigation programs.

b) **Peringkat Pertahanan Kedua** – Jabatan Pengurusan Risiko Operasi ("ORMD") bertanggungjawab mewujudkan dan mengekalkan rangka kerja ORM, membangunkan pelbagai kaedah ORM bagi memudahkan pengurusan OR, memantau keberkesanan ORM, menilai isu OR daripada pemilik risiko dan isu OR yang semakin meningkat ke tahap tadbir urus yang berkaitan bersama cadangan strategi pengurangan risiko yang sesuai. Dalam mewujudkan budaya risiko yang kukuh, ORMD juga bertanggungjawab meningkatkan kesedaran risiko di seluruh Bank.

Jabatan Pematuhan Bank melengkapi peranan ORM sebagai peringkat kedua pertahanan dengan memastikan pemantauan yang berkesan terhadap risiko yang berkaitan pematuhan seperti risiko pematuhan kawal selia, risiko pematuhan serta risiko pengubahan wang haram dan risiko pembiayaan keganasan melalui klasifikasi risiko yang wajar serta membangunkan, mengkaji semula dan meningkatkan program latihan yang berkaitan dengan pematuhan serta menjalankan latihan melalui kewujudan kesedaran yang berterusan.

c) **Peringkat Pertahanan Ketiga** – Bahagian Audit Dalaman ("IAD") memberikan jaminan yang bebas kepada Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan kanan tentang keberkesanan proses ORM tersebut.

**Rangka Kerja Pengurusan Risiko Operasi**

ORM Bank dipandu oleh Rangka Kerja ORM yang direka untuk menyediakan persekitaran operasi yang kukuh dan terkawal di dalam Bank. Rangka kerja ini menetapkan pendekatan Bank dalam mengenal pasti, menilai, memantau dan mengurangkan OR. Ia memberikan tumpuan kepada empat (4) faktor penyebab OR iaitu proses, pekerja dan sistem dalaman serta peristiwa luaran. Walaupun peristiwa luaran tidak semestinya dapat dikawal, Bank Islam akan berusaha sedaya upaya untuk mengurangkan kesan daripada peristiwa tersebut melalui pelbagai program mitigasi.

**Operational Risk Management Tools & Mitigation Strategies**

In line with best practices in managing and mitigating OR, Bank Islam employs various proactive and reactive tools across the Bank, namely:

**Kaedah Pengurusan Risiko Operasi & Strategi Mitigasi**

Sejajar dengan amalan terbaik dalam menguruskan dan memitigasikan OR, Bank Islam menggunakan pelbagai kaedah yang proaktif dan reaktif di seluruh Bank, iaitu:

| PROACTIVE TOOLS<br>KAEDAH PROAKTIF | | | REACTIVE TOOLS/<br>KAEDAH REAKTIF |
|---|---|---|---|
| **Key Risk Indicator**<br>Penunjuk Risiko Utama | **Risk Control Self Assessment**<br>Penilaian Kendiri Kawalan Risiko | **Process Risk Mapping**<br>Pemetaan Proses Risiko | **Risk Loss Event Management & Reporting**<br>Pengurusan & Pelaporan Peristiwa Kerugian Risiko |
| • A forward looking tool to identify potential risks and to enable counter measures and risk mitigation actions before an incident occurs (early warning system).<br>• To assist the Management to focus on high-risk issues.<br>• Kaedah memandang ke hadapan untuk mengenal pasti potensi risiko dan untuk membolehkan langkah pencegahan dan tindakan memitigasikan risiko diambil sebelum sesuatu insiden berlaku (sistem amaran awal).<br>• Membantu pengurusan untuk memberikan tumpuan kepada isu yang berisiko tinggi. | • To identify and assess operational risks by risk owners.<br>• The tool creates ownership and increases operational risk awareness.<br>• Pemilik risiko mengenal pasti dan menilai risiko operasi.<br>• Kaedah ini mewujudkan pemilikan & meningkatkan kesedaran terhadap risiko operasi. | • End-to-end review of critical banking activities to identify potential risks and ensure appropriate controls are in place and are effective.<br>• Semakan yang lengkap dari hujung ke hujung bagi aktiviti perbankan penting untuk mengenal pasti potensi risiko dan memastikan kawalan yang sewajarnya telah diterapkan dan berkesan. | • Centralised bankwide loss database which provides line of business loss reporting overview, tracks frequency of events and facilitates detailed reviews of the incident and its impact.<br>• Pangkalan data berpusat yang menunjukkan maklumat tentang semua kerugian di bank memberi gambaran keseluruhan kerugian perniagaan, mengesan kekerapan peristiwa dan memudahkan semakan terperinci terhadap sesuatu insiden dan kesannya. |

# STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE
## PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

In addition, a comprehensive Business Continuity Management ("BCM") function has been established within Bank Islam to ensure that in the event of material disruptions from internal or external events, critical business functions can be maintained or restored in a timely manner. This ensures minimal adverse impact on customers, staff and products and services. BCM constitutes an essential component of the Bank's risk management process by providing a controlled response to potential events that could have a significant impact on the Bank's critical processes and revenue streams.

As part of the risk transfer strategy, the Bank obtains a 3rd party *takaful* to cover for the Bank's high impact loss events.

The Bank also ensures that the bankwide OR awareness program is conducted on an ongoing basis. This training program includes the emphasis on inculcating an OR culture among staff, effective implementation of ORM tools, Basel II, fraud awareness, BCM and other aspects of ORM.

**Capital Treatment for Operational Risk**

OR capital charge is calculated using the Basic Indicator Approach ("BIA") as per BNM CAFIB Guideline. The BIA for OR capital charge calculation applies an alpha (15%) to the average of positive gross income that was achieved over the previous three (3) years by the Bank Islam Group. The Risk Weighted Assets amount is computed by multiplying the minimum capital required with a multiplier of 12.5 (reciprocal of 8%).

### 4.6 Shariah Compliance Risk

Shariah compliance considerations are taken into account in all of the activities in Bank Islam. Shariah Compliance Risk ("SCR") refers to risks arising from the Bank's failure to comply with Shariah rules and principles determined by the Shariah regulatory councils.

In managing SCR, clear responsibilities are assigned to various functions. These functions are responsible for developing strategies to identify, assess, monitor and control/mitigate SCR, and designing and implementing the SCR Management ("SCRM"), its methodology and reporting system in the Bank. These include the Board of Directors (including BRC), MRCC, ORCC, Shariah Division ("SD"), Shariah audit function of IAD as well as line managers and all staff of the Bank. The above is guided by the Shariah Compliance Policy and the policy is supplemented by several Shariah related guidelines including SCRM Guidelines.

Selain itu, fungsi Pengurusan Kesinambungan Perniagaan ("BCM") yang komprehensif telah diwujudkan di Bank Islam bagi memastikan jika berlaku gangguan yang besar daripada peristiwa dalaman atau luaran, fungsi perniagaan yang kritikal dapat dikekalkan atau dipulihkan dengan segera. Hal ini dapat meminimumkan kesan buruk ke atas pelanggan, kakitangan serta produk dan perkhidmatan. BCM terdiri daripada komponen penting proses pengurusan risiko Bank dengan menyediakan maklum balas terkawal terhadap peristiwa yang mungkin berlaku yang mampu memberikan kesan yang besar terhadap proses kritikal dan aliran pendapatan Bank.

Sebagai sebahagian daripada strategi pemindahan risiko, Bank mendapat perlindungan takaful pihak ke-3 untuk melindungi Bank daripada kesan buruk akibat peristiwa kerugian.

Bank juga memastikan bahawa program kesedaran OR di seluruh Bank dijalankan secara berterusan. Program latihan ini termasuk penekanan terhadap penerapan budaya OR di kalangan kakitangan, pelaksanaan kaedah ORM, Basel II, kesedaran penipuan, BCM dan aspek ORM lain yang berkesan.

**Pengolahan Modal bagi Risiko Operasi**

Caj modal OR dikira menggunakan Pendekatan Penunjuk Asas ("BIA") seperti Garis Panduan CAFIB oleh BNM. BIA bagi pengiraan caj modal OR menggunakan alfa (15%) ke atas purata pendapatan kasar positif yang dicapai oleh Kumpulan Bank Islam sepanjang tiga (3) tahun sebelumnya. Amaun Aset Berwajaran Risiko dikira dengan mendarab modal minimum yang diperlukan dengan pengganda 12.5 (timbal balik sebanyak 8%).

### 4.6 Risiko Pematuhan Syariah

Pertimbangan terhadap pematuhan Syariah diambil kira dalam semua aktiviti Bank Islam. Risiko Pematuhan Syariah ("SCR") merujuk kepada risiko akibat kegagalan Bank Islam mematuhi peraturan dan prinsip Syariah yang ditetapkan oleh majlis pengawalseliaan Syariah.

Dalam pengurusan SCR, tanggungjawab yang jelas ditugaskan kepada pelbagai fungsi. Fungsi-fungsi ini bertanggungjawab membangunkan strategi bagi mengenal pasti, menilai, memantau dan mengawal/ memitigasikan SCR, serta membentuk dan melaksanakan Pengurusan SCR ("SCRM"), kaedah dan sistem pelaporannya dalam Bank. Fungsi ini meliputi Lembaga Pengarah (termasuk BRC), MRCC, ORCC, Jabatan Syariah ("SD"), fungsi audit Syariah Bahagian Audit Dalaman ("IAD") serta pengurus jabatan dan semua kakitangan Bank. Semua di atas adalah berpandukan Polisi Pematuhan Syariah dan disokong oleh beberapa garis panduan Syariah termasuk Garis Panduan SCRM.

As part of the Bank's efforts to improve the oversight on the SCRM at the Board level, the Bank has implemented "cross attendance" in the BRC and SSC meetings whereby two (2) of the SSC members attend the BRC meeting and vice versa. With the implementation of the IFSA 2013, the Chairman of the SSC also attends the Board meeting. At the management level, the Bank has established an internal Shariah non-compliance reporting framework whereby any Shariah non-compliance events are tracked and its rectification plans are deliberated at the MRCC. The MRCC recommends acceptable standards of internal control and appropriate mechanism(s) for the approval of the BRC and the SSC prior to submission of the rectification plans to BNM in complying with the BNM's requirements on Shariah non-compliance reporting.

Furthermore, SD supports the SSC in providing day-to-day Shariah advice to the business and support units based on the decisions of the Shariah regulatory councils, as well as to work independently from the business and support units in facilitating the process of identifying, measuring, controlling and monitoring SCRs inherent in the Bank's operations and activities. The SD also participates in conducting Shariah training, assessment, audit and other activities together with other relevant business and risk management units, financing committees and the IAD in order to ensure that the Bank's operations and activities comply with Shariah rules and principles.

### 4.7 Capital Management

The Bank's primary objective when managing capital is to maintain a strong capital position to support business growth and to maintain investor, depositor, customer and market confidence. In line with this, the Bank manages its capital actively and ensures that the capital adequacy ratios which take into account the risk profile are comfortably above the regulatory minimum requirement.

To ensure that the Bank has sufficient capital to support all its business and risk taking activities, the Bank has implemented sound capital management processes in its management systems and processes. A comprehensive capital management framework has been adopted as a key enabler for value creation which is important for the Bank's long term survival. These comprehensive capital management processes includes thorough risk assessment and risk management techniques that are embedded as part of the risk governance within the Bank.

Sebagai sebahagian daripada usaha Bank untuk meningkatkan pemantauan ke atas SCRM pada peringkat Lembaga Pengarah, Bank telah melaksanakan "kehadiran bersilang" dalam mesyuarat BRC dan SSC, iaitu dua (2) ahli SSC menghadiri mesyuarat BRC dan sebaliknya. Dengan pelaksanaan IFSA 2013, Pengerusi SSC turut menghadiri mesyuarat Lembaga Pengarah. Pada peringkat pengurusan, Bank mewujudkan rangka kerja pelaporan dalaman terhadap ketidakpatuhan Syariah dan dengannya apa-apa peristiwa ketidakpatuhan Syariah dikesan serta langkah pembetulannya dibincangkan oleh MRCC. MRCC mencadangkan standard kawalan dalaman yang boleh diterima dan mekanisme yang sesuai untuk diluluskan oleh BRC dan SSC sebelum langkah pembetulan dikemukakan kepada BNM dalam mematuhi keperluan pelaporan ketidakpatuhan Syariah BNM.

Tambahan lagi, SD membantu SSC dalam memberi khidmat nasihat harian kepada unit perniagaan dan unit sokongan berasaskan keputusan majlis pengawalseliaan Syariah, serta melakukannya secara sendiri dalam memudahkan proses mengenal pasti, menilai, mengawal dan memantau SCR dalam aktiviti dan operasi Bank. SD turut terlibat dalam menganjurkan latihan, penilaian, audit dan aktiviti lain berkaitan Syariah bersama dengan unit perniagaan lain dan unit pengurusan risiko, jawatankuasa pembiayaan dan IAD bagi memastikan aktiviti dan operasi Bank mematuhi peraturan dan prinsip Syariah.

### 4.7 Pengurusan Modal

Objektif utama Bank semasa menguruskan modal adalah untuk mengekalkan kedudukan modal yang kukuh untuk menyokong pertumbuhan perniagaan dan mengekalkan keyakinan pelabur, pendeposit, pelanggan dan pasaran. Sejajar dengan ini, Bank menguruskan modalnya secara aktif dan memastikan nisbah kecukupan modal yang mengambil kira risiko profil berada pada tahap yang selesa melebihi keperluan minimum kawal selia.

Bagi memastikan Bank mempunyai modal yang mencukupi bagi menyokong semua perniagaan dan aktiviti berisikonya, Bank telah melaksanakan proses pengurusan modal yang ketat dalam sistem dan proses pengurusannya. Rangka kerja pengurusan modal yang komprehensif telah diguna pakai sebagai pendorong utama pembentukan nilai yang penting bagi penakatan jangka panjang Bank. Proses pengurusan modal yang komprehensif ini termasuk teknik penilaian dan pengurusan risiko yang menyeluruh yang digabungkan sebagai sebahagian daripada tadbir urus risiko di Bank.

# STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE
## PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

The assessment is based on the approved business plan, its estimation of current risks inherent in the Bank and the impact of capital stress tests on the capital plan. The Bank aims to achieve the following capital management objectives:

- Ensure that it is adequately capitalised beyond the minimum regulatory capital requirements under Pillar 1 at all times;
- Maintain an optimal capital structure that takes into consideration both regulatory and shareholder's interests;
- Promote efficient use of capital, through the internal allocation methodology across the Bank; and
- Link and achieve alignment of the business strategy, risk appetite, risk, capital and return dimensions.

### 4.8 Internal Capital Adequacy Assessment Process

A comprehensive capital management, also known as ICAAP, has been adopted by the Bank as a key enabler for a value creation and the long term sustainability of the Bank. This comprehensive capital management process includes thorough risk assessment and risk management embedded within the risk governance structure of the Bank, beyond the requirements under BNM's Pillar 1.

The Bank's ICAAP helps to suggest the minimum internal capital requirement for its current and future business strategies and financial plans for the next five (5) years via a comprehensive risk assessment process on its portfolio risk exposures, its risk management practices towards its material risks and potential capital planning buffer required in the event of stress. The Bank's ICAAP is conducted on a consolidated basis covering all Bank Islam's legal entities as suggested by BNM Pillar 2 guideline.

Penilaian adalah berdasarkan pelan perniagaan yang diluluskan, anggaran risiko semasa yang terdapat di dalam Bank dan kesan ujian tekanan modal terhadap pelan modal. Bank berhasrat untuk mencapai objektif pengurusan modal yang berikut:

- Memastikan Bank mempunyai modal yang mencukupi yang melebihi keperluan modal kawal selia minimum di bawah Tunggak 1 pada setiap masa;
- Mengekalkan struktur modal optimum yang mengambil kira kepentingan kawal selia dan pemegang saham;
- Menggalakkan penggunaan modal yang efisien melalui kaedah peruntukan dalaman di seluruh Bank; dan
- Menghubungkan dan mencapai penjajaran strategi perniagaan, tanggungan risiko, dimensi risiko, modal dan pulangan.

### 4.8 Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalaman

Pengurusan modal yang komprehensif, juga dikenali sebagai ICAAP, telah diguna pakai oleh Bank sebagai pendorong utama pembentukan nilai dan kemampanan jangka panjang Bank. Proses pengurusan modal yang komprehensif ini termasuk penilaian dan pengurusan risiko yang menyeluruh yang digabungkan ke dalam struktur tadbir urus risiko di Bank, melebihi keperluan garis panduan Tunggak 1 BNM.

ICAAP Bank membantu mencadangkan keperluan modal dalaman minimum bagi strategi perniagaan dan pelan kewangan semasa dan masa depan Bank bagi tempoh lima (5) tahun yang akan datang melalui proses penilaian risiko yang menyeluruh terhadap pendedahan risiko portfolio, amalan pengurusan risiko terhadap risiko penting serta penampan perancangan modal yang mungkin diperlukan oleh Bank bagi senario tekanan. ICAAP Bank dijalankan berdasarkan gabungan semua entiti perundangan Bank Islam seperti yang dicadangkan oleh garis panduan Tunggak 2 BNM.

### 4.9 Stress Testing

The Risk Management Division undertakes periodical stress tests across its entire portfolio of credit, market, asset and liability and operational risks in order to ensure that the Bank remains viable, even under highly severe, i.e. unlikely but plausible stress conditions. At least once every quarter, BRC will deliberate on the potential economic and other stress events that could materialise over the next one (1) to three (3) years, such as a double-dip recession, a severe housing crash or a sudden inflation spike. The Risk Management Division will then assess the potential impact of such events at various levels of severity and discuss the outcome with senior management and BRC.

## 5.0 COMPLIANCE CULTURE

For Bank Islam, inculcating a compliance culture has always been a top priority. The level of awareness and necessity for a focus on risk and compliance is at the forefront. This is in line with one of the Bank's core values – to be an organisation that is trustworthy; constantly strives for the highest level of integrity, honesty and responsibility, which are the foundation of Islamic principles. This is applied in every facet of the Bank's business and operations.

The Bank's Board of Directors and the Senior Management has continuously demonstrate a clear and unequivocal commitment to foster a culture of ethical behavior, integrity and trust within the organisation, which helps to create an atmosphere that is conducive to compliance. The roles of the three (3) lines of defense according to International standards (Diagram 1) have long been adopted in Bank Islam. This ensures risk and compliance are built into the management process and day-to-day operations.

Compliance Division, which plays the role of the Second Line of Defense, is responsible in putting in place a Compliance Programme to validate controls and ensure regulatory requirements are internalised. It also provides assurance to the Board and Senior Management that ethics, integrity and trust are espoused and translated into actions, responsibility and expectations at every level. The Compliance Programme, thus, serves as a means to instill compliance culture across the Bank.

### 4.9 Ujian Tekanan

Bahagian Pengurusan Risiko menjalankan ujian tekanan secara berkala ke atas semua portfolio risiko kredit, pasaran, aset dan liabiliti serta operasi bagi memastikan Bank kekal berdaya maju, walaupun dalam keadaan tekanan yang tinggi, iaitu keadaan yang tidak mungkin berlaku tetapi munasabah. Sekurang-kurangnya sekali setiap suku tahun, BRC akan membincangkan senario ekonomi dan senario tekanan lain yang mungkin berlaku dalam jangka masa satu (1) hingga tiga (3) tahun akan datang, seperti kegawatan ekonomi berganda, kejatuhan pasaran hartanah yang teruk dan kenaikan inflasi yang mendadak. Jabatan Pengurusan Risiko kemudiannya akan menilai kesan yang mungkin berlaku akibat senario tersebut mengikut tahap keterukan kesannya dan membincangkan keputusan tersebut dengan pihak pengurusan kanan serta BRC.

## 5.0 BUDAYA PEMATUHAN

Bagi Bank Islam, menerapkan budaya pematuhan sentiasa menjadi keutamaannya. Tahap kesedaran dan keperluan untuk memberikan tumpuan kepada risiko dan pematuhan adalah sangat tinggi. Hal ini adalah sejajar dengan salah satu nilai teras Bank – untuk menjadi organisasi yang amanah; sentiasa berusaha mencapai tahap tertinggi dalam integriti, kejujuran dan tanggungjawab, yang merupakan perkara asas dalam prinsip Islam. Ini diamalkan dalam setiap aspek perniagaan dan operasi Bank.

Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan Bank memberikan komitmen penuh dan padu secara berterusan untuk memupuk budaya tingkah laku beretika, integriti dan kepercayaan dalam organisasi, yang membantu menghidupkan suasana kondusif untuk pematuhan. Peranan tiga (3) peringkat pertahanan mengikut standard antarabangsa (Rajah 1) telah lama diguna pakai di Bank Islam. Sistem ini memastikan risiko dan pematuhan diterapkan ke dalam proses pengurusan dan operasi harian.

Bahagian Pematuhan yang memainkan peranan pada peringkat kedua pertahanan, bertanggungjawab melaksanakan Program Pematuhan bagi mengesahkan kawalan dan memastikan keperluan kawal selia diterapkan. Bahagian ini juga memberikan jaminan kepada Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan bahawa etika, integriti dan kepercayaan diamalkan dan dizahirkan melalui tindakan, tanggungjawab dan jangkaan pada setiap peringkat. Oleh itu, Program Pematuhan berfungsi sebagai kaedah untuk menyemai budaya pematuhan di seluruh Bank.

# STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE
## PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

### COMPLIANCE'S 3 LINES OF DEFENCE RESPONSIBILITY
### TANGGUNGJAWAB TIGA (3) PERINGKAT PERTAHANAN BAGI PEMATUHAN

| 1st Line of Defence | 2nd Line of Defence | 3rd Line of Defence |
|---|---|---|
| **Business and Support Units - Daily Compliance Management** | **Compliance Division - Monitors and Validates. Clear line of sight.** | **Independent Assurance - Internal Auditors, External Auditors & Regulators** |
| Complies with all stipulated internal policies, procedures, laws and regulations. Internalise ethics, integrity, trust regulatory requirements into business objectives. | Review, monitor, validates and provide assurance on compliance related matters and activities undertaken by the Business and Support Unit. | To continuously assess the effectiveness of the Bank's compliance culture. |
| **Pertahanan Peringkat Pertama** | **Pertahanan Peringkat Kedua** | **Pertahanan Peringkat Ketiga** |
| **Unit Perniagaan dan Unit Sokongan - Pengurusan Pematuhan Harian** | **Bahagian Pematuhan - Memantau dan mengesahkan. Memberikan panduan yang jelas.** | **Jaminan Bebas - Juruaudit Dalaman, Juruaudit Luar dan Pengawal Selia** |
| Mematuhi semua polisi dan prosedur dalaman, undang-undang dan peraturan yang ditetapkan. Menerapkan etika, integriti, kepercayaan dan keperluan kawal selia dalam objektif perniagaan. | Menyemak, memantau, mengesahkan dan memberikan jaminan bagi perkara yang berkaitan pematuhan dalam aktiviti yang dijalankan oleh Unit Perniagaan dan Sokongan. | Menilai keberkesanan budaya pematuhan Bank secara berterusan. |
| **Business/Support Unit - 1st Line of Defence** | **Compliance - 2nd Line of Defence** | **Internal Audit - 3rd Line of Defence** |
| Owns the risk in pursuit of business objectives. | Ensures that mission and business objectives are met within the standards set. | Ring fencing - Provide assurance to board and regulators that the first 2 lines are effective. |
| **Unit Perniagaan/Sokongan - Pertahanan Peringkat Pertama** | **Pematuhan - Pertahanan Peringkat Kedua** | **Audit Dalaman - Pertahanan Peringkat Ketiga** |
| Bertanggungjawab ke atas risiko yang diambil dalam mencapai objektif perniagaan. | Memastikan misi dan objektif perniagaan dicapai mengikut standard yang ditetapkan. | Hadangan - Memberikan jaminan kepada Lembaga Pengarah dan pengawal selia tentang keberkesanan pertahanan dua (2) peringkat yang terdahulu. |

Part of the Bank's practice of good governance is to allow issues pertaining to risk and compliance to be freely discussed and debated in all management committee meetings (Diagram 2). The escalation of issues up to the Board helps to prevent information silo and silo mentality that may otherwise cause a blindsided view. In addition, the Head of Compliance is given access to all committee meetings, including the Board, should an issue require immediate attention.

Bank membenarkan isu berkaitan risiko dan pematuhan dibincangkan dan diperdebatkan secara bebas di semua mesyuarat jawatankuasa pengurusan (Rajah 2) sebagai sebahagian daripada amalan tadbir urus Bank yang baik. Isu yang diketengahkan kepada Lembaga Pengarah mengelakkan pengasingan maklumat dan pemikiran sempit yang boleh menyebabkan sesuatu perkara tidak dinilai secara menyeluruh. Selain itu, Ketua Bahagian Pematuhan dibenarkan menghadiri semua mesyuarat jawatankuasa, termasuk mesyuarat Lembaga Pengarah jika terdapat isu yang memerlukan tindakan segera.




| Abbreviation<br>Ringkasan | Description<br>Keterangan |
|---|---|
| BRC | Board Risk Committee<br>Jawatankuasa Lembaga Pengarah Risiko |
| AEC | Audit & Examination Committee<br>Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan |
| MANCO | Management Committee<br>Jawatankuasa Pengurusan |
| MRCC | Management Risk Control Committee<br>Jawatankuasa Kawalan Risiko Pengurusan |
| ORCC | Operational Risk Control Committee<br>Jawatankuasa Kawalan Risiko Operasi |

Diagram 2
Rajah 2

# STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE
# PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Creating a successful compliance culture requires an alignment of expectations between the Bank and its employees. For Bank Islam, this is achieved via the KPI. Each employee is assigned with a standard quantum on Risk Management and Compliance which ultimately is tied to the remuneration system. Having the process in place motivates employees to make the right choices and to do the right thing every time in carrying out their tasks and meeting their targets. Subsequently, the Bank is able to optimise its opportunities by spending a larger amount of time and resources on other critical functions where returns can be maximised while lowering the cost of remediation.

For Bank Islam, maintaining a strong compliance culture will remain a top priority in 2014 and beyond in line with the objective - "Optimising Opportunities". This year the Bank plans to continue advocating the compliance culture and behaviour by setting a higher quantum in the KPI for Risk Management and Compliance. This serves as proof that the Bank consistently and continuously promotes the compliance culture that values ethics, integrity and trust in order to achieve its business objectives.

## 6.0 INTERNAL AUDIT FUNCTION

Bank Islam's IAD undertakes the audit of entities within Bank Islam and subsidiaries of the Bank based on an annual Audit Plan approved by the AEC. The Audit Plan which adopts a risk-based audit methodology covers the review of adequacy of risk management systems and operational controls, governance, compliance with laws and regulations, quality of assets and management effectiveness. The internal audits assess the effectiveness of the risk management systems, highlight control and process weaknesses and makes appropriate recommendations for improvement to the Management.

Its authority is provided in the Audit Charter, which formally documents the roles, authority, duties and responsibilities of the IAD and its relationship with the Board, AEC, Management, external auditor and regulators.

The IAD is committed to enhancing the audit processes through providing advisory services, upgrading staff competencies and conducting audits in accordance with best practices. Overall, the IAD is instrumental in facilitating a sound internal control environment and promoting a compliant culture within the Bank and its subsidiaries.

Budaya pematuhan akan berjaya diwujudkan sekiranya terdapat keselarasan dalam matlamat di antara Bank dengan kakitangannya. Bagi Bank Islam, perkara ini dicapai melalui KPI. Setiap kakitangan diberi aras piawai dalam Pengurusan Risiko dan Pematuhan yang terikat kepada sistem imbuhan. Dengan proses yang ada mendorong kakitangan untuk membuat pilihan yang tepat dan bertindak dengan betul pada setiap masa semasa menjalankan tugas mereka dan mencapai sasaran. Berikutan itu, Bank dapat mengoptimumkan peluang dengan menumpukan lebih banyak masa dan sumber untuk fungsi kritikal lain dan memaksimumkan pulangan di samping mengurangkan kos pemulihan.

Bagi Bank Islam, mengekalkan budaya pematuhan yang utuh terus menjadi keutamaan pada 2014 dan tahun-tahun berikutnya sejajar dengan objektif – "Mengoptimumkan Peluang". Pada tahun ini, Bank merancang untuk terus menyokong budaya dan tingkah laku pematuhan dengan menetapkan matlamat yang lebih tinggi bagi KPI berkaitan Pengurusan Risiko dan Pematuhan. Perkara ini membuktikan bahawa Bank menggalakkan budaya pematuhan yang menitikberatkan etika, integriti dan kepercayaan secara konsisten dan berterusan dalam mencapai objektif perniagaannya.

## 6.0 FUNGSI AUDIT DALAMAN

IAD Bank Islam melaksanakan pengauditan ke atas entiti dalam Bank Islam dan subsidiarinya berdasarkan Pelan Audit tahunan yang diluluskan oleh AEC. Pelan Audit tersebut yang mengguna pakai pendekatan audit berasaskan risiko, meliputi semakan ke atas kecukupan sistem pengurusan risiko dan kawalan operasi, tadbir urus, pematuhan kepada undang-undang dan peraturan, kualiti aset dan keberkesanan pengurusan. Audit dalaman menilai keberkesanan sistem pengurusan risiko, menekankan kelemahan kawalan dan proses serta membuat cadangan penambahbaikan yang sewajarnya kepada pihak Pengurusan.

Autoritinya dinyatakan dalam Piagam Audit, yang mendokumentasikan peranan, autoriti, tugas dan tanggungjawab IAD serta hubungannya dengan Lembaga Pengarah, AEC, pihak Pengurusan, juruaudit luar dan pengawal selia.

IAD komited untuk mempertingkatkan proses audit dengan memberikan khidmat nasihat, menaik taraf kecekapan kakitangan dan melaksanakan proses audit sejajar dengan amalan terbaik profesional. Secara keseluruhan, IAD memainkan peranan penting dalam mewujudkan persekitaran kawalan dalaman yang mantap serta menggalakkan budaya pematuhan dalam Bank dan subsidiarinya.

## 7.0 ACCOUNTABILITY AND AUDIT

### 7.1 Financial Reporting

The Board takes responsibility for presenting a balanced and comprehensive assessment of Bank Islam's operations and prospects each time it releases its quarterly and annual financial statements to its shareholder. The Board ensures financial statements are properly drawn up in accordance with the provision of the Companies Act 1965, approved accounting standards in Malaysia, BNM Guidelines and Shariah requirements. The Board is assisted by the AEC in scrutinising information to be disclosed to ensure accuracy, adequacy, completeness and transparency.

### 7.2 Statement of Internal Control

The Board recognises the importance of maintaining a sound system of internal controls and risk management practices as well as good corporate governance. The Board exercises overall responsibility in identifying, evaluating and reviewing the adequacy and integrity of Bank Islam's internal controls and its effectiveness. The Board recognises that risks cannot be eliminated completely. As such, systems and processes have been put in place to provide reasonable and not absolute assurance of effectiveness against material misstatement of financial information or against any losses and fraud.

The Board is of the view that the internal control framework that has been instituted throughout Bank Islam is sufficient to safeguard the shareholder's investment, customers' interest and Bank Islam's assets. Nevertheless, reviews are continuously carried out to ensure effectiveness of the system.

The function of the BRC further strengthens Bank Islam's risk management process, where it meets regularly with the objective of assisting the Board in managing Bank Islam's range of inter-related risks in an integrated manner.

## 7.0 AKAUNTABILITI DAN AUDIT

### 7.1 Laporan Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab membentangkan penilaian yang seimbang dan menyeluruh tentang operasi dan prospek Bank Islam kepada pemegang sahamnya setiap kali penyata kewangan suku tahunan dan tahunan diterbitkan. Lembaga Pengarah memastikan penyata kewangan disediakan dengan betul mengikut peruntukan Akta Syarikat 1965, standard perakaunan yang diluluskan di Malaysia, Garis Panduan BNM dan keperluan Syariah. Lembaga Pengarah dibantu oleh AEC untuk meneliti maklumat yang akan didedahkan bagi memastikan maklumat berkenaan tepat, cukup, lengkap dan telus.

### 7.2 Penyata Kawalan Dalaman

Lembaga Pengarah mengiktiraf kepentingan mengekalkan sistem kawalan dalaman dan amalan pengurusan risiko yang mantap serta tadbir urus korporat yang baik. Lembaga Pengarah bertanggungjawab sepenuhnya untuk mengenal pasti, menilai dan menyemak kecukupan dan integriti kawalan dalaman Bank Islam serta keberkesanannya. Lembaga Pengarah sedia maklum bahawa risiko tidak boleh dihapuskan sepenuhnya. Justeru itu, beberapa sistem dan proses telah disediakan bagi memberikan jaminan munasabah dan bukan jaminan mutlak ke atas keberkesanannya menghindari berlakunya kesilapan penting tentang maklumat kewangan atau apa-apa kerugian dan penipuan.

Lembaga Pengarah berpendapat bahawa rangka kerja kawalan dalaman yang digunakan di seluruh Bank Islam adalah mencukupi untuk melindungi pelaburan pemegang saham, kepentingan pelanggan dan aset Bank Islam. Walaubagaimanapun, semakan dijalankan secara berterusan bagi memastikan keberkesanan sistem tersebut.

Fungsi BRC memperkukuhkan lagi proses pengurusan risiko Bank Islam, dan mesyuaratnya diadakan dari semasa ke semasa bagi membantu Lembaga Pengarah menguruskan pelbagai risiko Bank Islam yang saling berkait secara bersepadu.

# STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE
## PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

The key processes that the Board has established in reviewing the integrity of the system of internal controls are as follows:-

(a) The Management of Bank Islam is delegated to the Managing Director, whose role and responsibilities, and authority limits are set by the Board. The appointment of the Managing Director requires the approval of the Board;

(b) Specific responsibilities have been delegated to the relevant Board Committees, based on their respective terms of reference. These Committees have the authority to examine all matters within their scope of responsibility and submit their recommendations to the Board. The ultimate responsibility for the final decision on all matters, however, lies with the entire Board;

(c) Delegation of authority, including limits at various levels of management and those requiring the Board's approval, are documented and designed to ensure proper accountability and responsibility;

(d) Policies and procedure manuals for key processes are documented and regularly reviewed and updated for application across Bank Islam;

(e) The AEC regularly reviews reports on the adequacy and integrity of Bank Islam's internal control systems and management information system including systems for compliance with applicable laws, regulations, rules, directives and guidelines as identified by the internal auditors, the external auditor and regulatory authorities. It also reviews the adequacy and comprehensiveness of the internal audit process, scope of audits, competency of the auditors and independence of the Internal Audit function;

(f) Bank Islam's annual business plan and budget are submitted to the Board for approval. In addition, variances between actual and targeted results are also presented on a monthly basis. This allow for timely responses and corrective actions to be taken to mitigate risks;

Proses utama yang telah disediakan oleh Lembaga Pengarah bagi menyemak integriti sistem kawalan dalaman adalah seperti yang berikut:-

(a) Pengurusan Bank Islam diserahkan kepada Pengarah Urusan, dan peranan, tanggungjawab serta had kuasanya ditetapkan oleh Lembaga Pengarah. Pelantikan Pengarah Urusan memerlukan kelulusan Lembaga Pengarah;

(b) Tanggungjawab khusus telah diagihkan kepada Jawatankuasa Lembaga Pengarah yang berkaitan, berdasarkan terma rujukan masing-masing. Semua Jawatankuasa ini mempunyai kuasa untuk memeriksa semua perkara dalam skop tanggungjawab mereka dan mengemukakan saranan mereka kepada Lembaga Pengarah. Bagaimanapun, tanggungjawab mutlak untuk membuat keputusan akhir terletak pada Lembaga Pengarah;

(c) Pengagihan kuasa, termasuk had pada pelbagai peringkat pengurusan serta yang memerlukan kelulusan Lembaga Pengarah, didokumentasikan dan dibentuk bagi memastikan akauntabiliti dan tanggungjawab yang sewajarnya;

(d) Manual polisi dan prosedur untuk proses utama didokumentasikan dan disemak serta dikemas kini secara berkala untuk diaplikasikan di seluruh Bank Islam;

(e) AEC menyemak secara berkala laporan tentang kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman dan sistem maklumat pengurusan Bank Islam, termasuk sistem pematuhan terhadap undang-undang, peraturan, arahan, perintah dan garis panduan terpakai seperti yang dikenal pasti oleh juruaudit dalaman, juruaudit luar dan pihak berkuasa kawal selia. AEC juga menjalankan semakan ke atas kecukupan dan keberkesanan proses audit dalaman, skop audit, kecekapan juruaudit dan kebebasan fungsi Audit Dalaman;

(f) Pelan perniagaan dan belanjawan tahunan Bank Islam diserahkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan. Selain itu, perbezaan di antara keputusan sebenar dan sasaran juga dibentangkan setiap bulan. Hal ini membolehkan maklum balas segera dan tindakan pembetulan diambil bagi mengurangkan risiko;





(g) The Internal Audit function reports to the AEC, performs regular reviews of the processes to assess their effectiveness and highlights any significant risks affecting Bank Islam. The AEC reviews the internal auditors scope of work and resources annually, via the Audit Plan and budget submitted;

(h) The AEC regularly reviews and holds discussions with the Management on actions taken to address lapses in internal controls and issues identified in reports prepared by the internal auditors, external auditor and regulatory authorities; and

(i) The BRC regularly reviews risk profiles based on a range of key risk indicators, as well as other risk assessment tools.

**7.3 Relationship with External Auditor**

Bank Islam, through the AEC, has established an appropriate and transparent relationship with the external auditor, where they meet at least once a year without the presence of the Management.

(g) Audit Dalaman melaporkan kepada AEC, menjalankan semakan berkala ke atas proses-proses bagi menilai keberkesanannya serta melaporkan apa-apa risiko penting yang memberi kesan kepada Bank Islam. AEC menyemak skop kerja dan sumber juruaudit dalaman setiap tahun menerusi Pelan Audit dan belanjawan yang dibentangkan;

(h) AEC menyemak dan mengadakan perbincangan dengan pihak Pengurusan secara berkala tentang tindakan yang diambil bagi menangani kelemahan kawalan dalaman dan isu yang dikenal pasti dalam laporan yang disediakan oleh juruaudit dalaman, juruaudit luar dan pihak berkuasa kawal selia; dan

(i) BRC menyemak profil risiko secara berkala menggunakan beberapa penunjuk risiko utama serta kaedah penilaian risiko yang lain.

**7.3 Hubungan dengan Juruaudit Luar**

Bank Islam, melalui AEC, telah mewujudkan hubungan yang wajar dan telus dengan juruaudit luar. Mesyuarat diadakan dengan juruaudit luar sekurang-kurangnya sekali setahun tanpa kehadiran pihak Pengurusan.






# ETHICS, INTEGRITY & TRUST
# ETIKA, INTEGRITI & AMANAH

**BANK ISLAM CONTINUES ITS EFFORTS TO MAINTAIN ITS GOOD STANDING AS AN ISLAMIC BANK THAT INTERLACES ETHICS, INTEGRITY AND TRUST IN EVERY FACET OF ITS BUSINESSES AND OPERATIONS. MAINTAINING PUBLIC'S CONFIDENCE AND TRUST TO SUSTAIN CREDIBILITY AND MINIMISE RISK OF UNETHICAL OR DISINGENUOUS CONDUCT BY THE BANK'S EMPLOYEES AND CUSTOMERS REMAINS AS ONE OF THE THE BANK'S PARAMOUNT FOCUS.**

In advancing through the challenging and competitive business environment, the Bank leverages on the foundation of the greatness of Islamic conduct that values principles of integrity, honesty and responsibility. We meet customers' needs and realised their expectations through these principles which created trust and confidence.

The codes and policies which are issued to all employees represent the essential assurance in building a culture of trust and integrity. Amongst such codes are the Whistle-Blowing Procedure and the Anti-Money Laundering Policy.

**BANK ISLAM TERUS BERUSAHA MENGEKALKAN KEDUDUKANNYA YANG BAIK SEBAGAI SEBUAH BANK ISLAM YANG MENGGABUNGKAN ETIKA, INTEGRITI DAN AMANAH DALAM SETIAP ASPEK PERNIAGAAN DAN OPERASINYA. MEMELIHARA KEYAKINAN DAN KEPERCAYAAN ORANG RAMAI DEMI MENGEKALKAN KREDIBILITI DAN MEMINIMUMKAN RISIKO KELAKUAN YANG TIDAK BERETIKA ATAU KURANG JUJUR OLEH KAKITANGAN DAN PELANGGAN BANK TERUS MENJADI SALAH SATU FOKUS UTAMA BANK.**

Dalam menghadapi persekitaran perniagaan yang mencabar dan penuh persaingan, Bank memanfaatkan asas keunggulan perlakuan Islam yang menghargai prinsip integriti, kejujuran dan tanggungjawab. Kami memenuhi keperluan pelanggan dan merealisasikan harapan mereka melalui prinsip ini yang mewujudkan kepercayaan dan keyakinan.

Kod dan dasar yang dikeluarkan kepada semua kakitangan merupakan jaminan penting dalam membina budaya beramanah dan berintegriti. Antara kod dan dasar tersebut ialah Prosedur Pemberian Maklumat dan Dasar Pencegahan Pengubahan Wang Haram.



### Whistle-Blowing Procedure

The Whistle-Blowing Procedure is established to provide an avenue for immediate reporting and/or disclosing any wrong doings, malpractices or irregularities, committed by employees and/or external parties against the Bank's interest, which includes the following:

- Breach of policies and procedures;
- Fraud, embezzlement, corruption or dishonesty;
- Actions which could cause physical danger to another person or give rise to a risk of damage to properties/assets;
- Forgery or alteration of any documents belonging to the Bank, customers, another financial institution, or agents of the Bank;
- Profiteering as a result of insider knowledge;
- Misuse of position;
- Breach of Bank Negara Malaysia Guideline BNM/GP7;
- Any other similar or related irregularities; and
- Any other wrongdoings as may be determined by Board Risk Committee to be included in the scope of this procedure, from time to time

### Anti-Money Laundering Policy

Bank Islam will conduct its business in conformity with high ethical standards and will adhere to all Shariah laws and regulations pertaining to financial institutions. While it is accepted that the Bank may not always be able to determine whether a transaction originates from, or is part of, any unlawful activities, the Bank will conduct its business in compliance with the following general principles:

- Comply with applicable anti-money laundering and terrorist financing laws and regulations as established by Bank Negara Malaysia;
- Maintain a system of internal control and establish procedure to ensure ongoing Anti Money Laundering/Counter Financing of Terrorism (AML/CFT) compliance and prompt actions;

### Prosedur Pemberian Maklumat

Prosedur Pemberian Maklumat diwujudkan untuk menyediakan saluran bagi melaporkan dan/atau mendedahkan dengan segera apa-apa perbuatan salah laku, penyelewengan atau pelanggaran undang-undang yang dilakukan oleh kakitangan dan/atau pihak luar terhadap kepentingan Bank, termasuk yang berikut:

- Pelanggaran dasar dan prosedur;
- Penipuan, penggelapan wang, rasuah atau ketidakjujuran;
- Tindakan yang boleh menyebabkan bahaya fizikal kepada orang lain atau menimbulkan risiko kerosakan pada harta benda/aset;
- Pemalsuan atau pemindaan apa-apa dokumen milik Bank, pelanggan, institusi kewangan lain atau ejen Bank;
- Pengautan keuntungan hasil daripada maklumat orang dalam;
- Penyalahgunaan kedudukan;
- Pelanggaran Garis Panduan Bank Negara Malaysia BNM/GP7;
- Apa-apa tindakan luar aturan lain yang serupa atau yang berkaitan; dan
- Apa-apa perbuatan salah laku lain sebagaimana yang ditentukan oleh Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah untuk dimasukkan dalam prosedur ini dari semasa ke semasa.

### Dasar Pencegahan Pengubahan Wang Haram

Bank Islam akan menjalankan perniagaannya selaras dengan standard etika yang tinggi dan mematuhi semua undang-undang dan peraturan Syariah yang berkaitan dengan institusi kewangan. Walaupun telah sedia maklum bahawa Bank mungkin tidak sentiasa dapat menentukan sama ada sesuatu urus niaga berasal daripada, atau merupakan sebahagian daripada aktiviti yang menyalahi undang-undang, Bank akan mengendalikan perniagaannya berlandaskan prinsip am yang berikut:

- Mematuhi undang-undang dan peraturan berkaitan pencegahan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan seperti yang telah ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia;
- Mengekalkan sistem kawalan dalaman dan mewujudkan prosedur bagi memastikan pematuhan berterusan dan pengambilan tindakan segera berkaitan Pencegahan Pengubahan Wang Haram/Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AML/CFT) ;

# ETHICS, INTEGRITY & TRUST
## ETIKA, INTEGRITI & AMANAH

- Appoint Designated Compliance Officers (DCOs) who are responsible to implement AML/CFT procedures and measures;
- Develop compliance programme to ensure awareness on AML/CFT procedures and requirements and monitoring of AML/CFT measures;
- Establish customer due diligence for all customers including implementation of KYC Policy and enhanced due diligence for customers and transactions presenting higher risk;
- Establish and maintain appropriate procedures to monitor customer accounts and activities for evidence of suspicious transactions that may be indicative of money laundering activities;
- Retain identification and transactional documentation as defined in the legislation;
- Report to relevant authority in a timely and comprehensive manner on all identified suspicious activities where there are reasonable grounds to suspect that a money laundering offence has been or is being committed; and
- Cooperate fully with law enforcement and regulatory authorities on AML/CFT issues.

**Corporate Integrity Pledge**

Bank Islam took the lead as the first Islamic bank to sign the Corporate Integrity Pledge on 20 March 2012. With the signing, the Bank is making a unilateral declaration that it will not commit corrupt acts, will work toward creating a business environment that is free from corruption and will uphold the Anti-Corruption Principles for Corporations in Malaysia in the conduct of its business and in its interactions with its business partners and the Government.

The pledge signifies the Bank's commitment to promote integrity, transparency and good governance in all aspects of its operations. A toll-free Integrity Hotline (1800-22-0091) has been created where external and internal parties can report any corruption cases at Bank Islam.

- Melantik Pegawai Pematuhan Khususan (DCO) yang bertanggungjawab melaksanakan prosedur dan langkah-langkah AML/CFT;
- Mewujudkan program pematuhan bagi memastikan kesedaran tentang prosedur dan keperluan AML/CFT serta bagi memantau langkah-langkah AML/CFT;
- Mewujudkan usaha wajar untuk semua pelanggan termasuk pelaksanaan Dasar KYC serta usaha wajar yang dipertingkat untuk para pelanggan dan urus niaga yang mempunyai risiko lebih tinggi;
- Mewujud dan mengekalkan prosedur yang bersesuaian bagi memantau akaun dan aktiviti pelanggan untuk mendapatkan bukti urus niaga meragukan yang mungkin menunjukkan aktiviti pengubahan wang haram;
- Menyimpan dokumentasi pengenalan dan urus niaga seperti yang ditetapkan dalam perundangan;
